

Siri Kuliah Rasail An-Nur

CAHAYA HAKIKAT

Perbahasan mengenai Tarikat, Tasawuf dan Kewalian

Oleh

Al-Imam Bediuzzaman Sa'id An-Nursi

Terjemahan

Ibnor Azli Ibrahim

Sekalung Kasih Untuk ...

Ayahanda Hj.Ibrahim Mudek
Dan
Bonda Hajjah Rafeah Syafie

Semoga Mereka Memperoleh Pahala Dari Terjemahan
Ini Kerana Usaha Ini Bermula Dari Mereka....

KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah s.w.t yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, seluruh keluarga dan sahabat baginda.

Al-Imam Badiuzzaman Sa'id An-Nursi (1873-1960) mungkin satu nama yang asing bagi kebanyakan umat Islam di Malaysia ini, namun bagi yang pernah membaca karya dan sirah perjuangannya pasti dapat merasakan bahawa beliau adalah sebutir permata yang amat berharga buat umat ini. Semenjak beliau diperkenalkan melalui beberapa siri simposium dan seminar di UKM, karya beliau telah mula dikaji oleh para sarjana dan mahasiswa di Fakulti Pengajian Islam. Meneliti karya agungnya "Rasael An-Nur" kita pasti akan teruja untuk mengetahui catatan ilmu yang cuba disampaikan dan perjuangan beliau secara lebih dekat lagi.

"CAHAYA HAKIKAT: Perbahasan mengenai Tarikat, Tasawuf dan Kewalian" adalah salah satu risalah tasawufnya yang amat penting. Ia mengemukakan penjelasan dan jawapan terhadap permasalahan yang berlegar dalam isu tarikat, tasawuf dan kewalian yang menjadi perselisihan umat di waktu ini. Penjelasan yang diberikan oleh beliau melalui risalah ini wajar diberikan perhatian dan pemahaman yang sempurna sebagai pedoman dalam mendepani kecelaruan akhir zaman ini.

Pada hemat saya, usaha penterjemahan risalah ini adalah tepat pada masanya. Saya yakin, penglibatan penterjemah secara langsung dalam penyampaian kuliah dari Risalah ini telah menghasilkan terjemahan yang bermutu dan menepati kehendak penulisnya.

Saya bagi pihak Fakulti Pengajian Islam dan Jabatan Syariah khususnya merakamkan setinggi tahniah atas penerbitan buku terjemahan ini. Semoga usaha penterjemahan karya tokoh ini akan diteruskan demi kepentingan masyarakat Islam di negara Malaysia yang tercinta.

PROF. DR. MOHD NASRAN MOHAMAD
Dekan Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

SEPATAH KATA

بسم الله الرحمن الرحيم

Segala puji bagi Allah s.w.t yang telah menganugerahkan *ikramnya* kepada kita semua. Salawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah S.AW, seluruh keluarga dan para sahabat Baginda dan mereka yang mengikutinya sehingga ke hari kiamat.

"CAHAYA HAKIKAT: Perbahasan mengenai Tarikat, Tasawuf dan Kewalian", inilah terjemahan langsung kepada tajuk risalah ini. Bolehlah dikatakan bahawa penjelasan an-Nursi terhadap isu di atas adalah himpunan hasil pengalaman rohani yang beliau lalui sendiri dan bukannya hujah yang dinukilkan dari kitab-kitab para ulama lain. Saya mengambil masa yang agak lama untuk membuat keputusan sama ada ingin meneruskan penterjemahannya atau cukup sekadar menyampaikan kuliah menggunakan buku ini di rumah saya. Namun, setelah persoalan yang sama diajukan juga oleh rakan-rakan sekuliah di rumah saya secara berulang kali, maka saya merasakan ia adalah jawapan yang perlu diulang-ulang untuk memantapkan ketauhidan kepada Allah s.w.t. Dengan itu amat wajar risalah ini diterjemahkan demi memudahkan rakan-rakan sekuliah merujuknya di waktu lapang tanpa lagi bertanya kepada saya.

Penjelasan dan perkongsian pengalaman yang dicatatkan oleh an-Nursi dalam risalah ini adalah bersesuaian dalam suasana umat Islam kini yang penuh cabaran dan kekeliruan. Atas dasar itu saya memilih untuk menterjemahkan buku ini sebagai satu sumbangan kepada khazanah ilmu Islam di Malaysia sekaligus memberikan laluan kepada para pencinta ilmu untuk membaca karya-karya An-Nursi yang lain.

Saya telah berusaha untuk menterjemahkan buku ini dengan gaya bahasa yang mudah dan mengelakkan dari menggunakan sebarang perkataan Inggeris yang dimelayukan kecuali yang telah biasa digunakan dan dianggap sebagai Bahasa Melayu. Saya senaraikan juga istilah-istilah penting yang berkaitan di bahagian akhir terjemahan ini. Ia sewajarnya diserasikan dengan masyarakat Islam di negara kita.

Seterusnya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Dr. Rahmah Hashim sebagai penyemak utama terjemahan ini dan kepada Sdr. Bahadir yang telah bekerja keras untuk memastikan terjemahan ini dapat diterbitkan. Akhir sekali, ucapan penghargaan kepada seluruh ahli Kelab Al-Quran Al-Karim yang setia mengikuti siri Kuliah Rasael An-Nur setiap minggu.

Allah memberikan kerahmatan untuk kalian semua.

الباقي هو الباقي

HJ. IBNOR AZLI IBRAHIM

Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

KANDUNGAN

Halaman

Penghargaan	
Kata Pengantar	
Sepatah Kata	
KANDUNGAN	
Keagungan Al-Quran	
Ya Baqi anta al-Baqi (يا باقي انت الباقي)	
Kasih Baginda Kepada Kaum Mukminin	
Al-Syafaqah Lebih Tinggi Dari Al-Mahabbah	
Khabar Gembira Tentang Tauhid	
Hakikat Keimanan Adalah Suatu Keutamaan	
Jalan Pintas yang Selamat!	
Sembilan Keterangan	
Keterangan Pertama: Apa itu Tarikat dan Tasawuf	
Keterangan Kedua: Kunci Sair dan Suluk	
Keterangan Ketiga: Kewalian adalah Hujah Syariah	
Keterangan Keempat: Liku-liku Dalam Perjalanan Rohani	
Keterangan Kelima: Fahaman Wahdatul Wujud	
Keterangan Keenam: Jalan Kewalian	
Keterangan Ketujuh: Syariat dan Tarikat	
Perkara Kelapan: Lapan Cabaran Ahli Tarikat	
Perkara kesembilan: Sembilan Jasa dan Kebaikan Tarikat	
Jalan Pintas Menuju Allah s.w.t.	
Para Sahabat Rasulullah s.a.w. Berada di Kemuncak Keimanan	
Kewalian Para Sahabat Rasulullah s.a.w.	
Gabungan Akal dan Hati dalam Rasael An Nur	
Kedudukan Karamah dalam Rasael An Nur	
Antara Karamah dan Ikram Ilahi	
Antara Karamah dan Istidraj	
Betulkan Arah Nalurimu	
Jalan Para Sahabat r.a.	
Kuasa Doa	
Jalan Mengenal Allah s.w.t.	
Sejuta Dalil dan Bukti tentang Keimanan: Mengapa ia Perlu?	
Neraca yang Adil terhadap satu Perbahasan	
Hidup Berasaskan "Jimat" dan "Berkat"	
Keperibadian yang Unggul	
Panduan Untuk Penziarah Kita	
Mursyid Sebenar!	
Kunci Rahsia	
Mencari Jalan Tengah Dalam Perkara Khilaf	
Realiti dan Khayalan	
Masalah Kedua yang Amat Penting: Hakikat Wahdatul Wujud	
Masalah Ketiga: Hikmah Tindakan Ketuhanan Yang Mengelirukan	
Bahaya Wahdatul Wujud	
Bukti Yang Meyakinkan (<i>al-Burhan al-Yaqini</i>).	
Jawapan Kepada Satu Persoalan	
Kecacatan Wahdatul Wujud Yang Begitu Tersembunyi (<i>khafiy</i>)	
Tingkatan Tauhid Tertinggi	
Glosari	

Keagungan Al-Quran

(Asas Keempat Daripada Kalimah Kedua Belas)

Jika saudara ingin memahami bagaimana Al-Quran itu mendahului dan mengatasi sekalian kalimat ketuhanan dan yang bukan bersifat ketuhanan, saudara amatilah dua perumpamaan ini:

Perumpamaan pertama:

Seorang raja atau sultan semestinya mempunyai dua bentuk perbualan atau dua jenis pertitahan:

Pertama: Perbualan baginda dengan salah orang rakyat biasa secara peribadi. Ia berlaku terhadap perkara peribadi yang memberi kepentingan kepada baginda.

Kedua: Percakapan baginda atas nama kerajaannya menggunakan titah kerajaannya dan dengan ketinggian kuasanya yang umum dan menyeluruh. Tujuannya ialah untuk memberitahu seluruh pelusuk negara tentang titah sultan. Ia berupa perkataan yang berlangsung melalui seorang utusannya atau seorang pegawai tinggi kerajaan. Itulah titah yang mengandungi satu perintah besar dan penting untuk semua rakyat.

Perumpamaan kedua:

Seseorang memegang sekeping cermin dan menghadapkannya ke matahari, maka cermin tersebut akan mengeluarkan cahaya atau sinar yang mengandungi tujuh warna prisma yang terdapat dalam matahari tadi. Orang ini sebenarnya mempunyai hubungan dengan matahari jika dilihat melalui perantaraan cermin tersebut. Dia boleh memanfaatkan cermin tersebut jika dihalakannya ke biliknya yang gelap atau ke dalam setornya yang kecil dan beratap. Cuma faedah dari cahaya tersebut adalah amat kurang sesuai dengan kemampuan cermin tersebut dalam memantulkan cahaya daripada matahari. Sekali-kali kemampuan cermin tadi bukan mengikut saiz sebenar matahari.

Pada ketika yang sama, ada seorang yang lain tidak menggunakan cermin seperti orang pertama, sebaliknya menghadap terus kepada matahari untuk menyaksikan kehebatan dan kebesaran matahari tersebut. Dia juga telah naik ke atas bukit yang tinggi untuk melihat jangkauan cahayanya yang luas dan merata dan dia menghadapinya secara sendiri tanpa sekatan. Kemudian ia pulang ke rumahnya yang kecil lalu membuka tingkap rumah tersebut ke arah matahari yang terdapat di dada langit kemudian berlakulah dialog bersama cahaya yang berterusan dari matahari sebenar. Lalu dia berbisik kepada matahari dengan lisan halnya dan dia berbual dengannya dengan perbualan yang dikalungkan dengan kesyukuran dan terima kasih yang tidak terhingga. Dia berkata: 'Wahai mentari yang menghias

keindahan alam, wahai mutiara dan lampu langit, wahai mentari yang telah melimpahkan cahaya ke bumi. Engkau telah memberikan senyuman dan kegembiraan kepada bunga-bunga; engkau telah memberikan kehangatan dan cahaya ke rumahku yang kecil ini sama seperti engkau berikan kepada alam keseluruhannya'.

Orang yang pertama tadi tidak mampu untuk berbicara kepada matahari seperti itu kerana kesan cahaya matahari adalah terhad mengikut saiz cermin yang digunakannya. Dia terikat dengan kemampuan cermin tadi untuk memuatkan cahaya yang banyak. Selepas itu, amatilah melalui gambaran dua contoh ini kepada Al-Quran al-Karim supaya saudara dapat menyaksikan *i'jaznya* dan saudara dapat merasakan kesucian dan keagungan Al-Quran.

Benar, sesungguhnya Al-Quran al-Karim telah menyatakan:

﴿

﴾

Maksudnya:

Dan sekiranya segala pohon yang ada di bumi menjadi pena, dan segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu kepadanya tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis kalimah-kalimah Allah itu ditulis. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana (Luqman, 31:27).

Demikianlah Al-Quran yang memperolehi maqam yang tertinggi berbanding sekalian kalimat. Dia adalah kalimat yang luas tiada penghujung. Kesimpulannya, al-Quran telah turun dari *al-Isim al-A'zam* dan dari setinggi-tinggi tahap dan tingkatan bagi setiap nama dalam Asma al-Husna. Dialah kalamullah, yang menceritakan sifat tentang Tuhan sekalian alam.

Allah s.w.t. berkehendak bahawa al-Quran itu menyifatkan perihal zatnya kepada segala yang wujud. Al-Quran adalah '*khitab*' Allah s.w.t. yang bercerita tentang Allah s.w.t. sebagai pencipta langit dan bumi. Al-Quran juga adalah bicara tertinggi yang bersifat dengan sifat ketuhanan yang mutlak. Ia adalah arahan Allah s.w.t. yang *azali* dengan nama kerajaan tuhan yang agung. Ia adalah himpunan perhatian dan penghormatan al-Rahman yang lahir dari rahmatnya yang luas meliputi segala sesuatu. Ia adalah himpunan risalah *rabbaniyah* yang menjelaskan kebesaran *uluhiyah* Allah s.w.t. kerana di setiap permulaannya terdapat tanda-tanda ia adalah kitab suci yang menyebarkan hikmah. Atas rahsia inilah Al-Quran disebut dengan selayaknya sebagai *Kalamullah*.

Adapun selain dari itu, semua kalimat ketuhanan sebahagiannya adalah kalam yang lahir di sudut yang khas dan tanda yang *juz'i* ; penyerlahan adalah separuh sahaja melalui nama yang khusus dan dengan *rububiyyah* yang khusus juga. Ia adalah

dengan pemerintahan yang khusus dan rahmat yang khusus. Maka tingkatan kalimah-kalimah ini adalah berbeza menurut sifatnya yang khusus atau sifatnya yang menyeluruh.

Kebanyakan ilham datang dari bahagian ini, cuma tahap dan tingkatannya berbeza. Contohnya: Ilham yang paling ringkas dan yang paling *juz'i* ialah ilham haiwan, kemudiannya ilham orang awam, kemudian ilham golongan awam malaikat, kemudian ilham para wali, dan kemudian diikuti oleh ilham golongan atasan malaikat. Dari rahsia inilah kita mendengar kenyataan seorang wali: "Hati aku memberitahu melalui tuhanku". Maksudnya di sini ialah melalui bisikan hati tanpa perantaraan malaikat, wali itu tidak menyatakan: "Tuhan ku berkata kepada ku". Atau kita juga mendengar seorang wali yang lain berkata: "Hati ku adalah umpama *araj* dan cermin yang memantulkan sifat-sifat tuhanku". Beliau tidak berkata "Arasy rabbil'alamin" kerana dia mungkin memperoleh anugerah dan keistimewaan dari kalam rabbani mengikut tahap kesediaan dan kemampuannya; juga mengikut singkapan hampir 70,000 hijab di hadapannya.

Ya, sesungguhnya ia adalah sesuai dengan kadar ketinggian titah sultan yang difirmankan dari takhta kerajaannya. Ketinggian dan kemuliaan titah ini mengatasi perbualan sultan secara peribadi dengan salah seorang rakyat jelata. Ia juga adalah seperti kelebihan mendapatkan cahaya matahari secara terus dari matahari hakiki di langit berbanding cahaya matahari yang diperolehi dari cermin. Pemahaman terhadap ketinggian Al-Quran al-Karim atas segala kalam ilahi dan juga kitab-kitab samawi dapat dihayati melalui perumpamaan itu tadi.

Jika dilihat dari sudut ketinggian dan kemuliaan, maka kitab-kitab dan suhuf yang diturunkan dari langit berada di tahap kedua selepas Al-Quran al-Karim. Setiap satunya mempunyai darjat tersendiri dan al-Quran pasti mengatasi yang lain. Setiap satunya mempunyai kelebihan dan rahsia tersendiri untuk menjadi lebih dari yang lain. Sekiranya semua gubahan bahasa yang terbaik dan terindah di kalangan manusia dan jin digabungkan tetap juga Al-Quran mengatasinya. Maka tidak mungkin kalam yang lain itu setaraf dengan Al-Quran... sekali-kali tidak, dan tidak juga Al-Quran turun rendah setahap mereka.

Jika saudara ingin memahami salah satu ayat Al-Quran yang telah diturunkan dengan nama Allah s.w.t. yang maha besar dan dari martabat tertinggi dari sekalian Asma al-Husna perhatikan saja dalam ayat Al-Kursi dan juga ayat-ayat Al-Quran yang berikut.

Perhatikan maknanya yang menyeluruh, umum dan amat mendalam:

وَعِنْدَهُ مَفَاتِيحُ الْغَيْبِ

Maksudnya:

Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib (Al-An'am, 6: 59)

قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكُ الْمُلْكِ

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan!” (Al-Imran, 3: 26)

يُغْشِي اللَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَثِيثًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِهِ

Maksudnya:

Ia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan deras (silih berganti), dan (Ia pula yang menciptakan) matahari dan bulan serta bintang-bintang, (semuanya) tunduk kepada perintah-Nya (Al-A'raf, 7: 54)

وَقِيلَ يَا أَرْضُ ابْلَعِي مَاءَكِ وَيَا سَّمَاءُ أَقْلَعِي

Maksudnya:

Dan (setelah binasanya kaum kafir itu) diperintahkan kepada bumi dan langit dengan berkata: “Wahai bumi telanlah airmu, dan wahai langit berhentilah dari curahan hujanmu” (Hud, 11: 44)

تُسَبِّحُ لَهُ السَّمَاوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ

Maksudnya:

Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya, sentiasa mengucap tasbih bagi Allah (Al-Isra', 17: 44)

مَا خَلَقْكُمْ وَلَا بَعَثْكُمْ إِلَّا كَنْفُسٍ وَاحِدَةٍ

Maksudnya:

(Bagi Allah Yang Maha Kuasa) soal menciptakan kamu semua (dari tiada kepada ada), dan soal membangkitkan kamu hidup semula sesudah mati, tidak ada apa-apa sukarnya, hanyalah seperti (mencipta dan menghidupkan semula) seorang manusia sahaja (Luqman, 31: 28)

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya) (Al-Ahzab, 33: 72)

يَوْمَ نَطْوِي السَّمَاءَ كَطَيِّ السِّجِلِّ لِلْكُتُبِ

Maksudnya:

(Ingatlah) hari Kami menggulung langit seperti menggulung lembaran surat catitan (Al-Anbiaa', 21: 104)

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ وَالْأَرْضُ جَمِيعًا قَبْضَتُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya:

Dan mereka (yang musyrik) tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajibnya diberikan kepadaNya, sedang bumi seluruhnya - pada hari kiamat - dalam genggamannya (Al-Zumar, 39: 67)

لَوْ أَنزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَّرَأَيْنَاهُ خَاشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ

Maksudnya:

Sekiranya Kami turunkan al-Qur'an ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusyu' serta pecah belah kerana takut kepada Allah (Al-Hasyr, 59: 21)

Begitulah beberapa ayat dan ayat-ayat seumpamanya dari Al-Quran yang mulia. Kemudian perhatikan dengan teliti surah-surah yang bermula dengan *الحمد لله* dan *تسبيح*, saudara akan dapat melihat pancaran cahaya rahsia yang agung. Kemudian lihat pula kepada surah yang bermula dengan *الم* dan *الر* dan *حم* supaya saudara dapat memahami pula kepentingan Al-Quran di sisi Allah s.w.t. sendiri.

Bila saudara telah memahami rahsia yang halus ini bagi asas yang keempat, nescaya saudara akan memahami bahawa kebanyakan wahyu yang turun kepada para nabi adalah melalui perantaraan malaikat. Sebaliknya ilham pula adalah tanpa perantara. Di sini saudara akan memahami bahawa sebesar-besar wali tidak akan dapat menyamai seorang pun di kalangan para nabi. Saudara juga akan memahami rahsia yang terkandung dalam kebesaran Al-Quran, kemuliaan dan ketinggian *I'jaznya*. Ianya begitu kudus. Saudara akan memahami keperluan *mi'raj* Nabi dan hikmahnya. Maksudnya di sini saudara akan memahami rahsia dalam pengembaraan *mi'raj* Nabi ke langit tertinggi di *Sidratul Muntaha*, sehingga baginda sampai amat hampir kepada tuhanNya.

Di sana baginda bermunajat kepada Allah s.w.t. sedangkan Allah azza wajalla begitu hampir dengan baginda (*قاب قوسين أو أدنى*). Kemudian baginda kembali dengan sekelop mata ke tempat asalnya. Memang benar, terbelahnya bulan adalah mujizat untuk membuktikan kerasulan dan membuktikan kenabian baginda kepada jin dan manusia sejagat. Demikian jugalah *mi'raj* baginda adalah mu'jizat *ubudiah* baginda. Ia sekali gus mempamerkan kecintaan segala ruh dan malaikat terhadap baginda.

اللهم صل وسلم عليه وعلى آله كما يليق برحمتك وبحرمته آمين

Ya Baqi anta al-Baqi (يا باقي انت الباقي)

(Kilauan ketiga)

Kilauan ini bercampur dengan *azwaq* dan *masyair*. Saya berharap ia tidak dinilai dengan pertimbangan ilmu mantiq kerana perkara yang bercampur dengan *masyair* tidak akan mengambil kira kaedah *aqli* dan tidak akan mendengar sebarang pertimbangan pemikiran.

بسم الله الرحمن الرحيم

وَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ لَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Maksudnya:

Dan janganlah engkau menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah. Tiada Tuhan melainkan Dia. Tiap-tiap satu akan binasa melainkan Dzat Allah. BagiNyalah kuasa memutuskan segala hukum, dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan (untuk dihitung amal masing-masing dan menerima balasan) (Al-Qasas, 28: 88)

Ayat yang agung ini ditafsirkan oleh dua ungkapan yang menceritakan tentang dua hakikat penting sehingga sebahagian syeikh tarikat Naqshabandi menjadikannya sebagai intipati wirid mereka. Wirid khusus mereka disempurnakan dengan ungkapan tersebut iaitu:

(يا باقي انت الباقي * يا باقي انت الباقي)

Oleh kerana dua ungkapan ini yang mengandungi makna yang tinggi bagi ayat al-Quran sebelumnya, maka kami akan memaparkan beberapa pengamatan untuk menjelaskan dua hakikat yang cuba dilontarkan oleh dua ungkapan tadi.

Pengamatan pertama:

Mengulang-ulang ungkapan (يا باقي انت الباقي) untuk kali pertama akan mengosongkan hati dari selain Allah Taala. Ia seumpama pembedahan dan pembersihan hati yang memutuskan segala hubungan dari selain Allah s.w.t. Penjelasannya adalah seperti berikut: Sesungguhnya insan dengan apa yang Allah s.w.t. berikan dengan sifat yang agak sempurna dapat berhubung dengan segala makhluk dengan berbagai cara. Dengan sifat kesempurnaan itu tadi, manusia mampu bersedia dan boleh menerima segala bentuk 'mahabbah' tanpa sebarang halangan. Inilah yang menjadikan manusia menyembunyikan kecintaan yang mendalam terhadap sekalian makhluk secara umum.

Maka manusia tadi akan menyintai dunia yang hebat ini sama seperti dia menyintai rumahnya dan dia menyintai syurga sama seperti dia menyintai taman di rumahnya. Sedangkan apa sahaja yang dicintai oleh manusia tadi tidak akan kekal bahkan tidak

akan bertahan lama lalu musnah. Oleh yang demikian manusia sentiasa merasai azab perpisahan itu. Maka kecintaan yang tiada penghujung ini menjadi punca azab maknawi yang tiada kesudahan akibat dari kecuaiannya melaksanakan haknya.

Maka kesengsaraan yang menyimpannya adalah hasil kecuaiannya sendiri kerana ia tidak meletakkan keperluan 'mahabbah' di dalam hatinya, kecuali jika memberikannya kepada yang empunya kecantikan kekal abadi dan bersifat mutlak. Orang yang tidak pandai menggunakan cinta akan menyerahkannya kepada makhluk yang tidak kekal dan akan binasa, maka dia akan menderita dengan setiap perpisahan yang dialaminya.

Apabila seseorang insan mengulang ungkapan (يا باقي انت الباقي), maka ia menyampaikan maksud hatinya iaitu pembebasan penuh dari kelalaian ini dan memutuskan hubungan dengan sekalian cinta yang tidak kekal. Lalu ia membebaskan dirinya dari kesemua itu tanpa terkecuali sebelum semua perkara yang dicintainya itu meninggalkan dirinya. Kemudian barulah dia menumpukan cintanya kepada yang kekal abadi iaitu Allah s.w.t. yang tiada selain dariNya,... dialah 'al-Baqi'.

Maksudnya di sini, dia berkata: tiada yang kekal dengan kekekalan yang hakiki melainkan engkau wahai tuhanku. Semua selain dari Mu akan hancur dan binasa. Yang hancur binasa tidak layak menerima cinta. Mereka juga tidak layak untuk menerima keasyikan cinta yang berterusan. Ia tidak perlu diikat dengan ikatan hati kerana asal penciptaannya (cinta di hati) ialah untuk kekal abadi selama-lamanya di syurga.

Memandangkan setiap yang wujud akan binasa dan bakal menuju destinasi nasib masing-masing meninggalkan aku keseorangan, maka lebih baik aku meninggalkan mereka sebelum mereka meninggalkan aku, dengan cara mengulang ungkapan (يا باقي انت الباقي).

Ia membawa pengertian rohani seperti berikut: 'Aku beriman dan beriktihad secara yakin bahawa tiada yang kekal kecuali engkau wahai tuhanku, dan kekekalan makhluk adalah bergantung kepada kehendakMu. Maka kecintaan tidak perlu diberikan kepada selainMu kecuali melalui nur kecintaanMu dan di bawah redhaMu jua. Selain cara ini mereka tidak layak menerima apa-apa ikatan dan tautan hati (cinta).

Proses ini menjadikan hati bersih dari perkara-perkara yang selama ini diberikan cinta tanpa batas. Sekira-kira ia dapat melihat penutup kemusnahan dan menyaksikan akhir bagi setiap kehidupan meskipun memiliki segala kecantikan dan keindahan yang Allah s.w.t. berikan kepadanya. Maka terputuslah ketika ini segala ikatan yang selama ini mengikat hati insan dengan makhluk yang lain. Tanpa melakukan pengosongan hati dari perkara yang dicintai tadi, maka luka, kesakitan dan kekecewaan akan terhambur dari dasar hati mengikut kadar kecintaan insan kepada makhluk itu tadi.

Adapun ungkapan kedua: (يا باقي انت الباقي), maka ia adalah seumpama ubat penyembuh dan air penawar yang dijiraskan ke atas pembedahan hati yang telah dilaksanakan oleh ungkapan pertama tadi kerana ia bermaksud: “Cukuplah zatMu wahai Allah s.w.t. sebagai yang maha kekal. Sifat ‘al-Baqi’ yang ada pada zatMu adalah ganti bagi setiap perkara, dengan sifat wujudMu setiap sesuatu akan turut wujud”.

Ya! Segala kecantikan dan keindahan yang dapat disaksikan pada setiap makhluk yang tercipta, tidak lain hanyalah isyarat dan petunjuk kepada kebaikan Allah s.w.t yang bersifat al-Baqi yang sebenar dan kepada sifat ihsan dan kesempurnaanNya. Itulah balam-balam bayangan daripada khairat Allah s.w.t, ihsan dan kamalNya yang lahir dan tertapis dari sebalik hijab dan tabir yang begitu banyak. Ia juga adalah bayang-bayang kepada bayang jelmaan Asma al-Husna yang maha tinggi itu.

Pengamatan Kedua:

Secara fitrahnya, setiap insan terlalu ingin untuk terus kekal hidup, sehingga dia menyangka bahawa setiap yang disukai dan dicintainya juga akan kekal. Lantaran itu, seorang insan yang terpedaya menyangka bahawa apa yang dicintainya itu akan kekal ketika dia meneruskan cintanya. Namun, tatkala dia tahu apa yang dicintainya itu akan berakhir atau menyaksikan sendiri kebinasaan *mahbubnya* maka dia akan terus kecewa dan menderita.

Ya! Semua keperitan dan penderitaan yang lahir dari perpisahan adalah penceritaan terhadap kesedihan yang terhasil dari kecintaan untuk kekal. Andainya sifat ingin untuk terus kekal hidup tiada dalam diri manusia, nescaya tiada suatu pun dalam dunia ini yang akan menarik perhatian dan cintanya. Bahkan benarlah ungkapan bahawa ‘antara perkara yang menyebabkan wujudnya alam baqa’ dan syurga yang abadi ialah sifat ingin kekal yang berakar umbi dalam diri dan fitrah manusia’. Itu jugalah perkara yang secara amnya didoakan oleh manusia setiap ketika. Maka Allah s.w.t. yang maha agung telah memperkenankan keinginan yang kuat dalam diri manusia ini dan apa yang umumnya didoakan oleh mereka dengan penuh harapan.

Lantas, Allah s.w.t. menciptakan alam baqa’ yang kekal untuk insan yang bakal mati ini. Secara mantiqnya, mana mungkin Allah s.w.t. membiarkan sahaja doa seluruh umat manusia yang sebulat suara, seiya sekata sama ada secara perbuatan dan perkataan memohon perkara yang sama iaitu ‘kekekalan’. Ia merupakan doa umum seluruh umat manusia. Ia diminta dengan penuh kebenaran dan keikhlasan. Ia lahir dari keperluan fitrah kejadian mereka dan dari lubuk hati dan keinginan insani mereka. Sedangkan doa oleh ‘satu perut’ kecil pun dimakbul oleh Allah s.w.t., lalu disediakan untuk perut itu makanan yang berbagai rasa dan keenakan yang berbeza demi memenuhi kehendak ‘perut’ itu tadi untuk kekal sementara. Maka sekali-kali Allah s.w.t. tidak akan membiarkan doa itu tanpa perhatian dan kemustajaban....seribu kali tidak. Mustahil bagi Allah s.w.t. menolak doa yang sedemikian, mustahilnya adalah *qat’ie*! Kerana penolakan doa sedemikian adalah bertentangan dengan hikmah

ketuhananNya yang agung, keadilanNya yang maha sempurna dan rahmatNya yang maha luas dan qudratNya yang mutlak.

Bilamana fitrah insan amat mencintai kekekalan maka tidak boleh tidak semua kesempurnaan insan dan perasaannya mesti juga dikekalkan. Oleh kerana sifat kekal 'al-Baqi' hanyalah untuk Allah s.w.t. secara khusus dan Asma al-Husna juga adalah bersifat kekal, malah segala gambaran makna Asma al-Husna juga adalah kekal. Maka insan perlu melalui satu jalan untuk memperoleh 'kekekalan' yang berupa anugerah itu. Jalan itu ialah: insan perlu memperkukuhkan hubungan dengan zat yang bersifat 'al-Baqi' itu iaitu Allah s.w.t. dan Asma al-HusnaNya dengan segala apa yang ada padaNya kerana apa saja yang disebatikan dengan 'al-Baqi' akan memperoleh sifat 'al-baqi' Nya itu. Hakikat ini diuraikan oleh rangkap kedua:

(يا باقي انت الباقي)

Dengan ini, kebahlah luka maknawi insan itu tadi dan tenteramlah keluh kesah fitrahnya yang sentiasa menginginkan kekekalan.

Pengamatan Ketiga:

Kesan masa dalam dunia terhadap kepupusan sesuatu makhluk adalah berbeza dengan ketara. Meski pun kejadian makhluk bercampur aduk sesama sendiri seperti bulatan yang bertindih-tindih tetapi berakhirnya hayat setiap makhluk sama sekali berbeza.

Sepertimana jarum jam, minit dan saat berbeza kelajuan namun zahirnya mereka berada di kedudukan yang sama. Demikian kehidupan insan kerana 'hukum masa' berbeza pada jasad, nyawa, hati dan roh yang berlainan. Ketika saudara melihat satu kehidupan jasad, sebenarnya kewujudan itu terhad pada hari dan saat yang dia hidup. Ketika itu masa lampau dan masa akan datang adalah lenyap dari hidupnya. Tiba-tiba saudara dapat melihat ruang hidup bagi hatinya dan medan kewujudannya meluas dan meluas sehingga mencapai beberapa hari sebelum dan selepas saat kehidupannya. Bahkan ruang hidup roh adalah lebih besar dan luas sehingga boleh mencapai beberapa tahun sebelum dan selepas saat kehidupannya.

Demikianlah, berasaskan kesediaan ini sesungguhnya umur manusia yang 'tidak kekal' itu mengandungi 'umur kekal' jika dapat dilihat menerusi hati dan rohnya yang hidup dengan *makrifatullah*, *mahabbah*, *rabbaniyah* dan *ubudiah* suci dan keredhaan tuhanNya yang maha *Rahman*. Bahkan umur yang kekal ini abadi di dalam syurga dan terus kekal. Maka umur yang asalnya pendek dan binasa akan berubah menjadi umur yang panjang dan kekal abadi.

Benar, satu saat yang digunakan oleh seorang insan untuk *fisabilillah*, untuk jalan kecintaan Allah s.w.t., untuk jalan makrifatNya dan untuk jalan keredhaanNya menyamai setahun. Bahkan ia kekal selama-lamanya tidak dapat disentuh oleh *al-Fana* (kepupusan) sedangkan setahun usia yang tidak digunakan fisabilillah akan

tidak bernilai selama-lamanya; ia sama saja dengan sesaat. Walau bagaimana lama pun hidup seorang yang lalai itu berlalu, ia sebenarnya adalah tempoh singkat yang tidak sampai walau satu saat.

Di sana ada satu perbilangan yang sangat masyhur iaitu: "Sesaat berpisah adalah seperti setahun, setahun berjumpa adalah seperti sesaat". Maksudnya di sini sesaat itu jika dikaitkan dengan perpisahan; ia sangat panjang seumpama satu tahun sedangkan berjumpa selama setahun begitu singkat seperti sesaat.

Cuma saya ingin menambah perbilangan yang masyhur ini dengan mengatakan: sesaat yang digunakan oleh insan dalam redha Allah s.w.t. dan dalam *fisabilillah* bukanlah setakat setahun. Bahkan ia seumpama jendela yang terbuka luas menghala kepada kehidupan yang kekal abadi. Perpisahan hasil dari kecuaiian, kelalaian dan kesesatan bukan saja menjadikan setahun itu sesaat bahkan menjadikan ribuan tahun seumpama sesaat. Di sana ada perbilangan lain yang lebih masyhur menyokong apa yang kita sebutkan ini, iaitu: "Tanah yang lapang umpama selebar pinggan jika bersama musuh tetapi jika bersama kekasih lubang jarum menjadi seluas padang".

Jika kita ingin memahami maksud sebenar bagi perbilangan di atas maka penjelasannya hendaklah dibuat begini:

"Pertemuan sesama makhluk yang tidak kekal ini adalah sementara sahaja kerana sifatnya sendiri yang tidak kekal. Betapa lama sekalipun masa yang diberi ia akan berlalu dengan pantas. Ia seperti khayalan yang mengandungi berbagai keperitan dan mimpi yang berlalu membawa kekecewaan. Hati manusia yang cintakan kekekalan tidak akan merasa nikmat dengan setahun pertemuan kecuali seperti hanya satu saat sedangkan perpisahan pula dirasakan begitu lama dan medannya amat luas tak bertepi. Sesaat perpisahan itu akan menghimpunkan berbagai warna perpisahan yang menjangkau bertahun-tahun.

Hati yang rindukan hidup yang kekal merasa derita dengan perpisahan yang berlalu sesaat, seolah dia terjatuh dan menjunam ke dasar lautan derita perpisahan yang bertahun lamanya. Kerana ia akan memikirkan berbagai jenis perpisahan lain yang pasti akan ditemuinya. Demikianlah berlalunya segenap bentuk cinta kebendaan dan keduniaan, yang masa depannya penuh dengan warna-warna perpisahan. Di sini kita kumandangkan seruan: "Wahai sekalian manusia! Adakah kamu mahu menukarkan usiamu yang pendek dan bakal binasa kepada umur yang panjang dan membuahkan berbagai keuntungan dan manfaat? Jika jawapannya ialah 'Ya!' maka itu adalah sifat insaniah sebenar. Ayuh! Pergunakanlah setiap detik usia yang ada ke jalan kekekalan, kerana semua perkara yang diarahkan kepada Allah s.w.t. yang bersifat kekal akan beroleh kesan dari jelmaan kekekalanannya itu".

Oleh kerana semua manusia memohon umur yang panjang dan rindukan kekekalan maka di sana disediakan jalan di hadapannya yang boleh merobah umurnya yang hanya seketika itu kepada umur yang kekal abadi, bahkan umur yang pendek juga boleh ditukar kepada umur panjang secara maknawi. Tidak boleh tidak sekiranya

kemanusiaannya masih wujud dalam diri seorang insan, dia akan mencari jalan tersebut di mana sahaja. Dia akan bersungguh-sungguh untuk mengubah umurnya yang pendek kepada umur yang panjang. Dia akan mengerahkan segala gerakan dan amal buatnya untuk mencapai matlamat ini. Wasilahnya ialah: “Beramal kerana Allah s.w.t. bertemu kerana Allah s.w.t., berusaha untuk Allah s.w.t., setiap gerak laku di bawah redha Allah s.w.t. Pendek kata semuanya (لله، لوجه الله، لأجل الله). Ketika ini saudara akan mendapati umur saudara beberapa detik berubah menjadi bertahun-tahun.

Hakikat ini ditunjukkan oleh Allah s.w.t. melalui anugerah lailatul qadar. Meskipun ia semalaman namun kebajikannya umpama seribu bulan menurut nas Al-Quran. Ia adalah bersamaan dengan lebih lapan puluh tahun. Di sana ada petunjuk lain terhadap hakikat ini iaitu kisah yang disepakati oleh para wali dan ahli hakikat iaitu konsep (بسط الزمان) ‘hamparan waktu’ yang dibuktikan melalui peristiwa mikraj Nabi s.a.w. Dalam peristiwa ini beberapa detik berubah menjadi beberapa tahun dalam satu dimensi masa. Jika ingin dikira, jangkauan tempoh masa berlakunya rentetan peristiwa mikraj adalah melibatkan ribuan tahun kerana ketika peristiwa itu berlaku nabi sebenarnya telah memasuki ruang alam baqa’, sedangkan kita telah sedia maklum bahawa beberapa detik di alam baqa’ bersamaan ribuan tahun di alam dunia.

Bukti yang boleh dijadikan sandaran terhadap hakikat ‘hamparan masa’ ini ialah berbagai peristiwa yang berlaku kepada para aulia’ dan solehin. Di kalangan mereka ada yang melaksanakan tugas dalam tempoh seminit sedangkan tugas tersebut hanya boleh dilakukan dalam tempoh satu hari. Ada pula di kalangan mereka melaksanakan tugas dalam sejam sedangkan sepatutnya dia dilakukan selama setahun. Oleh itu ada di kalangan mereka yang mengkhatamkan Al-Quran dalam tempoh seminit.

Demikianlah semua riwayat dan cerita yang seumpama itu yang telah sampai ke tangan kita tentang mereka. Tidak mungkin semua ini suatu penipuan, kerana penyampainya adalah golongan siddiqin dan solehin yang tidak mungkin sama sekali mereka berdusta dalam hal itu. Tambahan pula cerita-cerita ini adalah *mutawatir* dan begitu banyak, ia diriwayatkan oleh para saksi yang melihatnya sendiri. Tidak syak lagi, ‘hamparan masa’ adalah kisah benar dan hakikat yang sabit.

Di sana ada satu lagi contoh ‘hamparan masa’ yang pasti diakui dan diterima oleh setiap insan iaitu kejadian mimpi, kerana setiap insan mungkin bermimpi beberapa detik sedangkan kandungan mimpi tersebut penuh dengan peristiwa, perbualan, pengalaman indah atau penyiksaan yang hanya boleh berlaku sehari suntuk atau mungkin beberapa hari jika dalam keadaan jaga.

Kesimpulan

Walaupun insan itu pasti akan ‘binasa’, tapi sebenarnya dia diciptakan untuk ‘kekal’. Allah s.w.t. yang maha pencipta dan maha mulia menjadikan manusia seumpama sekeping cermin yang menzahirkan kekekalan Allah s.w.t. Diperintahkan manusia itu

tadi dengan amalan yang membenihkan hasil yang bersifat kekal, dibentuk kejadian manusia dengan sebaik-baik kejadian supaya ia menjadi paparan keindahan Asma al-Husna yang kekal itu.

Kerana itulah kebahagiaan insan dan tugas asasnya ialah: menghadap diri (*tawajjuh*) kepada Allah s.w.t. yang maha kekal dengan segenap usaha, anggota dan segala kejadian fitrah yang dianugerahkan kepadanya. Dia perlu bergerak ke hadapan di jalan keredhaan Allah s.w.t. berpegang teguh dengan Asma al-Husna, sepertimana lidahnya menyebut (يا باقي انت الباقي) maka seluruh susuk tubuhnya termasuk hati, roh dan akal perlu sama-sama melafazkan (يا باقي انت الباقي).

Allah s.w.t. itulah al-Baqi, Dialah azali yang abadi; Dialah yang kekal selamanya; Dialah yang bersifat kekal dan berterusan; Dialah yang dicari oleh seluruh makhluk; Dialah yang dicintai; Dialah yang menjadi matlamat insani dan Dialah yang selayaknya disembah.

{سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ }

Kasih Baginda Kepada Kaum Mukminin

(Kilauan Keempat)

(Risalah ini sesuai diberikan nama *Minhaj al-Sunnah*). Meskipun isu kepimpinan (الإمامة) dianggap sebagai masalah cabang (*furu*), namun oleh kerana pelbagai pihak teramat mengambil berat terhadap isu ini menjadikan ia termasuk dalam perbincangan keimanan dalam kitab-kitab *ilm al-Kalam* dan *Usuluddin*. Perbincangan 'kepimpinan' dalam konteks ini (iman) adalah berkaitan dengan khidmat asasi kita iaitu khidmat terhadap al-Quran dan iman. Ia telah dibincangkan dalam perbincangan yang berasingan.

بسم الله الرحمن الرحيم

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَؤُوفٌ رَّحِيمٌ. فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

Maksudnya:

Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad SAW), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat lobakan (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman. Kemudian jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah (wahai Muhammad): "Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memelihara), tiada Tuhan (yang berhak disembah melainkan Dia; kepadaNya aku berserah diri, dan Dialah yang mempunyai 'Arasy yang besar" (Al-Taubah, 9: 128-129)

قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِلَّا الْمَوَدَّةَ فِي الْقُرْبَىٰ

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah tentang ajaran Islam yang aku sampaikan itu, (yang aku minta) hanyalah kasih mesra (kamu terhadapku) disebabkan pertalian kerabat (yang menghubungkan daku dengan kamu supaya aku tidak disakiti" (Al-Shura, 42: 23)

Di sini kita akan membentangkan sejumlah hakikat yang diilhamkan dari ayat-ayat yang mulia ini dan ia terkandung dalam dua maqam.

Maqam Pertama : Ia terkandung dalam empat pengamatan berikut:

Pengamatan pertama

Ia menggambarkan kesempurnaan belas kasihan Nabi Muhammad s.a.w. dan kecintaan baginda kepada umatnya. Benar! Begitu banyak riwayat yang sahih

menjelaskan betapa sempurnanya belas kasihan dan simpati baginda terhadap umat ini. Baginda menyeru di padang mahsyar yang hebat itu dengan menyebut *ummati! ummati!*¹ di waktu orang lain termasuk para nabi menyeru *nafsi! nafsi!* Ini adalah akibat kedahsyatan yang ada pada hari tersebut yang dipenuhi segala macam kengerian dan ketakutan.

Riwayat-riwayat ini juga menjelaskan tentang simpati Nabi pada umatnya melalui kisah ibu baginda yang pernah mendengar baginda menyebut *ummati! ummati!* ketika kelahiran. Cerita ini disahkan oleh ahli kasyaf di kalangan para auliya' dan solehin. Demikian juga sejarah perjalanan hidup baginda yang begitu harum mewangi seperti yang tersebar ke seluruh ufuk tentang kemuliaan akhlak baginda yang dihias dengan sifat simpati, belas kasihan dan kasih sayang kepada umat. Kesemua ini menjelaskan kesempurnaan sifat-sifat baginda itu tadi. Simpatinya kepada umat dapat dilihat apabila baginda dihadihkan selawat oleh umatnya sebagai lambang hubungan baginda dan umatnya yang saling menyokong dan berkasih sayang ditambah pula dengan keprihatinan baginda terhadap kebahagiaan umat.

Setelah dilihat kasih sayang, perhatian, simpati dan belas kasihan Nabi s.a.w. yang begitu luas sebagai seorang mursyid kepada umatnya sedarlah kita betapa besar dan hinanya 'kekufuran' jika kita meninggalkan sunnahnya bahkan perbuatan itu dianggap sebagai 'kematian jiwa' yang sebenar. Nilailah perkara ini dengan diri kita sendiri.

Pengamatan Kedua

Rasulullah s.a.w. menzahirkan sifat belas kasihan yang tinggi terhadap perkara-perkara yang dianggap kecil dan remeh namun terkandung dalam misi kenabian-nya yang umum dan menyeluruh. Seolah-olah perhatian nabi terhadap perkara sedemikian pada zahirnya tidak sesuai dengan jawatan nabi yang disandangnya, tetapi realiti dan hakikat terhadap perkara kecil, remeh dan peribadi ini adalah contoh kepada kesinambungan hidup yang silih berganti dan berkembang di masa depan yang perlu kepada bimbingan kenabian. Oleh kerana itu saya perturunkan di sini kepentingan perkara ini bagi mereka yang ingin melaksanakannya.

Contohnya ialah: Nabi s.a.w. menunjukkan simpati yang tinggi dan perhatian penuh kepada cucu baginda al-Hassan dan al-Hussin di zaman kanak-kanak mereka berdua. Ia bukanlah kasih sayang fitrah dan kecintaan yang terbit dari hubungan kerabat semata-mata bahkan kedua-duanya iaitu Al-Hassan dan Al-Hussin adalah permulaan kepada silsilah cahaya yang akan melaksanakan perintah, misi dan tarbiyah kenabian yang mulia itu. Kedua-duanya adalah asas penubuhan jemaah besar yang dianggotai oleh waris para nabi. Jemaah inilah yang mewakili kenabian dan menjadi qudwah kenabian untuk kita semua.

¹ Ungkapan Rasulullah s.a.w ini terkandung dalam hadis yang panjang. Keseluruhan hadis yang panjang ini diriwayatkan oleh al-Bukhariy dengan No.334, 3361, 4712; Muslim pula meriwayatkan dalam Sahihnya dengan No.194; al-Turmuziy No.2551 dan memberikannya status 'Hasan Sahih'. Kesemuanya dari riwayat Abu Hurairah dengan perbezaan lafaz.

Benar! Ketika Rasulullah s.a.w. mendukung Al-Hassan dan mengucup kepala-nya dengan penuh simpati dan kasih sayang, itu adalah sebagai kucupan sayang baginda kepada seluruh pewaris nabi yang ramai selepasnya. Mereka itu bolehlah disamakan dengan Al-Mahdi al-Muntazar yang bertugas menjulang syariat suci berterusan bermula dari Al-Hassan menurun hingga ke nasab baginda yang bercahaya dan berkat seperti Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani.

Nabi sentiasa menyaksikan dengan pandangan kenabiannya apa yang mereka lakukan di masa depan dalam menjayakan misi suci kenabian. Maka Rasulullah s.a.w. pun memberi penghargaan, dorongan dan memandangi tinggi usaha mereka lalu digambarkan oleh baginda dengan mengucup kepala Al-Hassan r.a. sebagai luahan penghargaan dan dorongan itu tadi. Kemudian perhatian penuh Rasulullah s.a.w. terhadap Al-Hussin r.a. dan memberi kasih sayang yang tidak berbelah bahagi kepada beliau adalah kerana Al-Hussin akan melahirkan keturunan yang bercahaya berupa ulama-ulama besar pewaris nabi sebenar yang menyamai Al-Mahdi seperti Zainal Abidin dan Jaafar Al-Sadiq.

Ya! Rasulullah pernah mengucup tengkuk Al-Hussin r.a. dan menunjukkan simpati kepada beliau dan kesempurnaan keprihatinan itu adalah untuk mereka yang bakal menjulang tinggi kedudukan Islam di samping melaksanakan tugas risalah kenabian selepas baginda. Ya! Nabi telah pun melihat dan menyaksikan dengan hatinya (yang amat hampir ke alam ghaib) akan medan mahsyar yang terbentang di akhirat sana sedangkan baginda masih berada di dunia dan pada sebaik baik kurun.

Dialah nabi yang melihat syurga di atas langit yang tinggi dan memandangi kepada malaikat di sana sedangkan baginda berada di bumi. Dialah nabi yang menyaksikan berbagai peristiwa yang terselindung di sebalik tabir silam yang gelap pekat sejak zaman nabi Allah Adam a.s. Bahkan baginda dianugerahkan kelebihan melihat zat Allah s.w.t. (semoga Allah s.w.t. memasukkan kita ke syurga firdausi-Nya dan mendapat nikmat melihat kepada zat-Nya yang maha agung).

Pandangan halus nurani dan dari mata hati Nabi s.a.w. yang menjangkau jauh ke masa depan sudah pasti akan merangkumi pandangan baginda kepada wali-wali besar dan ulama-ulama pewaris nabi yang bersifat dengan sifat Al-Mahdi. Mereka berantainya di belakang Al-Hassan dan Al-Hussin. Lantas, baginda mengucup kepala keduanya sebagai wakil kepada para auliya', ulama' dan juga Al-Mahdiyyin itu tadi. Ya! Kucupan Nabi s.a.w. ke kepala Al-Hassan r.a. adalah penghormatan besar kepada Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani juga.

Pengamatan Ketiga

Makna firman Allah s.w.t. (إِلا المودة في القربى) menurut satu pendapat ialah: Bahawasanya Nabi s.a.w. ketika menjalankan tugas kerasulannya, baginda tidak pernah meminta sebarang ganjaran dari sesiapa pun kecuali meminta mereka mengasihi *Ahlul bait* baginda sahaja.

Mengikut makna ini, apakah ganjaran Allah s.w.t. terhadap hambanya berdasarkan hubungan nasab, sedangkan ia bertentangan dengan ayat Al-Quran yang menyatakan:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ

Maksudnya:

Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya) (al-Hujurat, 49:13)

Ayat ini menunjukkan bahawa tugas kerasulan berterusan berdasarkan kepada taqarrub kepada Allah s.w.t. dengan ketakwaan dan bukan dengan kerabat dan nasab.

Jawapannya adalah seperti berikut:

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah melihat dengan pandangan kenabian secara ghaib bahawa *Ahlul bait* akan menjadi seumpama pohon nurani yang rimbun menjangkau dahan-dahan dan rantingnya ke seluruh dunia Islam. Maka sesiapa saja yang mengajak berbagai lapis masyarakat di dunia Islam ke arah hidayat dan kebaikan, adalah menjadi contoh yang jelas tentang 'kesempurnaan insani' keseluruhannya dengan dakwah yang mereka jalankan. Mereka ini akan muncul dengan sebahagian besar mereka adalah di kalangan *Ahlul bait*.

Ini dapat dilihat apabila Allah s.w.t. menerima doa umat baginda terhadap *Ahlul bait* yang disebut dalam *tasyahhud* solat iaitu ungkapan:

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم في العالمين
إنك حميد مجيد

Maksudnya di sini: Golongan terbesar yang menjadi mursyid dan penunjuk ke arah jalan ketuhanan di zaman kenabian Nabi Ibrahim a.s. adalah para ambia' di kalangan kerabat dan nasabnya sendiri. Demikianlah juga nabi s.a.w. dapat merasa dan melihat bahawa para Qutub di kalangan nasab baginda (*Ahlul bait*) adalah seumpama para ambia' di kalangan Bani Israel dalam konteks umat Muhamad s.a.w. Mereka melaksanakan tugas khidmat Islami yang besar dengan berbagai cara dan bentuk. Oleh yang demikian, Rasulullah s.a.w. diperintah untuk mengatakan:

قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِلَّا الْمَوَدَّةَ فِي الْقُرْبَى

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah tentang ajaran Islam yang aku sampaikan itu, (yang aku minta) hanyalah kasih mesra (kamu terhadapku) disebabkan pertalian kerabat (yang menghubungkan daku dengan kamu supaya aku tidak disakiti)" (Asy-Syura, 42: 23)

Dan baginda meminta umatnya menzahirkan kasih sayang dan kecintaan yang tinggi terhadap ahli keluarga baginda (*Ahlul bait*). Hakikat ini disokong oleh beberapa riwayat lain bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيكُمْ مَا إِنْ أَخَذْتُمْ بِهِ لَنْ تَضِلُّوا: كِتَابُ اللَّهِ وَعِثْرَتِي أَهْلُ بَيْتِي²

Yang Bermaksud:

Wahai sekalian manusia, aku tinggalkan untukmu dua perkara yang jika kamu berpegang teguh kepada keduanya kamu tidak akan sesat; kitabullah dan ahlulbait

Ini adalah kerana *Ahlul bait* itu umpama mentari yang memancarkan sunnah Nabi s.a.w. Mereka jugalah yang mesti memelihara sunnah tersebut. Merekalah orang pertama yang dipertanggungjawabkan untuk beramal dengannya.

Demikianlah hakikat hadis ini diperjelaskan berdasarkan apa yang telah kita sebutkan sebelum ini iaitu hadis ini memerintahkan kita supaya mengikut ajaran Al-Quran dan al-Sunnah Nabi yang mulia secara sempurna. Ini sekaligus akan mentafsirkan makna al-bait di sudut tugas risalah itu sendiri iaitu: *Ahlul bait* ialah mereka yang mengikut sunnah Nabi, manakala mereka yang meninggalkan sunnah nabi, bukanlah di kalangan *Ahlul bait* dan tidak mungkin sama sekali orang yang meninggalkan sunnah boleh memberikan kesetiaan hakiki kepada *Ahlul bait*. Kemudian hikmah mengapa Rasulullah s.a.w. begitu beria-ia menyatukan umat di bawah pimpinan *Ahlul bait* adalah kerana:

Baginda Rasulullah s.a.w. telah mengetahui dengan izin Allah s.w.t. bahawasanya *Ahlul bait* akan bertambah ramai dengan peredaran masa sedangkan Islam akan bertambah lemah. Keadaan yang tenat seumpama ini memerlukan wujudnya satu jamaah yang saling kukuh mengukuh dengan kekuatan yang ampuh dan bilangan tentera yang ramai. Ini membolehkan ia menjadi pusat dan paksi untuk meningkatkan kemajuan dunia Islam yang maknawi. Rasulullah s.a.w. tahu tentang hal ini dengan izin tuhanNya lantas baginda mengarahkan umatnya bersiap siaga di sekeliling al-bait.

Golongan al-bait ini meskipun tidak terkehadapan berbanding orang lain di sudut iman dan iktikad akan tetapi mereka tetap jauh ke hadapan dalam penyerahan diri, iltizam dan penyerahan wala' kepada Islam. Ini kerana, mereka ini menganut Islam secara fitrah atau tabi'i dan mereka memegang Islam dengan ikatan kerabat. Maka pemberian wala' secara tabi'i ini tidak mudah ditinggalkan walaupun dalam keadaan lemah, tiada kemasyhuran dan walau atas jalan kebatilan sekali pun. Maka bayangkan, bagaimana pula jika wala' hakiki yang berkaitan dengan silsilah datuk neneknya yang telah mengorbankan nyawa mereka begitu mudah untuk satu kesetiaan lalu mereka mendapat kemuliaan dengan pengorbanan itu. Hakikat ini

² Hadis ini berstatus 'Sahih': Dikeluarkan oleh al-Turmuziy, No.3786, dan dikeluarkan oleh al-Tabaraniy dalam al-Kabir, No. Hadis: 268. Hadis ini juga mempunyai banyak 'syawahid'. Sila rujuk kitab al-Ahadis al-Sahihah, No.Hadis: 1761.

berada di kemuncak kekuatan dan kemuliaan agung dan sentiasa di atas jalan yang benar. Nah, adakah sesiapa sanggup meninggalkan *wala'* ini setelah memahami dan melihat secara jelas betapa kukuh dan tulennya *wala'* fitrah ini?

Al-bait berpegang teguh kepada Islam secara fitrah apa saja kebenaran Islam walau sekecil mana mereka tetap melihatnya sebagai bukti dan dalil yang kukuh kerana mereka memberikan taat setia kepada Islam secara fitrah sedangkan orang lain berpegang kepada Islam setelah benar-benar mempelajari, memahami dan diberikan hujah-hujah yang kuat mengenainya.

Al-Syafaqah Lebih Tinggi Dari Al-Mahabbah

(Al-Maktub Kelapan)

Dengan Nama Allah s.w.t Yang Maha Suci

(وإن من شيء إلا يسبح بحمده)

Termaktubnya nama Allah Al-Rahman (الرحمن) dan Al-Rahim (الرحيم) dalam *basmalah* dan sebutannya di setiap awal perkara, mempunyai banyak hikmah. Saya tangguhkan keterangan terhadap hikmah ini di waktu yang lain. Di sini saya ingin menjelaskan pandangan dan rasa hati saya secara peribadi terhadap hal ini.

Saudaraku! Saya berpandangan bahawa kedua-dua nama Al-Rahman dan Al-Rahim adalah satu nur yang amat hebat kerana nur tersebut meliputi sekalian alam. Saya melihat kekuatan dalam dua nama ini dan bagaimana dia memberi sinar untuk setiap roh kerana kedua-duanya boleh menunaikan keperluan roh yang abadi dan menyelamatkannya dari musuh-musuh yang tidak terkira banyaknya. Saya telah pun menemui sebaik-baik jalan untuk sampai kepada kedua-dua nur ini. Ia tersembunyi dalam penghayatan mendalam rasa diri terhadap Al-Faqr (الفقر) berserta Al-Syukr (الشكر) dan Al-Ajzu (العجز) disertai pula dengan Al-Syafaqah (الشفقة). Dengan etikata lain ia boleh dicapai secara Ubudiyah (العبودية) dan *Al-Iftiqar* (الإفتقار) kepada Allah s.w.t.

Sempena perbahasan ini saya ingin mengemukakan satu pandangan yang pastinya bertentangan dengan pendapat ulama muhaqqiqin bahkan bertentangan dengan pandangan guru saya Al-Imam Al-Rabbani, iaitu:

“Sesungguhnya perasaan kasih yang kuat bercahaya yang dirasai oleh Nabi Allah Yaaqub terhadap Nabi Yusuf a.s. bukanlah perasaan yang lahir dari rasa sayang dan cintakan anak sebaliknya lahir dari rasa kasihan. Kerana belas kasihan sifatnya lebih luas dari rasa sayang dan cinta, dia lebih bersinar, tinggi dan luhur, itulah yang lebih layak kepada kedudukan seorang nabi, adapun cinta dan sayang sekiranya ia kuat terhadap hal keduniaan dan kebendaan ia adalah tidak layak bagi kedudukan nabi yang tinggi”.

Maksudnya di sini, apa yang telah dijelaskan oleh Al-Quran tentang perasaan Nabi Yaaqub a.s. dan rasa sedihnya terhadap baginda adalah seterang-terang gambaran dan i'jaz yang paling bercahaya. Ia adalah wasilah yang boleh membawa insan mencapai Allah s.w.t. dengan sifatnya Al-Rahim. Ia adalah darjat tertinggi dan mulia dalam tingkatan *Al-Syafaqah*.

Ada pun cinta yang merupakan wasilah membawa insan kepada nama Allah iaitu *Al-Wadud* terkandung dalam kisah cinta Zulaikha (isteri raja) terhadap Nabi Yusuf a.s. Nah! Jika demikian maka telah jelas betapa mulianya perasaan Nabi Yaaqub a.s. dan

luhurnya perasaan itu berbanding apa yang ada pada Zulaikha. Di sini terserlah betapa tingginya dan mulia perasaan *al-Syafaqah* berbanding *Al-Mahabbah*.

Guru saya Al-Imam Al-Rabbani³ berkata ketampanan wajah Nabi Yusuf a.s. termasuk dalam keindahan akhirat, maka keasyikan terhadap kecantikan Nabi Yusuf a.s. tidak dianggap sebagai keasyikan kepada dunia yang boleh menggambarkan sifat kekurangan dan kelalaian para anbia'. Guru saya menganggap cinta *majazi* ini sama sekali tidak sesuai dengan kedudukan para nabi.

Saya ingin menyatakan di sini wahai guruku! Ta'wilan ini ada yang tidak kena dan ia membebankan. Hakikat kisah ini sepatutnya begini: Perasaan yang dinamakan sebagai *masya'ir* (مشاعر) dan *ahasis* (احاسيس)⁴ bukanlah perasaan cinta sebaliknya ia adalah satu martabat *al-syafaqah* yang jauh lebih bersinar dari *al-mahabbah* ratusan kali bahkan lebih luas dan lebih tinggi daripada itu. *Al-Shafaqah* dengan segala bentuknya adalah terlalu halus, indah lagi bersih, tetapi perasan asyik (العشق) dan *al-mahabbah* tidak jauh berbeza dalam segala bentuknya, kemudian perlu diketahui bahawa *Al-Syafaqah* itu luas pengertiannya.

Ibarat seorang bapa yang simpati dan belas kasihan kepada anak-anaknya akan berperasaan yang sama kepada anak-anak lain bahkan melimpah kepada setiap makhluk yang mempunyai roh atau nyawa. Ini menunjukkan cahaya dari nama Al-Rahim luas cakupannya meliputi segala sesuatu sedangkan rasa asyik (العشق) terhadap kepada apa yang diasyiki dan dicintai itu sahaja. Sebarang pengorbanan tertumpu kepada apa yang dicintai itu. Maka si asyik dan mabuk cinta tadi akan menghina dan memandang rendah terhadap orang lain. Tujuannya tidak lain adalah untuk meninggikan kedudukan dan menambahkan sanjungan terhadap orang yang dicintainya.

Sebagai contoh, apabila seorang yang mabuk cinta pernah berkata: "Matahari berasa rendah diri dan malu kepada kecantikan kekasihku lalu dia berselindung di balik awan supaya kekasihku tidak melihatnya". Wahai si pencinta, atas dasar apa matahari perlu

³ Nama sebenar beliau ialah Ahmad bin Abd al-Ahad al-Sirhindi al-Faruqi (971-1034H). Beliau digelar sebagai Mujaddid Kurun Ke-2. Seorang yang amat tinggi ilmunya di zamannya, beliau juga seorang mursyid yang mendidik jiwa ke arah ikhlas dan penyerahan diri kepada Allah s.w.t. Beliau menolak segala jawatan yang ditawarkan kepadanya. Beliau telah bangkit menentang fitnah 'al-Malik Akbar' yang hampir merosakkan keislaman orang ramai. Al-Mawla al-Aziz telah merestui usaha beliau untuk menukar kerajaan Mongol dari berfahaman mulhid kepada Islam yang kaya dengan sistem persaudaraan dan taat setia. Beliau membersihkan tasawuf dari pencemaran yang teruk di kala itu. Ajaran dan dakwah beliau subur di benua India sehingga melahirkan pemimpin seperti al-Malik al-Soleh (Aurangzeb). Di zaman beliau umat Islam mendapat kemenangan besar dan kekufuran jatuh terhina. Dari situ, tarikat al-Naqsyabandiy yang dipimpinnya tersebar luas ke seluruh dunia Islam melalui al-Allamah Khalid al-Shahwazrawiy (1192-1243H) atau dikenali sebagai Maulana Khalid. Al-Imam al-Rabbani telah menghasilkan banyak karya antaranya ialah 'al-Maktubat' yang diterjemah ke Bahasa Arab oleh Muhammad Murad dan terkandung dalam dua juzuk. – Tambahan oleh penterjemah: Ihsan Qasim Salihi.

⁴ Kedua-dua bentuk perasaan ini membawa maksud perasaan yang wujud hasil sentuhan rasa insani contohnya; belas kasihan, sedih, rindu, semangat dan sentuhan perasaan yang lain tetapi ia bukan cinta dunia yang disertai nafsu.

malu dan rendah diri, sedangkan cakra itu telah dan sedang menzahirkan lapan nama Allah yang indah-indah belaka.⁵

Perasaan *Al-Syafaqah* adalah lebih telus. Ia tidak meminta sesuatu pun dari orang yang diberikan syafaqah. Ia amat bersih dari sebarang kepentingan dan tidak meminta ganjaran dari perasaannya itu. Buktinya ialah, *syafaqah* yang dilakukan ibu-ibu sekelian binatang terhadap anaknya, ia sentiasa disertakan dengan pengorbanan yang tiada tolak bandingnya. Ini adalah contoh serendah-rendah martabat *syafaqah*, ia tidak memerlukan sebarang balasan atas rasa simpati itu. Berbeza dengan rasa asyik dan cinta yang sentiasa mengharapkan ganjaran dan balasan. Tidak ada keluhan orang yang asyik dan mabuk cinta melainkan di sebaliknya ada perasaan inginkan sesuatu dan untuk menagih balasan.

Maka, syafaqah Nabi Allah Yaaqub yang terang bersinar dalam surah-surah Al-Quran, antaranya surah Yusuf, telah menyerlahkan nama Allah Al-Rahman dan Al-Rahim. Ia mengajar seluruh kehidupan insani bahawa jalan *syafaqah* adalah jalan rahmat Allah s.w.t., manakala cara untuk menenangkan rasa sedih dalam simpati pula ialah berzikir dengan firman Allah s.w.t.:

فَاللَّهُ خَيْرٌ حَافِظًا وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya:

Oleh itu aku hanya menaruh kepercayaan kepada Allah kerana Allah jualah Penjaga yang sebaik-baiknya, dan Dialah jua Yang Maha Mengasihani dari sesiapa sahaja yang menaruh belas kasihan (Yusuf, 12: 64)

يا باقي أنت الباقي

Said An-Nursi

5 Lapan nama Allah s.w.t yang dimaksudkan ialah: ...

Demikian yang tercatat dalam teks asal risalah ini, sehingga kini penterjemah tidak menemui apakah yang dimaksudkan dengan 8 nama agung tersebut secara pasti.

Khabar Gembira Tentang Tauhid

(Al-Maktub Kedua Puluh)

Dengan Nama Allah s.w.t. Yang Maha Suci

(وإن من شيء إلا يسبح بحمده)

لا إله إلا الله، وحده، لا شريك له، له الملك، وله الحمد، (يحيي، ويميت، وهو حي لا يموت،
بيده الخير، وهو على كل شيء قدير)، وإليه المصير⁶

Zikir di atas mengandungi intipati tauhid. Ia terdiri dari sebelas kalimah dan frasa kata. Fadhilatnya begitu banyak jika dibaca selepas solat Subuh dan Maghrib. Terdapat riwayat yang sahih mengatakan bahawa dia mengandungi martabat (الإسم الأعظم). Tidak hairanlah mengapa setiap kalimah di dalamnya menitiskan segala harapan, penawar dan perkhabaran gembira. Ia mengandungi martabat paling mulia dalam tingkatan tauhid *rububiyyah*. Ia menjelaskan kemegahan keesaan tuhan dan kesempurnaan tauhid dari penjuru (الإسم الأعظم). Oleh kerana hakikat yang luas dan agung ini telah diterangkan dengan sejelas-jelasnya dalam seluruh '*al-kalimat*' maka hendaklah dirujuk di sana. Memadai di sini kita meletakkan petunjuk kandungannya sahaja seperti yang dijanjikan; semuanya dalam bentuk ringkasan yang *mujmal* terdiri dari dua 'maqam' dan satu muqaddimah.

Muqaddimah

Ketahuiilah secara yakin puncak tujuan hidup setiap makhluk dan sebesar-besar hasil fitrah insani ialah iman kepada Allah s.w.t. dan ketahuiilah bahawa setinggi-tinggi martabat insan dan sebaik-baik makam kemanusiaan ialah mengenal Allah s.w.t. (*ma'rifatullah*). Ia terhasil dari sebuah keimanan yang tulen dalam diri insan. Ketahuiilah, bahawa seindah-indah kebahagiaan bagi manusia dan jin dan semanis-manis nikmat ialah cinta Allah s.w.t. (*mahabbatullah*) yang terbit dari ma'rifatullah. Ketahuiilah sebenar-benar kegembiraan bagi roh manusia dan seelok-elok hiasan dan kerihatan bagi hatinya ialah kelazatan rohani yang terpancar dari mahabbah tadi. Ya! Kebahagiaan yang sebenar dan kegembiraan yang tulen dan nikmat yang tiada

⁶ Setiap kali selesai solat lima waktu selepas memberi salam, Rasulullah s.a.w menyebut ungkapan di atas sebanyak 3 kali dan membaca (اللهم لا مانع لما أعطيت ولا معطي لما منعت ولا ينفع ذا الجد منك الجد). Hadis tentang ungkapan ini disebutkan oleh Ahmad bin Hambal dalam Musnadnya 4/227, Ibn Abi Syaibah dalam Musannafnya 6/27, 7/171, al-Bazzar dalam musnadnya 3/260 dan al-Tabaraniy dalam Mu'jam al-Kabir. Saya berpendapat, hadis yang didatangkan oleh an-Nursi ini adalah antara keajaiban Risale I Nur kerana ketika saya cuba mengenalpasti rujukan hadis ini, saya dapati sebutan tentang zikir dan wirid selepas solat ini berbeza dalam lafaznya. Menghimpunkan semua tambahan ini dalam satu lafaz pula amat sukar, ia memerlukan rujukan yang luas dan pengetahuan yang mendalam tentang Ilmu Hadis. Jika demikian, apa yang saya katakan tentang kemampuan an-Nursi ini ialah anugerah Allah '*Ikram Illahi*', kerana pada ketika itu beliau tidak langsung merujuk apatah lagi memiliki semua rujukan hadis tersebut seperti yang dimiliki oleh pengkaji hadis – Ulasan Takhrij oleh penterjemah: Ihsan Qasim Salihi.

selepasnya nikmat dan kelazatan yang tiada di atasnya kelazatan hanya berada pada *ma'rifatullah* dan *mahabbatullah*. Tiada kebahagiaan, tiada kegembiraan dan tiada nikmat sebenar tanpanya.

Setiap yang mengenal Allah s.w.t. sebenar-benar makrifat dan dipenuhi hatinya dengan nur mahabbah akan menjadi pemilik kebahagiaan yang tiada penghujung dan merasai nikmat yang tiada henti. Dia akan memperoleh cahaya dan rahsia yang tidak putus-putus, sama ada melalui perbuatan atau secara realiti atau secara kesediaan dan penerimaannya semula jadi. Mereka yang tidak kenal pencipta secara betul tidak akan memperoleh cinta dan kasih sayang yang selayaknya, akan ditimpa pula oleh derita kebendaan dan derita jiwa yang tiada henti; dia akan terus menderita dengan kesakitan dan prasangka masa depan yang tidak bertepi.

Ya! Manusia yang hina dan menderita kesakitan kerana kehilangan tuhan yang memeliharanya dan keluh kesah dengan kehidupan yang tidak bererti dan tidak mendatangkan apa-apa kebaikan untuknya, dia lemah dan kerdil di dalam kumpulan manusia yang menderita itu. Tiada apa yang boleh menyelamatkan dirinya walaupun dia adalah raja yang paling berkuasa di muka bumi ini.

Alangkah deritanya jiwa insan yang menggelupur dengan kehidupan seumpama ini dalam meneruskan hidup di tengah kelompok manusia yang sedemikian rupa jika dia tidak menemui tuhan yang sebenar dan tidak mengenal pemilik dirinya itu, tuhan yang sebenar-benar makrifah. Jika seorang insan mendapati tuhan yang sebenar dan mengenal penciptanya itu nescaya dia akan bergegas untuk mendapatkan rahmat tuhan yang maha luas dan dia akan bergantung kepada ketinggian kudrat tuhan yang mutlak. Ketika itu dunia yang liar ini akan berubah menjadi taman yang indah dan medan perniagaan yang menguntungkan.

Maqam pertama:

Semua kalimah dari ungkapan tauhid yang indah ini menghamburkan berita gembira dan memberikan harapan yang gemilang. Di setiap perkhabaran gembira itu terdapat ubat dan penawar. Di setiap ubat dan penawar itu pula terdapat kelazatan maknawi dan kelapangan rohani.

Kalimah pertama: لا إله إلا الله

Kalimah ini menitiskan khabar gembira yang besar ertinya dan harapan yang menggunung. Untuk memahaminya hayatilah keterangan berikut: Sesungguhnya roh manusia dibaluti oleh keperluan yang tiada bertepi. Dalam masa yang sama roh itu dikejar oleh segenap musuh yang tidak terkira banyaknya. Roh yang terhimpit antara keperluan yang tiada henti dan musuh yang tidak terkira banyaknya ini akan menemui sumber pertolongan dan bantuan yang cukup banyak dari kalimah yang mulia ini. Di sinilah pintu khazanah rahmat yang luas dibukakan untuknya, lalu dia mengambil apa yang diperlukan untuk memenuhi hajat dan menjamin keperluan hidupnya. Di situ juga dia memperoleh asas sebenar dan landasan yang diredhai yang memungkinkan

ia menolak segala kejahatan. Dia mampu untuk meminggirkan setiap mudharat yang datang. Demikianlah apabila insan diperlihatkan oleh kalimah tadi tentang kekuatan tuhanNya dan menunjukkan kepadanya jalan untuk sampai kepada tuhanNya yang maha berkuasa dan menunjukkan jalan menuju tuhan penciptanya yang layak disembah. Dengan pandangan yang tepat ini, dan makrifah Allah s.w.t. yang bersifat tunggal dan esa dengan cara sebenar akan menyelamatkan insan dari kegelapan pekat dan kehidupan penuh sangsi. Lantas rohnya akan bebas dari kesakitan derita dan keluh kesah. Bahkan semua ini bakal memberikannya jaminan kegembiraan abadi dan kebahagiaan berpanjangan.

Kalimah kedua: وحده

Kalimah ini menyinarkan harapan dan mengumumkan khabar gembira yang amat menghiburkan iaitu: Roh dan hati manusia sememangnya telah letih bahkan ia sebenarnya lemas tak bermaya di bawah tekanan dan ikatan kuat yang sentiasa membelenggunya akibat hubungannya dengan sebahagian besar makhluk di dunia. Melalui penghayatan kalimah ini, roh dan hati insan akan mendapat keamanan dan kedamaian. Keamanan ini menyelamatkannya dari penyeksaan; kalimah وحده itu memberitahu bahawasanya Allah s.w.t. itu esa lagi tunggal, maka:

“Janganlah kamu meletihkan diri mu wahai insan dengan menagih simpati orang lain..”

“Jangan kamu merendah di depan mereka...”

“Jangan kamu lemah di bawah kecaman mereka...”

“Jangan kamu tundukkan kepala di hadapan mereka...”

“Jangan kamu merasa letih lalu kamu tunduk dan patuh kepada mereka...”

“Jangan kamu takut kepada mereka dan gementar berhadapan dengan mereka...”

Kerana raja alam semesta ini adalah satu, dan di sisiNya lah kunci segala perkara; di tanganNya kemudi setiap sesuatu. Setiap ikatan terlerai dengan perintahNya. Segala kesusahan berakhir dengan izinNya. Jika kamu menemuinya bererti kamu telah memiliki segala perkara dan kamu telah pun berjaya memperoleh apa yang kamu minta dan kamu selamat dari bebanan fitnah, kesusahan dan dari hambatan ketakutan.

Kalimah ketiga: لا شريك له

Maksudnya di sini sepertimana Allah s.w.t. itu tiada tandingan dan persamaan di dalam *uluhiyah*nya kerana Allah s.w.t. itu satu, maka begitu jugalah *rububiyyah* Allah s.w.t., segala pentadbirannya dan bagaimana dia mewujudkan setiap perkara hendaklah dibersihkan dari segala tandingan dan persamaan dan terhindar dari segala syirik. Ini berbeza dengan pemerintah-pemerintah dunia. Boleh jadi terdapat hanya seorang sultan sahaja yang memerintah dalam satu kerajaan, namun dia tidak berseorangan dalam pentadbirannya kerana pegawai-pegawai kerajaan dan istana dikira bersekutu dengannya dalam mengurus dan melaksanakan pentadbirannya. Mereka boleh melakukannya tanpa berhadapan dengan sultan tadi dan meminta

mereka merujuk kepadanya terlebih dahulu. Tetapi Allah s.w.t. yang maha agung adalah sultan yang azali, tuhan yang satu, yang tiada sekutu bagiNya dalam pemerintahanNya. Allah s.w.t. tidak perlu kepada pembantu-pembantu dalam menguruskan pentadbiran *rububiyyah*Nya kerana tiada yang tidak boleh memberi kesan kepada yang lain kecuali dengan arahan, kehendak dan kuasaNya.

Semua makhluk boleh merujuk kepada Allah s.w.t. tanpa orang tengah kerana Allah s.w.t. itu tiada sekutu mahu pun pembantu. Tidak akan dikatakan sama sekali kepada orang yang ingin mengadap Allah s.w.t., “Kamu tidak dibenarkan untuk mengadap tuhanmu”. Demikianlah kalimah ini mengandungi harapan yang jernih dan khabar gembira yang menyenangkan. Maka saudara katakanlah:

“Bahawa manusia yang disinari rohnya dengan sinar iman akan mampu untuk membentangkan keperluannya tanpa sekatan dan halangan di hadapan zat yang maha pemurah, maha indah, yang maha tinggi, yang maha kuasa lagi memiliki kesempurnaan. Manusia boleh meminta apa sahaja kehendaknya, tak kira siapa insan itu dan di mana dia berada. Apa saja yang diinginkannya boleh dikemukakan di hadapan Allah s.w.t. yang Maha Rahim yang memiliki khazanah rahmat yang maha luas bersandarkan sepenuhnya kepada kekuatannya yang mutlak. Maka dengan itu alam dipenuhi dengan kegembiraan, keseronokan yang gilang-gemilang.

Kalimah Keempat : له الملك

Maksudnya di sini: kekuasaan semuanya adalah milik Allah s.w.t. tanpa terkecuali. Diri saudara juga adalah milikNya selain saudara juga adalah hambaNya dan pekerja di dalam kerajaanNya.

Sesungguhnya kalimah ini memberikan harapan dan menitiskan khabar gembira yang menyejukkan hati... ia memberitahu kita: “Wahai insan! Jangan kamu menyangka diri kamu adalah milikmu.... sekali-kali tidak, kerana kamu tidak mampu untuk mengurus dirimu sendiri. Ianya satu bebanan yang berat dan tugas yang amat besar. Kamu juga tidak mampu untuk mempertahankan dirimu dan menyelamatkannya daripada bala dan bencana. Kamu tidak dapat memberikan segala keperluan hidupmu untuk dirimu...maka janganlah kamu timpakan dirimu dengan kesakitan yang sia-sia lalu kamu melontarkannya ke lembah dukacita dan sengsara. Kekuasaan bukan milikmu tetapi milik Allah s.w.t.; Allah s.w.t yang ‘maha kuasa’ itu dalam masa yang sama adalah ‘maha penyayang’. Maka bersandarlah kepada kudratNya dan jangan kamu buruk sangka kepada rahmatNya; buanglah yang keruh ambillah yang jernih; jauhkan benda yang susah dan perit dan bernafaslah dengan lega dan pergilah menuju ketenangan dan kebahagiaan”.

Kalimah ini juga memberitahu bahawa kehidupan ini bahkan keseluruhan yang wujud adalah milik Allah s.w.t. yang *qadir* lagi *rahim*; meskipun kamu amat menyukainya, ia menjadi tempatmu bergantung, mencurahkan suka duka, kesukaran dan kecelaruan yang kamu alami. Kamu tidak mampu untuk membetulkan segala kepincangan dalam kewujudan ini. Maka serahkanlah kewujudan ini kepada kerajaan Allah s.w.t.

Bebaskan dirimu darinya dan biarkan Allah s.w.t. yang menguruskannya. Maka selepas itu berbahagialah kamu dengan kenikmatan dan kebaikan yang ada padaNya. Usah pedulikan kesukaran dan penderitaan yang ada pada kewujudan ini. Allah s.w.t. maha hakim dan maha rahim. Dia akan terus mengurus kerajaan dan kekuasaanNya yang maha luas dan agong itu mengikut kehendakNya sesuai dengan hikmah dan rahmatNya.

Setiap kali kamu dirundung derita dan merasa takut berdirilah kamu di tingkap, menghadaplah ke alam luar sana dan katakanlah seperti disebut oleh Ibrahim Haqqi: “Marilah kita melihat apa yang dilakukan oleh Allah s.w.t. kerana semuanya adalah yang terindah belaka”.

Kalimah kelima: وله الحمد

Maksudnya di sini, segala puji kesyukuran, pujaan dan rasa terhutang budi kesemuanya hendaklah ditujukan kepada Allah s.w.t. satu-satunya. Dialah yang layak secara tunggal untuk semua itu kerana segala nikmat dan kebaikan adalah dariNya. Kesemuanya itu adalah limpahan dari khazanah kekayaanNya yang maha luas, khazanah yang berterusan dan tidak pernah kering.

Demikianlah kalimah ini memberikan khabar yang cukup menggembirakan dan ia begitu kudus. Ia memberitahu kita:

“Wahai sekalian insan! Janganlah kamu merasa derita atas kehilangan nikmat kerana khazanah rahmat Allah s.w.t. tidak pernah kering. Janganlah kamu mengeluh dengan kehilangan keseronokan hidup dan kelazatan duniawi, kerana nikmat yang sedikit itu adalah buah kepada nikmat Allah s.w.t. yang maha luas dan tiada penghujung. Sifat buah akan berterusan silih berganti selagi mana pokoknya kekal kukuh berdiri dengan subur”.

“Ketahuilah wahai insan! Bahawa kamu mampu menggandakan satu kelazatan nikmat seratus kali ganda lebih indah dan lebih besar. Caranya ialah dengan melihat bagaimana rahmat Allah s.w.t. sentiasa mengelilingi mu dan memberikan khidmat kepadamu ... maka syukur dan puji kepada Allah s.w.t. itulah yang akan menggandakannya. Ia sama sahaja jika seorang raja atau sultan yang mempunyai kesultanan yang besar mengiriskan hadiah kepadamu walau hanya sebiji epal maka kamu akan merasai kelazatan epal tersebut lebih dari biasa berkali-kali ganda. Itulah sebenarnya kelazatan ‘perhatian raja dan pandangan sultan’ yang dititipkan secara khusus kepada kamu dengan sekalian ihsanNya.

Demikian juga, kalimah (وله الحمد) ini telah membuka pintu yang luas di hadapanmu lalu membuaklah darinya kelazatan maknawi yang hakiki; dia lebih lazat dari nikmat duniawi itu sendiri ribuan kali ganda jika diiringi dengan puji dan syukur kepada Allah s.w.t.

Maksud puji dan syukur ini ialah dengan merasakan tiada apa yang dimiliki dan sememangnya kita tidak punya apa-apa terhadap nikmat itu, iaitu dengan mengenali pemberi nikmat dan memikirkan bagaimana pemberian nikmat itu dilakukan. Ia boleh dirasakan dengan cara tafakkur dan merenung melalui mata hati bagaimana rahmat, perhatian, simpati Allah s.w.t. yang maha agung itu sentiasa datang dan menghujanimu tanpa henti.

Kalimah keenam: يحيي

Maksudnya di sini: Dialah yang memberikan kehidupan dan membekalkan kehidupan itu dengan rezeki. Dialah bertanggung jawab terhadap keperluan dan kepentingan setiap yang hidup itu. Dia menyediakan asas dan keperluan dalam sebuah kehidupan, maka matlamat tertinggi dalam kehidupan mestilah kembali kepada Allah s.w.t. Natijah utama kehidupan juga mestilah diserahkan kepada Allah s.w.t. Sebanyak 99% dari buah dan hasil daripada satu-satu kehidupan dipersembah dan dikembalikan kepada Allah s.w.t. yang maha esa.

Demikianlah kalimah ini menyeru sekalian insan yang fana dan lemah lalu ia memberikan mereka khabar gembira dan meniupkan roh harapan dan memberitahu mereka: "Wahai sekalian insan, janganlah kamu menyusahkan diri dengan bebanan dunia yang begitu berat di atas bahu mu. Jangan jadikan dirimu tenggelam dengan dunia yang fana' dan yang pasti berada. Janganlah kamu kecewa dan kesal dengan kedatangan mu ke dunia apabila melihat segala ni'mat mula berakhir dan keseronokan dunia mula gugur satu persatu. Ketahuilah bahawa hidupmu yang memakmurkan kewujudanmu adalah jelmaan sifat Allah alhayyul qayyum. Dialah yang bertanggung jawab terhadap keperluan dan hajatmu. Hidup ini dengan segala matlamat dan hasilnya yang begitu banyak hanyalah untukNya yang satu.

Kamu hanyalah seorang pekerja dalam bahtera kehidupan. Jalankan tugasmu dengan sebaiknya. Selepas itu ambillah upahmu dan berbelanjalah. Perlu diingat betapa besarnya kehidupan ini terhadap kewujudan; betapa besar faedah dan hasilnya untuk dituai demi kepentingan kita; betapa pemurah pemilik kehidupan ini yang mempunyai rahmat yang begitu luas...perhatikan hal ini lalu terbanglah ke angkasa kegembiraan. Terimalah khabar gembira ini. Tunaikan kesyukuranmu terhadap tuhan mu. Ketahuilah jika kamu berada di jalan lurus dalam amalanmu maka tertulislah untuk mu segala hasil dari bahtera kehidupan ini lalu kamu diberikan kehidupan yang kekal maka hiduplah kamu selepas itu dalam kehidupan abadi di akhirat.

Kalimah ketujuh: يميت

Maksudnya di sini: Allah s.w.t. lah yang memberikan kematian. Dialah yang membebaskan kamu dari tugas kehidupan. Dia memberikan tempat lain sebagai ganti kepada dunia yang fana. Dia menyelamatkan kamu dari beban kehidupan dan membebaskan kamu daripada tanggung jawab duniawi. Dengan erti kata lain, Allah s.w.t. menjemputmu dari alam fana menuju ke alam kekal.

Demikianlah kalimah ini memberitahu secara terus ke telinga manusia dan jin yang hidup sementara akan perkhabaran berikut:

“Dengarlah khabar gembira ini. Mati bukanlah satu hukuman bunuh, dia bukan perkara yang kosong dan sia-sia. Ia bukan pelupusan, pengakhiran dan bukan juga satu perpisahan abadi ... sekali-kali tidak. Mati bukannya sebuah kehilangan. Ia juga bukan kebetulan. Ia bukan pereputan jasad secara sendiri tanpa pelakunya... bahkan dia adalah pembebasan oleh Allah s.w.t. yang Maha Hakim dan Rahim. Mati adalah proses pertukaran tempat dan perubahan suasana. Ia adalah jalan menuju kebahagiaan abadi iaitu di kampung halaman kita yang asal. Mati adalah pintu yang menghubungkan manusia ke alam barzakh...alam yang telah menghimpunkan 99% kaum kerabat, rakan dan taulan kita.”

Kalimah kelapan. (وهو حي لا يموت)

Maksudnya di sini: segala kesempurnaan, kebaikan dan ihsan yang zahir dalam setiap makhluk adalah jalan untuk bermahabbah. Ia menzahirkan sifat ketuhanan Allah s.w.t. yang memiliki kecantikan, kesempurnaan dan ihsan yang tiada bertepi mengatasi segala darjat yang tidak dapat diperkatakan dengan ungkapan. Setitis jelmaan kecantikan Allah s.w.t. menyamai seluruh kecintaan duniawi. Tuhan yang dikasihi dan disembah ini mempunyai sifat hidup yang kekal abadi berterusan. ZatNya suci dari apa saja unsur lupus dan fana. ZatNya bebas dari setiap unsur kekurangan dan kelemahan.

Oleh yang demikian kalimah ini ingin mengumumkan kepada setiap yang bernyawa di kalangan jin dan manusia, dan sesiapa saja yang mempunyai rasa hati, kebijaksanaan, *isyq* dan mahabbah bahawa:

“Ini adalah khabar gembira untuk mu. Ia adalah nafas harapan dan kebaikan. Kamu sebenarnya mempunyai kekasih yang sifatnya kekal azali. Dia mengubati luka parahmu terhadap perpisahan duniawi yang abadi dengan dunia yang kamu cintai, dia mengubat lukamu dengan ubat penyembuh dan penawar dari rahmatnya. Selagimana Dia adalah *al-Maujud* (ada) dan selagi mana Dia adalah *al-Baqi* (kekal) maka setiap perkara adalah mudah dan ringan baginya ... maka janganlah kamu berkeluh kesah dan berputus asa. Sesungguhnya ihsan, kebaikan dan kesempurnaan dariNya yang menjadikan kamu leka dengan kecintaan dunia hanyalah secebis dari bayangan yang tembus dari hijab yang begitu banyak terhadap jelmaan sifat *al-jamal* (maha indah) Allah s.w.t. yang kekal itu. Maka jangan sekali-kali kamu rasa tersiksa dengan pemergian dunia atau ketika kamu meninggalkan mereka, kerana mereka hanyalah cermin-cermin yang menjelmakan sifat-sifat Allah s.w.t. Dengan menukar cermin itu dan mengubah kedudukannya akan menambahkan lagi gambar ketinggian sifat Allah *Al-jamal* itu. Selagimana Allah s.w.t. itu wujud maka setiap sesuatu akan wujud bersamanya.

Kalimah Kesembilan (بيده الخير)

Maksudnya: segala kebaikan adalah di tangannya. Setiap amal baikmu pula dicatatkan dalam daftar amal mu. Setiap amal soleh yang kamu lakukan akan ditulis, disimpan dengan tepat di sisinya. Kalimah ini memberitahu manusia dan jin tentang khabar gembira yang memberikan mereka harapan dan kerinduan kepada janji Allah s.w.t. tersebut. Ayat ini memberi perkhabaran berikut:

“Wahai mereka yang lemah, jangan kamu mengeluh apabila meninggalkan dunia ini menuju ke perkuburan sambil berkata, ‘Alangkah rugi dan binasanya aku’. Semua hartaku pergi begitu saja. Apa yang aku usahakan semuanya sia-sia. Aku akhirnya memasuki kubur yang sempit selepas berada di dunia yang luas. Jangan dan jangan kamu mengeluh demikian dengan penuh kekecewaan, kerana apa yang kamu usahakan dan apa yang ada di sisimu ketika di dunia telah disimpan baik-baik oleh Allah s.w.t. di sisinya. Apa saja yang kamu lakukan dari segala perbuatan dan usaha dicatatkan dengan rapi di sisinya. Tiada satu pun yang tertinggal dan tiada satu pun usaha yang dilupakan. Kerana Allah s.w.t. yang maha agung dan *al-Jalal* itu di tanganNya segala kebaikan. Dia akan membalas segala amalanmu. Dia akan memanggilmu untuk berdiri di hadapannya setelah dia meletakkanmu sementara waktu di dalam tanah.

Jika demikian, alangkah bahagianya saudara. Saudara telah menyelesaikan khidmat dan menamatkan tugas di dunia, lalu saudara bebas dari tanggungjawab tersebut. Kini berakhirilah zaman kesusahan dan hilanglah segala beban yang berat. Ini adalah waktu untuk saudara menerima upah, ganjaran dan segala keuntungan.

Benar, sesungguhnya Allah s.w.t. yang maha *qadir* dan *jalil* telah memelihara sekalian benih yang berupa catatan amal yang ditanam di musim menanam. Begitu juga kesemua daftar khidmat dan ruang kerja. Ia akan dipaparkan pada musim menuai ini dalam bentuk yang begitu meriah dan gilang-gemilang, melebihi dari apa yang dilihat ketika musim menanam. Allah s.w.t. yang maha *qadir* dan *jalil* itu juga menyimpan segala hasil kehidupan dan penghujung amal saudara lalu diberikan balasan setimpal dengan sebaik-baik balasan dan pahala yang berlipat kali ganda.

Kalimah kesepuluh: (وهو على كل شيء قدير)

Maksudnya: Dia adalah yang maha esa lagi tunggal. Dia berkuasa atas segala sesuatu. Tiada suatu pun yang payah baginya. Tiada yang menyekatnya. Tiada juga perkara yang susah untuk dilakukannya. Menjadikan seluruh musim bunga adalah semudah menjadikan sekuntum bunga baginya. Begitu juga mencipta syurga adalah semudah mencipta musim bunga. Setiap makhluk yang diciptakanNya pada setiap saat dan ketika, setiap hari, setiap tahun dan setiap zaman menjadi saksi atas ketinggian qudratNya yang maha agung dengan cara berzikir kepadaNya.

Kalimah ini menyuburkan harapan dan memberikan khabar gembira dengan menyeru sekalian manusia:

“Wahai manusia! Setiap amal dan *ubudiyyah* yang kamu lakukan dan laksanakan pada setiap masa tidak hilang begitu saja. Di sana ada negara pembalasan yang kekal abadi. Di sana ada perkampungan bahagia yang telah disediakan untukmu. Di depanmu ialah syurga abadi yang menunggu dan merindui kedatanganmu. Percayalah akan janji penciptamu yang *jala* yang selama ini kamu sujud mengabdikan diri kepadanya, yang kamu beriman dan mencari ketenangan di sisiNya. Mustahil sama sekali Allah s.w.t. yang maha agung itu memungkiri janji yang telah dimeteraiNya sendiri, kerana adalah mustahil qudratNya itu dicemari unsur kekurangan, lemah dan tiada kemampuan. Sepertimana Allah s.w.t. menjadikan halaman rumahmu yang kecil dan menghidupkannya dengan bunga-bunga, begitu juga Allah s.w.t. dengan mudah menciptakan syurga yang luas bahkan syurga itu sebenarnya telah pun tercipta. Itulah yang dijanjikannya untukmu. Oleh kerana ia adalah janji maka ia pasti dikota, lalu kamu akan dimasukkan ke syurga itu.

Kita sentiasa melihat himpunan dan tebaran setiap tahun lebih dari 300 ribu jenis tumbuhan dan binatang secara tersusun dan dengan perhitungan kehidupan yang rapi. Ia bergerak dalam satu sistem yang begitu cepat dan laju tetapi dalam peraturan yang mudah. Sudah pasti Allah s.w.t. yang maha *qadir* dan *jali* itu mampu dan berkuasa untuk menunaikan setiap janji yang diberikan kepada hambaNya.

Perhatikanlah hakikat berikut ...

Allah s.w.t. mempunyai kuasa mutlaq untuk menciptakan setiap tahun ribuan jenis serangga dan kebun-kebun dengan berbagai bentuk dan rupa. Dia juga yang memberikan khabar gembira dengan syurga yang dijanjikan. Dia menjanjikan juga kebahagiaan yang abadi kepada mereka yang taat kepada perintah dari langit yang diturunkanNya. Kesemua urusan pentadbiran ketuhananNya benar belaka dan sentiasa tepat dan betul. Kesemua kesan ciptaanNya menyaksikan segala kesempurnaan zatNya, sekaligus sebagai bukti bahawa zatNya yang maha agung itu suci dari segala kekurangan atau kecuai. Memungkiri janji, menipu dan enggan menunaikan hutang adalah seburuk-buruk sifat selain ianya adalah satu kekurangan dan tidak bertanggung jawab.

Jika hakikat di atas difahami, maka Allah s.w.t. sudah pasti melaksanakan segala janji yang diberikannya kepada setiap makhluk kerana Dia adalah bersifat *al-Qadir* yang mempunyai sifat *al-Jala*; Dialah *al-Hakim* yang mempunyai sifat *al-Kamal*. Dialah *al-Rahim* yang memiliki sifat *al-Jala*. Dia akan membukakan semua pintu kebahagiaan abadi dan memasukkan semua kamu wahai orang yang beriman ke dalam syurga yang merupakan kampung halaman bapa kamu yang pertama iaitu Nabi Adam a.s.

Kalimah Kesebelas: (وإليه المصير)

Maksudnya di sini: Kesemua mereka yang dihantar ke dunia ini, yang merupakan tempat ujian, tempat urus niaga dan tempat melaksanakan tugas yang diarahkan akan kembali semula kepada pencipta mereka iaitu Allah s.w.t. yang maha agung.

Selepas mereka melaksanakan tugas dan perniagaan mereka dan segala khidmat yang diarahkan mereka akan bertemu Allah s.w.t. *al-Karim* yang telah mengutuskan mereka ke bumi. Ertinya mereka akan dipersilakan untuk menghadap Allah s.w.t. yang bersifat *al-karim* di tempat yang mulia di sisi tuhan mereka yang maha berkuasa. Di kala ini tiada lagi hijab antara tuhan dan hambanya. Mereka bebas dari segala belenggu *asbab* hijab dan halangan wasilah. Mereka akan menemui dan mengenali tuan, tuhan, pemilik dan pencipta mereka sebenar-benarnya.

Kalimah ini meniupkan harapan dan kegembiraan yang mengatasi segala yang lain dan memberitahu kita: “Wahai manusia, tahukah kamu ke manakah kamu akan pergi dan ke manakah kamu akan dibawa? Di bahagian akhir kalimah ke 32 dinyatakan: Seribu tahun kehidupan di dunia dengan segala kemewahan dan kenikmatan tidak sekali-kali sama dengan sesaat hidup di syurga, manakala seribu tahun hidup dengan kenikmatan syurga sama sekali tidak akan menyamai kenikmatan dan kegembiraan melihat Allah s.w.t. yang maha indah dan agung”.

Wahai insan! Sebenarnya kamu kembali ke medan rahmatNya...berada di perkarangan istananya. Segala kecantikan dan keindahan makhluk yang selama ini kamu kagumi dan sayangi, segala keindahan ciptaanNya yang pernah kamu lihat hanyalah percikan keindahan dan jamaNya. Ia adalah bayangan asmaul husnaNya. Maka, apa saja yang ada di syurga dengan segala kenikmatan seperti istana dan bidadarinya adalah renjisan rahmatNya yang maha agung. Segala rasa cinta, suka, rindu, tertarik kepada sesuatu dan apa saja yang dilihat indah semuanya adalah kilauan mahabbah Allah s.w.t. yang bersifat *al-baqi* itu. Dialah sebenar-benarnya zat yang wajib dicintai (المحبوب) dan kekal berdiri sampai bila-bila tiada penghujung. Kini kamu sedang menuju ke persekitaran zatNya dan ke maqam hadhratNya yang maha suci. Kamu dipersilakan untuk menjadi tetamu abadi yang ditempatkan di syurgaNya yang juga abadi.

Janganlah sekali-kali kamu berdukacita dan menangis ketika dimasukkan ke kubur. Sebaliknya, bergembiralah...terimalah kematian itu dengan penuh kesyukuran, senyuman dan kegembiraan.

Kalimah ini terus menyemarakkan cahaya harapan dan kegembiraan dengan mengungkapkan: “Wahai insan! Janganlah kamu menganggap kamu sedang menuju kemusnahan, menuju ‘tiada’, atau sedang menghadap proses pelupusan, kegelapan, dilupai, pereputan, kehancuran, peleraian, tenggelam dalam keramaian makhluk atau proses pelenyapan! Sebaliknya hendaklah kamu memahami bahawa kamu sedang menuju ke arah ‘kekekalan’ bukan ‘kehancuran’. Kamu menuju kepada ‘ada’ bukan kepada ‘tiada’. Kamu menuju ke alam ‘cahaya’ bukan ke alam ‘kegelapan’. Kamu sebenarnya menuju ke arah tuhanmu yang menjadi penguasa dan pemilikmu yang hakiki. Kamu kembali menuju ke kerajaan ‘Sultan Alam Semesta’. Kamu akan berehat di halaman tauhid ini dan tidak lagi tenggelam dalam keramaian makhluk. Kamu sedang menuju ke arah pertemuan agung yang tidak akan ada perpisahan selepasnya...

Hakikat Keimanan Adalah Suatu Keutamaan

(Al-Maktub yang Kelima)

Dengan Nama Allah s.w.t. Yang Maha Suci

(وإن من شيء إلا يسبح بحمده)

Pemimpin tertinggi Tarikat an-Naqsyabandiah iaitu Al-Imam al-Rabbani r.a. dalam karyanya `al-Maktubat'⁷ menyatakan:

“Pada hemat saya, mencari penjelasan terhadap masalah keimanan yang ada kekeliruan adalah lebih utama dari mengejar ribuan azwaq, wawajid dan karamah kewalian...”

Beliau juga berkata:

“Kemuncak kesufian ialah mencari kebenaran tauhid, keimanan dan memperjelas sebarang kekeliruan (mengenalinya)”.

Beliau menambah:

Kewalian (*al-wilayah*) itu ada tiga peringkat. Pertamanya ialah wilayah sughra dan itulah yang paling terkenal; keduanya wilayah wusta dan ketiganya ialah wilayah kubra. Peringkat ketiga inilah yang bukaan jalannya adalah secara terus kepada alam hakikat tanpa melalui jalan tasawuf, sebaliknya melalui warisan kenabian.⁸

Al-Imam an-Naqsyabandi menyatakan:

⁷ Maktubat/ al-Maktub: 210, 260, 75, 91, 94

⁸ Kewalian (*al-wilayah*) itu ada tiga peringkat:

1- Wilayah Sughra

Ia adalah “kewalian” yang diperolehi oleh seorang *salik* dengan penjagaan syariah yang rapi sehingga mampu meninggalkan dosa-dosa kecil apatah lagi dosa besar. Namun ia mesti juga berasaskan kepada kemantapan tauhid.

2- Wilayah Wusta

Ia adalah “kewalian” yang diperolehi seseorang *salik* dengan melibatkan diri dalam aliran tariqat. Tujuan menyertai tariqat adalah kerana ingin mendapatkan bimbingan guru yang mursyid dan murabbi kerana dia tidak mampu mendidik dirinya sendiri. Para Ulama melibatkan diri dalam tariqat adalah untuk mendidik dan membentuk gerakan juang; mereka akan mendidik diri mereka sendiri.

3- Wilayah Kubra

Kewalian peringkat ini diperolehi dengan anugerah Allah s.w.t. (*ladunni*) sama ada secara warisan kenabian (*ahlulbait*) atau ulama yang soleh. Bagi kita yang bukan *ahlulbait* dan bukan pula ulama tidak perlu menantikan hal ini berlaku. Jika Allah s.w.t. menginginkan maka pasti Dia akan memilih mana-mana hambaNya untuk memperoleh anugerah ini.

Secara umum kita adalah mereka yang hampir ke garisan wali kelas ke 3 (wilayah sughra) yang telah dinyatakan oleh an-Nursie di atas. Jika kita meneruskan taqarrub kepada Allah s.w.t. kita akan mencapai kewalian kelas 3 ini. Namun jangan biarkan hidup kita berada di bawah tahap kewalian.- Tambahan dan penjelasan oleh Ibnor Azli Ibrahim

“ Perjalanan menuju Allah s.w.t. dalam Tariqat Naqsyabandiyyah bergerak atas dua sayap iaitu l'tiqad yang tepat dengan hakikat keimanan dan amalan yang sempurna terhadap kefardhuan agama. Jika berlaku kecacatan atau kekurangan dalam mana-mana sayap ini maka perjalanan itu akan terganggu ”.

Maksudnya di sini, Tariqat Naqsyabandiyyah mempunyai tiga dimensi:

Yang pertama: Berkhidmat terhadap hakikat keimanan secara langsung (ini adalah yang paling utama dan agung).

Yang kedua: Berkhidmat kepada setiap perkara menegakkan kefardhuan agama dan sunnah Nabi s.a.w. di bawah payung tariqat ini.

Yang ketiga: Berusaha membersihkan diri dari penyakit hati secara tasawuf dan melangkah mengikut degup jantung.

Yang pertama tadi hukumnya fardhu, yang kedua hukumnya wajib manakala yang ketiga tadi hukumnya adalah sunat.

Demikianlah, jika Sheikh Abdul Qadir al-Jailani, Sheikh an-Naqsyabandi r.a.⁹ dan wali-wali qutub yang lain masih hidup di zaman kita ini sudah tentu mereka akan memberikan tumpuan kepada pengajaran aqidah dan pengukuhan asas-asas keimanan. Kedua-duanya adalah tapak kebahagiaan abadi. Sebarang kecuaiian dalam hal ini akan membawa kepada kecelakaan yang juga abadi.

Sesungguhnya syurga tidak boleh dimasuki tanpa iman tetapi ramai manusia memasukinya tanpa tariqat dan tasawuf. Manusia tidak boleh hidup tanpa nasi tapi mampu hidup tanpa kuih. Aqidah dan iman adalah nasi manakala tasawuf adalah kuih-muih.

Mencapai hakikat keimanan melalui jalan tasawuf dan tariqat terkadang memakan tempoh 40 hari, kadang-kadang memerlukan 40 tahun! Jika Allah s.w.t. membuka ruang untukmu untuk mencapai hakikat iman hanya dengan 40 minit sudah pasti kamu tidak akan menolak peluang ini!

Maka bacalah 33 risalah dari “al-kalimat” dalam Rasael An Nur ini. Sesiapa yang telah menelitinya dengan ikhlas akan akur bahawa jalan untuk mencapai hakikat keimanan itu terbentang luas dan ia amat singkat.

⁹ Nama penuh beliau ialah Muhammad Baha'uddin Shah an-Naqshabandi. Beliau adalah pengasas Tariqat Naqshabandi, dilahirkan di Qasr Arifan berhampiran Bukhara. Beliau menuntut ilmu di Samarqand, berkahwin ketika usianya 18 tahun. Melazimi ramai para ulama dan akhirnya beliau pulang dan menetap di Bukhara sehingga wafat di sana. Beliau mengasaskan Tariqat Naqshabandi di sana dan mula menyebarkannya. Wafat pada 3 Rabiul Awwal 891H ketika berusia 73 tahun. Antara karya beliau ialah *al-Aurad al-Baha'iyyah*, *Hayatnameh*, *Tanbihul Ghafilin*. – Tambahan dan penjelasan oleh: Ihsan Qasim Salihi.

“Al-Kalimat” adalah ubat yang terbaik untuk membasmi penyakit iman di zaman kita ini. Ia juga adalah sebaik pembimbing dalam melalui kegelapan pekat dalam masyarakat Islam kini. Ia juga sebagai pelita bagi mereka yang sesat, kerana “al-kalimat” ini menjelaskan kepada kita rahsia-rahsia dari al-Quran.

“Saudaraku, ketahuilah membasmi kesesatan akibat kejahilan adalah mudah tetapi membasmi kesesatan yang terhasil dari ilmu (tahu dirinya sesat) adalah sukar dan bercelaru. Sesat dalam ilmu amat payah ditemui di zaman silam. Dari seribu insan mungkin seorang sahaja yang sesat dalam ilmu di zaman itu. Jika seribu orang tersesat di dalam ilmu pula mungkin hanya seorang yang boleh kembali ke pangkal jalan. Orang yang sesat dalam ilmu amat kagum pada dirinya sendiri (ujub). Mereka menyangka mereka tahu sedangkan mereka jahil”.

Allah s.w.t. telah menganugerahkan “al-kalimat” sebagai tanda mukjizat al-Quran al-Karim. Ia adalah ubat penyembuh terhadap racun berbisa dari kekufuran, *zandaqah* dan kesesatan di zaman kita ini.

الباقى هو الباقى

Said An-Nursi

Jalan pintas yang selamat!

Ketahuiilah! Seseorang yang diberi taufiq oleh Allah s.w.t. mampu menjelajah ke alam hakikat dari alam zahirnya tanpa menggunakan laluan tariqat. Aku telah menemui jalan menuju hakikat di dalam al-Quran dan tanpa melalui jalan tariqat. Aku juga menemui jalan mencapai berbagai bidang ilmu tanpa belajar secara akademik. Sesungguhnya antara kemurahan Allah s.w.t. ialah Ia telah memberi kemudahan kepada hamba-hambaNya di akhir zaman ini jalan mudah, pendek dan selamat untuk mencapai hakikat.

Ya! Antara lambang rahmat Allah s.w.t. yang maha berhikmah ialah apabila dipermudahkan kepada hamba-hambaNya di akhir zaman ini jalan yang mudah dan singkat!

(al-Mathnawi al-Arabi, Hal.340)

Sembilan Keterangan

(Bahagian Kesembilan dari al-Maktub Kedua Puluh Sembilan)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bahagian ini adalah khusus dalam perbincangan mengenai jalan-jalan kewalian. Untuk membincangkan perkara ini maka kita akan membahaskan 9 keterangan¹⁰ berasaskan ayat al-Quran (Yunus, 10: 62):

{أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ}

“Ketahuilah bahawa para auliya Allah s.w.t. itu tiada mereka itu takut dan tiada mereka itu berdukacita”.

Keterangan Pertama: Apa itu Tarikat dan Tasawuf

Di bawah tajuk “tasawuf, tarikat, kewalian, dan perjalanan *sair* dan suluk” terdapat kelazatan maknawi yang tidak terungkap. Ia telah dikhabarkan oleh para ulama yang *kasyaf* dan memperoleh *azwaq*. Mereka membangunkannya dalam bentuk pengajian, penyaringan dan memberikan pengertian sebenar (*takrif*). Mereka menulis ribuan kitab dalam *maudhu’* ini demi memberi tahu ummat tentang perkara ini. Semoga Allah s.w.t. memberi balasan yang mulia untuk mereka”.

Soalan: Apa itu tarikat?

Jawapan: Kemuncak tarikat dan matlamat agungnya ialah mengenal hakikat keimanan dan hakikat al-Quran. Ia akan cuba dicapai melalui jalan rohani (*sair dan suluk*) di bawah lembayung mi’raj Rasulullah s.a.w. dan panji-panjinya. Langkahnya pula ialah degupan jantung sehingga mencapai tahap kerohanian yang memperoleh *zauq*, iaitu seumpama maqam *syuhud*. Maka tarikat dan tasawuf adalah rahsia insan yang amat tinggi dan kesempurnaan manusia yang amat mulia.

Benar! Manusia adalah biji kepada alam semesta. Apa sahaja yang terdapat dalam alam semesta ini ada dalam diri manusia termasuk sekalian ilmu yang ada. Otak pula adalah seumpama sesuatu yang kompleks, yang menerima dan menghantar gelombang tanpa wayar dalam jasad manusia. Ia seumpama pusat maknawi bagi alam semesta ini, kerana ia boleh menerima apa sahaja dalam alam semesta ini dari seluruh ilmu dan pengetahuan. Ia menjelaskan ilmu itu dan menghantarnya juga. Hati

¹⁰ Keterangan yang dimaksudkan di sini ialah tambahan dan penjelasan yang dilampirkan dalam *hasyiah* sesebuah karya. – Ihsan Qasim Salihi.

juga adalah paksi hakikat yang terdapat dalam alam semesta ini tanpa had. Ia menzahirkannya, bahkan ia adalah biji kepada segala hakikat tadi. Perkara ini telah dijelaskan oleh terlalu ramai para aulia' yang ditulis dalam kitab-kitab mereka.

Apabila hati dan otak manusia berada di kedudukan ini, maka Allah s.w.t. membekalkan dalam hati manusia segala peralatan menuju akhirat. Sama seperti biji benih yang boleh melahirkan pohon yang besar. Pencipta hati itu mahukan manusia menggunakannya mengikut tugasnya yang sebenar. Kemampuannya perlu diterokai dan dikenal pasti. Ia perlu diubah dari kuasa dan kekuatan yang terpendam kepada perbuatan yang nyata. Bilamana Allah s.w.t. mahukan demikian, "hati" perlu menjalankan tugasnya, begitu juga "akal". Maka cara menggerakkan hati dan akal tadi untuk bertugas ialah dengan *tawajjuh* kepada hakikat keimanan dengan zikrullah dalam tingkatan kewalian dan melalui jalan tarikat.

Keterangan Kedua: Kunci Sair dan Suluk

Kunci bagi perjalanan pengabdian hati (*al-Sair wa al-Suluk al-Qalbi*) itu dan penggerak rohani hanyalah dengan "zikrullah" dan "tafakkur". Kelebihan zikir dan *tafakkur* itu teramat banyak. Lupakan dahulu tentang fadhilat akhiratnya yang telah kita sama-sama tahu. Sekarang kita cuba lihat satu antara faedah duniawinya.

Setiap insan pasti inginkan seorang teman yang paling akrab ketika berhadapan dengan ketakutan, kemelut hidup dan ujian yang pastinya akan datang menimpa manusia. Teman yang mampu meringankan berat ujian yang dilaluinya, merhatikan dirinya dari himpitan kesusahan itu walau seketika.

Cara keduniaan mungkin berjaya melegakan kemurungan seorang dua insan dengan terapi duniawi yang membawa kepada kelalaian (*ghaflah*) dan tenggelam ingatan (*zuhul*). Namun lebih 80% mereka yang berada dalam kemelut kemurungan akan memencilkan diri di serata pelusuk tempat yang terasing. Mereka menjadi tua sebelum masanya dan menderita jiwa. Mereka ini terus ternafi hak untuk mendapat ketenangan. Mereka tidak memperolehi jalan yang sesuai seperti yang ditawarkan oleh masyarakat moden hari ini.

Oleh yang demikian, jalan terbaik untuk mereka melenyapkan kemurungan itu ialah dengan menyibukkan hati dan akalnya dengan "zikrullah" dan "tafakkur". Di mana jua saudara berada, di pergunungan, lembah dan di kota raya lazimilah hatimu dengan zikrullah dan tafakkur. Sebutlah "Allah...Allah..." sebagai temanmu dan tafakkur lah dengan apa saja di sekelilingmu. Ia pasti melenyapkan setiap kegelisahan, penderitaan, kesedihan, keasingan dan keluh kesah kerana zikir ini akan mendatangkan ketenangan, kedamaian dan rasa mesra kepada tuhan.

Ketika kita melafazkan zikir, kita perlu meyakini di dalam hati "bahawa Allah s.w.t. yang menciptakan diri ini, dan Zat yang sedang aku zikirkan mempunyai hamba yang teramat ramai di seluruh alam dan mereka juga sedang berzikir kepadaNya. Dengan itu, aku bukanlah seseorang bahkan sedang meriah dalam majlis zikir yang pasti

melenyapkan sebarang rasa keasingan. Bahkan aku tidak wajar merasa terpinggir. Ketika ini seorang insan akan merasa nikmat ‘berteman’ yang tidak akan berpisah dengannya sehingga ia menemui kematian, lalu ia akan bersyukur kepada Allah s.w.t.”

Keterangan Ketiga: Kewalian adalah Hujah Syariah

Bukti kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. (*al-Risalah*)¹¹ ialah wujudnya *al-Wilayah* iaitu kewalian, manakala bukti kesahihan akidah dan perundangan Islam ialah *adalah al-Tariqah* iaitu kesungguhan untuk menjunjung perintah Allah s.w.t. dan *taqarrub* kepadanya. Ini kerana hakikat keimanan yang disampaikan oleh *al-Risalah* dapat dilihat dengan jelas oleh *al-Wilayah* sehingga ke tahap *ainul yaqin*. Ia dapat diperhatikan dengan *syuhud qalbiy* (penyaksian hati) dan dengan rasa rohani (*tazawwuq ruhaniy*). Dengan itu *al-Wilayah* akan membenarkan *al-Risalah* tanpa berbelah bahagi. Ia menjadi hujah yang *qat’ie* tentang kebenaran *al-Risalah*.

Hakikat *al-Syariah*¹² pula dibuktikan oleh *al-Tariqah*, ia menjadi hujah atas kebenaran hukum hakam yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. Ia diperolehi secara *istifadhah*¹³, secara *kasyaf* dan melalui *azwaq*.

Selain *al-Wilayah* dan *al-Tariqah* ini menjadi hujah kepada *al-Risalah* dan *al-Syariah*, kedua-duanya pula adalah rahsia kesempurnaan Islam dan paksi cahayanya. Kedua-duanya adalah punca ketinggian insani dan sumber limpahan cahaya kemanusiaan sejagat.

Meskipun Tarikat dan Tasawuf pada suatu masa dahulu adalah benteng yang amat teguh dalam mempertahankan Islam di medan perang dan medan pemikiran, namun kini ia mula diserang dari dalam oleh mereka yang sesat. Mereka tidak ingin melihat orang lain mendapat ‘nur’ dari tarikat dan tasawuf sebagaimana mereka tidak pernah merasainya. Lebih mendukacitakan apabila ada ahli politik dan ulama’ Islam di kalangan *ahlus sunnah wal jama’ah* turut melancarkan serangan bertubi-tubi terhadap aliran ini. Mereka berusaha menutup pintu khazanah yang cukup bernilai ini iaitu khazanah tarikat dan tasawuf. Alasan yang diberikan untuk meniadakan peranan tarikat dan tasawuf ini tidak lain ialah “kesilapan” yang berlaku dalam mana-mana aliran tasawuf dan tarikat ini. Atas landasan inilah mereka memulakan gerakan untuk memusnahkan institusi ini keseluruhannya. Mereka berusaha mengontangkan sumber limpahan al-kauthar ini yang sebenarnya memupuk kehidupan rohani kepada manusia.

Suatu perkara yang diterima mantiq, bahawa tiada satu pun aliran, pegangan dan fahaman yang benar-benar bebas dari kesilapan, yang setiap sudut dan penjurunya

¹¹ *Al-Risalah* maksudnya ialah Kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. dan segala apa yang disampaikannya.

¹² *Al-Syariah* ialah: Perundangan Islam merangkumi akidah, akhlak dan hukum hakam.

¹³ Ia bermaksud sebaran berita yang sahih dan diterima ramai tanpa bukti, contoh: penduduk sebuah kampung tahu dan yakin bahawa Ahmad adalah anak Pak Ali, dan Mak Yah adalah isteri Pak Ali, namun mereka tiada bukti untuk mengesahkan perkara tersebut.

adalah indah dan baik belaka. Ia semestinya akan disentuh oleh kekurangan dan kesilapan. Tambahan pula jika aliran dan fahaman itu disertai oleh bukan ahli dalam bidang tersebut.¹⁴

Kita mengetahui betapa Allah s.w.t. itu maha adil, lalu dia memberi penilaian amal dan menimbangannya mengikut neraca RabbaniNya di akhirat, mereka yang berat timbangan amalan baiknya akan diberi kejayaan meskipun ada kesilapan dan kesalahannya yang lebih ringan dari amalan baiknya. Kesilapan tadi seolah dilupakan oleh Allah s.w.t. demi memberi keadilan kepada hambaNya. Jika timbangan amal jahatnya lebih berat maka Dia akan mengambil tindakan yang sewajarnya dengan adil juga. Namun kita juga perlu tahu, bahawa Allah s.w.t. tidak menilai amal kita dengan “jumlahnya” akan tetapi Dia menilai “mutunya”. Terkadang satu kebaikan (*hasanah*) yang kecil mampu menghapuskan seribu kesilapan, lantas dapat menyelamatkan pelakunya dari neraka Allah s.w.t.

Tarikat dan tasawuf yang bertepatan dengan sunnah sudah pasti akan membuahkan kebaikan yang mampu menghapuskan kesilapan pengamalannya tanpa kita sedari. Maka mengapa kita membesarkan kesilapan kecil ahli tarikat dan tasawuf tersebut yang terkadang tidak pun menyentuh asas aqidah.

Kita tidak dapat menafikan betapa ahli tarikat mampu mempertahankan keimanan mereka di zaman yang penuh dengan kesesatan dan kepincangan aqidah. Kita telah menyaksikan golongan bawahan mereka mampu mengawal diri mereka dalam zaman kegawatan itu, terkadang lebih dari seorang ulama'. Modal mereka hanyalah “*zauq*” rohani dan kecintaan kepada auliya' Allah s.w.t. Mereka seperti kita juga, jika melakukan dosa besar tetap tidak akan kafir, tetapi jatuh fasiq.¹⁵

Tiada suatu kekuatan pun yang mampu mengalih “*wala'*” mereka kepada *auliya'* dan *qutub-qutub* mereka kerana jalinan kasih sayang dan rasa saling mempercayai yang telah sebatik antara mereka. Di ketika ini kekufuran dan *ilhaf* amat lemah untuk menerobos ke alam kerohanian yang mereka bina, lantas kepercayaan mereka kepada para wali dan *qutub* ini tidak mudah digugat. Orang yang tidak melalui jalan tarikat atau hatinya tidak bergerak ke arah jalan Allah s.w.t. adalah amat payah baginya pada zaman ini untuk mempertahankan diri di hadapan pengaruh dan serangan kekufuran dan kefasikan (*zandaqah*) meskipun dia seorang ulama *mudaqqiq*.

Seperkara lagi yang perlu diinsafi: Amat keterlaluan untuk kita meletakkan tasawuf dan tarikat di kandang salah berdasarkan kesilapan yang dilakukan oleh jemaah dan perkumpulan yang menggelarkan diri mereka ahli tarikat dan tasawuf. Mereka melakukan amalan yang terkeluar dari landasan taqwa dan Islam namun

¹⁴ Jenayah dan maksiat juga berlaku di dalam pemerintahan Rasulullah s.a.w, namun ia bukan hujah untuk mengatakan ajaran Rasulullah s.a.w. adalah tersasar meskipun pesalah tersebut mengaku dia adalah sahabat Rasulullah s.a.w. dan beragama Islam. Allah juga menyediakan prasarana taubat sebagai isyarat bahawa kesilapan adalah suatu yang “mungkin” berlaku di kalangan Umat Islam.

¹⁵ Kecuali syirik.

mengakuinya sebagai jalan tarikat dan tasawuf. Lalu kita membenarkannya tanpa ilmu.

Kita tidak perlu membincangkan faedah duniawi, *ukhrawi* dan *ruhiy* yang terhasil dari amalan tarikat dan tasawuf ini kerana umum telah mengetahuinya. Ayuh, kita lihat di sudut nilai kemasyarakatan yang ianya lebih bersifat sejagat, sesungguhnya tiada satu pun jalan pemikiran dan fahaman yang mampu melebarkan sayap ukhuwwah antara kaum muslimin di seluruh dunia Islam semurni yang telah dilakukan oleh golongan tasawuf dan tarikat. Sejarah adalah buktinya!

Tarikat dan tasawuf adalah salah satu dari tiga benteng Islam yang telah berjaya menghancurkan kekuatan gerakan Kristian dan tentera Salib, begitu juga mereka yang cuba memadamkan *Nur* Islam. Jangan kita lupa tentang sumbangan mereka dalam mempertahankan *Khilafah* Islamiyyah di Istanbul, Turki suatu masa dulu. Selama 550 tahun lamanya mereka mengabdikan diri mempertahankan gagasan Rasulullah s.a.w. dan Khulafa al-Rashidin ini di hadapan serangan kuffar, *salibiyyah* dari Eropah.

Kekuatan iman, kasih sayang dalam alam kerohanian, kerinduan untuk mengenal pencipta (Allah s.w.t.) mendorong mereka mengulang-ulang kalimah “Allah..Allah..Allah..” di setiap masa yang terluang. Ianya telah mampu membentuk kuasa luar biasa yang terpancar dari segenap masjid di Turki lalu membentuk penyatuan umat yang amat gagah. Di situlah cahaya tauhid mula terpancar di 500 tempat untuk membentuk perkumpulan kuat kaum muslimin di pusat empayar Islam ini.

Nah! Wahai sekalian pemimpin, wahai sekalian ulama, wahai nasionalis palsu...Dapatkah kamu nyatakan kesilapan jenis manakah yang boleh melenyap dan menghapuskan kebaikan dan jasa yang telah mereka lakukan ini dalam konteks kehidupan sosial kamu?

Keterangan Keempat: Liku-liku Dalam Perjalanan Rohani

Jalan kewalian merupakan jalan mudah yang diiringi kepayahan, jalan pintas yang amat panjang, jalan ketinggian dan kemuliaan yang penuh mara bahaya, ia adalah jalan luas yang amat sempit. Sesungguhnya rahsia perjalanan ini amat halus....kerananya ramai *salik* yang tenggelam, ada yang tersiksa kerananya dan ada yang berpatah balik ke dunia asalnya lantas menyesatkan orang lain pula. Untuk memahaminya, amatilah dua jalan kewalian ini:

(1) ***al-Sair al-Anfusiy* (السَّيْرُ الْإِنْفُسِيّ)**: Ia adalah jalan *taqarrub* kepada Allah s.w.t. melalui pembersihan jiwa. *Salik* dalam jalan ini akan menumpukan kepada hatinya dan menjauhkan pandangan kepada dunia luar. Akhirnya dia akan menembusi alam di luarnya setelah hatinya bersih dan dapat melihat tanpa hijab akan hakikat keimanan. Dia akan dapat melihat alam semesta dengan pandangan mata hatinya lantas ia akur akan hakikat keimanan tersebut, kerana perkara yang sama telah

dialami di dalam hatinya. Dunia luar hanya membenarkan apa yang telah dilihat di dalam hatinya. Ini jalan sebahagian besar ahli tasawuf. Ia berasaskan kepada usaha meruntuhkan *mazmumah* lalu membina *mahmudah* di atas runtuhan tersebut.

(2) ***al-Sair al-Afaaqiy* (السير الأفافي)**: Ia adalah jalan *taqarrub* melalui pemerhatian terhadap alam (al-Quran besar). Melaluinya *salik* dapat melihat ketinggian Asma al-Husna di setiap penjuru alam. Setelah hanyut dengan kebesaran Allah s.w.t. yang dilihat di alam maya ini maka *salik* kembali ke dalam hatinya, terasa kewajipan untuk menghambakan diri kepada Allah s.w.t. lalu merintih atas kealpaannya. Kehebatan ayat-ayat Allah s.w.t. di segenap penjuru alam yang besar ini telah mula disaksikannya di dalam hatinya yang kecil. Dia akan dapat merasakan bahawa hatinya adalah cermin kepada keagungan Allah s.w.t. Maka dengan itu dia boleh mencapai hasrat *ubudiyahnya* dan kemuncak impiannya dalam *taqarrub* kepada Allah s.w.t.

Melalui jalan yang pertama tadi, jika seorang *salik* gagal merobohkan *mazmumah* di hatinya maka dia akan gugur dari alam syukur ke alam “*fakhr*”. Seterusnya ia jatuh pula ke alam “*ghurur*”. Jika ini berlaku seiring dengan mabuk (*sukr*) yang terhasil dari tarikan *mahabbah*, maka *salik* tersebut akan mendakwa sesuatu yang di luar batas kemampuannya dan jauh dari tahap kerohaniannya. Inilah yang dinamakan ‘*Shatahat*’. Dia dengan kecelaruan rohani boleh memudharatkan dirinya sendiri di samping memudharatkan orang lain.¹⁶

Pemilik ‘*shatahat*’ seumpama ini adalah ibarat seorang tentera berpangkat rendah. Dia dilambung perasaannya sendiri. Ketika dilantik dia merasakan dirinya adalah seorang marsyal atau jeneral yang berkuasa menggerakkan satu batalion tentera. Pemikiran dia menjadi keliru tentang perkara ini. Dia tidak membezakan lantikan dan kuasa yang diberikan kepadanya dengan kuasa besar yang menaunginya dalam tentera. Samalah juga dengan orang yang tidak dapat menafsirkan cahaya matahari yang dibalikkan oleh air laut dan cahaya matahari yang dipantulkan dari sebuah cermin kecil...secara umum ia adalah sama iaitu ‘cahaya matahari’. Namun ia berbeza di sudut saiz dan nilai cahayanya.

Demikianlah, ramai mereka yang berada di jalan kewalian ini terkadang merasakan dirinya telah mendapat kemuliaan Allah s.w.t. lalu dia menganggap dirinya lebih hebat atau lebih mulia dari sekalian para wali yang *muqarrabin*, sedangkan mereka itu lebih tinggi martabat darinya. Bahkan boleh dikatakan perbandingannya hanya seperti seekor lalat dengan seekor merak. Namun *salik* yang mendakwa perkara ini hanya melihat dirinya seperti yang disifatkannya sendiri. Dia berpendapat seperti yang dia lihat dan merasakan apa yang dilihatnya adalah benar! Saya sendiri pernah terjumpa dengan seorang yang ‘meniru’ gaya *qutb al-a’zam*, beliau mendakwa telah melalui tahap-tahap yang telah dilalui oleh *qutb al-a’zam*, sedangkan ciri-ciri *qutb al-a’zam*

¹⁶ Dia terkadang merasakan dirinya telah mendapat kemuliaan Allah s.w.t. lalu dia menganggap dirinya lebih hebat atau sama dengan sekalian para wali yang *muqarrabin*. Dia sebenarnya dihanyutkan oleh hatinya yang tertipu. Di tahap ini ada yang akan mendakwa dirinya nabi atau al-Mahdi.

tiada pada dirinya selain hatinya yang sedar perasaannya yang merasai rahsia kewalian dari jauh. Lalu saya menasihatinya:

“Wahai saudaraku! Pentadbiran sebuah kerajaan mempunyai peraturan sendiri bermula dari pemerintah tertinggi sehinggalah ke tahap yang paling rendah. Peraturan di semua peringkat dalam pengurusan kerajaan ini sama sahaja dan perlu digunapakai dengan tepat. Perkara yang sama juga ada dalam kewalian; ia ada peraturan dan ada berbagai tahap. Setiap tahap dan bahagian itu pula mempunyai berbagai pula cakupannya. Saudara melihat tunggak agung kewalian atau *qutb al-a'zam* melalui tahap dan kedudukan saudara sekarang. Ia seumpama seorang ketua kampung membandingkan dirinya dengan perdana menteri. Maka saudara keliru dengan kuasa dan kedudukan saudara. Saudara betul apabila mengatakan saya adalah seumpama perdana menteri kerana dicalon, diundi dan dilantik dan mempunyai kuasa, tetapi kemampuan saudara tetap tidak sama. Fikirkan ini: segeluk air bagi seekor lalat adalah seumpama sebuah tasik...Orang itu telah menerima penjelasan saya ini dan selamat dari tertipu dengan perasaannya sendiri.

Saya juga pernah terjumpa dengan beberapa orang yang mendakwa dirinya adalah ‘al-Mahdi’ atau sekurang-kurangnya orang kuat al-Mahdi. Mereka mendakwa dirinya akan muncul sebagai ‘al-Mahdi’. Mereka ini bukan “pendusta”; mereka juga bukan merancang secara sedar untuk menipu kita tetapi sebenarnya jiwa mereka yang ditipu. Mereka menyangka bisikan hatinya itu benar sedangkan tingkatan *wilayah* itu terlalu banyak. Perkara inilah yang gagal dihayatinya. Perhatikan sahaja jelmaan Asma al-Husna. Ia berbeza dari tahap arasy sehingga ke sebutir atom. Begitu halnya dengan kepelbagaian kewalian dan kepelbagaian corak lahiriahnya. Antara punca kekeliruan ini ialah mereka kurang mengerti bahawa ciri-ciri kewalian itu ada yang bercorak al-Mahdi, ada juga yang bersifat Uwais al-Qarni dan ada yang berwatak Nabi Khidhir a.s. Nah!...Para wali besar ini mempunyai sifat kewaliannya yang tersendiri, sehingga di sebut ‘Maqam Khidhir’, ‘Maqam Uwais’, ‘Maqam al-Mahdi’. Cuma apabila ada *salik* yang menyentuh maqam mereka ini maka terlalu cepat si salik ini menyangka bahawa dirinya telah mencapai tahap wali tersebut atau merekalah orang yang dimaksudkan, lalu berlakulah dakwaan ‘Akulah Nabi Khidhir’ atau ‘akulah al-Mahdi’ atau sekurang-kurangnya ‘akulah *waliul a'zam*’.

Dakwaan kewalian atau sebarang “*Syatahat*” yang berlaku masih boleh dimaafkan dan dianggap sebagai di luar kawalan jika ia terbit dari seorang yang benar-benar memegang syariat dan terkenal sebagai seorang yang menyisihkan diri dari tipu daya dunia, terkenal dengan zuhud dan wara’nya, terkenal dengan kelembutan akhlak dan taqwanya. Ia boleh dianggap sebagai “terlepas cakap” dan tidak perlu dipersoalkan.

Namun jika ia lahir dari seorang yang masih berselera besar terhadap dunia maka ia suatu yang amat jelek. Ia akan membawa tuannya ke lembah kehinaan dan menyebabkan kebaikan yang dilakukannya menjadi sia-sia. Lebih buruk lagi perbuatan mendakwa kewalian, kesucian dan ketinggian *maqam* ini akan menyebabkan dua implikasi yang sering berlaku di kalangan ahli tarikat dan tasawuf iaitu: **Menjadi gila isim** atau **menjadi ajaran sesat** kerana dia telah mendakwa

dirinya setaraf dengan para wali. Ketika itu dia sebenarnya buruk sangka, memandang rendah kepada para wali dan biadap terhadap mereka. Ia boleh membawa maksud bahawa para wali adalah orang yang 'ambil mudah' tentang soal akidah dan syariat sama seperti yang mereka lakukan. Akhirnya nanti dia akan memandang rendah pula kepada para *ambiya*'.

Apa yang perlu dilakukan oleh mereka yang keliru dalam jalan tarikat dan tasawuf ini apabila mereka ingin memulakan jalan tersebut ialah :

- 1- Menjadikan Syariat sebagai panduan kehidupan,
- 2- Menjadikan disiplin aqidah sebagai obor,
- 3- Memahami peraturan tasawuf dan tarikat seperti yang diperkenalkan oleh imam-imam terkemuka dalam jalan ini seperti al-Imam al-Ghazali, al-Imam al-Rabbaniy dan sekalian auliya' yang *muhaqqiqin*.
- 4- Mesti meyakini bahawa dirinya tetap hina walau bagaimana tinggi pencapaian rohaninya dengan cara sentiasa menuduh dirinya serba kekurangan dan kekurangan, kelemahan dan kefaqiran kepada Allah s.w.t. itu sentiasa melazimi jiwa insan walau bagaimana sekali diangkat martabatnya.

Adakalanya "*Syatahat*" berlaku dalam jalan tarikat dan tasawuf ini apabila wujud rasa kagumkan diri dan keinginan nafsu duniawi yang mendalam. Ia akan menebal lantas *salik* merasakan dirinya adalah suci. *Salik* tersebut menganggap dirinya bersinar seperti permata sedangkan dirinya hanyalah serpihan kaca yang tiada bernilai. Ingatlah bahawa 'mata yang sukakan sesuatu tidak akan nampak keaibannya'.

Dalam perjalanan kerohanian seumpama ini perkara yang paling merbahaya ialah perkhabaran *juz'iyah* yang hadir ke dalam hati *salik* dalam bentuk *ilham* disangka oleh si *salik* sebagai "*kalamullah*". Lantas ia menyebutnya sebagai "ayat Allah s.w.t."; dengan itu dia telah cuba mencemar kesucian dan ketinggian darjat *wahyu* secara sadar atau pun tidak.

Memang benar ilham adalah berupa *kalimah rabbaniyyah*, tidak kira kepada siapa pun termasuk ilham yang dimiliki oleh seekor lebah, sekalian haiwan, orang awam, orang yang soleh, para malaikat dan golongan *muqarrabin* malaikat itu sendiri. Namun perlu difahami bahawa ilham yang berupa 'kalamullah' hanya boleh disampaikan setelah melepasi lebih dari 70,000 *hijab*. Itu pun mengikut kepada *maqam*, *mazhar* dan kebolehterimaan oleh seorang nabi dan rasul.

Wahyu adalah satu nama khas yang dirujukkan kepada "*kalamullah*" yang maha agung. Wahyu yang boleh kita lihat depan mata kepala kita kini ialah al-Quran itu sendiri. Maka setiap butiran al-Quran yang diturunkan itu adalah "ayat-ayat Allah s.w.t.". Maka 'sekalian ilham' selain dari ayat al-Quran jika dinamakan "ayat-ayat Allah s.w.t." adalah suatu kesilapan. Perbandingannya samalah seperti jasad matahari hakiki dengan wajah matahari yang terdapat di dalam cermin yang membalikkannya. Sudah tentu teramat berbeza antara matahari yang berada dalam cermin dengan matahari sebenar yang berada di luar sana. Maka dengan itu berbeza jugalah ilham

yang terdapat dalam hati-hati para salik dengan ayat-ayat Allah s.w.t. yang berupa wahyu ini. (Perkara ini telah diperjelaskan dalam kalimah ke 12, ke 25 dan ke 31 dalam kitab kita "al-Kalimat").

Sememangnya matahari yang ada dalam cermin kecil itu adalah "serupa" dengan matahari yang berada tinggi di angkasa namun kedua-duanya tidak "sama". Lantaran itu tidak mungkin untuk membandingkan bumi tempat kita berpijak dengan matahari yang ada dalam cermin tersebut atau menganggap ada tarikan graviti darinya.

Keterangan Kelima: Fahaman Wahdatul Wujud

Wahdatul wujud yang merangkumi *wahdatus Syuhud* adalah suatu singgahan tasawuf yang amat penting. Ia bermaksud: Penumpuan hati kepada kewujudan Allah s.w.t. *wajibul wujud* dan melupakan yang lain. Setiap makhluk adalah "gambaran" atau khayalan yang tidak mempunyai sifat wujud hakiki dan tidak layak diberikan sifat "*wujud*" dalam kontek *wajibul wujud* Allah s.w.t. itu. Ia tidak lebih dari gambaran (refleksi) sifat-sifat Allah s.w.t. yang agung melalui Asma al-Husna.

Hakikat pemahaman wahdatul wujud ini yang paling penting ialah apabila meyakini "setiap perkara yang berlaku (*mumkinat*) dan setiap makhluk" akan dilupuskan dari pandangan para wali yang besar yang telah sampai ke martabat *haqqul yaqin* bahawasanya semua ini sebenarnya tiada. Ertinya di sini mereka mengingkari kewujudan selain dari Allah s.w.t. yang bersifat *wajibul wujud*.

Cuma bahaya aliran ini dapat dilihat dalam keterangan di bawah:

"Rukun Iman ada enam, selain keimanan kepada Allah s.w.t. terdapat rukun lain yang wajib diimani seperti kewujudan hari akhirat. Ia menunjukkan wujudnya "*al-mumkinat*", dan ia tidak boleh dibina atas asas khayalan dan gambaran semata-mata".

Lantaran itu mereka yang mengalami tahap *wahdatul wujud* tidak boleh beramal dengan keyakinan menafikan wujud selain Allah s.w.t. ketika ia sedar atau ketika bukan dalam keadaan *fana'*. Mereka juga tidak boleh mencampuradukkan **tahap pengalaman kejiwaan** ini dengan asas-asas logik, ilmiah dan terjemahan makna. Disiplin ilmu dan logik yang berasaskan al-Quran dan al-Sunnah tidak mampu menjelaskan perkara ini apatah lagi untuk melaksanakannya secara jasmani.

Lantaran itu golongan sahabat dan khulafa' yang terutama tidak pun mengikuti jalan ini. Ia sekaligus menunjukkan bahawa ia bukanlah suatu keistimewaan dan suatu ketinggian dalam perjalanan tasawuf. Boleh jadi ia nampak luhur namun ia tempang dalam kebenaran. Ia nampak manis tapi tiada perisa, meskipun ramai *salik* yang menganggapnya suatu maqam tasawuf yang tinggi.

Oleh kerana kita telah memperjelaskan perihal wahdatul wujud ini dalam risalah kita yang bertajuk "setitis cahaya makrifatullah", ia diperjelaskan juga di dalam "*al-Kalimat*" dan "*al-Maktubat*", maka cukuplah sekadar itu penjelasan kita. Di sini kita

hanya akan menyentuh bahaya yang dihadapi oleh seorang *salik* dan mereka yang mendokong fikrah ini.

Sesungguhnya aliran kejiwaan ini hanya boleh disusuri oleh "*khawasul khawas*" di kalangan ahli tasawuf. Itu pun ketika dalam suasana luar sedar sepenuhnya (*al-istighraq al-mutlaq*), ketika ingin menyisihkan jiwa mereka dari kotoran kebendaan dan keduniaan yang amat mencengkam diri mereka. Ketika ini mereka telahpun memutuskan hubungan dengan selain Allah s.w.t. Cuma apabila aliran kejiwaan ini terlepas dari aliran tasawuf kepada mereka yang menganut fahaman logika dan mantiq maka ia mula dipersembahkan dalam bentuk ilmiah dan logika juga. Mereka yang menerimanya pula adalah dari golongan yang tertipu dengan rayuan dunia maka mereka akan tenggelam dalam perbahasan "*tobi'iyah*" dan kebendaan....jauh dari sudut pandang Islam. Di sinilah bermulanya penyimpangan!

Mereka yang meyakini konsep "*tobi'iyah*" tadi dan percayakan sebab dan musabbab (*cause and effect*) sebagai satu-satunya kayu ukur setiap kebenaran, ditambah pula rasa tamakkan dunia...akan mula meletakkan kepercayaan bahawa dunia ini akan kekal kerana terlalu sukar bagi mereka untuk melihat dunia ini lebur dan hancur di depan matanya. Lalu ia menyifatkan dunia ini sebagai "kekal" dan terus wujud secara abadi. Bermula dengan konsep *wahdatul wujud* tadi mereka pun meletakkan dunia ini sebagai sembah dan punca kelangsungan hidup mereka setelah dunia diberikan status 'kekal dan abadi'. Pada ketika itu terbukalah ruang di hadapan mereka untuk mengingkari Allah s.w.t. sedikit demi sedikit...*wal'iyazu billah!*

Namun, di zaman ini pemikiran kebendaan terlalu kukuh dan menyubur dalam jiwa manusia. Ia telah menjalar dalam setiap gerak laku ilmiah dan *aqliyah* sehinggakan "material" adalah rujukan penting dalam kehidupan insani. Lantaran itu promosi ke arah aliran *wahdatul wujud* ini beralih tangan kepada golongan 'kebendaan' pula, manakala *ahlul Iman* di waktu yang sama menganggapnya sebagai suatu aliran yang remeh. Bahkan sebenarnya ia tidak wujud (ia hanya singgahan jiwa seperti yang telah dinyatakan).

Golongan kebendaan tadi mula berhujah di hadapan *ahlul Iman* dengan menyatakan: "Kita adalah sama; kami juga percaya kepada *wahdatul wujud*". Kenyataan ini adalah dusta, kerana semua kita telah mengetahui bahawa aliran kejiwaan yang bertentangan dengan pemikiran kebendaan ialah *wahdatul wujud*. Mereka yang mengalami keadaan *wahdatul wujud* beriman kepada Allah s.w.t. dengan iman yang amat mendalam sehingga ia menganggap tiada kewujudan sesuatu pun di hatinya selain Allah s.w.t. Kewujudan Allah s.w.t. telah menafikan kewujudan yang lain, manakala fahaman kebendaan dan "*maadiyyah*" pula mempertuhankan kebendaan dan menafikan kewujudan Allah s.w.t. Nah! Di mana persamaan yang mereka dakwa itu?

Keterangan Keenam: Jalan Kewalian

Ia mengandungi 3 perkara:

Perkara Pertama

Berpegang teguh kepada Sunnah Nabi s.a.w. adalah antara jalan untuk menuju kewalian (*al-wilayah*). Ia adalah jalan yang paling tepat, benar, mantap, kaya dengan hidayah dan amat jelas keluhurannya. Maksud berpegang teguh dan mengikuti sunnah ialah: Apabila seseorang *salik* itu mengenalpasti sesuatu **sunnah** Nabi s.a.w. (dengan mempelajarinya) lalu ia menjadikannya landasan dalam segenap tindakan dan perilakunya, dia juga menjadikan **syariat** sebagai panduan dalam *muamalah* dan tindak tanduknya.

Setiap amalan atau perilaku hariannya sama ada secara *urf* atau semula jadi yang menuruti sunnah Nabi s.a.w. ini dianggap satu ibadah (jika disertakan niat). Menjunjung Sunnah dan Syariah akan menjadikan kehidupan seorang salik itu sentiasa dalam keadaan sedar dan waspada. Ia akan menjadikan seseorang salik itu sentiasa mengingati hukum hakam Syarak. Mengingat hukum syarak akan menjadikan salik itu tadi mengingati pencipta, pemilik dan penguasa syarak itu iaitu Allah s.w.t., maka itulah yang dinamakan 'zikrullah'. Lalu zikrullah tadi akan menjadi penenang kepada jiwanya dan menetapkan hatinya dalam kebenaran. Maka setiap detik hidup salik tadi akan jadi bermakna apabila kesemua tingkah lakunya menjadi ibadah dan ketenangan bagi hatinya.

Oleh yang demikian perlulah diyakini jalan kewalian yang sebenar dan kewalian agung (*al-Wilayatul Kubra*) ialah dengan mengikuti sunnah Nabi s.a.w. Jalan inilah yang merupakan warisan kenabian dan diikuti pula oleh para sahabat yang mulia dan para *salafus soleh*.

Perkara Kedua:

Perlu juga diingat bahawa ikhlas adalah asas yang teramat penting ketika melalui jalan kewalian dan aliran seluruh tarikat. Alasannya mudah. Sesungguhnya hanya ikhlas sahaja yang mampu menghindarkan seorang salik dari terjerumus ke lembah *syirik khafiy*. Barangsiapa yang tidak membina keikhlasan dalam hatinya maka dia tidak akan mampu mengembara ke alam kewalian, tarikat dan tasawuf ini dengan lebih jauh.

Kekuatan berikutnya ialah "*al-Mahabbah*", iaitu cinta Allah s.w.t. Ia akan memberi kekuatan yang luar biasa dalam amalan tarikat, tasawuf dan kewalian ini.¹⁷ Pencinta selalunya tidak akan mencari sebarang kelemahan dan kekurangan siapa yang dicintainya. Bahkan dia tidak mahu pun melihat suatu kekurangan pada diri yang dicintainya.

¹⁷ Dengan itu dapat difahami bahawa empat perkara penting yang menjadi amalan kewalian sebenar secara zahir dan batin ialah: (1) Mempelajari dan mengamalkan Sunnah Nabi s.a.w. – zahir. (2) Berpegang teguh kepada Syariah iaitu hukum hakam – zahir. (3) Ikhlas dalam ibadah – batin. (4) Cinta Allah s.w.t. (*al-Mahabbah*)- batin. – Penjelasan oleh: Ibnor Azli Ibrahim

Suatu petunjuk dan bukti lemah tentang kesempurnaan kekasihnya dianggap sebagai hujah yang amat ampuh. Lantaran hatinya sentiasa bersama kekasihnya itu. Rahsia ini adalah dalil bahawasanya hamba yang hatinya sentiasa *tawajjuh* kepada *Makrifatullah* melalui kekuatan '*al-Mahabbah*' tidak akan menerima sebarang tentangan terhadap kesempurnaan Allah s.w.t, bahkan dia akan dapat melepasi sebarang kekeliruan dan tipu daya akidah tersebut dengan mudah. Mereka boleh menyelamatkan diri mereka tanpa halangan, lantas dapat membentenginya pula dari sebarang tanda tanya dan keraguan. Meskipun seluruh syaitan dunia ini berpadu untuk meragukannya ia tetap dengan pendiriannya, meskipun mereka cuba untuk berhujah terhadap satu bukti kecil tentang kesempurnaan Allah s.w.t., mereka tetap juga tidak akan mampu untuk menggugat keyakinannya.

Tanpa kekuatan '*al-Mahabbah*' ini seorang *salik* akan longlai di hadapan bisikan waswas dan syaitan. Akhirnya dia akan rebah di hadapan keraguan yang diajukan oleh syaitan ini yang datang dalam berbagai bentuk hujah dan muslihat. Tiada siapa yang boleh mempertahankan akidahnya kecuali kekuatan iman dan kesedarannya terhadap nilai keimanan tadi. Oleh yang demikian, *al-Mahabbah* yang lahir dari *makrifatullah* adalah permata dan kalungan bunga bagi setiap martabat kewalian. Namun begitu bahaya yang sentiasa mengintai *salik* yang ada sifat *al-Mahabbah* ini tetap ada iaitu:

Dibimbangi *al-Mahabbah* yang dibekalkan dengan *tadharru'* dan *tazallul* (rahsia *ubudiyyah*) ini berubah menjadi jalan takabbur, meminta-minta dan menjadi dakwaan-dakwaan yang tidak berasas. Dibimbangi juga *al-Mahabbah* tadi berubah dari makna *harfiy* kepada makna *ismiy*. Iaitu apabila dia bertawajjuh dengan cintanya itu kepada selain Allah s.w.t. Ketika ini *al-Mahabbah* akan berubah menjadi racun yang berbisa sedangkan asalnya ia adalah ubat yang menyembuh. Ini terkadang berlaku apabila pencinta tadi menumpukan fikiran cintanya itu kepada salah satu sifat makhluk yang dicintainya itu, sama ada kepada batang tubuh atau kepada sifat-sifat makhluk tersebut. Maksudnya di sini ialah dia mampu mencintai selain dari Allah s.w.t. dengan tanpa mengingat Allah s.w.t., sedangkan prinsip *al-Mahabbah* ialah kita mencintai sesuatu adalah kerana Allah s.w.t. dan untuk Allah s.w.t. Dengan itu dia mengikat hatinya dengan sesuatu yang merupakan cermin Asma al-Husna.

Al-Mahabbah secara *ismiy* ini bukanlah *wasilah* untuk mencapai cinta Allah s.w.t. bahkan ia menjadi hijab kepada cinta Allah s.w.t. manakala *al-Mahabbah* secara *harfiy* ialah rasa cinta yang lahir kerana cinta Allah s.w.t. Maka ia menjadi wasilah kepada bertambahnya cinta kepada Allah s.w.t. **Bolehlah dikatakan ia adalah bayangan zat yang maha agung itu.**¹⁸

Perkara Ketiga

Dunia diciptakan sebagai tempat kita beramal dan memperoleh hikmah (*ubudiyyah*), ia bukan tempat balasan baik dan buruk. Ganjaran baik dan balasan buruk di dunia

¹⁸ Ia membawa maksud *wahdatul wujud* yang sebenar, konsep yang sebegini sudah pasti tidak bertentangan dengan hakikat *makrifatullah* – Tambahan: Iknor Azli Ibrahim

hanya akan diterima di alam *barzakh* dan akhirat. Di sanalah tempat kita memetik dan menuai apa yang kita tanam di dunia.

Setelah kita akui hakikat ini, maka kita tidak boleh menuntut Allah s.w.t. memberikan balasan terhadap kebaikan yang kita lakukan di dunia ini lagi. Jika Allah s.w.t. menganugerahkan juga ganjaran di dunia ini wajiblah kita menerimanya dengan penuh ta'zim terhadap zat yang maha agung ini dengan hati penuh gembira tetapi berbaur sedih, dengan besar hati tetapi penuh rasa terkilan dan bukan dengan kegembiraan dan keriangannya semata-mata. Kerana menerima ganjaran terhadap amalan ukhrawi ketika di dunia lagi samalah seperti melarikan diri dari lampu yang bercahaya terang ke sebuah lampu lain yang malap dan boleh padam bila-bila masa sahaja.

Bersandarkan hakikat ini...para wali Allah s.w.t. berusaha untuk beramal semampunya walau dengan penuh kesusahan, kepayahan dan tanpa keluh kesah. Dalam masa yang sama mereka tidak pula menyebut-nyebut akan amal yang telah dilakukan, sebaliknya mengulang ucapan: "al Hamdulillah atas setiap perkara" (الحمد لله على كل حال). Jika Allah s.w.t. mengurniakan mereka *karamah*, *kasyaf*, *nur* dan *zauq* maka mereka akan menerimanya dengan penuh adab dan menganggapnya sebagai suatu perhatian dan pandangan Allah s.w.t. kepada mereka. Ia juga suatu penghormatan dariNya.

Lantaran itu, mereka akan menyembunyikan karamah ini dan tidak berbangga atau menunjuk-nunjuk. Sebaliknya *ubudiyyah* mereka dipertingkat dan kesyukuran mereka digandakan. Ada di antara mereka meminta Allah s.w.t. memberhentikan anugerah seumpama ini kepada mereka atau jauh di sudut hati mereka berharap *karamah* seumpama ini tidak berlaku pada diri mereka kerana bimbang akan ikhlas di hati mereka tercemar.

Sesungguhnya sebaik-baik nikmat yang Allah s.w.t. berikan kepada seorang hamba yang ubudiyyahnya diterima ialah anugerah kewalian tanpa kesedarannya. Ini boleh mengelakkan dia berubah dari sifat *tadharru'* dan berdoa kepada sikap meminta-minta dan bermain-main dalam amal (terpedaya). Ia akan mengubah seseorang salik dari kedudukan syukur dan memuji kepada kedudukan bermegah dan tertipu oleh dunia.

Dengan itu...seorang salik yang ingin menyusuri laluan kewalian dan tarikat dalam masa yang sama mengimpikan ganjaran kewalian dalam perjalanan ini (seperti *karamah*, *kasyaf*) atau dia sentiasa mengharapkan hasilnya di dunia maka anugerah itu (jika diperolehi) akan menjadi suatu hasil keduniaan juga, dalam bentuk apa sekalipun. Lantaran itu dia akan kehilangan 'ikhlas' dalam amal ibadah dan ubudiyyahnya, bahkan dia sedang berusaha untuk merobohkan jambatan kewalian yang sedang dibinanya. Maka dia tidak akan memperolehi kewalian itu sampai bila-bila.

Keterangan Ketujuh: Syariat dan Tarikat

Ia mengandungi 4 pengamatan

Pengamatan pertama

Sebenarnya 'syariat' itu adalah "arahan" ketuhanan yang difirmankan terus tanpa sekatan atau penghadang dari *rububiyyah* Allah s.w.t. yang esa dan bersifat maha tunggal. Oleh yang demikian, setinggi-tinggi tahap dalam tarikat dan hakikat akan tetap menjadi sebahagian syariat. Hasil tarikat dan hakikat itu tadi adalah merupakan perintah syariat yang *muhkam*. Dengan itu kedua-duanya adalah pembantu dan jalan ke arah pengamalan syariat atau merupakan pemudahcara kepada syariat itu tadi.

Seorang salik dalam jalan tarikat akan meningkat secara beransur-ansur ke martabat yang lebih tinggi dalam syariat. Martabat ini adalah seerti dengan hakikat dan *sirr* tarikat dalam bidang tasawuf. Ketika ini tarikat dan hakikat merupakan sebahagian syariat. Dengan itu adalah tidak benar gambaran segelintir ahli tasawuf yang menyatakan "Syariat itu adalah kulit sahaja, manakala isi dan patinya ialah hakikat".

Ya! Terjemahan hukum hakam adalah berbeza mengikut peringkat pemikiran manusia. Tahap pemahaman mereka dan pencapaian akal mereka. Apa yang dibukakan Allah s.w.t. untuk orang awam sudah barang pasti berbeza dengan apa yang dibukakanNya kepada golongan *khawas*.

Adalah suatu kesilapan apabila menyangka sesuatu yang difahami oleh orang awam mengenai syariat itu adalah merupakan hakikat kepada syariat. Suatu kesilapan juga apabila meletakkan istilah 'hakikat' dan 'tarikat' sebagai satu tingkatan kepada syariat yang zahir pada mata orang awam.

Sebenarnya Syariat itu mempunyai berbagai tingkatan yang boleh digunapakai oleh seluruh manusia!! Berdasarkan kaedah ini maka bilamana setiap ahli tarikat dan hakikat maju ke hadapan dalam perjalanan mereka dan mencapai peningkatan yang tinggi, mereka akan mendapati diri mereka sebenarnya menuju ke arah hakikat syariat untuk dijadikan jalan hidup. Mereka akan tertakluk di bawah matlamat dan *maqsad* syariat itu tadi.

Ketika itu, mereka akan menjadikan sekecil-kecil sunnah sebagai sebesar-besar matlamat dan *maqsad* (apatah lagi kalau sunnah yang lebih besar), maka mereka akan terus berpegang dan menjunjung sunnah tersebut tanpa berbelah bagi. Ini kerana, mereka arif tentang kedudukan sunnah sebagai wahyu dan ketinggiannya mengatasi *ilham*. Oleh itu, adab-adab syariah yang merupakan buah wahyu adalah lebih mulia dan tinggi dari adab-adab tarikat yang merupakan buah *ilham*. Maka kita mengulangi kenyataan bahawa: **Asas kepada tarikat ialah menuruti sunnah Rasulullah s.a.w yang mulia.**

Pandangan silap segelintir ahli tasawuf

Pandangan sebenar menurut Syarak

Pengamatan kedua

Wajiblah diingat dan berhati-hati agar tarikat dan hakikat yang merupakan *wasilah* itu tidak bertukar menjadi matlamat. Jika seseorang salik hanya menguasai hati dan tarikat, maka ia akan menjadi seorang salik yang hanya berfokus kepada tarikat dan hakikat yang merupakan *wasilah* itu tidak bertukar menjadi matlamat. Jika seseorang salik hanya menguasai hati dan tarikat, maka ia akan menjadi seorang salik yang hanya berfokus kepada tarikat dan hakikat yang merupakan *wasilah* itu tidak bertukar menjadi matlamat. Jika seseorang salik hanya menguasai hati dan tarikat, maka ia akan menjadi seorang salik yang hanya berfokus kepada tarikat dan hakikat yang merupakan *wasilah* itu tidak bertukar menjadi matlamat.

Ketika itu, seorang salik akan merasakan *halagah* zikir tarikat adalah lebih utama untuk diberikan penumpuan berbanding solat. Salik akan terdorong ke arah wirid-wirid tarikat tadi lebih kuat berbanding dorongan ke arah perkara-perkara bertaraf fardhu. Dia akan menjaga tingkahlakunya agar tidak melakukan kesalahan dalam tarikat lebih dari menjaga salahlakunya yang berkait dosa besar. Sedangkan dia perlu sedar bahawa melaksanakan satu kefardhu sebagai kepatuhan kepada syariat adalah lebih hebat dan agung. Bahkan ia tidak sama sekali menyamai wirid-wirid tarikat yang mereka amalkan, apatah lagi untuk menggantikan tempat fardhu tersebut.

Peraturan tarikat dan wirid tasawuf yang menghasilkan rasa *zouq* di dalam hati seorang salik sewajarnya menjadi pembuka jalan kepada suatu perasaan yang lebih tinggi, mulia dan lebih manis dari itu iaitu dapat melaksanakan perkara fardhu dan sunnah yang telah diajarkan oleh Rasulullah s.a.w.

Dengan ertikata lain setiap *zouq* yang diperolehi oleh salik dari tempat suluknya adalah pembuka jalan untuk dia merasai kemanisan solat berjamaah di masjid. Dengan itu dia dapat melaksanakan ibadah solat dengan penuh tertib mengikut rukun dan syariatnya. Jika tidak, sebaliknya pula yang akan berlaku iaitu kesibukannya dalam *khulwah* akan melalaikan dirinya dari bersolat di masjid. Solat yang dilaksanakan seorang diri di tempat suluknya akan ditegakkan dalam keadaan tergesa-gesa, ringkas dan hanya tinggal bentuk rupa sahaja sedangkan solatnya tidak lagi mempunyai roh dan kekuatan. Sebenarnya ketika itu dia telah pun menjauhkan diri dari hakikat.

Pengamatan ketiga

Soalan: Apakah mungkin wujud satu tarikat yang berada di luar kawalan Sunnah Nabi s.a.w dan hukum hakam Syara'?

Jawapan: Ya dan Tidak!

Jawapannya Ya! Kerana terdapat ramai para wali yang kamil telah dibunuh dengan pedang Syariat. Jawabannya Tidak! Kerana para wali yang bertaraf *muhaqqiq* telah bersepakat secara ijma' memperakui kaedah yang disebutkan oleh Sa'diy al-Shirazi dalam syairnya yang bermaksud:

“Adalah mustahil seseorang salik itu sampai kepada cahaya hakikat yang sebenar sedangkan dia berada di luar jalan yang telah dilalui oleh Rasulullah s.a.w. dan tidak mengikuti langkah Baginda”.

Bilamana Rasulullah s.a.w. itu adalah penutup sekalian nabi dan rasul, Allah s.w.t. pula telah menurunkan wahyu kepadanya atas nama kemanusiaan sejagat maka Baginda sudah pasti adalah wakil Allah s.w.t. kepada manusia dan wakil manusia kepada Allah s.w.t. Kehidupan insani yang diwakilinya tidak mungkin boleh keluar dari jalan yang telah ditunjuki Allah s.w.t., maka sudah pastilah bernaung di bawah panji-panji Rasulullah s.a.w. itu merupakan satu kewajipan.

Akan tetapi, apabila seorang wali sedang tenggelam dalam mengingati Allah s.w.t, maka beliau itu tidak dipertanggungjawabkan dengan kesalahan yang mereka lakukan. Ini kerana, manusia itu mempunyai *latifah*, deria dan perasaan yang tidak boleh patuh kepada taklif syarak iaitu apabila naluri itu menguasai dirinya maka ketika itu dia tidak lagi dibebankan dengan *taklif* syarak.¹⁹

Perlu diketahui bahawa di dalam diri seorang insan itu boleh wujud berbagai *latifah* yang tidak boleh tunduk kepada kehendak manusia dan perintah hati dan akal. Apabila *latifah* itu menguasai diri seorang salik (lalu ia melanggar hukum syarak), maka ia tidak akan menjatuhkannya dari martabat wali yang telah ia miliki hanya kerana menyalahi hukum syarak itu tadi. Ketika itu salik tadi dimaafkan--tetapi di saat itu sahaja (saat mabuknya).

Pengecualian ini juga adalah bersyarat iaitu mestilah tidak zahir dari dirinya sesuatu yang bersalahan dengan hakikat syarak dan asas-asas keimanan dalam bentuk keingkaran terhadap keduanya atau dalam bentuk penipuan dan penghinaan. Si salik mestilah mengakui kebenaran syarak meskipun dia tidak mampu melaksanakannya. Jika semua syarat di atas tidak dipenuhi lalu dia mendakwa telah melalui ruang *fana'* maka di sini penipuan dan keingkarannya terhadap syarak telahpun dapat dihidu. Maka yang demikian itu adalah petanda kebinasaan salik tersebut! Memohon kita akan perlindungan Allah s.w.t. dari semua ini.

Kesimpulan bicara

¹⁹ Dalam keadaan ini, beliau sama seperti orang gila yang boleh menggugurkan taklif.

Golongan pengamal tarikat ini bolehlah dibahagikan kepada dua kumpulan:

Kumpulan Pertama: Mereka ini adalah golongan yang tenggelam dan mabuk dalam kecintaan kepada Allah s.w.t. atau mereka hilang kawalan akibat naluri dalam jiwanya yang telah menguasai keseluruhan pancainderanya (*lata'if*). Ketika itu dirinya tidak dapat patuh kepada syariat tanpa niat, lalu ia terkeluar dari kawalan syariat.

Namun perlu difahami bahawa keadaan fana' yang dialaminya itu bukan terbit dari penentangannya terhadap Syariat, atau keengganannya untuk iltizam terhadap hukum hakamnya. Akan tetapi dia terpaksa keluar dari daerah syariat itu tanpa kehendaknya. Terdapat para wali yang menghadapi keadaan ini, bahkan ada juga para wali besar yang melaluinya dalam tempoh yang agak lama. Mereka ini ada yang telah diputuskan oleh para aulia' muhaqqiqin bahawa mereka bukan sahaja telah keluar dari hukum hakam syariat bahkan telah terkeluar dari Islam.

Namun mereka ini dimaafkan dengan syarat bahawa mereka tidak mendustai segala hukum hakam syariat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. meskipun mereka tidak melaksanakannya. Sama ada kegagalan melaksana ini berpunca dari mereka tidak memikirkan hukum tersebut secara serius, tidak punya kemampuan berbuat demikian kerana fakir atau lainnya, tidak mempunyai maklumat mengenainya atau tidak memahami hukum tersebut.

Namun, jika mereka tahu, mampu dan sedar terhadap hukum tersebut tetapi masih melanggarnya, maka itu adalah suatu kebinasaan!

Kumpulan Kedua: Mereka ialah golongan yang benar-benar tertarik kepada kelebihan *zouq* yang begitu terserlah dalam alam tarikat dan hakikat tetapi tidak mengambil peduli terhadap hukum hakam syariat, sedangkan syariat adalah lebih tinggi dari *zouq* yang mereka perolehi dalam tarikat itu. Ada di kalangan mereka yang mengatakan syariat ini tiada "kemanisan", namun sebenarnya merekalah yang belum sampai kepada "kemanisan bersyariat" akibat kelemahan mereka. Lalu mereka menunaikan tuntutan syariat setakat yang tercapai sahaja tanpa bersungguh-sungguh. Kesemuanya dilakukan dalam bentuk teknikal dan dalam bentuk gambaran lahir yang tidak "hidup".

Demikianlah perkara ini berlarutan sehingga mereka akan mula menyangka bahawa syariat itu hanyalah perkara lahiriah manakala apa yang mereka perolehi melalui hakikat dan tarikat adalah asas dan matlamat. Dia akan berkata: "Cukuplah dengan apa yang telah aku capai kini" merujuk kepada ketidakperlunya kepada syariat. Dia akan mula melanggar hukum syarak setelah merasakan kedudukannya lebih tinggi. Mereka yang masih waras, berakal dan sedar tetapi melakukan perbuatan seumpama ini akan dipertanggungjawabkan dengan perlakuannya itu nanti. Mereka akan didakwa dan dipersoalkan mengenainya suatu hari nanti, bahkan mereka sebenarnya adalah golongan yang binasa dan menjadi bahan mainan iblis dan syaitan!

Pengamatan Keempat

Terdapat ramai golongan ahli bid'ah dan pembawa kesesatan ini ditolak oleh umat Islam namun ada pula yang diterima kehadiran mereka sedangkan tiada perbezaan antara dua kumpulan yang diterima dan ditolak tadi!!

Saya sendiri agak keliru tentang hal ini. Al-Imam al-Zamakhshari²⁰ umpamanya, adalah seorang muktazilah yang sangat ta'asub kepada fahaman *i'tizal*nya. Namun para Ulama Ahlus Sunnah tidak pernah mengkafirkannya dan tidak pula menyenaraikannya dalam senarai mereka yang sesat walhal serangannya terhadap pandangan mereka sangat keras. Mereka cuba untuk mewajarkan kritikan dari Imam tersebut. Sebaliknya al-Imam al-Juba'ie²¹ juga adalah seorang tokoh Muktazilah, namun para Ulama Ahlus Sunnah sepakat menolaknya dan menyelar semua pandangan dan kritiknya. Kita tahu bahawasanya al-Juba'ie lebih sederhana keta'asubannya kepada i'tizal. Ini semua sentiasa bermain di fikiran saya sehingga suatu masa saya telah dapat memahami duduk perkara ini dengan bantuan Allah s.w.t.:

Penentangan al-Zamakhshari adalah berpunca dari kecintaannya terhadap kebenaran yang dibawa oleh mazhabnya yang disangkakannya sebagai kebenaran hakiki. Contohnya: beliau menyatakan bahawa Tanzih Hakiki terhadap Allah s.w.t. ialah apabila kita menisbahkan semua perbuatan makhluk kepada makhluk. Pandangan ini telah menolak aqidah Ahlus Sunnah dalam masalah “penciptaan perbuatan” (خلق الأفعال). Apa yang berlaku kepada Imam-imam Muktazilah yang lain yang ditolak oleh Ulama Ahlus Sunnah ialah kerana mereka menentang Ahlus Sunnah sebab mempertahankan pendapat dan kerana kurangnya ilmu mereka tentang disiplin Ahlus Sunnah. Mereka gagal memahami pemikiran Ahlus Sunnah dalam sesuatu masalah yang diperselisihkan; mereka tidak menguasai peraturan aqidah yang dibina dalam mazhab tersebut lalu mereka dikesampingkan.

Nah! Kita telah melihat dua bentuk pertentangan Muktazilah dengan Ahlus Sunnah ini. Begitu jugalah terkeluarnya ahli tarikat dari aqidah Ahlus Sunnah adalah menyusuri dua lorong fahaman ini.

Pertama: Ahli tarikat yang terdorong ke arah kewalian dan jalan tasawuf seperti keadaan al-Zamakhshari tadi tanpa dia memikirkan tentang adab syariat yang belum diketahuinya. (Dia hanya inginkan Allah s.w.t., maka dia dimaafkan).

²⁰ Beliau ialah Abul Qasim Mahmud bin Umar bin Muhammad al-Zamakhshariy Jarullah. Dilahirkan di Zamakhshar tahun 467H dan wafat sekembalinya dari Makkah al-Mukarramah tahun 538H. Imam dalam ilmu tafsir dan Bahasa Arab di zamannya. Karyanya ialah “al-Kasyaf an Haqaiq al-Tanzil”, “al-Fa’iq fi Gharib al-Hadith” dan “al-Mufassal” dan bidang ilmu Nahu dan Sorf.- Penterjemah.

²¹ Beliau ialah Abu Ali Muhammad bin Abdul Wahhab bin Salam al-Juba'ie, salah seorang Imam Besar Muktazilah dan pemimpin Ulama Ilmu Kalam di zamannya. Fahaman al-Jubaiyyah adalah nisbah kepada dirinya. Beliau menulis berbagai makalah yang menonjolkan pendapatnya yang terpencil. Al-Juba'ie adalah nama sebuah kampung iaitu Jubai yang terletak di Basrah. Beliau lahir pada tahun 235H dan wafat pada tahun 303H. Banyak karyanya yang tidak sampai ke tangan kita di hari ini. Terdapat juga karyanya yang besar dalam bidang tafsir dan ilmu Usul. – Tambahan dan keterangan: Ihsan Qasim Salihi.

Kedua: Apabila dia melihat adab syariat ini sebagai tidak penting dan tidak bernilai jika dibandingkan dengan peraturan tarikat dan disiplin yang mereka bina, nauzubillah! Ini adalah kerana kegagalannya dalam mencapai kenikmatan amalan syariat. Maqamnya yang rendah dalam tarikat disangka tinggi sedangkan dia tidak lagi mampu mencapai maqam sebenar iaitu maqam syariat.

Perkara Kelapan: Lapan Cabaran Ahli Tarikat

Di sini dijelaskan 8 perkara yang boleh menjerumuskan ahli tarikat ke lembah kebinasaan dan kesesatan:

Pertama: Perkara pertama yang boleh menjerumuskan ahli tarikat ke lembah kesesatan jika mereka tidak berpandukan Sunnah Nabi s.a.w dalam jalan kerohanian mereka secara betul ialah: Mereka akan menyangka bahawa kewalian (الولاية) adalah lebih hebat dari kenabian (النبوة). Sedangkan kita telah pun menjelaskan betapa darjat kenabian itu adalah lebih hebat dan mulia dari darjat kewalian, cahaya kewalian yang malap itu tidak akan mampu berdepan dengan cahaya kenabian yang amat bersinar terang. Ini telah kita bincangkan dalam kalimah yang ke 24 dan kalimah yang ke 31 dalam jilid al-kalimat.

Kedua: Perkara kedua pula ialah apabila ahli tarikat dan tasawuf ini memuliakan para wali lebih dari para sahabat Rasulullah s.a.w., bahkan terhadap kedudukan para nabi itu sendiri. Telah kita jelaskan hal ini dalam kalimah ke 12 dan kalimah ke 27 dalam perbincangan 'ijtihad' apabila kita menyentuh tentang kehebatan para sahabat dalam memahami tasyri' hasil "suhbah" (persahabatan dan kebersamaan) mereka dengan Nabi s.a.w., sehinggakan para wali tidak mungkin akan mencapai maqam mereka apatah lagi untuk mengatasi mereka. Sudah pasti mereka juga tidak akan mencapai maqam para nabi.

Ketiga: Apabila ada di kalangan ahli tarikat yang ta'asub ini mengutamakan wirid-wirid tarikat dan disiplin tarikat mereka lebih utama dari Sunnah Nabi s.a.w. yang mulia, di sini mereka akan mula menyalahi Sunnah Nabi atau mula meninggalkannya. Dalam masa yang sama mereka sangat patuh dalam mengamalkan wirid mereka. Maksudnya di sini ialah mereka tiada keperdulian terhadap Sunnah Nabi s.a.w. dan adabnya lalu mereka terperangkap dalam kesesatan. Ini adalah seperti yang kita telah jelaskan dalam beberapa perbincangan kitab "al-kalimat" dan seperti yang diberi peringatan oleh al-Imam al-Ghazali dengan katanya: "Menuruti satu sunnah Nabi s.a.w. di sisi Allah s.w.t. lebih besar dari seratus adab yang berupa amalan sunat. Begitu juga satu amalan fardhu adalah lebih besar dari seribu amalan sunat, manakala satu sunnah nabi adalah lebih besar dari seribu disiplin tasawuf dan amalan tarikat."

Keempat: Terdapat ahli tasawuf dan tarikat memahami secara salah mengenai “ilham” yang mereka perolehi lalu disangkakan ia setaraf “wahyu”. Atau mereka menyangka bahawa “ilham” adalah sejenis “wahyu”, lalu mereka terjatuh ke lembah yang merbahaya. Telah kita buktikan perkara ini dalam kalimah ke 12 dan kalimah ke 25 dalam perbincangan kita mengenai kemukjizatan al-Quran dan dalam beberapa kalimah yang lain. Di sana kita telah perelaskan bahawa wahyu adalah teramat mulia, suci, bercahaya dan amat sempurna, sedangkan ilham adalah terlalu terhad dan malap berbanding wahyu.

Kelima: Tarikat bukanlah matlamat sebenar dalam jalan tasawuf. Bagi ahli tarikat yang tidak memahami rahsia ini akan mudah tertarik dengan limpahan karamah, *azwaq* dan *anwar* lalu berlumba-lumba memperolehinya, sedangkan semua ini adalah anugerah Allah s.w.t., bukan untuk dikejar dan dicapai. Ia diberikan Allah s.w.t. untuk memperkukuhkan si lemah dan sebagai pendorong bagi mereka yang lesu dan malas dalam jalan ini. Ia juga sebagai penyejuk jiwa bagi yang ditimpa kesusahan dan kekecewaan dalam jalan menuju Allah s.w.t. Ketika ini mereka mula mengutamakan karamah lebih dari soal fardhu, lebih dari sunnah Nabi s.a.w., lebih dari wirid dan zikir yang ma'thur dari Nabi s.a.w. Maka gugurlah salik ke lembah kebinasaan.

Dalam perkara ketiga, keterangan keenam dalam al-Kalimat telah kita simpulkan bahawa dunia ini adalah negara amal dan khidmat dan bukannya negara pembalasan. Barangsiapa yang inginkan balasan duniawi terhadap amal ibadah dan khidmatnya sesungguhnya dia telah menukar habuan akhiratnya yang kekal abadi dengan habuan duniawi yang sementara. Ia juga menunjukkan bahawa masih ada saki baki rasa cinta dunia dalam hatinya dan masih wujud keinginan untuk berseronok. Inilah sebenarnya punca mengapa lemahnya kecintaan mereka kepada alam barzakh. Mereka mula suka dengan kehidupan di dunia kerana apa yang bakal mereka perolehi di alam barzakh ada persamaannya dengan apa yang mereka perolehi di dunia.

Keenam: Ini adalah lembah kebinasaan yang selalu menjerumuskan ahli tarikat yang belum mencapai tahap hakikat, iaitu apabila mereka keliru lalu menyangka maqam wali dan segenap gambarannya yang dapat dilihat adalah maqam yang hakiki dan segala-galanya dalam jalan tasawuf. Telah kita nyatakan dalam pecahan kedua dari kalimah yang ke 24, begitu juga dalam kalimah yang lain tanpa ada keraguan lagi bahawa matahari itu mempunyai keasliannya yang tersendiri meskipun bentuk yang sama kita perolehi dari beberapa buah cermin. Cermin-cermin tersebut memiliki rupa matahari, cahaya dan kepanasan yang sama tetapi ia bukanlah sesuatu yang asli. Sebenarnya cahaya dan kepanasan yang dimilikinya adalah jauh lebih rendah dari keadaan sebenar pada zat matahari itu.

Demikianlah, maqam kenabian dan maqam wali-wali besar terdapat sedikit teduhannya yang sampai kepada kita. Di sini terdapat di kalangan ahli tasawuf yang sempit merasai naungan tersebut. Namun malangnya, ada segelintir mereka (apabila masuk di bawah teduhan ini) merasakan diri mereka lebih hebat dan lebih tinggi dari

darjat para wali yang besar-besar itu bahkan terkadang lebih tinggi dari para nabi.-
Nauzubillah!...Lalu mereka jatuh ke lembah kebinasaan.

Untuk menyelamatkan mereka dari lembah-lembah kebinasaan ini, mereka mestilah meletakkan asas-asas keimanan dan syariat sebagai perkara utama dalam kehidupan mereka. Kedua perkara ini mesti menjadi petunjuk sepanjang masa dalam perjalanannya. Bilamana keinginan, kehendak dan syahwat mereka bertentangan dengan iman dan syariat tadi maka keinginan syahwatnya hendaklah dilupakan.

Ketujuh: Lembah kebinasaan ini menjerumuskan segelintir ahli tarikat yang telah mencapai sedikit *azwaq* dan *asywaq* lalu mereka berbangga-bangga dan mendabik dada dengan apa yang mereka perolehi. Mereka mula menyebarkan keajaiban atau *syatahat* yang berlaku, di samping berusaha mendapatkan perhatian khalayak terhadap kelebihan mereka. Apa yang mereka inginkan ialah diri mereka menjadi tempat “mendapat restu” dalam soal agama. Di sini, mereka sudah mengutamakan kenikmatan yang segera lagi sementara ini jika dibandingkan dengan kesyukuran, *tadharru'*, tahmid dan menjauhkan sanjungan manusia ... bahkan inilah yang sepatutnya mereka lakukan apabila memperoleh kelebihan tadi. Sebenarnya pengabdian diri yang dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang paling sempurna dan amat tinggi martabatnya. Itulah perhambaan yang boleh kita sifatkan sebagai kecintaan atau itu adalah “perhambaan cinta” yang sebenarnya.

Asas dan rahsia sebuah perhambaan ialah rasa *tadharru'*, tahmid, doa, khusyu', *al-ajz*, *al-Faqr*, dan tidak mengharap kepada manusia. Dengan cara inilah kesempurnaan hakikat perhambaan boleh dicapai. Sememangnya, terdapat segelintir wali-wali besar terpaksa (dan bukan dengan pilihan mereka) untuk menunjukkan sedikit kebanggaan, meminta orang lain mengikut jejaknya dan menyebut beberapa *syatahat*...namun ia berlaku untuk suatu tempoh masa dan bukan sepanjang waktu. Dari itu, tidak boleh sama sekali kita mengikut cara mereka ini, lantaran mereka terpimpin dan sentiasa mendapat hidayah. Dengan itu mereka ini (dalam tempoh tersebut) bukanlah contoh yang baik untuk kita dalam soal hidayah. Kita juga tidak harus mengikut perbuatan mereka dan berpegang kepada kata-kata mereka.

Kelapan: Ini adalah perangkap yang sering dimasuki oleh ahli tarikat yang beriya-iya ingin mencapai taraf wali ketika di dunia. Ia dapat diperhatikan melalui tingkahlakunya bahkan niatnya itu dapat dikesan melalui tingkah laku tadi. Maka ketika ini dia benar-benar menyimpang dan jatuh ke dalam perangkap tadi.

Kita perlu sedar betapa banyak ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan apa yang telah kita bincangkan tadi, antaranya firman Allah s.w.t. (وما الحياة الدنيا إلا متاع الغرور – آل عمران 185). Begitu juga dalam kalimah lain bahawa satu hasil di akhirat lebih berat dari seribu kebaikan di dunia yang fana ini. Oleh itu, yang terbaik ialah kita tidak memetik hasil yang berkat itu di dunia ini. Jika kita diberikan juga tanpa diminta, maka terimalah ia dengan penuh adab iaitu dengan kesyukuran dan tahmid. Jangan sekali-kali menganggapnya suatu “upah”. Sebaliknya itu adalah ihsan dan kemurahan Allah s.w.t. yang diberikan sebagai suatu galakan.

Perkara kesembilan: Sembilan Jasa dan Kebaikan Tarikat

Di sini kita jelaskan pula secara ringkas kebaikan dan faedah yang terkandung dalam ajaran tarikat, antaranya:

Pertama: Melaluinya kita mampu menzahirkan hakikat keimanan dan membebaskannya dari sebarang kekeliruan dan syubhah. Ini akan membawa kita ke tahap *ain al yaqin*, tetapi mestilah melalui tarikat yang benar dan tidak menyimpang (seperti syarat yang telah kita sebutkan sebelum ini). Hakikat ini merupakan sumber khazanah yang kekal abadi dan kebahagiaan yang berpanjangan; ia adalah kunci dan harta sebenar bagi tujuan itu.

Kedua: Dengan tarikat seseorang insan mampu mengenali hakikat kewujudannya yang sebenar dengan cara mengerahkan setiap inci tubuh dan derianya untuk melaksanakan tugas yang kerananya ia dicipta (iaitu ibadah). Tarikat pada ketika ini merupakan alat untuk menggerakkan hati (yang mati), sedangkan hati adalah paksi dan asas pergerakan tubuh manusia, lalu jasad dapat diarahkan menuju Allah s.w.t. Maka terdoronglah tubuh dan roh manusia untuk bergerak dan menzahirkan keimanannya. Di sinilah hakikat insan mula tercapai.

Ketiga: Melalui tarikat, seorang insan dapat membebaskan dirinya dari "keterasingan" yang membosankan atau keterasingan dalam menuju Allah s.w.t. Melibatkan diri dengan aliran tarikat akan menjadikan ahli tarikat itu dapat merasakan dirinya akan hampir kepada kehidupan dunia dan alam barzakh meskipun di ketika itu dia sedang melayari perjalanan menuju alam barzakh dan akhirat, iaitu dengan cara mempertautkan hatinya dengan rakan-rakan *seqafilah* dengan persahabatan hakiki dan kasih sayang yang telus ketika menuju alam yang kekal abadi. Setiap unsur syubhah dalam jiwa nurani akan mudah terhakis apabila seorang "murid" tarikat itu berdamping dengan jamaahnya dan mendokong kesepakatan yang mereka bina. Bagi mereka guru yang mursyid adalah hujjah dalam menolak sebarang kesesatan dan prasangka (*waham*) yang menyapa fikiran.

Keempat: Tarikat dapat membebaskan jiwa manusia dari belenggu keduniaan dan dapat menyelinap keluar dari alam keasingan yang menyakitkan, yang dirasakannya terhadap alam semesta ini. Ini kerana, tarikat mampu memancarkan semula mata air kecintaan terhadap Allah s.w.t dan makrifat keimanan. Telah kita nyatakan sebelum ini dalam beberapa kalimat bahawa kebahagiaan di dunia dan akhirat, kelazatan yang tidak diselangi keperitan, kedamaian yang tidak dicemari oleh keluh kesah dan sebuah ketenangan yang abadi itu tidak mungkin diperolehi kecuali di dalam hakikat iman dan Islam. Inilah yang cuba dicapai oleh ajaran tarikat seperti yang kita jelaskan dalam kalimat kedua, bahawasanya Iman mengandungi benih pokok yang amat rendang dan mekar di akhirat. Sesungguhnya *tarbiyyah* yang menghujani ajaran tarikat akan menumbuhkan benih tersebut dan menyuburkannya.

Kelima: Melalui tarikat seorang *salik* akan dapat merasakan hakikat *taklif* syariat yang dipikulnya. Dia akan memberi nilai yang tepat terhadap hukum syarak melalui hatinya yang hidup dan berdenyut dengan zikrullah. *Manhaj* tarbiyyah dalam aliran tasawuf akan memandu langkahnya dalam hal ini. Ketika ini, ketaatan dan ibadah kepada Allah s.w.t. itu menjadi sumber kerinduan dan kecintaannya kepada Allah s.w.t. dan bukan punca keletihan dan kelesuannya dalam menjalani kehidupan.

Keenam: Melalui didikan tarikat yang benar, *maqam tawakkal*, menyerah diri dan redha mudah dicapai, maqam-maqam ini adalah jalan penyampai kepada kelazatan dan kebahagiaan yang *hakiki* dan hiburan yang kekal di akhirat. Ia adalah kelazatan yang tidak diselangi oleh keperitan, kedamaian yang tidak diselangi oleh keluh kesah.

Ketujuh: Ia boleh menyelamatkan manusia dari syirik *khafiy*, atau pun riya', kepura-puraan dan seumpamanya daripada sifat-sifat yang tercela. Kerana, keikhlasan adalah syarat utama bagi seorang salik dan ia juga merupakan *natijah* utama amalan tarikat. Tarikat juga membimbing salik untuk membebaskan diri dari belenggu dan bahaya nafsu *amarah* yang sentiasa mengajak kepada kejahatan. Ia juga membersihkan jiwa dari segala sikap mementingkan diri yang amat hina. Usaha pembersihan diri merupakan perjalanan amali dalam setiap tarikat.

Kelapan: Melalui tarikat juga seorang insan dapat berwaspada, sentiasa berusaha menjadikan setiap kebiasaan hariannya sebagai ibadah dan setiap urusan dunianya menjadi urusan akhirat. Dia akan cekap mengurus setiap detik dari modal umurnya agar tumbuh mekar sebagai tanaman syurga dengan kesempurnaan ranting-rantingnya. Caranya ialah dengan zikir hati yang tiada henti, pemerhatian akal yang sihat yang disertai oleh hati yang *hadhir* dan tenang setiap masa, menyekat kehendak nafsu, membersihkan niat dan memperbetulkan azam sepertimana yang dibimbing dalam perjalanan tarikat.

Kesembilan: Ia adalah amalan yang membentuk insan kamil dengan cara *tawajjuh* hati kepada Allah s.w.t. sepanjang perjalanan ubudiyahnya dan ketika mengalami kepayahan rohaninya dalam usaha meningkatkan kehidupan yang maknawi. Ia juga adalah jalan dalam mencapai tahap mukmin yang hak dan muslim yang sebenar. Inilah hakikat kelslaman dan keimanan sebenar dan bukan lagi setakat gambaran lahir. Ia akan menjadikan manusia itu benar-benar ikhlas kepada tuhaninya, menjadi wali dan kekasih Allah s.w.t., menjadi cermin yang memancarkan keindahan penciptanya, menjadi makhluk yang benar-benar tercipta sebagai sebaik penciptaan, inilah hujjah dan bukti kelebihan manusia ke atas malaikat. Demikianlah insan itu terbang dengan kedua sayap keimanan dan syariat ke arah maqam yang amat tinggi meninggalkan dunia ini untuk merintis alam kebahagiaan abadi lalu memasuki syurganya.

{ سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ }
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى الْغَوْثِ الْأَكْبَرِ فِي كُلِّ الْعُصُورِ وَالْقُطْبِ الْأَعْظَمِ فِي كُلِّ الدُّهُورِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَظَاهَرَتْ حَشَمَةُ وَلايَتِهِ
وَمَقَامُ مَحَبَّتِهِ فِي مَعْرَاجِهِ وَانْدَرَجَ كُلُّ الْوَلَايَاتِ فِي ظِلِّ مَعْرَاجِهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

آمین والحمد لله رب العالمین

Jalan Pintas Menuju Allah s.w.t.

(Lanjutan)

Catatan yang pendek ini mempunyai kepentingan dan manfaat yang besar kepada masyarakat.

Terdapat banyak jalan untuk sampai kepada Allah s.w.t.; apa pun jalan itu pastinya ia akan berlandaskan al-Quran al-Karim. Cuma terkadang jarak dan keselamatan antara jalan tersebut yang mungkin berbeza -- ada yang singkat dan ada yang jauh, ada yang selamat dan ada yang kurang selamat. Saya telah memahami dari limpahan nur al-Quran (meskipun pemahaman saya lemah) suatu jalan yang singkat dan selamat untuk menuju Allah s.w.t. iaitu: *Al-ajz*, *al-Faqr*, *al-Syafaqah*, dan *al-Tafakkur*.

Al-Ajz: adalah seumpama rasa *asyiq* yang akan menyampaikan diri kita kepada Allah s.w.t., bahkan ia amat singkat dan selamat, kerana *al-Ajz* akan membawa kita kepada "yang tercinta" melalui wadah *ubudiyyah*.

Al-Faqr: Akan membawa kita kepada sifat Allah s.w.t. *al-Rahman*.

Al-Syafaqah: Akan membawa kita ke jalan yang luas dan lengang, kerana dengannya kita akan sampai kepada sifat Allah s.w.t. *al-Rahim*.

Al-Tafakkur pula: *Asyiq* yang lebih menyerlah, ia lebih bercahaya dan jalannya luas. Ia akan membawa kita kepada sifat Allah s.w.t. *al-Hakiim*.

Jalan ini berbeza dengan jalan yang dilalui oleh ahli tarikat melalui cara yang tersembunyi -- ia melalui 10 langkah sama seperti *lata'if* yang sepuluh, manakala melalui jalan nyata pula mereka akan merentas tujuh langkah sama seperti tingkatan nafsu yang tujuh. Jalan yang kita bicarakan ini hanya perlu kepada empat langkah sahaja. Ia merupakan hakikat syariat lebih dari sifatnya sebagai hakikat tasawuf.

Kita jangan sekali-kali salah faham dalam hal ini. Yang dimaksudkan dengan *al-Ajz* dan *al-Faqr* ialah menzahirkan perasaan itu di hadapan Allah s.w.t. bukan menzahirkannya di hadapan manusia ramai. Zikir jalan ini adalah mudah, iaitu: mengikut Sunnah Nabi s.a.w. dan menunaikan segala yang fardhu seperti solat lima waktu beserta zikir selepas solat dan meninggalkan dosa besar.

Sumbernya dari al-Quran iaitu:

Langkah Pertama:

فَلَا تُزَكُّوا أَنْفُسَكُمْ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اتَّقَى
(QS An-Najm, 53: 32)

Maksudnya:

Maka janganlah kamu memuji-muji diri kamu (bahawa kamu suci bersih dari dosa). Dialah sahaja yang mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa.

Langkah Kedua:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنْسَاهُمْ أَنْفُسَهُمْ أُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ
(Al-Hasyr, 59: 19)

Maksudnya:

Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang telah melupakan (perintah-perintah) Allah, lalu Allah menjadikan mereka melupakan (amal-amal yang baik untuk menyelamatkan) diri mereka. Mereka itulah orang-orang fasik.

Langkah Ketiga:

مَا أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ اللَّهِ وَمَا أَصَابَكَ مِنْ سَيِّئَةٍ فَمِنْ نَفْسِكَ
(An-Nisa', 4: 79)

Maksudnya:

Apa jua kebaikan (nikmat kesenangan) yang engkau dapati maka ia adalah dari Allah; dan apa jua bencana yang menimpamu maka ia adalah dari (kesalahan) dirimu sendiri.

Langkah Keempat:

كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ
(Al-Qasas, 28: 88)

Maksudnya:

Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Dzat Allah.

Keterangan terhadap empat langkah dalam jalan singkat yang telah kita sebutkan sebelum ini adalah seperti berikut:

Langkah Pertama:

Seperti yang telah diisyaratkan oleh ayat al-Quran yang terdahulu: فَلَا تُزَكُّوا أَنْفُسَكُمْ iaitu kita tidak boleh membanggakan diri sendiri dan memujinya kerana setiap insan itu secara fitrah akan mencintai dirinya dan membelanya. Bahkan dia akan mengutamakan dirinya dari orang lain. Setiap perkara akan dikorbankan demi diri sendiri. Dia juga memuji dirinya dengan pujian yang kadang-kadang dengan pujian yang hanya layak untuk Allah s.w.t. sahaja. Dia sentiasa mempertahankan dirinya dari sebarang serangan dan tidak boleh menerima bahawa dirinya penuh kekurangan dan kecuaihan. Pembelaan diri yang dilakukannya adalah seumpama ibadah bagi dirinya. Seluruh pancaindera dan kemudahan yang diberikan sentiasa digunakan untuk

membela dirinya. Ketika ini ayat al-Quran Surah Al-Furqan, ayat 43 berikut: (43 من اتخذ إليه هواه- الفرقان) yang bermaksud: “Sudahkah engkau (Muhammad) melihat orang yang menjadikan keinginannya sebagai tuhan.” Ayat ini adalah sesuai untuk menceritakan mengenai diri orang seperti ini. Dia akan terus kagum pada diri sendiri dan membuat apa saja untuknya. Maka sikap buruk ini perlu dibersihkan; Penyucian terhadap sifat ini ialah dengan berhenti dari ‘menyembah’ diri sendiri.

Langkah Kedua:

Sepertimana yang telah dijelaskan oleh ayat al-Quran (Al-Hasyr, 59: 19) berikut: وَ لَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنْسَاهُمْ أَنْفُسَهُمْ bahawasanya manusia seringkali lupa pada diri dan lalai terhadap kewajibannya. Setiap kali ia terfikir akan kematian cepat-cepat dialihkan kepada orang lain (mati bukan untuk dirinya). Bila terlihat kemusnahan dan kebinasaan dialihkan juga kepada orang lain (dirinya tak akan musnah). Seolah-olah perkara yang difikir dan dilihatnya itu langsung tidak kena mengena dengan dirinya. Ini kerana sifat nafsu *Ammarah* itu ialah terlalu gemar meletakkan dirinya di kedudukan "pemungut upah" dan "pemburu untung". Lalu fahaman ‘upah dan untung’ ini dijadikan pegangan yang kukuh. Ia tidak sekali-kali meletakkan dirinya di kedudukan "pengkhidmat, pengamal dan pemikul *taklif*". Cara untuk membersihkan sifat kotor ini ialah: Kita perlu buat perkara yang bertentangan dengan kehendak nafsu tadi; kita beringat ketika ia cuba membawa kita lupa. Setiap kali terfikir kepada upah dan untung duniawi, ingatlah bahawa kita adalah pengkhidmat dan pemikul *taklif*. Kita sentiasa ambil kesempatan untuk ingat kepada amal dan kematian kita.

Langkah Ketiga:

Ia adalah seperti yang telah dijelaskan dalam ayat al-Quran (An-Nisa’, 4: 79):

مَا أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ اللَّهِ وَمَا أَصَابَكَ مِنْ سَيِّئَةٍ فَمِنْ نَفْسِكَ

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa setiap diri akan mengatakan dirinya baik, kadang-kadang berlebihan sehingga membawa kepada bermegah-megah dan ujub. Ketika ini seorang insan mestilah melihat setiap kecuaian dirinya, kekurangan, kelemahan dan kefaqirannya terhadap Allah s.w.t. Dia mesti menganggap apa saja kebaikan yang ada pada dirinya adalah ihsan Allah s.w.t. yang maha pencipta. Ia mesti diterima sebagai ni’mat yang dianugerahkan kepadanya, lalu kesyukuran datang menggantikan tempat *ujub* dan bangga tadi. Lantaran itu dia perlu memuji Allah s.w.t. dan mensyukuri hadhratnya bukan mendabik dada untuk bermegah-megah. Pembersihan diri dalam tahap ini ialah melalui ayat al-Quran (Asy-Syams, 91: 9) berikut: قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَاها: iaitu akur bahawa kesempurnaan diri ialah dalam kekurangannya; kekuasaan sebenarnya ialah dalam kelemahan yang ada; kekayaan sejati adalah dalam kefaqiran diri. Dengan ertikata lain, hati yang sempurna ialah apabila dapat mengenal kelemahannya. Diri yang kuat ialah yang mengaku lemah di hadapan Allah s.w.t.; jiwa yang kaya ialah jiwa yang mengharap kepada Allah s.w.t.

Langkah Keempat:

Ia adalah langkah yang telah diilhamkan oleh ayat Al-Quran yang berbunyi: (كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ). Ini adalah kerana, jiwa insan selalu menyangka bahawa dirinya bebas dari sebarang takluk dan belenggu dan ia berdiri dengan sendirinya, tidak perlu kepada sesiapa. Ini tidak secara langsung mengandungi dakwaan "ketuhanan". Ia menyembunyikan penentangannya kepada Allah s.w.t. penciptanya walaupun dia sedang menyembahNya. Dengan memahami langkah ini seorang insan akan selamat dari sifat ini. Langkah ini bermaksud: Sesungguhnya setiap makhluk secara *ismiy* adalah bersifat binasa, akan musnah, bersifat baharu, tiada wujudnya, tetapi secara *harfiy* pula ia adalah petugas Allah s.w.t. sebagai pembias kepada Asma al-Husna. Dengan itu dia adalah: *Syahid, Masyhud, Wajid dan Maujud*.

Penyucian sikap ini melalui langkah keempat boleh berlaku dengan cara salik itu memahami bahawa: Tiadanya ia adalah di dalam adanya. Ertinya di sini apabila ia melihat dirinya lalu ia memberi erti wujud itu pada dirinya maka ia akan terjerumus ke ruang "tiada" yang seluas alam semesta ini. Iaitu apabila ia lupa tentang pencipta kewujudannya yang hakiki iaitu Allah s.w.t. dan dia hanyut dalam kewujudannya sendiri. Ketika ini dia akan mendapati dirinya terasing dan tenggelam dalam kegelapan *firaq* dan "tiada" yang tidak bertepi. Ia seperti kelip-kelip yang bercahaya suram berada di malam yang gelap gelita. Kalau ia meninggalkan sangkaan tadi, maka ia akan mendapati dirinya sebenar tidak wujud; dirinya adalah biasan dari sifat-sifat agung penciptanya yang hakiki. Ketika itu dia akan mencapai "wujud"nya yang sebenar dan dapat melihat wujudnya makhluk yang lain. Nah, siapa yang menemui Allah s.w.t., ia akan menemui yang lain pula. Seluruh makhluk tidak lain hanya terjemahan kepada ketinggian sifat Allah s.w.t. (Asma al-Husna).

Penutup

Jalan yang terbentuk dari empat langkah ini, iaitu: *al-Ajz, al-Faqr, al-Syafaqah, dan al-Tafakkur*, telah pun dibahaskan dalam kalimah yang ke 26 di dalam kitab "al-Kalimat" yang membincangkan tentang imu Hakikat, Hakikat Syariah dan Hikmah Al-Quran.

Cuma kita sebutkan di sini sepintas lalu untuk menekankan bahawa ia adalah jalan pintas yang lebih dekat dari sekelian jalan, kerana ia hanya mengandungi empat langkah saja: *al-Ajz*: jika benar-benar menguasai diri akan menjadikan ia menyerah bulat kepada Allah s.w.t. yang bersifat "al-Qadir". Rasa asyiq kepada Allah s.w.t. pula akan melucutkan keseronokan kepada dunia yang sementara. Sebaik saja hilang dunia maka muncullah cintanya yang hakiki.

Selain itu, jalan yang digariskan di sini adalah jalan yang selamat. Ia tidak mengandungi sebarang *syatahat*, atau dakwaan yang di luar batas kuasa insani kerana manusia sudah pasti akan menemui sifat-sifat *al-Ajz, al-Faqr* dan *al-Taqsir* dalam dirinya yang tidak mungkin dihindari.

Jalan ini juga adalah "lebuhraya awam" yang mudah disusuri. Ia tidak perlu kepada anggapan bahawa makhluk ini tidak wujud langsung awal dan akhir seperti yang disangka oleh golongan "wahdatul wujud", yang mengatakan: "Tiada yang *maujud* kecuali Allah s.w.t." Ini semata-mata untuk mencapai ketenangan ubudiyahnya dan mencapai "*hudhur al-qalbiy*". Demikian juga golongan "*wahdatus syuhud*" apabila mereka menyisihkan makhluk ke alam "*nis-yan*" untuk memperoleh ketenangan iktiqadnya.

Sedangkan al-Quran secara jelas membebaskan makhluk dari dibelenggu dengan prasangka ini. Inilah jalan al-Quran. Ia melihat makhluk sebagai alat yang patuh tunduk kepada Allah s.w.t. dan berkhidmat untuk agamanya. Ia merupakan paparan Asma al-Husna dan tanda kebesaran Allah s.w.t. Maka namaNya digunakan secara *harfi* bukan secara *ismiy* untuk memberi faham bahawa makhluk tidak bergerak dengan sendirinya. Apabila seorang insan itu selamat dari kelalaian ini dan mencapai kepekaan berterusan terhadap penciptanya maka ia akan memperoleh berbagai jalan dari tuhanNya.

Kesimpulannya: Jalan ini tidak mengajak kita memberi kuasa kepada makhluk secara total (*ismiy*). Sebaliknya ia perlu diberi kuasa secara *harfiy* dengan memberikan ia tugas sebagai tanda ia ditundukkan (تسخير) di bawah kehendak Allah s.w.t.

Para Sahabat Rasulullah s.a.w. Berada di Kemuncak Keimanan

(Lanjutan Daripada Kalimah Yang Kedua Puluh Tujuh)

Soalan: Para Sahabat itu telah melihat Rasulullah s.a.w. secara peribadi lalu mereka beriman kepadanya dan membenarkan segala apa yang dibawa oleh Nabi. Adapun kita ini hanya beriman kepada Nabi s.a.w. tanpa melihatnya. Jika begitu, bukankah ia bermaksud iman kita adalah lebih kuat daripada iman para Sahabat? Tambahan pula di sana terdapat riwayat-riwayat yang menyokong kenyataan ini!

Jawapan: Keseluruhan para Sahabat telah berdiri kukuh menghadapi segala jenis dan bentuk pemikiran di dunia ini yang bertentangan dengan hakikat Islam. Ketika itu mereka beriman dengan keimanan yang tulus, suci, dan benar sedangkan mereka belum pun melihat "diri" Nabi s.a.w. yang sebenar kecuali susuk tubuhnya yang berupa manusia ... bahkan kadang-kadang mereka beriman kepada Nabi s.a.w. tanpa melihat mukjizat yang berlaku. Maka iman mereka ini menjadi cukup ampuh dan tidak mampu digugat oleh sebarang pemikiran yang mencabar kemuliaan Islam bahkan tetap utuh, tidak terusik walau oleh setitis keraguan dan was-was.

Berbeza dengan keadaan saudara semua, meskipun saudara tidak melihat susuk tubuh dan keperibadian Nabi s.a.w. sebagai manusia yang merupakan seperti biji benih bagi pohon kenabian, tetapi pemikiran dalam dunia Islam telah menguatkan iman saudara, meningkatkan dan mengukuhkannya. Tambahan pula saudara dapat melihat – dengan akal -- tentang keperibadian Nabi s.a.w. yang maknawi yang diserlahkan melalui *nur* Islam dan hakikat al-Quran.

Peribadi agung ini diperkukuh dan disertai dengan berbagai mukjizat sebagai bukti kenabiannya. Apakah saudara berdaya menyamakan iman saudara dengan iman para Sahabat yang amat ampuh itu? Di mana letaknya iman saudara yang cenderung untuk terdampar dalam perangkap *syubhah* dengan hanya mendengar kata-kata dari ahli falsafah Barat? Sedangkan iman mereka pula seteguh gunung yang tidak tergugat meskipun dilanda badai yang dilancarkan oleh segenap jenis kekufuran, serangan *ilhad*, ancaman yahudi, kristian dan hujah segala cerdik pandai.

Wahai orang yang mendakwa dirinya hebat! Di mana juakah iman kamu yang longlai dalam melaksanakan perkara fardhu dengan cara yang betul, berbanding iman para sahabat yang kukuh, utuh dengan ketaqwaan dan "kesolehan" yang telah mencapai tahap ihsan? Adapun hadis yang memberi isyarat bahawa "mereka yang tidak melihatku tetapi beriman denganku adalah lebih baik dari kamu"²² adalah hadis

²² أن رسول الله صلى الله عليه وسلم خرج إلى المقبرة ، فقال : السلام عليكم دار قوم مؤمنين ، وإنا إن شاء الله بكم لاحقون ، وددت أنني قد رأيت إخواننا . قالوا : يا رسول الله : **ألسنا إخوانك** ؟ قال : بل أنتم أصحابي . وإخواني الذين لم يأتوا بعد وأنا فرطهم على الحوض . قالوا : يا رسول الله كيف تعرف من يأتي بعدك من أمتك ؟ قال : رأيته لو كان لرجل خيل ، غر ، محجلة ، في خيل بهم ، دهم ، ألا يعرف خيله . قالوا : بلى قال : فإنهم يأتون يوم القيامة ، غرا محجلين من الوضوء ، وأنا فرطهم على الحوض . الراوي: أبو هريرة المحدث: الألباني - المصدر: صحيح النسائي - الصفحة أو الرقم: 150 ، خلاصة الدرجة: صحيح

khusus. Ia berhak untuk segolongan umat (di akhir zaman). Apa yang kita bincangkan di sini adalah secara keseluruhan dan secara umum.

Soalan Kedua: Para wali dan sekalian ahli ibadah di kalangan *ashabul kamal* telah meninggalkan rasa cinta dunia dan melupakan keseronokan di dalamnya. Bersesuaian dengan mafhum hadis yang mulia (Cinta Dunia adalah punca segala dosa),²³ sedangkan para Sahabat telah mengambil berat terhadap dunia dan memperjuangkannya. Mereka tidak membebaskan diri mereka dari dunia itu. Ada di kalangan mereka mendahului mereka yang maju di sudut keduniaan kerana sikap mengambil berat terhadap dunia ini. Lantas, bagaimana kamu mengatakan bahawa sekecil-kecil Sahabat adalah sebesar-besar wali Allah s.w.t. yang soleh?

Jawapan: Telah kita jelaskan secara *qat'ie* dalam pendirian kedua dan ketiga melalui Kalimah Ke 32 bahawa dunia ini mempunyai tiga wajah. Dua wajahnya menghadap akhirat. Jika kita menunjukkan rasa cinta kepada dua wajahnya yang menghadap kepada akhirat itu maka ia bukanlah suatu perkara yang mencacatkan ibadah, bahkan itulah lambang kesempurnaan insan dan ketinggian imannya. Ini kerana bilamana seseorang itu berusaha menyintai dua wajah akhirat ini tadi maka bertambahlah ibadahnya dan bertambah jualah makrifahnya kepada Allah s.w.t. Ketika itu ia menganggap dunia sebagai ladang untuk akhiratnya, lalu dia mengusahakan tanaman kebaikan dan sudah pasti dia akan menuai hasil tanaman yang subur dalam bentuk pahala yang begitu banyak. Dia meletakkan dunia ini seumpama cermin yang memantulkan cahaya Asma al-Husna. Renungkanlah perkara ini dan amatilah ia dengan penuh minat dan rindu. Dengan itu, lipat gandakan usaha mendekatkan dirimu kepada Allah s.w.t. Dalam masa yang sama tinggalkanlah wajah dunia yang ketiga iaitu yang menghala ke arah syahwat dan hawa nafsu.

Soalan Ketiga: Tarikat-tarikat Tasawuf adalah jalan penyampai kepada hakikat perhambaan, manakala yang paling tinggi di kalangan tarikat itu ialah Tarikat Naqsyabandiyyah yang dianggap ibu segala tarikat. Para qutub dan khalifah utama tarikat ini telah menggariskan kaedah tarikat tersebut seperti berikut:

Dalam tarikat Naqsyabandiyyah ini wajiblah meninggalkan empat perkara:

- 1- Meninggalkan dunia dengan cara mengenepikan ia dari menjadi matlamat dan tujuan.
- 2- Meninggalkan Akhirat dengan galang ganti jiwa dan diri.
- 3- Meninggalkan jiwa dan diri dengan cara melupakannya.
- 4- Meninggalkan "tinggal", iaitu jangan kamu fikirkan tentang perbuatan kamu yang meninggalkan segala-galanya supaya kamu tidak terjatuh ke lembah ujub dan bangga.

Maksudnya di sini...makrifatullah dan kesempurnaan insan yang hakiki hanya akan terhasil dengan meninggalkan segala selain Allah s.w.t.

²³ Hadis diriwayatkan oleh al-Baihaqi dengan sanad yang hasan kepada al-Hasan al-Basri dimarfu'kan secara mursal. Diisyaratkan oleh al-Sayuti sebagai dha'if. (حب الدنيا رأس كل خطيئة)

Jawapan: Kalaulah manusia itu hanya terdiri dari seketul hati sahaja, sudah pastilah dia wajib meninggalkan segala yang selain dari Allah s.w.t. Bahkan dia perlu meninggalkan *asma'* dan *sifat*,..dia hanya perlu bertaut dengan zat Allah s.w.t. semata-mata. Tetapi manusia memiliki berbagai *lata'if* yang lain seperti akal, roh, sir, setiap *latifah* ini mempunyai tugas tersendiri dan ia mesti melaksanakannya. Insan yang sempurna ialah seperti para Sahabat; mereka telah menundukkan setiap *lata'if* yang ada ke arah tujuan asas iaitu ibadah kepada Allah s.w.t. Hati yang merupakan pemerintah dalam tubuh akan mengarahkan sekalian *lataif* yang ada ke arah hakikat dengan cara *ubudiyah* masing-masing. Ketika itu sekalian *lataif* itu akan menjadi ketumbukan tentera yang amat hebat bertempur di medan yang amat luas. Sama seperti perlakuan para Sahabat tadi. Tanpa cara ini bererti hati telah membiarkan tenteranya berkeliaran tanpa bimbingan untuk menyelamatkan diri masing-masing. Ini bukanlah sifat yang terpuji malah ia adalah ibadah yang penuh keterpaksaan.

Soalan Keempat: Dari mana datangnya dakwaan bahawa kita mengatasi kemuliaan para sahabat? Siapakah yang menyebarkan kepercayaan seperti ini? Mengapa pula mereka menyebarkan fahaman tersebut di waktu sekarang ini dan apakah punca seseorang itu mendakwa dia telah mencapai tahap *Mujtahid* besar?

Jawapan: Mereka yang membuat dakwaan seperti ini terbahagi kepada dua kumpulan:

Kumpulan pertama ialah mereka yang meneliti hadis-hadis yang berkenaan lalu menyebarkan kepada para pejuang Islam dari golongan *solihin* dan *muttaqin* supaya menambahkan kecintaan dan kerinduan di hati mereka terhadap agama ini. Mereka adalah di kalangan orang yang ikhlas dalam beragama. Mereka mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup dalam hal ini. Kita tidak ada apa-apa ulasan terhadap golongan ini. Mereka adalah ahli agama yang ikhlas. Bilangan mereka pula sedikit dan mereka tidak mudah untuk diperdaya.

Kumpulan kedua pula ialah mereka yang benar-benar tertipu. Mereka diselimuti perasaan ujub yang melampau. Apa yang mereka inginkan ialah untuk membebaskan diri dari semua mazhab fiqh lantas menyamakan diri mereka dengan para *mujtahidin* yang hebat-hebat. Mereka ini adalah orang yang sesat bahkan telah terjerumus ke dalam dua kebinasaan iaitu:

Pertama: Lembah kebodohan, di mana mereka akan terbiasa dengan tabiat tidak waras tersebut. Mereka menolak sebarang perintah syarak yang boleh menyelamatkan mereka dari sebarang ketidakwarasan. Ada di kalangan mereka yang cuba membela diri mereka dengan berkata: " Ini adalah masalah-masalah fiqh yang berupa perkara *ijtihadiyyah*, sedangkan mazhab-mazhab fiqh berbeza pendapat dalam soal ini. Di sana para ulama berjihad pada zamannya. Maka kita pula perlu berjihad seperti mereka di zaman kita. Kita mampu berjihad seperti mereka. Mereka juga mungkin tersilap dalam ijtihad, begitu juga kita. Oleh yang demikian,

ibadah yang ada kini perlulah dilihat dari sudut pandang kita sendiri dan kita bukan terikat untuk menuruti ijthad mereka".

Demikianlah mereka yang kontang ilmu ini cuba meleraikan tali ikatan mazhab dari tubuh mereka hasil dari bisikan syaitan seperti ini. Alangkah dangkalnya hujah mereka dan alangkah lapuknya helah sebegini. Perkara ini telah kita jelaskan dalam risalah *al-Ijthad*.²⁴

Kedua: Setelah itu mereka tidak akan berpuas hati jika fitnah ini belum sempurna. Lalu mereka menyempurnakannya dengan merendahkan kemuliaan para sahabat pula. Ini kerana para mujtahidin hanya membawa teori-teori hukum sedangkan golongan sesat ini mahu memusnahkan kepentingan agama dari akar tunjangnya. Ungkapan: "*Kami lebih mulia dari para mujtahidin*" masih tidak mencukupi dan masalah yang mereka hadapi masih belum terungkai. Seperti yang disebutkan tadi bahawa para mujtahidin hanya meneliti perkara-perkara cabang dalam hukum dan bukannya tentang nas-nas syarie (al-Quran dan Sunnah). Setelah membebaskan diri dari pimpinan mazhab, mereka memulakan serangan terhadap para sahabat. Serangan besar-besaran ini amat perlu bagi mereka kerana para sahabatlah yang membawa perkara-perkara asas dan utama dalam agama ini. Tetapi alangkah karutnya dakwaan mereka ini...usahkan binatang yang bertopeng manusia seperti mereka, bahkan manusia yang bertahap insan kamil dan wali soleh sekalipun tidak akan tergamak untuk membandingkan diri dengan sekecil-sekecil sahabat Rasulullah s.a.w. Ini juga telah diperjelaskan dalam risalah *al-Ijthad*. Selawat dan salam ke atas Baginda Rasulullah s.a.w. yang telah bersabda:

اللهم صلّ وسلم على رسولك الذي قال : لا تسبوا أصحابي ، لا تسبوا أصحابي فوالذي نفسي بيده لو أن أحدكم انفق مثل أحد ذهباً ما أدرك مد أحدهم ولا نصيفه²⁵

Yang bermaksud:

Janganlah kamu mencerca para sahabatku, janganlah kamu merendahkan mereka, demi Tuhan yang nyawaku dalam genggamannya, jika salah seorang dari kamu menafkahkan emas sebesar bukit Uhud sekali pun tidak akan menyamai secupak atau setengah cupak dari dema yang mereka berikan.

²⁴ Risalah ini telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu oleh Ibnor Azli Ibrahim dan diterbitkan oleh Persatuan kebudayaan Malaysia-Turki.

²⁵ Hadis sahih ini diriwayatkan secara berbeza-beza lafaz oleh al-Bukhori dan Muslim, Abu Daud, Ibn Majah, al-Tirmiziy, An-Nasa'ie.

Kewalian Para Sahabat Rasulullah s.a.w.

(Al-Maktub Yang Kelima Belas)

Dengan Nama Allah s.w.t. yang Maha Suci:

(وإن من شيء إلا يسبح بحمده)

Saudaraku yang dikasihi, soalan kamu yang pertama berbunyi:

“Kita sudahpun maklum bahawa sekecil-kecil sahabat Rasulullah s.a.w. adalah sebesar-besar wali Allah s.w.t. Jadi, mengapa pula tidak seorang pun dari mereka yang boleh mendedahkan secara kewalian tentang wujudnya penjenayah dan pengkhianat sehingga menyebabkan tiga orang dari Khulafa al-Rasyidin mati dibunuh”?

Jawapannya adalah melalui dua maqam:

Maqam yang pertama: Dengan cara menjelaskan rahsia sebenar kewalian (الولاية), dengan itu simpulan soalan ini dapat dileraikan.

Kewalian para sahabat adalah kewalian agung (الولاية الكبرى). Benih dan akarnya pula adalah bermula dari pesaka kenabian. Caranya pula ialah: Mencapai hakikat ketuhanan secara langsung tanpa melalui jalan tarikat. Kewalian jenis ini adalah terus kepada bukaan hijab keakraban kepada Allah s.w.t. (الأقربية الإلهية). Jalan kewalian ini meskipun pendek tetapi ia adalah amat tinggi dan mulia. Ia kurang memperoleh *khawariq* dan *kasyaf* manakala karamatnya pula jarang sekali berlaku, namun kelebihan dan fadilatnya amat tinggi.

Berbanding dengan karamat para wali, selalunya ia adalah bukan kehendak sendiri (إختيارية), terkadang kita melihat berlaku *khawariq* pada diri mereka tanpa mereka sedari. Ini sebagai penghormatan dari Allah s.w.t. untuk mereka. Selalunya *kasyaf* dan karamat ini berlaku ketika mereka melalui *ahwal* kerohanian dalam perjalanan tarikat. Setiap kali mereka menjauhkan diri dari habuan duniawi dan kemanusiaan berlakulah apa yang dinamakan *khawariq* tadi.

Para sahabat lain pula halnya, mereka tidak perlu merentas bulatan besar di jalan tarikat untuk mencapai hakikat. Ini kerana kemuliaan "*suhbah*" yang mereka perolehi. Mereka mampu mencapai hakikat dengan hanya selangkah atau sejenak, contohnya:

Di sana ada dua cara untuk memperoleh malam lailatul qadar yang telah pun berlaku:

Pertama: iaitu dengan menunggu malam demi malam sehingga datang malam-malam Ramadhan yang lain pada tahun berikutnya. Demi untuk sampai ke malam

lailatul qadar tadi kita terpaksa menempuh perjalanan yang jauh selama setahun baharulah "*taqarrub*" itu kita temui. Inilah jalan sebahagian besar ahli tasawuf dan tarikat.

Kedua: mengeluarkan jisim tubuh kita dari kelongsong materialnya yang terikat dengan masa. Ia kemudian bebas jauh secara roh tanpa terikat lagi dengan sebarang ikatan lahiriah. Ketika ini ia akan melihat malam lailatul qadar yang telah lepas itu dan hari eidul fitri yang bakal menjelma bagai datang dalam satu waktu. Kerana roh bukanlah suatu makhluk yang terikat dengan masa. Apabila rasa kemanusiaan mula meningkat naik sebersih ketenangan roh tadi maka masa akan datang itu akan menjadi luas. Masa lalu dan masa akan datang akan terhimpun di dalamnya. Maka masa lepas dan akan datang bagi orang lain adalah sama seperti masa sekarang (حاضر) bagi dirinya. Asas kepada rahsia yang amat samar ini adalah bukaan keakraban (الأقربية الإلهية) yang Allah s.w.t. berikan. Penjelasan kepada contoh di atas adalah seperti berikut:

Matahari itu menjadi dekat kepada kita kerana cahayanya, panasnya dan bentuknya benar-benar dapat dilihat dan dirasai melalui cermin yang ada di tangan kita, sedangkan kita jauh darinya. Kalaulah kita dapat merasai keakraban dengannya secara nurani, kita akan merasakan hubungan kita dengan kewujudannya dalam cermin tersebut. Kita akan dapat menyentuh hakikat cahaya, kepanasan dan rupa bentuknya sehingga mempengaruhi kita untuk mengenalinya dengan lebih dekat. Tetapi jika ingin mengenalinya secara jauh dan secara teori, nescaya kita terpaksa mengambil masa yang lama untuk mengenalinya secara ilmiah dan logika supaya kita dapat membayangkannya di langit berpandukan kaedah-kaedah saintifik yang ada, bahawa matahari itu terapung di angkasa. Kita amat perlu kepada teori sains untuk memahami kewujudannya, cahaya dan kepanasannya, bahkan warnanya yang tujuh. Setelah itu barulah kita mungkin memperoleh "*taqarrub*" maknawi seperti mana yang diperolehi oleh orang yang menggunakan cermin tadi.

Berdasarkan contoh ini tadi, fahamlah kita bahawa kewalian yang diperolehi melalui kenabian dan suhba menjurus kepada bukaan *aqrabiah* Allah s.w.t., manakala kewalian biasa selalunya bergerak atas *taqarrub* kepada Allah s.w.t. Maka mereka terpaksa melalui jalan yang panjang merentas martabat yang berbagai sebelum mencapai maqam yang dimaksudkan.

Jawapan Terhadap Kekeliruan Mengenai Para Sahabat

Maqam Yang Kedua:

Di sebalik peristiwa fitnah yang berlaku, ia bukan hanya didalangi oleh sekadar sebilangan kecil golongan Yahudi yang jika kita dapat memberkas mereka maka ia boleh menamatkan fitnah yang berlaku, atau dengan mendedahkan perihal mereka maka fitnah tersebut dapat dipadamkan. Sebenarnya terlalu ramai orang yang terlibat, Mereka datang dari berbagai golongan untuk mengeronyok Islam. Terlalu banyak

aliran pemikiran yang bercampur aduk yang dibawa ke dalam aqidah Islam. Terutama mereka yang menerima tamparan kuat oleh Sayyidina Umar r.a. akibat kotoran perkauman yang mereka anuti. Mereka menyembunyikan dendam kesumat terhadap Umar r.a. dan menunggu-nunggu peluang membalas dendam setelah agama asal mereka dibatalkan dan kerajaan yang menjadi kebanggaan dan lambang kemuliaan mereka dihapuskan.

Atas dasar ini mereka masih menyimpan dalam hati mereka rasa dendam yang kuat terhadap khilafah Islam, sama ada disedari atau tidak. Sebab itulah golongan munafiqin yang jahat seperti Yahudi telah mengambil kesempatan dari suasana celaru dalam masyarakat Islam pada masa itu.

Cara mengekang fitnah ini ialah dengan mengekang fitnah tersebut dari menular, iaitu dengan melakukan *islah* terhadap masyarakat. Dengan ertikata lain membetulkan berbagai pemikiran yang rosak yang ada dalam masyarakat itu dan bukan dengan hanya mendedahkan golongan kecil yang melakukan kerosakan itu (yahudi).²⁶

Soalan

Jika diajukan hujah berikut:

"Sayyidina Umar r.a. telah mengarahkan ketua-ketua tenteranya dari atas mimbar sedangkan dia berada jauh daripada medan perang, sejauh sebulan perjalanan. Beliau mengarahkan tentera dengan berkata: "Bergerak ke bukit! Ke bukit!". Arahan taktikal dari jauh ini dikatakan menjadi sebab kemenangan dalam perang tersebut. Peristiwa ini amat masyhur sebagai menggambarkan ketelusan pandangan matanya. Soalnya di sini: Mengapa beliau tidak menggunakan ketelusan matanya ini untuk menggagalkan pembunuhan Fairuz yang jauh lebih dekat dengannya ketika peristiwa pembunuhannya."

Jawapannya: Kita menjawab persoalan ini dengan jawapan yang diberikan oleh Nabi Yaakub a.s. Baginda telah ditanya: Bagaimana kamu dapat menghidu bau baju Yusuf a.s. yang berada di Mesir (jarak yang jauh), sedangkan kamu tidak pula mengetahui yang dia pernah berada di dalam perigi tinggal di Kan'an (yang lebih hampir)? Baginda menjawab: Keadaan kita ini adalah seumpama kilat yang menyambar, terkadang menjelma dan lantas hilang. Kita ini juga seumpama seorang yang berdiri di puncak yang tinggi, kita dapat melihat telus apa yang ada di sekeliling namun kita tidak pula mampu melihat bahagian bawah tapak kaki kita.

Kesimpulannya: Walau bagaimana hebat pun seorang insan itu memiliki kemahuan dan pilihan namun kehendak Allah s.w.t. tetap menjadi penentu. Taqdir Ilahi adalah

²⁶ Dalam konteks semasa ia juga bermaksud: untuk memastikan penyebaran fahaman Syiah dan ajaran Kristian dalam masyarakat kita dapat dikekang ialah dengan cara memberikan didikan akidah yang tepat kepada anak bangsa kita dan jangan biarkan mereka membesar tanpa akidah. Di samping itu, pendedahan tentang ancaman akidah dan debat dengan pihak Syiah dan Kristian juga adalah satu keperluan. Ia bukan boleh diselesaikan dengan hanya menuding jari kepada mereka.- Ibnor Azli Ibrahim.

penentu segalanya. Ia adalah pemutus segala kehendak dan ia menolak kehendak insani. Sesuai dengan firman Allah s.w.t. yang berbunyi :

وَمَا تَشَاؤُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ

(Al-Insan, 76: 30)

Maksudnya: Dan tiadalah kamu berkemahuan (melakukan sesuatu perkara) melainkan dengan cara yang dikehendaki Allah.

Sesungguhnya apabila taqdir Allah s.w.t. menjelma butalah segala mata, lantas hukumannya akan berlaku. Apabila taqdir Allah s.w.t. berbicara maka taqdir manusia bungkam seribu bahasa, segala ikhtiar tidak lagi berguna.

Gabungan Akal dan Hati dalam Rasael An Nur

(Petikan Daripada Lampiran Kostumonu)

Perenggan ini saya tulis sebagai jawapan kepada satu persoalan. Semoga penjelasan terhadap perkara ini akan memberi manfaat kepada anda semua.

Mereka yang banyak membaca kitab-kitab para auliya' dan himpunan karya para ulama silam telah mengajukan soalan ini:

"Kenapa pembaca Rasael An Nur memperoleh rasa keimanan dan rasa patuh di hatinya, dan dia dapat merasakan kerinduan berterusan dan kelazatan yang sentiasa segar lebih banyak jika dibandingkan dengan apa yang mereka rasakan dari kitab-kitab lain yang mereka baca?"

Jawapan: Sebahagian dari kitab-kitab karya ulama terdahulu termasuk kitab-kitab para *aulia'us solihin* biasanya membahaskan tentang natijah dan buah iman di samping *makrifatullah*. Ini kerana, di zaman mereka tidak ada sanggahan secara terang-terangan dan serangan menggila untuk mencabut akar umbi keimanan dan sekelian asasnya. Akar dan asas keimanan ketika itu amat ampuh dan kukuh.

Lain pula di zaman ini, di mana terdapat serangan bertubi-tubi dan secara pakatan yang sistematik terhadap rukun iman dan asasnya. Kebanyakan kitab-kitab dan risalah-risalah yang mereka tela'ah tersebut tidak mampu untuk menyekat aliran pemikiran yang kuat dan amat menggerunkan di zaman ini, apatah lagi untuk menentanginya kerana sebilangan besar kitab-kitab tadi hanya berbicara dengan individu dan jiwa-jiwa mukmin yang tertentu.

Adapun Rasael An Nur, oleh kerana ia merupakan mukjizat maknawi kepada al-Quran al-Karim maka ia berbicara tentang bagaimana untuk menyelamatkan asas dan rukun iman tadi dan bukan mengajar kita bagaimana memanfaatkan iman yang telah sedia ada dan kukuh pula. Ia mengajar kita bagaimana untuk meng*ithbatkan* iman, seterusnya melakukan *tahqiq* dan memeliharanya agar kekal di dalam hati. Kemudian menyelamatkannya dari segenap *syubhah* dan prasangka salah (waham) berpandukan dalil-dalil dan bukti yang jelas. Bagi yang benar-benar menelitinya akan dapat merasakan bahawa Rasael ini adalah keperluan bagi setiap insan di zaman ini sama seperti keperluannya kepada makanan dan ubat-ubatan.

Karya-karya dahulu menyatakan: Jadikan kamu sebagai waliyyullah, saksikanlah kebesaran Allah s.w.t., terbanglah ke maqam dan darjat yang tinggi, lalu kamu capailah apa yang dikatakan "nur" itu dan segala limpahan kemuliaan tuhanmu!!

Rasael An Nur pula berkata: Jadilah apa yang kamu mahu tapi ingat! Lihatlah dan bukalah matamu, saksikan hakikat ketuhanan itu dan selamatkan imanmu yang merupakan kunci segala kebahagiaan abadi.

Rasael An Nur ini berusaha menundukkan penulisnya dahulu sebelum dia berbicara dengan pembacanya. Setiap pengajian yang mampu menundukkan nafsu *ammarah* penyampainya dengan setunduk-tunduknya dan mampu pula membuang segala waswas dan syubhah di hati keseluruhannya, adalah merupakan pengajian yang amat kuat dan besar kesannya, tanpa syak. Ia juga adalah pengajian yang tulen kerana ia mampu berdepan dengan aliran kesesatan yang membentuk satu pakatan sedunia yang amat hebat bahkan mampu membinasakannya sehingga tewas.

Rasael An Nur juga bukan karya yang berasaskan hujah dan dalil semata-mata dalam bentuk teori. Ia bukan karya "mati" yang hanya berbicara tentang *kasyaf* dan *azwaq*. Tetapi ia adalah karya yang menggabungkan akal dan hati sekaligus lalu mensesiasikannya. Ia merapatkan hubungan roh dengan *lata'if* dan naluri lain untuk membolehkan ia terbang ke puncak hakikat yang amat tinggi yang tidak boleh dicapai dengan teori dan pandangan falsafah, apatah lagi untuk menurutinya. Di situ ia menyerlahkan cahaya hakikat keimanan lalu menyampaikannya kepada "mata falsafah yang buta itu".

Kedudukan Karamah Dalam Rasael An Nur

(Daripada Lampiran Amirdagh)

(وإن من شيء إلا يسبح بحمده)

Wahai saudaraku dari kalangan al-Siddiqin...

Terlintas di hati ini untuk menjelaskan kepada kalian perihal empat perkara:

Perkara Pertama: Ia merupakan jawapan terhadap soalan yang dilontarkan melalui lisan, tindak tanduk, sikap dan gerak laku yang boleh saya fahami. Ia berbunyi: Kita percaya Rasael An Nur itu punya karamah, dan ia mampu memberikan pembacanya kemampuan untuk mencapai hakikat iman lebih dari apa yang diberikan oleh tarikat tasawuf, bahkan ada di kalangan penuntut Rasael An Nur adalah para wali yang soleh di suatu segi. Namun kenapakah kita tidak pernah melihat ciri-ciri karamah, kemampuan *azwaq* dan *kasyaf* roh atau apa-apa karamah zahir yang dapat dilihat dengan mata kepala seperti yang berlaku kepada para wali yang lain. Begitu juga mereka ini tidak mengambil berat dan tidak memburu keistimewaan tersebut. Apa hikmah di sebalik ini semua?

Jawapan:

Pertama: Sebabnya ialah "ikhlas" kerana *azwaq* dan *karamah* sementara yang ada di dunia ini sememangnya dicari oleh mereka yang tidak mampu menegah hawa nafsunya yang mengajak kepada kejahatan. Maka keinginan mencapai tahap sedemikianlah yang mendorong mereka meneruskan amalan akhirat. Perbuatan ini boleh memusnahkan "ikhlas" yang di dalam hati, kerana amalan akhirat tidak boleh disertai dengan kehendak duniawi. *Azwaq* juga tidak boleh dipohon dengan menjadikan ibadah sebagai umpan. Jika kelebihan ini terus-terusan diminta maka "ikhlas" tadi akan binasa.

Kedua: Kasyaf dan karamah adalah sandaran keyakinan bagi ahli tarikat di kalangan orang awam yang hanya memiliki iman taqlid yang belum sampai kepada iman tahqiqi. Ia terkadang sebagai cara untuk memperkukuhkan hati orang yang lemah yang sentiasa diserang oleh perkara syubhah dan syak. Namun hujah-hujah yang disampaikan oleh Rasael An Nur terhadap hal keimanan tidak langsung memberi ruang untuk perkara syubhah dan syak menjalar ke dalam hati walau dari mana sekalipun. Ia juga tidak pernah mempercayai karamah dan kasyaf itu untuk tujuan menenangkan dan menundukkan hati. Oleh itu para penuntut Rasael An Nur tidak terkejar-kejar untuk mendapatkan perkara seumpama ini.

Ketiga: Sesungguhnya antara prinsip Rasael An Nur ialah: seseorang insan mesti merenung kealpaan diri melalui hatinya. Lalu ia terdorong untuk menjayakan khidmat

iman demi menuntut keredhaan Allah s.w.t. semata-mata tanpa menoleh kepada hasrat lain. Khilaf pula terus wujud di kalangan ahli tarikat yang mencari karamah dan kasyaf. Lalu muncul rasa hasad dan persaingan antara mereka terutama di zaman ini yang dipenuhi oleh rasa "keakuan" dan diselaputi ghurur. Ia semua akan menyebabkan ahlu l-ghaflah bersangka buruk kepada ahli tarikat yang jujur dan benar dengan menganggap mereka ini mementingkan diri sendiri.

Di sini kita lihat jawapannya, kenapa penuntut Rasael An Nur tidak mencari-cari apa itu karamah dan kasyaf untuk diri mereka dan mengapa mereka tidak memburu perkara sedemikian dalam setiap amal ibadah dan khidmat mereka. Bagi mereka 'ikhlas' adalah prinsip yang terlalu wajib untuk dipegang dan ia adalah suatu disiplin yang mesti dipatuhi.

Dalam gerakan Risalah ini, tiada kepentingan peribadi yang diutamakan. Memadai bagi semua orang apa yang diperolehi oleh Risalah ini (di sudut penyertaan maknawiah secara bersama dan rasa *fana' ul ukhuwwah*) dari ribuan karamah ilmu dan kemudahan untuk menyebarkan hakikat iman. Demikian juga keberkatan yang diperolehi oleh sekalian kita dalam kehidupan dan lain-lain *ikramat* ketuhanan. Lantaran itu, tidak perlu lagi mereka mencari kesempurnaan dan karamah lain untuk diri mereka.

Keempat: Umum kita mengetahui bahawa ratusan syurga dunia tidak akan menyamai walau sepon pohon pokok di syurga. Sebabnya dunia ini akan binasa manakala akhirat pula kekal abadi. Keinginan manusia kepada kebendaan adalah keinginan yang buta. Ia amat menyukai perkara yang segera. Maka mereka akan mengutamakan dunia yang segera ini berbanding dengan akhirat walaupun ia kekal abadi. Oleh yang demikian penuntut Rasael An Nur tidak akan mencari *azwaq* dan *kasyaf* di dunia ini, dan nafsu amarah tidak dapat menguasai manusia berdasarkan fitrah itu tadi. Perumpamaan penuntut Rasael An Nur itu tadi adalah seperti kisah ini:

Seorang lelaki soleh dari kalangan wali Allah s.w.t. dan isterinya telah ditimpa kesusahan dan kemelaratan hidup. Kedua-duanya mempunyai maqam yang tinggi di sisi Allah s.w.t. tetapi kesempitan hidup mereka benar-benar perit sehinggakan si isteri berkata kepada suaminya:

Isteri : Hidup kita benar-benar susah sekarang.

(Tiba-tiba seketul emas sebesar sebiji telur jatuh di hadapan mereka).

Suami: Telur emas ini dikirimkan untuk kita dari istana yang kita miliki di syurga...

Isteri : Walaupun kesusahan membelenggu kita dan kita ditimpa kelaparan yang amat memeritkan dalam masa yang sama kita memiliki banyak telur emas seperti ini di syurga, tetapi kita takut akan kehilangan telur emas syurga di dalam dunia fana ini! Wahai suamiku, aku amat berharap agar engkau berdoa kepada Allah s.w.t. agar telur emas ini dikembalikan ke tempat asalnya. Kita tidak memerlukannya. Lalu mereka berdua menyaksikan secara kasyaf bagaimana telur emas itu dikembalikan semula ke syurga.

Demikianlah kisah ini diriwayatkan...

Kedua ahli hakikat ini adalah contoh dan qudwah yang baik bagi penuntut Rasael An Nur yang tidak mencari *azwaq* dan *karamah* di dunia.

Antara Karamah Dan Ikram Ilahi

(Al-Maktub Yang Kesembilan)

Dengan Nama Allah s.w.t. yang maha Suci:

(وإن من شيء إلا يسبح بحمده)

(Ini merupakan sedutan dari sepucuk surat yang dikirimkan kepada salah seorang muridnya yang terkenal, beliau seorang murid sejati)

Perkara Kedua: Kamu mendapat taufiq dari Allah s.w.t. dalam menyebarkan cahaya al-Quran dan berjaya pula dalam jalan ini; ia merupakan *ikram* dari Allah s.w.t. semata-mata. Ia juga boleh dinamakan karamah al-Quran dan tanda perhatian Allah s.w.t. terhadapmu. Maka saya ucapkan tahniah atas kejayaan itu! Menyentuh soal *karamah*, *ikram* dan *inayah* ini saya ingin menjelaskan kepada saudara perbezaan antara kedua-dua perkara iaitu *karamah* dan *ikram*.

Menzahirkan *karamah* adalah sesuatu yang memudharatkan jika bukan kerana dharurat, manakala menzahirkan *ikram* ilahi dianggap menceritakan kemurahan dan kemuliaan Allah s.w.t. dalam memberi nikmat. Seseorang akan berasa bangga apabila berlaku sesuatu yang menyalahi adat pada dirinya dalam keadaan ia mengetahuinya. Boleh jadi perkara itu berlaku sebagai suatu *istidraj* sahaja bilamana nafsu *ammarah* masih terbaki di dalam jiwanya. Sekira-kira perkara ini boleh membawa rasa *ujub* di hatinya dan akan berlaku kebergantungannya kepada *kasyaf* (dalam banyak perkara). Ia juga akan membawa dirinya jatuh ke lembah *ghurur*.

Namun jika "sesuatu yang menyalahi adat" (خوارق العادة) berlaku pada dirinya tanpa sedar dan tanpa pengetahuannya, sebagai contoh: seseorang bertanya dalam hati tetapi dia mampu memperjelaskan persoalan itu tadi dengan jelas dan sempurna demi menyatakan kebenaran. Jawapan yang luarbiasa itu menjadikan dia tidak mempercayai bahawa ia datang dari kebolehan dirinya. Di sini rasa yakinnya kepada Allah s.w.t. akan bertambah dan memperoleh ketenangan hati pula (dengan bantuan ilham dari Allah s.w.t. itu). Hatinya akan berkata: "Aku mempunyai pemelihara dan pemerhati, yang sentiasa mentarbiyah diri ini lebih dari apa yang aku mampu lakukan". Ketika itu tawakkalnya kepada Allah s.w.t. akan bertambah.

Karamah jenis ini tidaklah merbahaya. Orang yang mengalaminya tidak pula dilarang untuk menceritakannya. Namun ia perlu berhati-hati agar tidak menjadikan "pengkisahannya" itu sebagai jalan untuk berbangga, kerana dibimbangi dirinya akan dikaitkan dengan kebolehan di luar adat itu tadi -- kerana pada zahirnya perkara demikian seperti ada unsur kemanusiaan.

Ikram Ilahi pula adalah lebih selamat dari jenis *karamah* yang kedua ini. Bahkan pada pandangan saya dia adalah lebih tinggi dari *karamah* yang telah kita bincangkan. Menzahirkannya pula adalah sebagai "pengkisahan terhadap nikmat Allah s.w.t."

(التحدث بالنعمة) kerana perkara ini tiada kaitan dengan unsur kemanusiaan, bahkan tidak mungkin boleh dikaitkan dengannya.

Demikianlah saudaraku! Apa yang telah saya lihat dan saya tulis sebelum ini mengenai kemurahan Allah s.w.t. terhadap diri saya dan diri tuan-tuan dalam usaha menyebarkan al-Quran ini adalah merupakan "*ikram ilahi*". Menyebarkannya adalah termasuk dalam bab "Ber cerita tentang nikmat Allah s.w.t." Sebab itulah saya menulis tentang *taufiq* Allah s.w.t. terhadap khidmat kita ini; ia termasuk dalam perihal bercerita tentang nikmat Allah s.w.t. juga. Ini kerana saya tahu, tindak balas saudara adalah "kesyukuran" dan bukannya "kebanggaan".

Antara Karamah dan Istidraj

Ketahuilah! Erti karamah adalah berlainan sama sekali dengan makna istidraj kerana karamah itu adalah seumpama mu'jizat pemberian Allah s.w.t. dan penerimanya sedar ia adalah pemberian Allah s.w.t. Ia bukan datang dari dirinya sendiri. Ia tahu bahawa Allah s.w.t. lah pemeliharanya dan sentiasa memerhatikannya lalu memilih apa yang terbaik untuk dirinya. Maka bertambahlah keyakinan dan tawakkal dalam dirinya. Kadang-kadang pemerincian karamah ini dapat dirasakan dengan izin Allah s.w.t. dan kadang-kadang ia tidak disedari. Yang kedua ini adalah lebih baik dan selamat. Contohnya, apabila Allah s.w.t. membisikkan kepada hati seseorang atau memberikan gambaran akan sesuatu kepadanya secara hidup untuk memberi petunjuk kepadanya, sedangkan dia tidak tahu apa yang Allah s.w.t. akan lakukan melalui perkara tersebut kepada hamba-hambanya.

Istidraj pula adalah pembukaan terhadap sesuatu yang ghaib dalam keadaan lalai atau kerana melakukan sesuatu yang pelik. Ia datang dari dirinya sendiri dan usaha dayanya. Ia akan menambah rasa *ghurur* dan rasa ketuhanan. Ini yang dimaksudkan dengan firman Allah s.w.t (أَنَّمَا أُوتِيتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ) al-Qasas, 28: 78. Lalu ia mendakwa: "Apa yang berlaku ini adalah kesan dari ketelusan jiwa dan cahaya dalam hatiku".

Tiada persamaan antara pemilik istidraj dan pemilik karamah pada peringkat pertengahan. Namun ketidaksamaan ini akan lebih jelas ketika *zahirah fana'* yang sempurna yang berlaku kepada para wali di peringkat tertinggi. Mereka melihat alam ghaib dengan deria mereka yang telah diserahkan bulat-bulat kepada Allah s.w.t. Ini kerana cahaya hatinya yang terpancar ke luar adalah lebih tinggi kedudukannya dan tidak mungkin akan bercampur dengan pemilik istidraj yang *riya'* dan mendakwa kemuliaan dirinya dengan penuh kesombongan.

Betulkan Arah Nalurimu

(Al-Maktub Yang Kesembilan)

Perkara Ketiga: Pada saya, insan yang paling berbahagia dalam dunia ini ialah orang yang menerima dunia ini seperti seorang penyelia tentera. Lalu dia bertugas seperti sewajarnya seorang penjaga tentera. Dengan cara ini dia akan mudah untuk meningkat ke tahap yang tinggi dengan cepat pula. Itulah martabat redha Allah s.w.t. Dia tidak akan memberi nilai kepada sekeping kaca dengan nilai sebutir permata. Bahkan ia akan menjalankan kehidupannya dengan tenang dan istiqamah.

Ya! Setiap perkara yang penghujungnya adalah dunia adalah seumpama sekeping kaca yang mudah pecah. Sebaliknya perkara yang membawa kepada akhirat adalah seumpama intan permata yang ampuh dan berharga. Maka setiap perasaan yang ada dalam diri manusia seumpama keinginan yang meluap, kecintaan yang melampau, tamak haloba, meminta dan menagih tanpa henti. Kesemuanya ini adalah tabiat perasaannya yang amat kuat dan bertapak sejak lama. Ia diberikan oleh Allah s.w.t. sebenarnya untuk memperoleh akhirat. Oleh itu, kesemua perasaan ini perlu dikerahkan terhadap akhirat. Menyalurkannya kepada keduniaan adalah sama seperti "memberikan nilai kepada serpihan kaca sebagai sebutir intan permata". Hal ini menyapa hati saya kerana suatu peristiwa yang perlu saya sebutkan di sini iaitu:

Rasa cinta adalah suatu perasaan yang amat hebat. Jika ia dihalakan kepada kecintaan yang fana maka akan menjadikan sang pencinta tadi berada dalam derita yang amat pedih bahkan ia akan berpanjangan. Atau mungkin ia akan tersedar lalu mencari suatu cinta sebenar yang betul-betul layak dicintainya. Maka di sinilah ia akan bertemu cinta yang abadi dan hakiki. Demikian dalam diri manusia terdapat ribuan naluri seumpama ini. Kesemuanya ada dua wajah, hakiki dan palsu.

Contoh yang lain ialah: Bimbang masa depan...naluri ini wujud dalam diri setiap manusia. Apabila dia terlalu bimbang tentang masa depannya secara berlebihan maka ia akan terasa lemah untuk meneruskan kehidupan kerana bimbang ia tidak tercapai sedangkan masa depan yang pendek itu jaminan rezekinya adalah dari Allah s.w.t. semata-mata. Sepatutnya kebimbangan itu tidak menyapa hatinya. Ketika itu ia perlu diarahkan kepada keseimbangan terhadap masa depan yang hakiki, yang kekal selama-lamanya. Itulah alam kubur dan selepasnya yang tiada jaminan bagi mereka yang lalai.

Seterusnya, manusia itu sentiasa memberikan seluruh perhatian kepada harta dan kebanggaan. Namun mereka tetap tahu bahawa harta yang sementara dan kebanggaan yang mengundang bala dan menjadi punca *riya'* itu tidak layak untuk diperlumbakan. Dari situ manusia tadi akan berubah ke arah kebanggaan dan kemuliaan yang hakiki yang tergambar pada pangkat *maknawi*, darjat *taqarrub* kepada Allah s.w.t. dan mengumpul bekalan akhirat. Maka dia akan bersungguh-

sungguh untuk mengumpul harta hakiki iaitu amalan akhirat. Tamak haloba yang *majazi* tadi yang berupa akhlak yang buruk (*zamimah*) akan bertukar menjadi tamak haloba yang hakiki iaitu akhlak yang mulia (*hamidah*).

Umpamanya: seseorang yang menumpukan perhatian kepada perkara yang tidak bernilai dan ia sedar bahawa sudah setahun ia menumpukan kepada perkara tersebut sedangkan ia tidak layak berbuat demikian walau seminit. Namun mengapa ia meneruskan sikap demikian? Tidak lain tidak bukan ialah sikap keras kepala dan degilnya yang menjadikan ia tidak berganjak. Sedangkan perkara itu mungkin akan memusnah dan memudharatkannya. Tetapi jika dia mula sedar bahawa sifat tamakkan "pujian" dan "harta" tadi dianugerahkan oleh Allah s.w.t. kepadanya bukan untuk perkara yang tidak bernilai, kerana jika dihalakan sifat tamaknya tadi ke arah perkara sia-sia samasekali tidak akan beroleh hikmah dan menepati hakikat kebenaran. Lantaran itu, dia akan mula mengubah arah haluan tamak, degil dan ketabahannya kepada perkara yang bernilai iaitu hakikat keimanan, asas-asas Islam dan amalan akhiratnya. Apabila sikap buruk yang *majazi* ini bertukar menjadi sikap baik yang *hakiki* maka akan wujud dalam dirinya sifat "berpendirian teguh dan tidak berganjak dalam kebenaran".

Demikianlah, melalui tiga contoh ini tadi difahami bahawa kekuatan yang ada dalam jiwa manusia itu jika digunakan untuk nafsu dan dunia, dan dalam keadaan lalai pula (seakan-akan dia kekal di dalam dunia ini), maka kekuatan itu akan menjadi punca kepada akhlak yang tercela, sifat keterlaluan dalam sesuatu hal dan sukakan perbuatan sia-sia yang tiada untungnya. Tetapi jika ia menguruskan sikap itu dengan baik, yang ringan dihalakan kepada dunianya manakala yang kental dihalakan ke arah akhirat, maka ia akan membentuk akhlak yang mulia dan pembuka jalan kepada kebahagiaan hakiki. Ia pasti akan menepati hikmah dan hakikat syariat Allah s.w.t.

Dari sini saya ingin menyatakan bahawa antara sebab nasihat seseorang itu tidak lagi berkesan di zaman ini adalah kerana pemberi nasihat selalu mengatakan kepada sasarannya: "Janganlah kamu berhasad dengki, jangan tamak, jangan bermusuhan, jangan berdegil dan jangan mencintai dunia..." seolah-olah mereka ingin mengatakan: "Ubahlah fitrahmu...". Ini adalah suatu saranan dan bebanan yang tidak mampu dipikul dan dilaksanakan. Akan tetapi jika mereka mengatakan: "Arahkan sifatmu itu kepada kebaikan, ubah arah dan laluanmu...". Ketika itu, nasihat akan mudah diterima dan memberi kesan kepada hati. Kerana, nasihat itu benar-benar berada di dalam daerah kemampuan insani.

Jalan Para Sahabat r.a.

Ketahui olehmu! Jiwa kita ini adalah suatu yang pelik dan menakjubkan. Ia adalah khazanah peralatan dan neraca yang tiada penghujungnya. Ia boleh menjadi gudang hakikat Asma al-Husna jika ia benar-benar disucikan. Sebaliknya jika ia kotor ia akan menjadi gua yang dipenuhi ular, kala jengking dan serangga berbisa. Sebaik-baik sifat hati ialah (*wallahu a'lam*) kekekalan hati itu, bukan *fananya*. Mengekalkan hati dengan *tazkiyyah* (seperti yang dilakukan oleh para Sahabat r.a.) adalah lebih tepat dengan hikmah dari mematikannya secara total (seperti yang dilakukan oleh sebahagian wali).

Benar! Sesungguhnya kuman hati itu sentiasa lapar yang keterlaluan, punya keinginan yang meluap, dan punya citarasa yang pelik. Jika kamu ubah arahnya maka sifat tamaknya akan berubah menjadi kerinduan yang tiada bertepi. *Ghururnya* akan menjadi *wasilah* keselamatan dari segala syirik. Rasa cintakan dirinya akan berubah menjadi cinta kepada penciptanya...dan begitulah seterusnya, sehingga semua kejahatannya akan ditukarkan oleh Allah s.w.t. dengan kebajikan.

Kuasa Doa

Soalan Pertama yang menyentuh hati:

Salah seorang saudara kami iaitu *Sayyed Abdullah Chabrazadeh* dan beberapa orang lain telah memberitahu bahawa mereka yang kasyaf telah menyatakan bahawa golongan *Ahlus Sunnah Wal Jamaah* di sini akan mendapat pertolongan Allah s.w.t. dan akan beroleh kemenangan. Di samping itu kesukaran dan keperitan yang selama ini mereka hadapi juga akan terhapus. Ia sepatutnya berlaku pada bulan Ramadhan yang lepas seperti yang mereka nyatakan, namun ia tidak pun berlaku. Lalu mereka bertanya kepada saya: Mengapa golongan *Ahlul Kasyaf* ini memberi tahu orang ramai suatu perkara yang tidak bertepatan dengan realiti?

Secara ringkas jawapan saya yang datang dari sudut hati ini ialah: Terdapat satu hadis yang mulia yang maksudnya : "Bala itu turun lalu bertembung dengan sadaqah, lantas sadaqah itu menolaknya".²⁷ Dari hadis ini jelas bahawasanya setiap ketetapan yang akan berlaku adalah terikat kepada syarat-syaratnya. Ia tertangguh kerana syarat-syaratnya tidak dipenuhi. Boleh juga berlaku penangguhan terhadap ketetapan yang dilihat oleh para wali itu kerana ia bukan *qadr* yang mutlak (ia adalah kehendak Allah s.w.t.). Ia sebenarnya terikat dengan syarat-syarat, tanpa ada syarat tersebut maka perkara itu tidak berlaku, umpamanya ialah "ajal yang tergantung". Ia telah terpahat di luh mahfuz sebagai dibatal atau dilaksanakan. Ia adalah dua jenis buku catatan yang terdapat di Luh Mahfuz sejak azali lagi. Terlalu sedikit daya kasyaf yang mampu sampai ke luh mahfuz yang azali itu. Bahkan sebahagian besar daya kasyaf tidak pernah pun sampai sehingga ke luh mahfuz.

Dari sini kita dapat memahami bahawa perkhabaran tentang peristiwa bulan Ramadhan yang telah lepas, eidul adha dan lain-lain yang ianya berdasarkan kasyaf telah tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk perkara itu. Sebab itu ia tidak berlaku di alam sebenar. Mereka yang mengkhabarkan peristiwa ini bukanlah penipu, kerana perkara ini telah di*qadr*kan. Cuma ia tidak akan berlaku tanpa cukup syaratnya. Peristiwa itu tidak akan berlaku selagi syaratnya tidak dipenuhi.

Memang benarlah, doa penuh ikhlas yang dipohon oleh Ahlus Sunnah Wal Jamaah pada bulan Ramadhan yang lepas adalah sebagai usaha menolak *bid'ah*. Itulah yang merupakan sebab dan syarat yang penting untuk mendapatkan kemenangan itu. Akan tetapi malangnya perkara-perkara *bid'ah* telah masuk ke masjid-masjid pada bulan tersebut, maka ia menghijab perhatian dan penerimaan Allah s.w.t. terhadap doa tadi. Ujian, bala dan kesempitan yang menimpa tidak dapat dileraikan akhirnya. Sepertimana bala boleh dihapuskan dengan sadaqah (mengikut maksud hadis yang

²⁷ Asal Hadis ini ialah: Riwayat Aishah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: " Waspada tidak dapat lepas dari Qadr; doa pula berguna untuk perkara yang telah dan akan berlaku. Bilamana bala itu turun lalu ia bertemu dengan doa, lalu keduanya bergelut sehingga hari qiamat". Hadis ini bertaraf hasan dan dikeluarkan oleh al-Hakim. Hadis yang lain ialah : " Tiada yang boleh menolak qadha' (ketentuan Allah) melainkan doa". Menurut Turmuziy hadis ini bertaraf hasan gharib. Lihat Kitab: *تميز الطيب لابن الدبيع الشيباني*

lepas) maka doa yang ikhlas dari umat yang ramai juga akan membawa keselamatan untuk semua. Namun kuasa tarikan dari doa itu tidak mempunyai cukup kekuatan, maka ia tidak langsung mengundang pembelaan Allah s.w.t.

Jalan Mengenal Allah S.W.T.

(Al-Maktub Yang Kedua Puluh Enam)

Masalah Kedua

Koleksi Rasael An-Nur mengandungi jawapan terhadap tiga masalah. Seorang ulama ditanya tentang tiga masalah tersebut dan di dalam Rasael An-Nur terkandung jawapannya. Cuma di sini penjelasannya adalah secara *mujmal*:

Soalan Pertama: Apa maksud Muhyiddin Ibn Arabi apabila menyatakan, "Mengenal Allah s.w.t. bukan mengenal wujudNya". Kenyataan ini terkandung di dalam suratnya kepada Fakhruddin al-Razi. Apa hasrat sebenar beliau?

Jawapan:

Pertama: Apa yang anda baca itu contohnya dapat dilihat melalui perbezaan antara *Tauhid Hakiki* dan *Tauhid Amiy* yang telah dijelaskan dalam kalimah yang ke 22. Ia menerangkan maksud dari soalan tadi lebih dari apa yang telah dijelaskan dalam pendirian ke 2 dan ke 3 dari kalimah ke 32.

Kedua: Perkara yang mendorong Ibn Arabiy menyatakan ungkapan ini kepada al-Imam Fakhruddin al-Razi yang merupakan ulama *ilmu kalam* adalah kerana apa yang telah dijelaskan oleh para ulama usuluddin dan ilmu kalam tentang aqidah dan hal kewujudan Allah s.w.t. beserta tauhid terhadapnya tidak mencukupi (pada pandangan Ibn Arabiy).

Memang benar! Mengenal Allah s.w.t. berdasarkan dalil-dalil ilmu kalam bukanlah satu *makrifah* yang sebenar. Ia juga tidak akan mengundang ketenangan hati dalam beraqidah. Dalam masa yang sama jika makrifah itu berlandaskan al-Quran yang penuh mukjizat maka ia adalah *makrifah* yang sempurna dan akan dapat memuatkan hati dengan ketenangan. Kita berdoa kepada Allah s.w.t. agar menjadikan setiap *kuras* Rasael an-Nur ini seumpama lampu yang menyuluh jalan yang benar dan bercahaya ke arah al-Quran al-Karim.

Apa yang diperolehi al-Razi tentang *makrifatullah* melalui ilmu kalam itu tidak sempurna dan penuh kekurangan pada pandangan Ibn Arabiy. *Makrifatullah* yang diperolehi melalui tasawuf juga adalah lemah dan lompong jika berbanding dengan *makrifah* yang diterima oleh para Ulama dari cahaya al-Quran secara terus. Ini kerana Ibn Arabiy menyatakan: "Tiada yang wujud melainkan Dia". Tujuannya adalah untuk mendapatkan '*hudhur qalbi*' yang berterusan di hadapan Allah s.w.t. sehingga sampai ke satu tahap dia mengingkari sifat '*wujud*' pada makhluk."

Puak yang lain pula, oleh kerana inginkan "*hudhur qalbi*" tadi menyatakan: "Tiada yang *masyhud* melainkan Allah s.w.t.", lantas mereka melupakan makhluk secara total. Di sinilah mereka akan masuk ke peringkat yang pelik. *Makrifatullah* yang dihirup dari al-Quran al-Karim akan memberikan "*hudhur qalbi*" sebenar yang berterusan. Ditambah pula, ia tidak akan menafikan wujud terhadap makhluk, atau meletakkannya dalam alam "*nis-yaan*" yang mutlak. Bahkan makhluk tadi akan dipergunakan dengan baik ke jalan Allah s.w.t. Ia dijadikan sumber untuk menatap keagungan Allah s.w.t. dan *makrifah* terhadapNya. Makhluk dan alam maya ini adalah pintu untuk menuju *makrifatullah*.

Kami telah memberikan perumpamaan dalam kalimah yang lain (dari Rasael An-Nur Ini) untuk menunjukkan perbezaan antara mereka yang memperoleh *makrifatullah* melalui al-Quran dengan mereka yang menuruti jalan ilmu kalam. Perumpamaannya ialah seperti berikut: Untuk memperoleh air, ada orang yang akan menggunakan paip dari jarak yang jauh, ditanam di bawah bukit. Ada orang yang memperolehinya dengan cara mudah. Di mana sahaja dia gali, air akan terpancar di sana. Jalan pertama adalah jalan jauh yang berbahaya; air akan mudah terputus atau paip itu bocor. Mereka yang pakar dalam menggali air, akan mudah mendapat air di mana saja sumber yang dapat dikesannya.

Ulama ilmu kalam seolah-olah menolak keperluan *asbab* dengan cara mengithbatkan mustahilnya berlaku "*al-daur wa al-tasalsul*" di penghujung kehidupan ini. Dari situ mereka mengithbatkan kewujudan "*wajib al-wujud*".

Jalan hakiki yang diperoleh dari al-Quran al-Karim lain pula halnya. Air boleh diperolehi di mana jua kita gali. Setiap ayat al-Quran adalah seumpama tongkat Musa a.s. yang boleh memancarkan air bilamana ia dipukulkan kepada batu. Kaedah berikut ini boleh digunapakai kepada semua perkara, iaitu:

وفي كل شيء له آية تدلّ على أنه واحد

*"Di setiap perkara ada tanda kebesaran Allah s.w.t.
yang menunjuk kepada keesaannya".*

Seterusnya, iman bukanlah diperolehi melalui "*ilmu*" semata-mata. Deria lain dalam tubuh manusia juga mempunyai haknya tersendiri untuk memperoleh keimanan. Ia seumpama makanan yang masuk ke dalam perut kita. Ia akan teragih kepada segenap tubuh mengikut keperluan anggota insan itu tadi. Demikianlah hal-hal keimanan, jika akal dan otak tidak mampu menerimanya, ia akan diagihkan kepada deria lain untuk menyerapnya seperti roh, hati, *sir*, nafsu dan lain-lain mengikut tahapnya. Jika ada deria dan *latifah* yang tidak memperoleh makanan keimanan tadi maka *makrifatullah* itu tadi akan pincang. Maka deria itu tadi akan terus ternafi haknya. Inilah yang ingin diperingatkan oleh Ibn Arabiy kepada al-Razi dan perkara ini telah menarik minat al-Razi.

Masalah Ke Empat:

Saudara meminta penjelasan maksud Hadis berikut:

جددوا إيمانكم بلا إله إلا الله

Yang bermaksud: "Perbaharui imanmu dengan mengucapkan La ilaha Illallah" ²⁸

Hal ini telah kita nyatakan acapkali dalam perbahasan "al-Kalimat". Sekarang kita cuba ulas hikmah dari hadis tersebut:

Oleh kerana sifat manusia itu sentiasa berubah dengan berbagai pembaharuan dalam dirinya dan suasana yang mengelilinginya, maka dia sentiasa perlu kepada pembaharuan iman. Ini kerana seseorang insan walaupun pada zahirnya seperti "seorang" sebenarnya dia adalah "ramai". Ini dirujuk kepada bilangan detik umurnya, dalam bentuk tahun bahkan hari dan jamnya. Setiap detik dia adalah insan yang berbeza. Ini adalah kerana seorang insan itu bila digandingkan dengan masa maka dia adalah berupa pecahan. Setiap hari dia adalah seorang insan.

Seterusnya, apabila insan itu tadi sentiasa baharu dan berubah, maka zaman dan masa yang dihuninya juga akan bergerak, tidak berada dalam keadaan tetap. Ia datang dan pergi...dengan itu ia membentuk kepelbagaian peribadi. Setiap hari dia membuka pintu untuk alam baru bagi dirinya.

Sesungguhnya Iman itu adalah cahaya (نور) bagi kehidupan setiap peribadi yang berbagai dalam diri insan itu tadi jika dilihat dari sudut peranannya terhadap berbagai alam yang dimasukinya tadi. Kalimah (لا إله إلا الله) tidak lain hanyalah sebagai kunci terhadap "Nur" itu.

Seorang insan sentiasa dikawal oleh nafsu, hawa, *waham* dan syaitan. Semua ini akan mengambil kesempatan dari kelalaiannya. Dia ditipu-daya sehingga imannya mampu dijerut sehingga lemah. Lantas, punca Nur keimanan dapat ditutup dengan hanya mencetuskan rasa keliru dan *syubhah* di hati pemiliknya. Tambahan pula alam kehidupan kita ini tidak terlepas dari kata-kata dan perbuatan yang bertentangan dengan syariah Allah s.w.t., malah ada para ulama menganggap kata-kata dan perbuatan itu boleh menjatuhkan seseorang insan ke lembah kekufuran.

Oleh yang demikian, di sana terdapat keperluan yang amat mendesak untuk sentiasa memperbaharui iman setiap hari, saat dan ketika.

Soalan: Para ulama *Ahlul Kalam* mensabitkan tauhid selepas kewujudan mereka di persada perkembangan ilmu Islam. Mereka meletakkannya di bawah tajuk "Yang mungkin berlaku dan telah berlaku" (الإمكان والحدوث). Di sana, sebahagian ahli tasawuf

²⁸ Dalam lafaz yang lain bermaksud: Perbaharui imanmu! Dikatakan kepada Baginda: "Bagaimana kami memperbaharuinya Ya Rasulullah!" Rasulullah berkata: "Perbanyakkan menyebut La ilaha illallah". Hadis diriwayatkan oleh Ahmad, al-Hakim, al-Nasa'ie, al-Tabaraniy dengan sanad yang sahih dari Abu Hurairah r.a.

yang inginkan "*hudhur qalbi*" (حضور قلبي) dan mendapat ketenangan dalam tauhid mereka menyatakan: "لا مشهود إلا هو" yang bermaksud: tiada yang disaksikan melainkan Dia. Ini selepas mereka meletakkan tabir *nis-yaan* (النسيان) kepada semua makhluk (maksudnya ialah melupakan makhluk, dan hanya mengingat Allah s.w.t.). Sebahagian mereka yang lain berkata: "لا موجود إلا هو" yang bermaksud tiada yang wujud selain Allah s.w.t. Ini bermaksud meletakkan makhluk itu dalam alam khayalan dan mencampakkannya ke alam tiada (العدم). Tujuan mereka ialah untuk memperoleh ketenangan tauhid dan ketenteraman hati. Tetapi Tuan membina satu fahaman yang tidak seiring dengan cara yang dikemukakan di atas. Tuan cuba membina satu *manhaj* yang kukuh berdasarkan al-Quran dan Tuan meletakkan syiar berikut: "إلا هو لا مقصود إلا هو ولا معبود" yang bermaksud: Tiada yang dituju melainkan Allah s.w.t. dan tiada yang disembah selain Allah s.w.t. Bolehkah Tuan jelaskan secara ringkas satu dalil yang menyentuh soal tauhid berdasarkan *manhaj* yang Tuan bina ini?

Jawapan: Kandungan "al-Kalimat" dan al-Maktubat" sebenarnya adalah penjelasan terhadap *manhaj* yang kukuh ini. Di sini saya cuba memberikan penjelasan ringkas berdasarkan permintaan saudara yang hanya mahukan "satu dalil" dari sekalian dalil yang ada kepada bukti yang lebih luas dan panjang lebar dari sekalian bukti-bukti lain yang lebih mantap.

Sejuta Dalil Dan Bukti Tentang Keimanan: Mengapa Ia Perlu?

(Daripada Lampiran Amirdagh)

Soalan seterusnya dari Saudara Ali: beliau yang saya kenali adalah seorang yang berjiwa besar, pahlawan Islam yang gagah berani. Pada saya, dia adalah setaraf dengan Saudara Abdul Rahman, Lutfi dan Hafiz Ali. Jawapan terhadap soalan beliau ini terdapat pada ratusan tempat dalam Rasael-An Nur. Soalannya berbunyi:

"Mengapa Rasael An Nur menghimpunkan terlalu banyak dalil dan bukti berkaitan dengan rukun Iman? Iman seorang awam umpama iman seorang waliullah...begitu yang kami dengar dari ulama-ulama terdahulu".

Jawapan: Perbincangan terhadap tingkatan keimanan terkandung dalam Risalah Petanda Agung "الآية الكبرى". Ia adalah sama seperti yang disebutkan oleh *Mujaddid* kurun kedua iaitu al-Imam al-Rabbani apabila beliau menyatakan: "Hasil terpenting dari tarikat tasawuf keseluruhannya ialah apabila terserlahnya hakikat keimanan. Mendapat penyelesaian dan kefahaman dalam satu masalah tauhid adalah lebih mulia dari seribu *karamah*". Ini juga yang kita ingin nyatakan di penghujung Risalah *al-Ayat al-Kubra*, dan di dalam masalah ke sepuluh dari Risalah *al-Thamarah* yang telah disedut dari kitab al-Malahiq. Risalah ini menjelaskan hikmat ulangan dan sebab kekerapan sebutan dalam hal ehwal rukun iman dan khususnya tauhid dalam al-Quran... inilah hikmah al-Quran yang juga dapat dilihat dalam karya tafsiran terhadap ayat-ayatnya melalui Rasael An Nur.

Selain itu, Rasael An Nur telah menjelaskan maksud semua bahagian iman iaitu iman *Tahqiqiy*, Iman *Taqliidiy*, Iman *Ijmaliy*, Iman *Tafsiliy* dan pemantapan iman di hadapan *syubhah* dan serangan pemikiran kekufuran. Penjelasan itu tidak lagi memerlukan apa-apa ulasan dan jawapan bersangkutan persoalan yang dikemukakan oleh Saudara Ali kita.

Dari sudut lain tentang masalah ini yang boleh kita jelaskan di sini ialah: Iman bukan sekadar pengakuan *mujmal* (تصديق اجمالي) dan *taqlidi* (تصديق تقليدي) semata-mata. Bahkan ia mempunyai banyak peringkat, tahap dan turutan seperti peringkat yang ada pada sebutir biji benih sehinggalah kepada sebatang pokok yang besar, atau peringkat kilauan matahari dari cermin di tangan kita dengan kilauannya dari sebuah lautan luas atau dari matahari itu sendiri...(sudah pasti ia berbeza).

Hakikat keimanan itu terlalu banyak kerana terlalu banyak hakikat yang berkait dengan cahaya seribu satu nama dari Asma al-Husna. Demikian ikatan antara rukun iman dengan hakikat alam semesta. Seheinggakan sekalian ahli hakikat akur dan sepakat mengatakan bahawa semulia-mulia ilmu dan puncak makrifah pada diri seorang insan ialah pada imannya dan *makrifatullah* yang qudus, bernilai dan terperinci yang lahir dari iman *tahqiqiy*.

Sebenarnya iman *taqlidiy* itu pula sentiasa terdedah kepada ancaman dan serangan syubhah dan waham. Iman *tahqiqiy* lain pula halnya. Ia adalah lebih kukuh, luas, mantap dan mempunyai banyak martabat pula. Antaranya:

Martabat Ilmu al-Yaqin: Iaitu yang mencegah kemasukan *syubhah* yang menyerang dengan kuat berserta dalil-dalil yang kukuh. Dalam hal ini iman *taqlidiy* tidak akan mampu berdepan walau dengan satu *syubhah*.

Martabat Ainul Yaqin: Iaitu yang menghimpunkan berbagai martabat. Ia mempunyai berbagai *zahirah* sebanyak nama-nama Allah s.w.t. sehingga alam semesta ini boleh membaca ayat-ayat Allah s.w.t. seumpama al-Quran al-Karim itu.

Martabat Haqqul Yaqin: Ia juga mengandungi banyak martabat. Pemilik iman ini tidak akan diancam oleh sebarang syubhah.

Para ulama Ahlul Kalam telah memperjelaskan secara *aqliy* yang disandarkan dengan dalil-dalil tentang *makrifah iman* dalam ribuan *jilid* karya mereka yang disandarkan kepada *akal* dan *mantiq*.

Ahli hakikat dan Ahli Tasawuf telah memperjelaskan "makrifat keimanan" (المعرفة الإيمانية) dari sudut yang lain dan dalam bentuk yang lain pula dalam ratusan kitab mereka yang diasaskan kepada *kasyaf* (كشف) dan "*zouq*" (ذوق).

Adapun manhaj al-Quran yang penuh mukjizat ini cuba menjelaskan tentang hakikat keimanan dan makrifatullah dengan cara yang berbeza dari apa yang telah ditulis oleh sekalian para ulama dan wali. Bahkan penjelasan ini lebih mantap, kukuh dan tinggi.

Rasael An Nur pula, berperanan mentafsir manhaj yang amat kukuh dan ampuh ini. Dengan manhaj inilah Rasael An Nur menentang segala macam aliran pemikiran yang merosak dan menyesatkan umat. Aliran ini juga menyerang al-Quran supaya dapat merosakkan nilai kemanusiaan sejak seribu tahun.

Maka tidak boleh tidak Rasael An Nur amat perlu untuk mengumpul seluruh bukti dan dalil yang banyak untuk berhadapan dengan musuh yang begitu ramai ini. Tujuannya ialah supaya ia boleh dijadikan wasilah untuk menyelamatkan iman manusia sejagat berasaskan dalil dan bukti yang diambil dari mukjizat al-Quran itu.

Di dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. ada dinyatakan:

فوالله لأن يهدي الله بك رجلاً واحداً خير من أن يكون لك حمر النعم

Yang bermaksud: *Bahawa seorang manusia mendapat petunjuk di tanganmu adalah lebih baik bagimu dari harta benda terbaik di dunia.*²⁹

²⁹ Hadis Sahih, Riwayat al-Bukhori, dikeluarkan oleh Ahmad dan Muslim.

Dalam hadis yang lain pula Rasulullah s.a.w. menyatakan:

وَأَنْ تَفَكَّرَ سَاعَةً خَيْرٌ مِنْ عِبَادَةِ سَنَةٍ

Yang bermaksud: *Bahawa kamu berfikir sejenak (untuk Allah s.w.t.) adalah lebih baik dari ibadah setahun.*

Untuk sampai ke tahap tafakkur sehebat ini, maka para ahli tarikat Naqsyabandiyyah telah mengambil berat terhadap zikir secara khafiy.

Salam kutipkan kepada semua sahabat dan taulan, aku doakan semuanya berada dalam keadaan sejahtera.

الباقى هو الباقى

Neraca Yang Adil Terhadap Satu Perbahasan

"Perbahasan (dialog) ini hanya berlangsung dalam hati saya lalu saya tulis untuk mengekang dan mengimbangi sangka baik yang keterlaluan oleh beberapa orang rakan di kalangan penuntut Rasael An Nur terhadap saya sedangkan saya tidak sepertimana yang digambarkan ".

Kira-kira 50 tahun yang lalu, berlaku satu percakapan antara saya dan abang saya iaitu al-Mulla Abdullah r.a. Di sini saya kisahkan semula percakapan tersebut:

Abang saya itu adalah anak murid kanan kepada al-Sheikh Dhia'uddin yang merupakan salah seorang waliullah yang soleh. Seperti selalu, sikap mengasihi guru dan mengagungkan guru secara berlebihan bukan suatu yang asing bagi para ahli tarikat tasawuf. Bahkan ia suatu yang diharuskan. Suatu hari abang saya Abdullah berkata:

"Sheikh Dhia'uddin memiliki pengetahuan yang luas terhadap alam maya ini dan beliau tahu apa yang sedang berlaku dalam alam semesta ini, sama seperti para wali agung yang lain". Beliau kemudian memberikan berbagai contoh kehebatan Sheikh Dhia'uddin yang berupa karamah sebagai tanda ketinggian maqamnya di sisi Allah s.w.t. Kesemua kisah-kisah ini adalah sebagai umpan untuk saya mengikut tarikat Sheikh Dhia'uddin dan terikat pula dengan Sheikh tersebut. Saya berkata kepada beliau:

"Wahai abangku yang mulia, sesungguhnya kamu telah melakukan perkara *ghuluw*. Jika saya berjumpa Sheikh Dhia'uddin secara berdepan nescaya saya boleh memberikan hujah yang jelas dalam banyak masalah kepadanya. Kamu sebenarnya tidak mengasihi Sheikh tersebut dengan sebenar-benar kasih seperti mana kasih saya kepadanya. Ini kerana kamu menyintai Dhia'uddin seperti yang digambarkan dalam khayalanmu. Beliau dalam khayalanmu adalah seumpama Wali Qutb yang hebat yang mengetahui perjalanan alam. Kamu menjadi pengikutnya kerana hujah ini dan kerana sifat-sifatnya yang luarbiasa itu. Jika hijab diangkat oleh Allah s.w.t. lalu terserlahlah serba serbi tentang kelemahan diri maka kasih kamu kepada Sheikh akan mula hilang atau berkurangan! Tetapi saya bukan begitu, saya menyintai Sheikh yang soleh dan wali yang mulia ini dengan cara yang sebenar. Bahkan saya menghormati dan menyanjung tinggi dengan sebab yang lain, iaitu:

Kerana beliau adalah *ahlul iman*, yang berada di jalan benar yang memberi petunjuk kepada jalan Sunnah Rasulullah s.a.w. yang mulia. Apa pun maqamnya di sisi Allah s.w.t. saya tetap sanggup untuk mengorbankan nyawa demi membantu khidmat beliau terhadap keimanan. Jika Allah s.w.t. bukakan hakikat dirinya yang sebenar saya akan tetap bersama Sheikh ini dan tidak akan meninggalkannya, kasih saya kepadanya juga tidak akan berubah. Bahkan saya akan mempererat lagi ikatan

ukhuwwah saya dengan beliau. Akan saya tambahkan kasih sayang dan penghormatan saya kepada beliau.

Maksudnya di sini, saya mengasihi Sheikh Dhia'uddin sebagai seorang insan biasa dan keadaan sebenar beliau, tetapi kamu menyintai Sheikh ini berpandukan keperibadian yang ada di dalam khayalan kamu!

Oleh kerana abang saya itu seorang ulama yang mudah menerima kebenaran, dia telah sedar dengan kesilapan itu dan menerima sudut pandangan saya dan beliau amat menghargainya.

Wahai saudaraku sekalian, wahai sekalian anda yang bertuah dan berbahagia kerana telah mendapat peluang mempertaruhkan nyawa di jalan Allah s.w.t.! Pandangan mulia saudara semua yang berlebihan terhadap saya perlu diperbetulkan. Walaupun pandangan sebegitu tidak mendatangkan mudharat buat kalian tetapi kalian mesti sedar orang lain seperti kalian adalah mereka yang menyeru ke arah kebenaran dan sentiasa melihat perkara yang benar. Sewajarnya mereka melihat seseorang di sudut khidmatnya terhadap al-Quran dan sejauh mana dia telah melaksanakan tuntutan al-Quran tersebut.

Andainya dibukakan hijab di hadapan kalian lalu kalian melihat diri saya yang sebenar, yang berlumuran dengan segala macam kelemahan dan kelalaian dari hujung rambut sehingga ke hujung kaki, nescaya kalian akan kasihan melihat diri saya ini. Kalian akan terasa terbeban melihat keadaan saya. Namun supaya tidak menjadikan kalian terasa seperti dihalang dari menjalinkan ukhuwwah yang mengikat antara kita, atau agar kalian tidak berasa kecewa maka saya berharap saudara semua jangan terikat dengan gambaran yang berlebihan terhadap diri saya. Jangan juga saudara sekalian mengaitkan saya dengan kedudukan luar biasa yang jauh melampaui batas saya sebagai seorang manusia.

Saya hanyalah seorang sahabat kepada saudara semua dan tidak lebih dari itu. Saya tidak punya kekuatan untuk mendakwa mempunyai daya mendidik dan membimbing. Lebih dari itu untuk mendakwa memiliki kedudukan 'mahaguru' ke atas kalian semua. Paling sesuai ialah saya ini merupakan sahabat seperjuangan kalian dalam mencari iman. Janganlah saudara ternanti-nanti bantuan dan kuasa dari saya, bahkan sayalah yang sebenarnya memohon bantuan dari saudara semua. Apa tidaknya...saya sentiasa merindui doa yang penuh belas kasihan dari rakan-rakan semua agar kealpaan diri ini diampun Allah s.w.t.

Allah s.w.t. telah menganugerahkan nikmat 'berjuang' kepada kita semua. Nikmat inilah yang kita telah gunakan untuk semulia-mulia khidmat untuk kaum mukminin iaitulah...khidmat al-Quran. Kita telah diarah untuk melaksanakan khidmat ini dengan cara pembahagian tugas sesama kita. Cukuplah ukhuwwah dan kesatuan kita menjadi mahaguru dalam perjalanan ini.

Kita sewajarnya berasa cukup dan tenang dengan anugerah Allah s.w.t. yang berupa tingkatan kerohanian yang melimpahi kita dari nur al-Quran. Itulah yang perlu diyakini. Selagimana kita semua akur bahawa khidmat al-Quran itu adalah tugas yang paling mulia di zaman ini, dan kita juga akur bahawa mutu (kualiti) adalah lebih penting dari jumlah (kuantiti), kita juga sedar bahawa mainan isu di pentas politik yang bersifat sementara dan bermusim tidak langsung boleh diberi penilaian perbandingan dengan khidmat al-Quran ini. Apatah lagi untuk dijadikan asas perjuangan.

Saudaraku sekalian, Tetapkanlah hatimu! Tetapkanlah hatimu! Sahut dan laksanakan khidmat ini. Jalan menuju ke puncak dan kemenangan ialah dengan cara kita *ghuluw* terhadap **ukhuwwah** yang sebenar, bukannya *ghuluw* terhadap kedudukan sesiapa di kalangan kita yang sebenarnya kita tidak mencapainya.

الباقى هو الباقى

Hidup berasaskan "jimat" dan "berkat"

(Perkara Keempat dari al-Maktub Keenam Belas)

Soalan yang mengundang curiga: Pemburu dunia bertanya kepada saya: "Dengan apa kamu hidup? Bagaimana kamu mengurus rezekimu tanpa sebarang pekerjaan? Kami tidak boleh menerima kewujudan si pemalas dalam negara kami yang hanya berpeluk tubuh dan menanti rezeki dari jerih titik peluh orang lain."

Jawapan: Saya hidup dengan berjimat dan barakah! Saya tidak boleh menerima selain Allah s.w.t. untuk memberi rezeki kepada saya. Bahkan saya telah mengambil keputusan untuk tidak menerima pemberian biaya dari sesiapa pun sepanjang hayat saya.

Sememangnya, seorang yang boleh hidup dengan 100 para atau 40 para³⁰ sudah pasti akan menolak untuk dibiaya oleh sesiapa.

Saya tidak berminat untuk mendedahkan perkara sebegini kerana ia boleh membawa kepada ghurur dan bangga diri. Saya benar-benar keberatan untuk menjelaskan perkara yang pada saya adalah amat berat. Akan tetapi mereka yang berjiwa dunia terus-terusan menyebarkan berbagai syubhah dan tanggapan salah terhadap saya di dalam jiwa mereka dengan mengemukakan soalan seumpama itu. Maka saya ingin menyatakan:

Prinsip umum hidup saya ialah tidak menerima sebarang bantuan peribadi dari orang lain. Sedari kecil saya tidak menerima bantuan orang walaupun ia berupa zakat dari mereka.

Kemudian, saya juga menolak elaun dari pihak kerajaan kecuali apa yang diberikan oleh pihak kerajaan selama dua tahun saya berkhidmat di Darul Hikmah, itu pun setelah didesak dan dipujuk oleh rakan-rakan. Maka saya terpaksa menerimanya. Keengganan saya itu adalah sebagai gambaran prinsip hidup saya yang telah saya nyatakan tadi.

Penduduk kampung dan kampung-kampung yang lain yang mengenali diri ini amat masak dan tahu akan pegangan hidup saya itu. Ramai rakan-rakan telah berusaha memujuk saya dengan berbagai cara agar saya menerima pemberian mereka tetapi saya tetap menolak.

Namun bila terus ditanya: Bagaimana kamu hidup jika begitu?

Saya katakan begini: Saya hidup dengan keberkatan dan kemurahan Allah s.w.t. (إكرام إلهي). Walaupun diri saya ini di hadapan Allah s.w.t. amat berhak mendapat penghinaan dan cercaan, namun di sudut rezeki Allah s.w.t. tetap memberi

³⁰ 40 Para sama dengan satu Qurush (sen), dan 10 Qurush bersamaan satu lira Turki.- Ihsan Qasim Salihi

keberkatannya. Itulah penghargaan dari Allah s.w.t. yang diberikan dalam bentuk karamah kerana berkhidmat kepada Al-Quran. Saya akan bawaan beberapa peristiwa yang boleh dijadikan contoh dalam hal ini: pengkisahan ini adalah sebagai tanda kesyukuran saya kepada Allah s.w.t. atas segala nikmat tersebut yang diberikan kepada saya, sesuai dengan firman Allah s.w.t. (وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ), yang bermaksud: adapun dengan nikmat tuhanmu itu, maka kisahkanlah ia kepada orang lain.

Meskipun demikian, saya tetap bimbang kesyukuran ini akan tercalar jua dengan riya' dan ghurur maka ia boleh menghapuskan keberkatan rabbani yang amat suci ini, kerana telah diperakui bahawa menyebarkan berkat yang tersembunyi dengan cara bermegah akan memutuskan. Namun saya sebenarnya terpaksa menceritakannya, kerana tiada jalan lain yang boleh menjawab persoalan ini.

Kisah keberkatan rezeki

Kisah Pertama: Dalam tempoh enam bulan yang lepas, saya bertahan dengan 36 keping roti yang diuli dari sekilo³¹ tepung. Roti itu masih ada sehingga tadi dan saya sendiri tidak tahu bila ia akan habis.

Kisah Kedua: Dalam bulan Ramadhan yang mulia ini saya dibekalkan dengan roti oleh dua buah rumah. Makanan dari kedua-dua rumah inilah yang menyebabkan saya sakit. Dari situ saya fahami bahawa saya tidak boleh menerima makanan dari orang lain. Lalu saya mengambil beras sejumlah satu *uqiyyah*³² dan tiga keping roti untuk baki hari-hari Ramadhan yang masih ada. Saudara kita Abdullah Jawish³³ pemilik salah sebuah rumah yang memberi saya makan itu menjadi saksi terhadap perkara ini dan dia sering menceritakannya. Bahkan beras tersebut masih boleh menampung 15 hari selepas Ramadhan.

Kisah Ketiga: Pernah saya dan beberapa orang tetamu makan cuma dari satu *uqiyyah* pati susu di atas sebuah bukit. Walaupun kami memakannya setiap hari bersama roti selama tiga hari namun ia masih berbaki. Ketika makanan kami hampir habis datang pula Saudara Sulaiman mengunjungi kami. Saya meminta beliau supaya pergi ke kampung berdekatan untuk mendapatkan roti. Ini kerana, di sekeliling tempat kami tinggal itu tidak terdapat kedai makanan meskipun jika kami berjalan sejauh dua jam. Namun, beliau menjawab: "Pada malam ini saya ingin tinggal bersama Tuan di atas bukit ini untuk beribadat kepada Allah s.w.t.". Mendengarkan jawapannya itu saya hanya mampu berkata: "Baiklah, kita bertawakkal saja kepada Allah s.w.t.".

³¹ Nama timbangan pada masa itu ialah '*keilah*' yang menyamai 40 liter bijirin- Ihsan Qasim Salihi.

³² Ia adalah satu sukatan lama yang menyamai 2182 gram.

³³ Abdullah Jawish adalah pengantara coretan Rasael An-Nur yang pertama. Beliau telah membawa keluar deraf risalah tersebut dari penjara pada waktu malam, jauh dari hiduan oleh pihak berkuasa merentas bukit bukau dan lembah. Ia disampaikan kepada al-Hafiz Ali yang bertindak menyalinnya dengan tulisan yang bersih dan teratur. Kemudian salinan ini dikembalikan kepada an-Nursi untuk semakan dengan perjalanan yang penuh risiko sama seperti ketika ia dibawa keluar.- Ihsan Qasim Salihi

Kami meneruskan perjalanan ke puncak bukit tersebut, walaupun kami sepatutnya tidak perlu pun untuk ke sana. Kami ada membawa sedikit air, teh dan gula. Saya meminta dia menyediakan air teh dan dia membikinnya.

Saya pun duduk di bawah pokok *qitran* sambil merenung jauh ke lembah, dengan rasa kesal dan sedih." Kita hanya mempunyai beberapa keping roti yang mungkin boleh menampung kehidupan kita sehingga ke petang ini. Tapi untuk dua hari lagi bagaimana? Apa yang akan saya katakan kepada tamu yang baik dan luhur budi ini yang kini menjadi tetamu kita ".

Ketika saya tenggelam memikirkan perkara ini tiba-tiba kepala saya bagai didongakkan ke atas lalu saya memandang ke atas. Tiba-tiba saya terlihat sebuah roti yang bersaiz besar seakan memandang ke arah kami dari celah-celah dahan pokok *qitran*. Saya berteriak, "Sulaiman! Berita gembira! Allah s.w.t. telah memberikan nikmat rezeki buat kita". Kami mengambil roti tersebut dan cuba menjejaki kesan manusia atau binatang pada roti tersebut. Namun kami tidak menemui sebarang kesan sentuhan haiwan dan manusia, sememangnya sejak sebulan yang lalu tiada orang yang naik ke puncak bukit ini. Kami pun memakan roti tersebut selama dua hari. Belum pun sempat roti itu habis sahabat kami Sulaiman Karwanji³⁴ pun sampai di puncak bukit ini dan membawa roti untuk kami. Beliau adalah seorang yang benar dan menjadi sahabat kami sejak empat tahun.

Kisah Keempat: Jaket yang saya pakai ini saya beli pada tujuh tahun yang lampau dari kedai barang terpakai. Saya menampung biaya pakaian saya selama lima tahun dengan hanya empat lira setengah. Ia termasuk baju, kasut dan stokin. Rezeki saya mencukupi menerusi barakah dan dengan cara berjimat di samping mencari rahmat Allah s.w.t.

Terlalu banyak kisah seumpama itu yang menunjukkan keberkatan dari Allah s.w.t. datang dari berbagai arah. Penduduk kampung ini mengetahui banyak tentang peristiwa seumpama ini yang menunjukkan keberkatan rezeki dari Allah s.w.t. Namun anda perlu berwaspada agar jangan sampai menganggap bahawa saya menceritakan hal ini sebagai satu kebanggaan. Sebaliknya saya terpaksa menceritakan kisah-kisah ini. Bukan juga kisah-kisah ini menunjukkan bahawa saya ini orang soleh sebaliknya ia tanda simpati Allah s.w.t. terhadap tetamu kami yang datang pada ketika itu. Atau boleh jadi juga sebagai tanda pemuliaan Allah s.w.t. ke atas khidmat al-Quran yang kami lakukan dan sebagai balasan sikap berjimat cermat dalam rezeki. Tak lupa juga ia mungkin rezeki yang Allah s.w.t. berikan kepada empat ekor kucing yang sentiasa bersama saya di rumah ini kerana zikir mereka yang tiada henti kepada Allah dengan ungkapan Ya Rahim! Ya Rahim! Ya Rahim!...Inilah rezeki mereka yang datang dalam bentuk berkat, manakala aku hanya tumpang sekaki menikmatinya. Sememangnya si anak kucing yang kesedihan itu jika anda amati ia sebenarnya berzikir kepada Allah s.w.t. dengan zikir: Ya Rahim! Ya Rahim! Sebagaimana zikir sang kucing begitu jugalah zikir sang ayam...

³⁴ Beliau adalah antara orang terawal dalam khidmat Iman ini, merupakan teladan dalam bercakap benar amanah dan ikhlas. Meninggal pada tahun 1965.- Ihsan Qasim Salihi

Suatu waktu dahulu aku pernah memiliki seekor ibu ayam yang mengeluarkan sebiji telur setiap hari dengan rahmat Allah s.w.t. pada musim sejuk. Jarang sekali ia tidak mengeluarkan telur. Pada suatu hari dia mengeluarkan dua biji telur. Aku terkejut dengan kejadian ini lalu bertanya kepada rakan-rakan yang lain adakah ayam akan mengeluarkan telur dua biji pada musim sejuk? Mereka menjawab: "Boleh jadi itu adalah belas kasihan Allah s.w.t. kepada kita".

Ayam ini pula ada anak. Anaknya juga bertelur pada musim panas sebiji pada permulaan bulan Ramadhan al-Mubarak. Kemudian ia terus mengeluarkan telur selama 40 hari. Ini semua menjadikan kami semua tidak ragu lagi bahawa ikram ilahi sedang berlaku kerana ciri-ciri berikut. Ia adalah dari anak ayam kecil, pada musim sejuk dan pada bulan Ramadhan...tambahan pula anak ayam tersebut akan mengeluarkan telur apabila ibunya berhenti bertelur, sehingga saya tidak pernah hampa untuk mendapat telur setiap hari. Alhamdulillah.

Keperibadian yang Unggul

(Al-Maktub Kedua Puluh Enam – Perbahasan Keempat)

Perbahasan ini ditulis berdasarkan kekeliruan yang sering timbul di kalangan mereka yang sering membantu saya. Ini berlaku apabila mereka melihat perbezaan tingkahlaku saya yang pelik bagi mereka. Perkara ini juga ditulis sebagai menangkis sanjungan yang melampau terhadap diri saya yang diterajui oleh dua orang murid saya.

Saya berpandangan bahawa sebahagian kelebihan yang Allah s.w.t. anugerahkan terhadap khidmat al-Quran ini diberikan terus kepada "wasilah" dan "wadah" dalam khidmat tersebut yang merupakan pendakwah dan penunjuk ke arah jalan kebenaran. Sebenarnya tanggapan saya ini salah. Kesucian dan kemuliaan (*qudsiyyah*) sumber hakikat itulah sebenarnya yang memberi kesan. Ia mengatasi segala kesan yang bersumberkan berbagai hujah. Orang awam pula hanya akan patuh kepada hukum hakam yang memiliki *qudsiyyah* itu tadi.

Apabila seorang pendakwah, pemimpin dan pejuang Islam cuba menonjolkan dirinya maka pandangan orang ramai mula tertumpu kepadanya dan bukan lagi kepada hakikat kebenaran yang dibawanya maka kesan yang sepatutnya terhasil dari "kesucian sumber hakikat" itu akan lenyap.

Atas kaedah dan rahsia ini, saya ingin memberitahu hakikat perkara ini kepada sahabat-sahabat saya yang telah memberikan tanggapan hebat terhadap saya melebihi apa yang saya ada. Saya ingin menyatakan bahawa:

"Seseorang manusia mempunyai berbagai personaliti dan keperibadian. Ia menampilkan tingkahlaku yang berbeza dan berlainan sama sekali. Contohnya: Seorang pegawai tinggi memiliki tingkahlaku tersendiri ketika menjalankan tugasnya sebagai pegawai tinggi. Ia sesuai dengan kedudukan pangkat dan kuasa yang ada padanya. Kedudukannya itu memerlukan satu perwatakan tenang, serius untuk memelihara kemuliaan jawatannya dan kedudukan tanggungjawab dalam tugasnya. Jika dia bersifat tawadhu' dan murah dalam setiap ketika kepada rakyat yang datang maka ia akan memberi gambaran betapa remehnya tanggungjawab yang dipikul, kedudukan dan kuasanya akan dipandang rendah. Tetapi pegawai yang sama mempunyai tingkahlaku yang lain ketika berada bersama anak dan isterinya. Ia perlu berbeza dari apa yang dilakukan di pejabatnya. Jika dia bersifat tawadhu', dia akan jadi lebih mulia dan disukai. Sebaliknya jika dia terus dengan sikap serius dan rasmi maka dia akan dianggap sombong dan takabbur".

Di sini kita mula memahami, seseorang itu memiliki peribadi khas di tempat kerjanya. Keperibadiannya ini adalah bercanggah dengan peribadinya yang sebenar dalam banyak perkara. Jika beliau adalah layak untuk menjadi seorang pegawai tinggi dan

mampu menjalankan tugasnya dengan baik maka keperibadiannya yang berbeza itu sebenarnya amat berkait rapat antara satu sama lain. Jika beliau bukan orang yang layak untuk menjawat jawatan itu maka kedua peribadinya yang berlainan itu tadi adalah sama sekali jauh antara satu dengan yang lain. Umpama seorang prebet tentera yang dilantik menjadi pegawai tentera, maka dua keperibadiannya tadi adalah amat jauh antara satu dengan yang lain. Ini adalah kerana sifat seorang prebet selalunya lebih ringkas dan terbuka. Ini tidak sesuai dengan tuntutan jawatan seorang pegawai tinggi tadi yang secara umumnya memerlukan sikap berwaspada dan tidak terlalu terbuka.

Tiga Keperibadian Diri

Demikian juga, saudaramu ini mempunyai tiga keperibadian yang saling berbeza antara satu dengan lain. Ya, ia terlalu berbeza.

Keperibadian saya yang pertama: iaitu keperibadian sementara yang ada pada saya. Ia terlalu peribadi dan khusus untuk berkhidmat kepada al-Quran. Keperibadian ini wujud kerana saya adalah hamba untuk khazanah al-Quran yang amat agung itu. Segala keperluan yang dituntut oleh tugas dakwah terhadap al-Quran seperti bersifat mulia dan berakhlak tinggi bukanlah sifat saya yang sebenar. Bahkan saya tidak memiliki sifat itu sebenarnya. Semua sifat mulia dan akhlak yang tinggi itu diperlukan oleh kedudukan seorang insan sebagai pendakwah dan jawatan mursyid yang mulia itu. Apa yang kamu lihat pada diri saya tentang kelebihan dan akhlak adalah milik jawatan dan tugas itu bukan milik saya. Maka jangan sekali-kali menilai saya melalui akhlak dan kelebihan yang kamu lihat tadi.

Keperibadian Kedua: iaitu akhlak saya ketika menghadap Allah s.w.t. dan ketika beribadah kepadaNya. Allah s.w.t. memberikan keperibadian lain kepada saya di ketika saya *tawajjuh* kepadaNya (ketika beribadah). Keperibadian ini melahirkan kesan yang terhasil dari asas makna *ubudiyyah*. Asas itu bermula dengan *ma'rifah* seorang insan terhadap kealpaannya terhadap Allah s.w.t. di kala dia mengakui keperluannya kepada penciptanya, ketika dia mengaku lemah di hadapan Tuhannya, dan apabila dia merasai tiada lagi yang lebih hina di muka bumi ini di sisi Allah s.w.t. selain dia. Jika seluruh dunia ini bersepakat untuk memuji keelokan diri saya, ia tetap juga tidak boleh meyakinkan saya bahawa saya ini telah melakukan amal soleh.

Keperibadian Ketiga: Ini adalah peribadi saya yang sebenar...iaitu peribadi yang ditukarkan dari Said lama kepada Said yang baru. Ia adalah warisan Said yang lama. Ia kadang-kadang terjebak kepada sifat *riya'*, ujub, cintakan dunia. Jelas kelihatan akhlak buruk saya. Tambahan pula saya ini miskin harta dan bukan dari keluarga bangsawan dan ternama. Wahai saudaraku sekalian...saya tidak berminat untuk mencerca diri sendiri dan menceritakan keburukan saya kepada kalian semua. Ini akan menyebabkan kalian lari dari membantu dakwah ini. Tetapi cukuplah untuk saya nyatakan bahawa saya bukan orang yang memiliki maqam yang tinggi, bahkan saya tidak mempunyai kesediaan untuk mencapainya. Akhlak dan sikap saya yang sebenar ini adalah teramat jauh dari akhlak petugas dakwah dan pejuang kebenaran

juga ahli ubudiyyah. Allah s.w.t. telah menzahirkan qudratNya yang maha pengasih terhadap diri ini berdasarkan kaedah:

"Anugerah Allah s.w.t. tidak bersyarat"

Maksudnya di sini, apabila Allah s.w.t. ingin memberikan apa-apa kelebihan kepada hambanya, Dia tidak akan meletakkan apa-apa syarat yang perlu dipenuhi dahulu. Maka Allah s.w.t. jualah yang membentuk keperibadianku sebagai insan biasa seumpama pangkat prebet dalam tentera untuk menjadi hamba al-Quran sedangkan jawatan itu adalah seumpama jeneral dalam hirarki ketenteraan dan merupakan antara jawatan tertinggi.

"Kesimpulannya: Jiwa saya adalah yang paling lemah, manakala tugas yang dipikul pula adalah terlalu tinggi."

Namun seribu kesyukuran saya panjatkan kepada Allah s.w.t. yang maha agung. Alhamdulillah.

هذا من فضل ربي

"ini adalah anugerah Tuhanku...."

Panduan Untuk Penziarah Kita

Perkara ini saya tulis berdasarkan nasihat para sahabatku supaya memberikan kaedah dan panduan untuk para pelawat yang datang menziarahi kita.

Umum perlu mengetahui, bahawa orang yang datang menziarahi kita terdiri dari dua golongan, sama ada datang mengunjungi kita kerana urusan keduniaan maka sudah pasti pintu di hadapannya tertutup rapat. Atau mereka datang kerana urusan akhirat, maka dalam keadaan ini di hadapan mereka ada dua pintu yang lain:

Pintu Pertama: Mereka yang mengunjungi kita kerana mereka menganggap bahawa saya ini seorang yang mempunyai banyak keberkatan, memiliki maqam yang tinggi di sisi Allah s.w.t., lantaran itulah mereka mengunjungi kita. Pintu ini juga sebenarnya tertutup rapat. Alasannya mudah, saya tidak terpesona dengan diri saya dan saya juga tidak terpedaya dengan mereka yang mengagumi saya. Syukur kepada Allah s.w.t. dengan segunung kesyukuran yang telah menjadikan saya tidak langsung berpuashati dengan diri sendiri.

Pintu Kedua: Mereka yang datang kerana mereka menganggap saya adalah salah seorang yang berkhidmat kepada Al-Quran, pembimbing ke arah itu dan sentiasa menyeru kepada dakwah al-Quran, tidak lebih dari itu. Pada keadaan ini kita mengalu-alukan kedatangan mereka, dan seluruh sanjungan kita berikan kepada mereka yang datang melalui pintu ini. Namun perlu dijelaskan bahawa mereka yang datang melalui pintu ini ada tiga golongan pula: sama ada dia datang sebagai **rakan** atau sebagai **saudara** atau sebagai **penuntut**. Di sini kita perelaskan pula ciri-ciri dan syarat tiga golongan ini.

Ciri Dan Syarat Untuk Menjadi Rakan: Mereka mestilah berusaha menyokong dan membantu usaha dan tugas kita ini dalam menyebarkan cahaya Al-Quran. Mereka juga tidak boleh cenderung kepada kebatilan, *bid'ah* dan sebarang kesesatan dengan pembersihan hatinya. Mereka juga perlu sentiasa memperbaiki diri dan jiwanya (luar dan dalam).

Ciri Dan Syarat Untuk Menjadi Saudara: Mereka mestilah serius dan berusaha untuk menyampaikan Rasael An Nur. Dalam masa yang sama serius juga terhadap kewajipan solat lima waktu (Rukun Islam yang lima) dan meninggalkan dosa-dosa besar yang tujuh.³⁵

Ciri Dan Syarat Untuk Menjadi Penuntut: Mereka mesti berusaha menyediakan semula Rasael An Nur seolah-olah dialah yang mengarangnya. Mereka mesti menganggap Rasael ini ditujukan kepada dirinya bukan untuk orang lain. Mereka mesti mempertahankan Rasael ini seolah-olah ia adalah miliknya. Mereka perlu menganggap bahawa penyebaran Rasael adalah satu tugas terpenting dalam hidupnya (iaitu berkhidmat kepada Iman dan Al-Quran).

³⁵ Sebahagian Ulama menyatakan dosa besar itu ada 10.

Maka tingkatan hubungan ini adalah berkait rapat dengan tiga dimensi peribadi saya seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Rakan akan bersama dengan peribadi saya yang berupa insan biasa. **Saudara** pula akan bersama dengan peribadi saya sebagai seorang hamba yang memperhambakan diri kepada Allah s.w.t. secara peribadi. **Penuntut** pula akan seiring dengan peribadi saya sebagai seorang da'ie dan penunjuk ke arah Al-Quran al-Hakim dan menjadi mursyid untuk orang lain ke arah hidayah Al-Quran.

Hubungan dalam bentuk **Penuntut** ini dapat dilihat dalam tiga perkara:

Pertama: Penuntut itu ialah seorang yang pernah menerima pengajian al-Quran dari saya atau mengikuti pengajian Rasael An Nur, walau hanya sekali pengajian. Ini adalah sebagai satu tanggungjawab dakwah kepada Al-Quran.

Kedua: Penuntut tersebut bersekutu dengan saya di sudut pahala di akhirat. Ia akan menjadi sahabat *ubudiyyah* saya kepada Allah s.w.t.

Ketiga: Mereka yang bersama-sama menuju rahmat Allah s.w.t. dengan ikatan kerohanian sesama sendiri dan seiring dalam khidmat Al-Quran. Untuk mereka kita mendoakan agar memperoleh taufiq dan hidayah berterusan.

Jika dia adalah seorang **Penuntut**, maka dia akan hadir dalam perjuangan ini bersama saya setiap pagi dengan namanya atau dalam bentuk ingatan. Jika dia adalah seorang **Saudara**, dia akan hadir dalam doa saya secara berkumpulan dengan namanya atau dengan wajahnya, dia akan bersekutu dengan saya di sudut doa dan pahala, lalu dia tergolong dalam kumpulan *ikhwan* dan saya serahkan dia kepada rahmat Allah s.w.t. Apabila saya menyebut dalam doa saya; "**Saudara dan Saudariku**", mereka ini adalah termasuk dalam golongan itu. Jika saya tidak mengenalinya secara peribadi maka Allah s.w.t. lah yang lebih kenal dan maha melihat saudara kita itu. Jika dia adalah seorang **Rakan**, maka dia termasuk dalam himpunan doa saya yang umum kerana dia dianggap sebagai **Saudara** secara amnya, asalkan dia melaksanakan segala kefardhuan dalam Islam dan meninggalkan segala dosa besar.

Kesemua mereka yang berada dalam berbagai peringkat hubungan ini mestilah menjadikan saya sebahagian dari usaha ukhrawi mereka.

(Doa dan Munajat untuk Sahabat An Nur)

اللهم صل على من قال : المؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضاً وعلى آله وصحبه وسلم.
(سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ)
(وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ لَقَدْ جَاءَتْ رُسُلُ رَبِّنَا بِالْحَقِّ)
اللهم يا من اجاب نوحاً في قومه، ويا من نصر إبراهيم على أعدائه، ويا من ارجع يوسف إلى يعقوب، ويا من كشف الضر عن أيوب، ويا من أجاب دعوة زكريا، ويا من تقبل يونس ابن متى..

نسألك بأسرار أصحاب هذه الدعوات المستجابات ان تحفظني وتحفظ ناشر هذه الرسائل
ورفقاءهم من شر شياطين الإنس والجن. وانصرنا على أعدائنا ولا تكلنا إلى أنفسنا واكشف
كربتنا وكربتهم واشف امراض قلوبنا وقلوبهم...
آمين، آمين، آمين

Mursyid Sebenar!

Penjelasan ini adalah satu jawapan yang terlalu khusus dan peribadi. Ia mengandungi rahsia dan maksud tersembunyi terhadap soalan umum yang dilontarkan oleh kebanyakan saudara-saudara kita sama ada secara lisan (*lisanul maqal*) atau melalui raut perilakunya (*lisanul hal*).

Soalan: Tuan selalu menyatakan kepada orang yang datang menziarahi Tuan bahawa: 'Jangan menunggu apa-apa bantuan dan harapan dari saya dan jangan saudara semua menganggap saya ini adalah orang yang mempunyai keberkatan. Saya ini bukannya orang yang empunya maqam (seperti yang dimiliki oleh para wali). Seperti mana seorang prebet tentera mematuhi arahan pemerintah tentera atasan begitu jugalah saya ini. Saya hanya menyampaikan apa yang diarahkan oleh pemerintah tertinggi saya, yang penuh maknawi. Saya seumpama seorang muflis yang menunjuk jalan kepada orang lain arah ke kompleks jualan barangan kemas yang berharga. Maksudnya, saya hanyalah penunjuk jalan ke arah tempat yang amat suci iaitu taman al-Quran al-Karim'. Inilah yang selalu Tuan beritahu kepada setiap mereka yang datang menziarahi Tuan. Namun begitu akal kami tetap rasa ingin tahu. Sama seperti hati kami inginkan sedikit kelebihan, dan jiwa kami inginkan petunjuk cahaya... kami sebenarnya ada banyak keperluan dari berbagai sudut. Kami ini datang berjumpa Tuan dengan harapan Tuan dapat menyempurnakan hajat kami. Kami benar-benar perlu kepada orang yang bertaraf wali, orang yang mempunyai daya kemampuan yang luar biasa atau seorang yang memiliki kesempurnaan jiwa (insan kamil). Ia adalah lebih dari keperluan kami kepada seorang ulama. Jika demikian ungkapan yang Tuan berikan kepada kami, maka sebenarnya kami tersalah langkah kerana menziarahi Tuan!"

Soalan di atas saya fahami dari *lisan hal* (gerak geri) mereka. Jawapan saya (terhadap soalan yang tidak dilafaz ini) adalah seperti berikut: Dengarlah penjelasan saya menerusi lima noktah ini, kemudian kalian fikirkanlah ... Adakah ziarah kalian itu memberi hasil atau tidak? Selepas itu kalian boleh membuat keputusan sendiri.

Noktah Pertama: Seorang khadam khas kepada seorang maharaja telah ditugaskan oleh maharaja tersebut untuk menghantar hadiah dan bintang-bintang kebesaran kepada gabenor, ketua tentera dan menteri-menterinya. Ia sebagai penghargaan kepada orang-orang besar negara di bawah pemerintahannya. Jika pembesar tersebut enggan menerimanya hanya kerana penghantar kurnia tersebut adalah seorang tentera bawahan, tidak syak lagi itu adalah menunjukkan mereka itu gila dan tak sedar diri. Jika si khadam atau pesuruh istana tersebut merasa sombong dan bongkak dengan tugas yang diarahkan kepadanya sehingga menganggap pembesar-pembesar maharaja tadi lebih rendah dari dirinya ... ia juga satu kebodohan dan satu kegilaan. Andaikata salah seorang dari pembesar tersebut ingin membuat kunjungan ke rumah khadam diraja itu tadi (yang miskin dan tak punya apa-apa) sedangkan Maharaja tahu bahawa kunjungan itu akan dibuat terhadap insan miskin yang amat dikenalnya, nescaya maharaja tersebut akan mengutuskan makanan dan santapan

yang sesuai untuk pembesar-pembesarnya dan menjaga air muka dan mengelak kesusahan dari khadamnya yang miskin.

Jika itu adalah kelaziman bagi kehidupan seorang khadam diraja, demikian juga sebenarnya yang berlaku kepada khadam al-Quran yang tulus kepada Allah s.w.t., walaupun dia adalah seorang insan biasa (awam yang bukan ulama). Dia telah cuba menyampaikan ajaran al-Quran atas nama al-Quran (tiada kepentingan duniawi) kepada pemuka-pemuka dunia tanpa gerun dan takut. Dia menjual permata-permata al-Quran yang amat berharga kepada sekaya-kaya manusia dengan penuh *himmah* (harga diri), megah dan bangga. Dia tidak langsung berasa rendah diri dengan semua itu. Dia juga tidak meminta-minta imbuhan dunia dan tidak melutut kepada sesiapa dengan usaha yang dijalankan kerana walau bagaimana hebat sekalipun seorang manusia, dia tidak boleh bersikap biadab kepada khadam al-Quran itu ketika dia menjalankan tugasnya. Khadam itu pula tidak mungkin akan berasa tinggi diri semata-mata kerana dia boleh berulang alik masuk ke istana pembesar-pembesar untuk menyampaikan al-Quran. Dia sepatutnya terus mendisiplinkan dirinya sebagai hanya seorang petugas kepada pemerintah yang maha tinggi.

Jika orang ramai mula terpesona dengan permata-permata al-Quran ini lalu mereka memberi penghargaan kepada petugas yang menghantar himpunan permata tersebut dengan menganggap petugas itu adalah orang yang amanah dan soleh (bahkan seorang wali kerana ketelusannya lantas mereka tawar menawar kepada khadam itu), maka sebenarnya limpahan rahmat Allah s.w.t. adalah yang lebih berhak untuk dijadikan tempat berharap lantas memberikan kepada mereka urusanniaga yang baik dan apa sahaja keinginan. Tetapi ia hendaklah berlaku tanpa pengetahuan khadam tersebut (kerana dia sememangnya tidak layak dan tidak punya apa-apa untuk menyempurnakan keinginan orang ramai). Sanjungan ini juga akan menjadikan khadam itu malu pada dirinya sendiri kerana dia wajar tahu bahawa siapa dirinya sebenar di hadapan para tetamu yang hadir berurusanniaga dengan permata al-Quran tersebut.

Noktah Kedua:

Al-Imam al-Rabbani, Mujaddid Kurun Kedua iaitu Ahmad al-Faruqi al-Sarhindi berkata: "Memperoleh suatu hakikat dari sekalian hakikat keimanan dan dapat memahaminya secara jelas adalah lebih utama bagi saya dari seribu *azwaq* dan *karamat*. Lantas, matlamat setiap tarikat tasawuf dan kemuncak perjalanannya ialah menyingkap hakikat keimanan itu tadi dan membersihkan dia dari sebarang pencemaran".

Bilamana seorang ulama mursyid seagung ini dalam aliran tarikat menyatakan pendirian yang jelas dalam perkara ini, sudah pastilah "al-Kalimat" yang telah memberi penjelasan yang mencukupi dalam soal hakikat keimanan itu mampu memberikan hasil yang diinginkan dari darjat kewalian, kerana "al-kalimat" penuh dengan siraman air dari lautan rahsia al-Quran.

Noktah Ketiga:

Sekitar 30 tahun yang lalu, satu pukulan hebat telah terkena kepala Said al-Qadim (Said Lama) yang lalai. Lalu dia mula memikirkan tentang "benarnya kematian". Dia lantas lemas dalam pasir jerlus dan meminta pertolongan di mana-mana, mencari jalan keluar, mendambakan penyelamat yang akan mencapai tangannya. Jalan di hadapannya dilihat bersimpang siur...dia terus bingung dalam kekalutan itu lantas mencapai kitab Futuh al-Ghaib (فتوح الغيب) karya Sheikh Abdel Qader al-Jailani r.a. Ditatapnya lembaran kitab itu penuh harap...tiba-tiba dia menemui ungkapan berikut: "Kamu sekarang berada di darul hikmah maka carilah di situ tabib yang boleh mengubati hatimu..."³⁶. Alangkah ajaibnya! Saya ketika itu adalah anggota Dar al-Hikmah al-Islamiyyah.³⁷ Seolah-olah kedatangan saya ke situ adalah untuk mengubati luka parah umat Islam sedangkan saya lebih parah dari umat ini dan amat perlu dirawat lebih dari sekalian orang yang ada. Adalah lebih utama bagi orang yang sakit mencari rawatan dirinya sebelum merawat orang lain. Nah! Benar...inilah yang diungkapkan oleh Sheikh Abdel Qader al-Jailani: "Kamu itu sakit, carilah penyembuh untuk mengubati dirimu dahulu..!

Saya lantas berkata: "Engkau sahajalah yang menjadi doktor untukku wahai Sheikh!...". Saya pun mula membaca kitab tersebut lembaran demi lembaran, seolah-olah Sheikh itu sedang berbicara dengan saya secara peribadi. Bahasa yang digunakan amat keras merobek kelalaian dan kealpaan saya selama ini. Berlakulah pembedahan rohani yang amat kritikal dalam diri saya, sehingga saya tidak mampu menanggungnya...dan tidak akan mampu menanggungnya lagi kerana setiap ungkapan Sheikh ini menikam diri saya dan sentiasa menyasari hati ini. Demikian saya terus membacanya sehingga hampir separuh. Saya akhirnya tidak mampu menamatkan bacaan. Saya meletakkan semula kitab tersebut di tempatnya. Tak semena-mena setelah beberapa ketika, sakit dan luka di hati saya mula kebah dan bertukar dengan satu kelazatan rohani yang mengasyikkan. Saya segera mencari kitab itu semula dan menamatkan bacaan. Itulah "Guru Pertama" saya. Terlalu banyak faedah yang saya perolehi, saya menghabiskan masa berjam-jam bersama kitab itu, menghayati setiap wiridnya yang merdu dan munajatnya yang syahdu.

Setelah itu barulah saya menemui pula kitab "Maktubat" karya al-Imam al-Faruqi al-Sirhindiy, seorang Mujaddid Kurun ke 2. Saya terus menaruh harapan yang menggunung, penuh tulus dan teruja. Saya membuka lembaran kitab itu dengan penuh minat ... tiba-tiba saya menemui keajaiban lagi kerana di dalam dua risalnya terdapat perkataan " Mirza Bediuzzaman". Saya terus merasakan keseluruhan urat saraf saya bahawa kitab ini sedang berbicara dengan saya dan dengan nama saya, kerana ayah saya bernama Mirza dan kedua-dua risalah tersebut ditujukan kepada Mirza Bediuzzaman. Saya merintih...Ya Subhanallah...Kitab ini sedang berbicara dengan saya secara khusus kerana gelaran Said al-Qadim ialah Bediuzzaman. Dalam

³⁶ Catatan dalam Kitab tersebut berbunyi: "Wahai hamba-hamba Allah, kamu semua berada di darul hikmah, tidak boleh tidak dari pengantara, mohonlah dari Allah s.w.t. penyembuh yang boleh mengubati penyakit di hati-hati kamu dan merawatnya dengan sebaik-baik rawatan...". Ia terkandung di dalam Majlis ke 62, halaman 245 dalam Kitab al-Fath al-Rabbani yang dicetak buat pertama kalinya bersama dengan Kitab Futuh al-Ghaib dalam satu jilid. Ia dinamakan Futuh al-Ghaib- Ihsan Qasim Salihi.

³⁷ Darul Hikmah al-Islamiyyah adalah Majlis Fiqh tertinggi di bawah al-Masyekhah dalam Kerajaan Uthmaniyyah- Ihsan Qasim Salihi.

pengetahuan saya tiada seorang pun yang termasyhur dengan gelaran ini selain al-Imam al-Hamdani yang hidup dalam kurun ke 4. Sudah pasti ada seorang lain bergelar Bediuzzaman yang hidup sezaman dengan al-Imam al-Rabbani al-Sarhindi untuk ditunjukkan risalah itu kepadanya. Mesti jugalah keadaan orang itu sama dengan keadaan saya kini untuk membolehkan saya mendapat ubat yang sama.

Al-Imam al-Rabbani mengingatkan dan menekankan dalam kedua-dua risalah tersebut juga dalam risalahnya yang lain: "Jitukan arah qiblatmu!"³⁸. Maksudnya di sini: Tumpukan perhatianmu kepada satu Imam dan satu mursyid untuk dijadikan ikutan dan jangan sekali-kali kamu mencari guru mursyid yang lain". Amaran ini tidak menepati keadaan saya pada masa itu, iaitu kesediaan di sudut jiwa dan suasana semasa. Saya memerah fikiran, jalan mana yang perlu saya ikut. Jalan yang itukah atau jalan yang ini. Saya terus dilanda dilema dan kebingungan yang tidak terperi kerana setiap jalan di hadapan saya mempunyai kelebihan tersendiri. Lantaran itu saya tidak boleh mengikut hanya satu jalan.

Ketika saya dalam keadaan terumbang ambing itulah tiba-tiba bisikan ketuhanan menyapa hati saya dan memberitahu bahawa "al-Quran" lah permulaan bagi setiap jalan, punca air bagi semua sungai dan mentari bagi segala planet. Maka penyatuan qiblat hanyalah ke arah al-Quran al-Karim. Al-Quran adalah setinggi-tinggi dan semulia-mulia guru mursyid, Ia adalah "pendidik" yang paling mulia dan suci yang tiada lagi pesaingnya. Sejak hari itu saya mula menumpukan perhatian kepada al-Quran al-Karim. Saya berpegang teguh dengannya sambil menimba lautan faedah darinya. Kelemahan diri ini sebenarnya tidak mampu untuk menyerap sepenuhnya limpahan hikmah dari mursyid sebenar ini yang membuak deras seperti air 'salsabil' yang memberikan kehidupan kepada insan.

Namun dengan keberkatan limpahan hikmahnya itulah juga kita mampu memperjelaskan hikmahnya. Air salsabilnya adalah untuk ahli kerohanian dan ahli *ahwal* mengikut tahap dan darjat mereka dalam jalan itu. Maka "al-Kalimat" dan nur yang diterima dari al-Quran al-Karim (menerusi Raseel An Nur) bukanlah suatu perbincangan ilmiah dan logika semata-mata. Ia juga adalah perbincangan jiwa, hati, dan ehwal keimanan ... Ia adalah sebenarnya ilmu ketuhanan yang amat berharga dan pengetahuan rabbani yang mulia kedudukannya.

Noktah Keempat:

Para Sahabat Rasulullah s.a.w, *Tabi'in* dan *Tabi' al-Tabi'in* r.a³⁹ adalah golongan yang tinggi martabatnya dan mereka juga memperoleh *wilayah kubra*. Kesemua mereka ini memperoleh kekuatan jiwa dan pancainderanya dari al-Quran al-Karim secara terus. Maka al-Quran adalah mursyid mereka yang hakiki lagi mencukupi. Ini adalah hujah dan bukti bahawa al-Quran itu boleh memberi limpahan kewalian kepada sesiapa sahaja yang layak di zaman mana pun mereka berada sama seperti kebolehan al-

³⁸ Al-Sayyed Muhammad Murad telah menterjemahkan 'Maktubat' karya al-Imam al-Rabbani ini dan diberi nama "*al-Durar al-Maknunaat*". Ungkapan di atas tadi terdapat dalam al-Maktub yang ke 75, Juz.1 halaman 78, cetakan kedua.- Ihsan Qasim Salihi.

³⁹ Tabi'in ialah golongan selepas Sahabat, manakala Tabi' Tabi'in adalah golongan selepas Tabi'in, mereka adalah dari kalangan 3 kurun yang dimuliakan – Ibnor Azli Ibrahim.

Quran itu memperjelaskan hakikat keimanan di setiap zaman. Ya! Untuk menuju ke alam hakikat dari alam zahir ini kita perlu menempuh salah satu cara:

Cara Pertama: Dengan memasuki aliran tarikat dan merentasi tahap-tahap perjalanan yang ada di dalam aliran tersebut dengan kawalan akhlak dan adab sehingga sampai ke alam hakikat.

Cara Kedua: Dengan memasuki alam hakikat itu secara terus dengan rahmat Allah s.w.t. semata-mata tanpa kita melalui apa-apa proses tarikat. Ini adalah jalan yang khusus, tinggi dan amat mulia, bahkan ia lebih singkat. Itulah jalan para Sahabat Rasulullah s.a.w. (semoga Allah s.w.t. meredhai mereka).

Oleh yang demikian, nur yang terpancar dari hakikat al-Quran dan "al-Kalimat" yang menterjemahkan nur tersebut boleh menjadi pembimbing kepada keunikan jalan ini, bahkan sememangnya dialah yang menjadi ikutan sebenar bagi sesiapa yang ingin merintis jalan ini.

Noktah Kelima:

Saya akan memberikan lima peristiwa yang menunjukkan bahawa "al-Kalimat" itu menjalankan tugas guru mursyid kepada kita di samping mengajarkan hakikat al-Quran.

Peristiwa yang pertama: Saya sendiri akur, setelah ribuan pengalaman yang saya lalui (bukan puluhan atau ratusan lagi) bahawa "al-Kalimat" dan nur yang terbit dari al-Quran al-karim itu telah menerangi akal saya dan mendidiknya sama seperti dia mengajar hati saya tentang ehwal keimanan dan memberikan jiwa saya makanan iman. Demikian saya menyelesaikan tugas keduniaan saya seperti seorang murid yang sentiasa menunggu bimbingan gurunya yang memiliki karamat. Setiap kali fajar menyingsing saya mengecap rahsia al-Quran yang mempunyai karamah itu dan saya terus menunggu keperluan yang saya inginkan. Kemudian keinginan itu terkabul tanpa saya menyangkanya dan tanpa boleh dihitungkan. Saya sebutkan dua contoh peristiwa ini yang membuktikan barakah rahsia al-Quran:

Pertama: Di dalam al-Maktub yang keenam dijelaskan panjang lebar bahawa: Tetamu saya yang bernama Sulaiman telah diperlihatkan anugerah sebuah roti besar di atas pokok Qitran dan kami telah memakan roti yang berupa hadiah ghaib ini selama dua hari (pada ketika saya tidak memiliki apa-apa untuk diberikan kepada tetamu).

Kedua: Ini pula satu peristiwa yang cukup menarik yang pernah berlaku di waktu itu. Pada suatu hari selepas solat subuh terlintas di dalam hati saya akan suatu ungkapan yang telah dilafazkan kepada seseorang yang boleh menyebabkan dia terkeliru dan ragu. Lalu saya berkata di dalam hati: "Alangkah bagusny kalau aku dapat menemuinya dan membersihkan segala keraguan dan kekeliruan di hatinya". Dalam detik yang sama juga teringat pula saya tentang helaian kitab saya yang dikirimkan ke

bandar Nis⁴⁰. Saya berkata dalam hati: "Alangkah baiknya kalau dia dikembalikan kepadaku...". Ketika saya duduk selepas solat subuh itu, tiba-tiba orang yang saya maksudkan datang mengunjunginya saya membawa helaian kitab yang juga saya maksudkan. Dia masuk ke bilik saya dan saya bertanya: "Apa yang kamu bawa itu?" Dia menjawab: "Saya tidak tahu, tetapi seseorang telah datang dari Nis dan memberikan kitab ini ketika saya hampir ke sini lalu saya membawakannya kepada Tuan". Saya hanya mampu mengucapkan rasa terkejut saya dengan perkataan: *Subhanallah!*

Saudara kita yang membawa catatan dari Nis itu tidak langsung memperlihatkan kesan "kebetulan". Kesemua ini adalah dari ketinggian al-Quran itu sendiri yang telah memberikan catatan itu kepada lelaki yang saya kehendaki dan menghantarkannya kepada saya. Saya amat bersyukur kepada Allah s.w.t. terhadap perkara ini. Jadi, Zat yang mengetahui gerak hati saya bahkan maha mengetahui seremeh-remeh perkara yang tersirat di hati ini akan menumpahkan rahmatNya malah menjaga saya dengan sebaik-baik pemeliharaan. Dengan itu saya tidak langsung rasa terhutang budi kepada manusia duniawi walau bagaimana hebat kedudukannya di dunia ini. Malah saya tidak mahu menerima sebarang imbuhan dari mereka.

Peristiwa yang Kedua: Anak saudara saya bernama Abdul Rahman, telah meninggalkan saya sejak lapan tahun yang lepas. Meskipun beliau telah rosak pemikirannya akibat dari rasukan dunia, hujan syubhah dan kelalaian hidup, namun masih sangka baiknya terhadap diri saya kadang-kadang melampaui apa yang sebenarnya ada pada saya. Oleh yang demikian dia meminta saya membantunya untuk selamat dari kekalutan hidupnya itu meskipun saya tidak mampu melakukannya. Ternyata kemuliaan Al-Quran tetap mampu membantunya apabila kalimat ke 10 yang membahaskan *al-Hasyr* dikirimkan kepada beliau tiga bulan sebelum kematiannya.

Risalah yang dikirimkan kepada beliau itu mula menjalankan tugasnya untuk membersihkan jiwa beliau yang dirundung pencemaran maknawi, kesesatan yang gelap pekat dan kelalaian duniawi. Akhirnya dia seakan diterbangkan ke tahap waliullah. Ini dapat dikesan melalui tiga 'karamah' dalam surat yang dikirimkannya kepada saya sebelum beliau menghembuskan nafas yang terakhir. Saya telah memuatkan kandungan surat beliau itu dalam al-Maktub yang ke 27 dan saudara boleh merujuknya.

Peristiwa yang Ketiga: Saya mempunyai seorang murid yang merupakan saudara dunia akhirat saya. Beliau seorang yang amat bertaqwa dan mempunyai pekerti yang tinggi. Nama beliau ialah Hasan Afendi yang berasal dari bandar Pordor. Dia menunggu dari saya yang merupakan insan yang lemah satu pertolongan seolah-olah menanti dari seorang wali besar. Ini hanyalah sangka baik beliau yang keterlaluan terhadap saya yang melebihi apa yang saya ada. Tanpa dirancang saya telah memberikan risalah ke 32 kepada seorang penduduk Pordor untuk bacaannya. Ketika itu saya teringatkan Sheikh Hassan lalu saya memberitahu kepada orang itu: Jika kamu bermusafir ke Burdur dan menemui Sheikh Hassan berikanlah risalah ini

⁴⁰ Nis adalah pulau kecil dalam tasik Ekridir berhampiran Barla – Ihsan Qasim Salihi.

kepadanya untuk bacaannya beberapa hari ini. Beliau telah ke Burdur dan menyerahkan risalah itu kepada Sheikh Hassan secara langsung 40 hari sebelum kematiannya. Sheikh Hassan telah menerima risalah itu dengan penuh rindu dan beliau menelitinya dengan penuh minat. Dia meminum hikmahnya seperti seorang insan yang kehausan meminum air salsabil. Setiap kali dia mengulangi bacaannya dia akan memperoleh siraman rohani. Maka dia meneruskan bacaannya sehingga dia menemui ubat bagi penyakitnya, khususnya dalam perbahasan "*mahabbatullah*" dalam *mauqif* yang ketiga ... Bahkan dia memperoleh limpahan kejiwaan yang diinginkannya dari seorang wali qutb, lalu beliau ke Masjid bersujud dan menyerahkan rohnya kepada Allah s.w.t. dalam masjid tersebut. Semoga Allah s.w.t. merahmatinya dengan rahmatnya yang maha luas.

Peristiwa yang Keempat: Sayyed Khulusiy juga telah mendapat sokongan dan kekuatan melalui "al-Kalimat" yang menjelaskan tentang rahsia Al-Quran. Ini melebihi apa yang diperolehinya dalam Tarikat Naqsyabandiyyah yang diikutinya. Tarikat ini adalah tarikat paling kuat kesannya terhadap pengikutnya dan merupakan tarikat terpenting dalam dunia. Pengakuannya ini telah saya catat dalam al-Maktub ke 27.

Peristiwa yang kelima: Adik saya Abdel Majid telah ditimpa kemurungan dan ketegangan emosi yang amat kuat. Ini disebabkan kematian anak saudara saya Abdul Rahman, ditambah pula dengan kekangan hidup yang sangat perit dan kesusahan yang dialaminya. Dia meminta saya membantunya di sudut maknawi sedangkan saya tidak mampu melakukannya. Saya pula tidak pernah berutus surat dengannya, sehinggalah pada suatu hari saya mengirимkan kepadanya beberapa risalah dari "al-Kalimat". Setelah beliau membacanya beliau menulis surat kepada saya dengan katanya: "Alhamdulillah! Saya telah selamat ... hampir saja saya menjadi gila, namun Alhamdulillah...saya telah menjadikan kalimat yang dikirimkan kepada saya sebagai penunjuk jalan. Jika saya kehilangan satu mursyid maka saya perolehi pula ramai mursyid selepas itu, lalu saya selamat. Alhamdulillah...". Saya cuba meneliti keadaannya, saya dapati dia telah melalui jalan yang indah dalam hidupnya, maka dia telah terselamat dari suasana dahsyat yang menimpanya sebelum itu.

Di sana banyak peristiwa lain seumpamanya yang kesemuanya menjelaskan kepada kita bahawa pengubatan jiwa yang kita perlukan dan ubat kepada penyakit yang kita hadapi melalui rahsia al-Quran secara terus adalah mencukupi sekiranya dilakukan dengan ikhlas yang tulen. Ia tidak membezakan antara seorang yang kaya dan miskin, yang berkedudukan dan yang tidak. Sama seperti penjual ubat dan penunjuk jalan ke kedai ubat. Kedudukannya tidak akan memberi apa-apa kesan untuk menyembuhkan seseorang. Yang penting ubatnya.

Ya! Apalah gunanya mencari cahaya lilin jika di sana ada sinar mentari ... bilamana saya sedang menceritakan tentang mentari itu, maka apa perlunya meminta lilin dari saya. Lebih-lebih lagi jika saya tidak memilikinya. Sebaliknya mereka perlu terus memberi sokongan maknawi dan doa untuk saya, bahkan saya berhak untuk meminta dari mereka. Bagi pihak mereka pula cukuplah siraman hikmah dari Rasael An Nur sebagai penunjuk jalan kepada al-Quran dan Iman.

{ سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ }

اللهم صل على سيدنا محمد صلاة تكون لك لك رضا ولحقه أداء وعلى آله وصحبه وسلم

Kunci Rahsia

(Kalimah Kedua Puluh Empat – Dahan Kedua)

Ini adalah dua rahsia yang mengandungi berbagai kunci rahsia:

Rahsia Pertama:

Mengapa para wali selalu berselisih pendapat dalam perihal *kasyaf* dan *masyhudat* sedangkan mereka sepakat dalam soal usul iman. Kadang-kadang kita melihat *kasyaf* yang dialami oleh mereka ini bersalahan dengan kebenaran dan realiti walaupun dialami di tahap *syuhud*. Kenapa pula golongan para wali ini berpendapat dan menjelaskan sesuatu perkara secara bertentangan antara pemikiran sesama mereka sedangkan kebenaran telah dapat dibuktikan dengan hujah yang jelas di kalangan mereka? Bagaimana suatu hakikat kebenaran itu boleh menjelma dalam berbagai warna?

Rahsia Kedua:

Mengapa para ambia' terdahulu membiarkan sebahagian rukun iman seperti peristiwa kebangkitan semula jasad di padang mahsyar (حشر جسماني) dalam bentuk yang agak *mujmal*; perkara sedemikian tidak diperjelas dengan terperinci seperti yang dilakukan oleh al-Quran. Seinggakan ada umat para nabi tersebut mengingkari rukun-rukun iman yang *mujmal* seumpamanya. Mengapa ada sebahagian para wali begitu menumpu kepada tauhid semata-mata sampai ke tahap *haqqul yaqin* tetapi tidak memberikan penumpuan kepada sebahagian rukun iman? Bahkan rukun-rukun tersebut diberikan perhatian secara *mujmal*, malah jarang dibahaskan. Akibatnya selepas itu para pengikutnya tidak memberikan perhatian kepada kepentingan rukun-rukun iman tersebut seperti yang sepatutnya. Ada di kalangan mereka yang menjadi sesat.

Bilamana kita meyakini bahawa kesempurnaan hakiki itu boleh dicapai dengan rukun iman yang bersih keseluruhannya dari sebarang kecacatan maka bagaimana boleh golongan ahli hakikat ini menumpu sebahagian rukun dan mengabaikan sebahagian yang lain? Perlu diingat bahawa Rasulullah s.a.w. yang merupakan penghulu sekalian rasul yang memperoleh anugerah segala rahsia Asma al-Husna, begitu juga al-Quran (yang merupakan ibu segala kitab yang diturunkan dari langit), telah menjelaskan secara *tafsiliy* tentang rukun-rukun iman ini dengan gaya bahasa yang serius dan jelas tujuannya.

Jawapan: Ya! Kesempurnaan 'al-Kamal' yang hakiki sewajarnya sedemikian keadaannya. Adapun hikmah sekalian rahsia di atas adalah seperti berikut:

Meskipun seorang insan mempunyai kemampuan untuk mencapai darjat 'al-Kamal' dan memperoleh rahsia Asma al-Husna keseluruhannya tetapi mereka tetap juga perlu mencapainya melalui ribuan hujah dan berbagai tahap perjalanan kerohanian,

kerana qudratnya tidak sempurna dan ikhtiarnya juga tidak sempurna ... ditambah pula kesediaan, kecenderungan dan keinginan yang ada pada diri mereka juga berbeza. Dengan yang demikian hijab dan tahap kerohanian ini akan memberi sekatan ketika berlakunya *inkisyaf* dan *kasyaf* terhadap hakikat atau ketika *syuhud* terhadap hakikat itu. Di kalangan mereka ada yang tidak mampu melalui tahap kerohanian itu lantaran kemampuan dan kesediaan yang berbeza tadi. Ada di kalangan mereka yang kesediaannya tidak berdaya membuka hakikat beberapa rukun iman.

Kemudian dari itu, kita perlu tahu bahawa warna jelmaan Asma al-Husna itu ada berbagai rupa mengikut kesesuaiannya. Maka ia akan berbeza. Contohnya, seseorang yang memperoleh jelmaan Asma al-Husna pada suatu benda bukan bererti seluruh nama tersebut mampu diberikan rahsianya oleh benda tersebut. Ia hanya sedikit mengikut kesesuaian. Tambahan pula *tajalli* Asma al-Husna itu pasti menempuh berbagai paparan menyeluruh (*kulli*), separuh (*juz'ie*), bayangan (*zilli*) dan asal (*asli*). Ada wali yang kesediaan dan kemampuannya tidak boleh menempuh paparan separa tadi lalu ia masuk ke paparan bayangan. Ada juga salah satu daripada nama dalam Asma al-Husna itu yang menewaskan kesediaan dan kemampuan seseorang wali lalu dia memberikan hukumnya sendiri dan seterusnya menguasai kemampuannya itu tadi.

Demikianlah halnya rahsia yang begitu samar, halus dan tersembunyi ini di samping hikmatnya yang begitu luas. Di sini, kita akan cuba memperjelaskannya lagi berpandukan contoh-contoh yang berbaur sedikit sebanyak dengan hakikat.

Katakanlah 'bunga', 'titisan air' dan 'debu air' sedang menuju ke arah matahari dengan penuh keterujaan. Kesemua mereka membawa harapan masing-masing kepada yang empunya *kamal* (kesempurnaan) kerana mereka adalah *ahlul kamal*.

Tiga benda ini tadi adalah petunjuk kepada banyak hakikat. Ia juga menunjukkan kepada kita perihal *suluk nafsi* (perjalanan hati), *suluk akal* dan *suluk roh*. Ia merupakan perumpamaan kepada tiga tingkatan ahli hakikat.⁴¹

Tingkat Pertama: Mereka adalah golongan pemikir, golongan para wali dan para nabi. Perumpamaan tadi adalah merujuk kepada mereka.

Tingkat Kedua: Mereka yang berjalan menuju hakikat kesempurnaan menggunakan pendekatan fizikal dan pancaindera. Mereka berjalan menuju hakikat melalui *mujahadah* dan penyucian jiwa (*tazkiyyatun nafs*) dan dengan cara *tafakkur* (merenung ayat Allah s.w.t.). Antara mereka juga adalah orang yang menuju hakikat dengan pembersihan hati (*tasfiyyatul qalb*) dan iman, seterusnya penyerahan diri kepada Allah s.w.t. Semua perumpamaan tadi juga ditujukan kepada mereka ini.

⁴¹ Dalam setiap tingkatan itu ada tiga puak. Tiga perumpamaan dalam contoh di atas adalah merujuk kepada tiga tingkat yang ada dalam setiap tahap, bahkan ia mungkin ada sembilan tingkat bukan setakat tiga. – Penulis.

Tingkat Ketiga: Mereka adalah golongan yang menuju hakikat menggunakan pembuktian. Namun sifat 'keakuan' dan *ghurur* (terpesona dengan dunia) masih tidak mereka tinggalkan. Mereka sentiasa menjejak kesan dan bukti. Mereka adalah golongan yang mengenal hakikat hanya dengan ilmu, ma'rifah dan hikmah (secara akademik dan penyelidikan). Termasuk dalam golongan ini juga ialah mereka yang mencapai hakikat dengan cara pantas melalui iman, petunjuk al-Quran, rasa *al-faqr* (serba kekurangan dan fakir di hadapan Allah s.w.t.) dan *ubudiyyah* yang bersungguh-sungguh.

Tiga perkara yang disebutkan tadi memberikan gambaran hikmah perbezaan antara tiga tingkatan itu tadi yang ianya juga adalah berbeza di sudut kesediaan mencapai hakikat tersebut.

Di sana ada rahsia yang tersembunyi, di samping hikmah yang amat luas terkandung di dalam tiga tingkatan ini yang cuba kita perelaskan melalui perumpamaan 'bunga', 'titisan air' dan 'debu air' ini.

Sebagai contoh, matahari mempunyai tiga bentuk dalam penampilan, pembalikan dan sebaran cahayanya. Pertama kepada bunga-bunga, kedua kepada bulan dan planet dan ketiga kepada material yang memantulkan cahaya seperti kaca dan air.

Perkara Pertama:

Dedahan matahari kepada bunga itu ada tiga bentuk:

Pertamanya: Penampilan, pembalikan dan limpahan cahayanya secara umum, bilamana ia melimpahkan cahayanya kepada seluruh bunga.

Kedua: Jelmaannya dalam bentuk khas, iaitu apabila ia memberikan cahayanya mengikut jenis bunga.

Ketiga: Jelmaannya secara *juz'ie*, iaitu limpahan cahayanya mengikut tiap kuntum bunga yang ada.

Perumpamaan yang kita berikan di sini adalah berdasarkan kepada pendapat yang menyatakan bahawa warna-warna bunga yang indah itu adalah pantulan dari tujuh warna prisma yang terdapat dalam cahaya matahari. Dengan itu, bunga adalah salah satu cermin matahari.

Perkara Kedua:

Sinaran matahari ialah limpahan cahaya dan pancaran yang dikeluarkan oleh matahari, bulan dan planet (dengan izin Allah s.w.t.). Bulan memperoleh sepenuhnya cahaya yang dikeluarkan oleh matahari walaupun ia hanyalah bayangan cahaya matahari, iaitu apabila ia diberikan sinar oleh matahari melalui kaedah pembalikan. Setelah itu bulan pula memberikan cahayanya secara khusus kepada lautan, udarakasa dan muka bumi yang boleh memantulkan cahaya. Ia juga memberikan

cahayanya itu secara *juz'ie* kepada butiran air laut, dedaun, butiran tanah dan molekul udarakasa.

Perkara Ketiga:

Pantulan cahaya matahari secara terus (dengan izin Allah s.w.t.), bersih dari segala pembayang dan pengantara. Ia juga menjadikan lautan dan udarakasa sebagai cermin ... Kemudian, matahari ini memberikan paparan dirinya secara *juz'ie* kepada setiap percikan ombak, titisan air, semburan air di udara dan kepingan kristal salji.

Demikianlah matahari – berdasarkan tiga pihak yang disebutkan tadi -- ia memberikan cahaya kepada setiap kuntum bunga. Setiap titisan cahayanya pula diberikan kepada bulan dan setiap debuun cahayanya pula akan melalui dua jalan:

Jalan Pertama: Limpahan cahaya secara terus dari sumber asal tanpa melalui alam kerohanian dan tanpa hijab ... Jalan ini adalah jalan para nabi.

Jalan Kedua: Jalan yang diselangi oleh alam kerohanian, kerana kesediaan dan kemampuan benda itu tadi hanya mampu memberikan sebahagian atau satu warna sahaja dari warna-warna matahari itu ... Ini adalah jalan para wali.

Demikianlah, perumpamaan 'bunga', 'titisan air' dan 'debu air' tadi seolah-olah memberitahu: Kata Bunga: "Aku adalah cermin bagi mentari alam ini", tetapi bunga ini tidak akan mampu mendakwa bahawa ia telah melalui jalan yang kedua. Bahkan ia hanya mampu menyebut "aku adalah cermin mentari" atau "aku adalah cermin mentari yang terjelma mengikut apa yang ada padaku". Kerana bunga itu hanya tahu tentang matahari itu dengan sedemikian sifatnya lantaran ia tidak pernah melihat secara keseluruhan bagaimana matahari itu memancarkan sinar ke seluruh alam, kerana matahari bagi seseorang ialah dirinya sendiri dan apa yang ada pada dirinya di sudut sifat dan jenis. Ia dapat dilihat dalam ruang yang amat sempit dan terhad. Ia tidak akan dapat memerihalkan matahari itu yang terikat dengan dirinya (orang yang melihat tadi) dan kesan matahari yang bebas itu tanpa batasan khusus dan alam yang tersendiri.

Bahkan, jika tiga benda tadi yang kita katakan mempunyai rasa dan perasaan menyandarkan kepada matahari kesan-kesan ajaib yang disaksikannya berasaskan peraturannya yang tersendiri (yang terikat dan terhad), boleh jadi ia akan hanya mampu menyandarkannya dalam bentuk aqli (lojika) dan keimanan semata-mata. Ia akan akur seakur-akurnya bahawa yang terikat dan terhad itu sebenarnya adalah mutlak secara tersendiri.

Maka bunga, titisan air dan debu air yang kita samakan dengan 'insan' yang berakal itu telah menyandarkan kepada matahari-mataharinya secara aqli bukan secara *syuhudi* akan kesan dan sifat yang menakjubkan yang dilihatnya. Bahkan kadang-kadang aturan keimanan bertentangan dengan pengalaman syuhud alam (شهود كوني) lalu ia dapat disahkan tetapi dengan cara yang begitu sukar. Demikianlah kita mesti masuk kepada perumpamaan yang bercampur dengan hakikat ini, yang ianya

menyempitkan hakikat tersebut dan bukan meluaskannya. Kadang-kadang beberapa sudut hakikat itu dapat disaksikan.

Sekarang andaikan bahawa diri kita ialah tiga benda tadi iaitu bunga, titisan air dan debu air. Oleh kerana andaian kita terhadap perasaan yang ada pada tiga benda ini tidak mencukupi, maka dengan itu kita masukkan akal kita sekali ke dalamnya. Maksudnya di sini kita tahu dan faham bahawa ketiga-tiga benda ini mendapat cahaya daripada matahari secara fizikal. Dalam masa yang sama kita juga mendapat cahaya daripada matahari secara maknawi.

Kamu wahai kawan yang tidak dapat melupai dunia dan bergelumang dengan kebendaan lalu jiwa menjadi keras dan tebal, jadilah seperti bunga. Kerana kemampuanmu hanyalah seumpama bunga. Sesungguhnya bunga hanya menerima warna yang dibiaskan dari cahaya matahari dan mencampurkan wajah matahari dari warna tersebut lalu ia berwarna dengan warna yang berseri.

Bagi seorang ahli falsafah yang mendapat pendidikan dari sekolah moden yang sentiasa percaya kepada sebab musabab maka samalah seperti Said Al-Qadim. Jadilah kami titisan air yang merindukan bulan yang diberikan bayangan cahaya yang diperolehi dari matahari. Ia memberikan cahaya itu lalu titisan itu berseri dengannya ... tetapi titisan air tidak dapat melihat dengan cahaya itu kecuali bulan. Ia tidak dapat melihat matahari tetapi dapat melihatnya dengan iman.

Kemudian, wahai sifakir yang percaya bahawa semua perkara adalah dari Allah secara terus dan menganggap hijab itu adalah sekatan antaranya dengan Allah. Jadilah kamu seperti debu air. Ia rendah kedudukannya, tiada nilai dan tiada ruang untuk diberikan kedudukan seperti bunga. Tiada pula warna untuk disaksikan. Ia tidak tahu perkara lain untuk ditujunya. Dia benar-benar bersih dan menyimpan gambaran matahari pada dirinya sendiri.

Setelah kita teliti dan renungkan kedudukan tiga benda ini maka kembalilah kita untuk melihat ke dalam diri kita, apa yang ada pada diri kita dan apa pula yang kita lakukan.

Nah! Kita di sini sedang melihat dan Allah pula menurunkan ni'mat dan ihsan kepada kita lalu kita diberi sinaran, kehidupan dan keindahan. Manusia adalah hamba kebaikan, dia meminta untuk hampir kepada sesiapa yang berhak disembah dan dicintai. Dia meminta untuk melihatnya. Oleh yang demikian, setiap kita berjalan mengikut persediaan kita dan tarikan cinta itu tadi.

Wahai yang dirinya menyerupai bunga. Kamu melalui jalanmu tetapi kamu tetap bunga. Kamu telah pun berjalan dan kamu telah meningkat sedikit demi sedikit sehingga kamu mencapai martabat sempurna seolah-olah kamu menyamai seluruh bunga. Bilamana bunga adalah cermin yang kukuh maka warna-warna prisma yang tujuh terpecah dan terasing di dalamnya maka ia menyembunyikan rupa matahari yang memberikan cahaya. Dengan itu kamu tidak dapat melihat wajah kekasihmu si matahari itu kerana warna-warna yang terikat dan *khusussiah* telah memecahkan

cahaya matahari lalu melabuhkan tirai di hadapannya maka ia menghibab apa yang di sebaliknya. Maka kamu dalam keadaan ini tidak selamat dari perpisahan yang terhasil dari berbagai alam lain yang menyelangi antara kamu dan matahari.

Namun begitu ada satu syarat untuk selamat, iaitu:

Saudara hentikan perbuatan membanggakan diri sendiri dan ‘mencintai’ diri sendiri. Hentikan perbuatan melihat diri sendiri penuh ujub sehingga hanyut dalam memuji diri. Sebaliknya halakan pandanganmu kepada ‘matahari’ yang berada di dada langit, kemudian hadapkan pula wajahmu ke tanah – meminta rezekimu – ke arah matahari yang berada di atas, kerana diri saudara adalah cerminan matahari itu. Tugas saudara ialah menyerlahkan perihal matahari. Rezeki saudara pula akan hadir melalui pintu rahmat, melalui tanah tanih sama ada saudara sedar atau tidak.

Ya! Ia sama seperti sekuntum bunga yang menjadi cermin kecil kepada matahari. Matahari yang besar itu pula adalah cermin seumpama setitis air di dada langit yang menjelmakan nama Allah s.w.t. iaitu ‘an-Nur’. Maka fahamilah oleh mu wahai sekalian hati manusia melalui perumpamaan ini. Betapa besarnya matahari dan kamu itu adalah cermin yang memaparkan kehebatannya.

Bilamana syarat ini saudara lepas, saudara akan memperoleh sifat ‘kamal’, tetapi saudara tetap tidak dapat melihat matahari itu sepenuhnya. Bahkan saudara tidak dapat mencapai hakikat yang tulen, kerana sifat saudaralah yang akan memberikan matahari itu warna tersendiri. Kanta saudara yang tebal itu akan memberikan juga ia warna yang sesuai dengan keadaan itu. Kemampuan saudara yang terhad itu akan memberikan gambaran matahari mengikut keterikatan saudara kepada sifat dan keterbatasan diri saudara.

Baik, kepada para ahli falsafah pula ... saudara semua berada dalam ‘titisan air’. Saudara semua menuju mercu kecendekiawanan melalui titisan pemikiran dan falsafah saudara. Katakanlah saudara berjaya menaiki tangga falsafah itu dan terus naik ke bulan, lalu saudara mendarat di sana. Sekarang saudara lihatlah bulan itu. Ia penuh kegelapan ... tiada cahaya dan tiada kehidupan! Usaha saudara selama ini menjadi sia-sia belaka. Ilmu yang digali selama ini hanyalah abu yang berterbangan, tidak mendatangkan apa-apa manfaat. Saudara sebenarnya boleh selamat dari kegelapan pekat kekecewaan ini, selamat dari ketakutan dalam keasingan dan dari gangguan roh jahat yang melata dengan menuruti syarat berikut:

Saudara tinggalkan kegelapan duniawi ini dan pergilah ke arah mentari kebenaran; saudara yakinilah bahawa cahaya malam adalah bayangan kepada sinar mentari di waktu siang. Jika saudara tunaikan syarat ini saudara akan menemui kesempurnaan itu atau apa yang disebut sebagai ‘al-Kamal’. Saudara akan mendapati mentari adalah gantian kepada bulan yang gelap. Namun saudara tetap tidak dapat melihat mentari sebenar sama seperti rakan-rakan yang lain sebelum ini. Apa yang saudara lihat tentang perihal matahari ialah bayangan di sebalik tabir yang mampu dicapai oleh akal saudara dan apa yang logik pada pandangan aliran falsafah

saudara. Saudara akan terus melihat mengikut acuan ilmu saudara dan kajian saudara yang terletak nun jauh di sebalik hijab dan tirai ketuhanan. Ia akan terus dilihat mengikut kemampuan dan kesediaan diri saudara terhadap jelmaan matahari itu tadi.

Kita bicarakan pula tentang kawan kita yang seumpama semburan 'debu air' yang lebih halus dari titisan ini ... ia lagi menyukarkan. Tiada warna, tiada kekuatan; mudah meluap dan kering bila berhadapan dengan pancaran matahari. Ia lantas meninggalkan dirinya ... bergabung dengan wap lalu naik ke udarakasa. Ia termeluap dengan api kerinduan, lalu ia bertukar dari cahaya kepada sinaran. Ia berpegang dengan sinaran yang terhasil dari cahaya tadi lalu ia berada dekat dengannya.

Wahai sesiapa yang seumpama 'debu air'. Selagi mana kamu adalah cermin kepada matahari secara terus, beradalah di tingkatan dan martabat mana sahaja yang kamu suka. Kamu mungkin juga akan memperoleh sebuah tingkap yang menghala terus ke zat matahari tanpa ada apa-apa gangguan dengan cara 'ainul yaqin'.

Kamu tidak akan menghadapi sebarang kesukaran untuk memberikan gambaran tentang kesan matahari yang begitu menakjubkan secara tepat kepada matahari itu. Kamu juga dapat memberikan gambaran sebenar tentang sifat-sifat matahari yang amat hebat itu tanpa rasa ragu-ragu. Tiada satu tangan pun yang boleh menahan kamu dari menceritakan kesan dan sifat matahari itu di samping menyandarkan sifat-sifat itu kepada kesultanan matahari sebenar yang empunya kehebatan dan kesan tadi.

Kamu langsung tidak dikekang oleh cabaran alam kerohanian dan oleh kesediaan dan kemampuan diri yang berupa cermin kecil. Kamu juga tidak lagi perlu berselisih pendapat tentang bagaimana 'hakikat' itu sebenarnya, kerana kamu sedang melihat kepada hakikat itu secara terus. Lantaran itu kamu akan pasti dapat meyakini bahawa apa yang dilihat dalam cermin dan sekalian benda yang cuba menjelmakan perihal matahari itu bukanlah sebenarnya matahari. Sebaliknya, itu semua itu adalah paparan yang berupa pembalikan yang muncul dengan berbagai-bagai warna mengikut keadaan benda itu tadi. Kesemua paparan itu pula adalah penjelasan kepada perihal matahari itu semata-mata bukan diri matahari itu sendiri. Bahkan ia tidak akan mampu menjelaskan keseluruhan sifat dan kesan matahari yang begitu hebat dan menakjubkan.

Perumpamaan dan contoh di atas yang berbaur hakikat, akan membawa kita kepada kesempurnaan 'al-Kamal' melalui tiga jalan yang berbeza. Maka berbeza jugalah ia di sudut martabat *syuhud* dan ciri-ciri 'al-Kamal' yang diperolehi mereka. Namun begitu, kesemua jalan ini bersekutu di sudut hasil dan natijahnya, di sudut kepatuhan kepada al-Haq, di sudut membenar dan mempercayai al-Haq.

Ia sama sahaja. Katakanlah terdapat seorang insan yang hanya dapat melihat malam sahaja. Sudah pasti dia tidak akan melihat matahari pada malam hari, tetapi dia sudah pasti dapat melihat bayangan dan kesan matahari di bulan. Dia tidak akan

dapat memaksa akalnya untuk merasai dan melihat sesungguhnya diri matahari. Memadailah baginya menyerah dan akur dengan kehebatan matahari dengan melihat kepada orang yang melihat matahari itu. Demikian juga sesiapa yang tidak mencapai martabat agung kepada nama Allah s.w.t. 'al-Qadir' dan 'al-Muhyi' dan seumpamanya dari kalangan Asma al-Husna akan menerima kewujudan 'mahsyar' dan 'qiamat' secara taqlid. Dengan mudah dia akan berkata: "Semua itu bukan masalah logika yang boleh dinilai dengan akal", kerana hakikat mahsyar dan qiamat besar adalah lambang kebesaran Allah s.w.t. dan penjelmaan nama agung '*al-Isim al-A'zam*' dan tingkatan tertentu bagi sebahagian Asma al-Husna. Sesiapa yang tidak sampai ke tahap itu ia terpaksa bertaqlid. Bagi yang pemikirannya dibuka ke arah sana melalui singkapan hijab, maka dia akan melihat mahsyar dan qiamat dengan begitu mudah seperti melihat peredaran siang dan malam, musim sejuk dan musim panas, lalu dia akan menerimanya dengan sepenuh ketenangan hati.

Demikianlah, dari rahsia ini al-Quran menyebut perihal mahsyar dan qiamat di kedudukan yang amat tinggi dan secara amat terperinci. Demikianlah juga Rasulullah s.a.w. menunjuk dan mengajarkan kepada kita akan perihal mahsyar dan qiamat kerana Baginda adalah insan terpilih untuk menerima rahsia dan sekalian cahaya dari '*al-Isim al-A'zam*'.

Adapun para nabi terdahulu, mereka tidaklah membicarakan perihal mahsyar secara terperinci dan meluas. Ia disampaikan dengan begitu *mujmal*. Ini semua adalah suatu tuntutan kejiwaan. Kedudukan umat-umat terdahulu adalah umat permulaan dan mereka perlu diperkenalkan dengan perkara-perkara yang asas dalam hal ketuhanan mengikut keperluan.⁴²

Berdasarkan hakikat ini jugalah mengapa sebahagian para wali tidak dapat menerangkan sebahagian rukun iman ini secara terperinci seperti tahap yang dicapai oleh Rasulullah s.a.w. Mereka dengan itu begitu kerdil untuk membahaskannya seperti yang sepatutnya. Atas hakikat ini jugalah darjat dan martabat kewalian menjadi tidak sama dan terus berbeza dalam mengenal Allah s.w.t.

Demikianlah, berbagai-bagai rahsia tersingkap di sebalik hakikat ini...

Baik, saya merasakan contoh dan perumpamaan ini mencukupi ... sedikit sebanyak ia telah membawa kita ke alam hakikat, kerana yang dinamakan hakikat itu terlalu luas, amat mendalam dan kita tidak mahu masuk campur dengan perkara yang tidak tercapai oleh akal kita dan dengan pemahaman yang tidak termampu oleh kita.

⁴² Umat Nabi Muhammad s.a.w. pula adalah umat terakhir yang hampir dengan mahsyar dan qiamat. Umat ini juga adalah umat yang menerima semua khabar nabi-nabi dan umat-umat terdahulu. Pengetahuan tentang ketuhanan juga sampai ke kemuncaknya di zaman umat ini berada. Pendek kata umat ini adalah pemilik segala rahsia umat terdahulu dan bakal mengakhiri dunia ini dengan peristiwa qiamat dan mahsyar. – Tambahan oleh Ibnor Azli Ibrahim.

Mencari Jalan Tengah Dalam Perkara Khilaf

(Daripada *al-Maktub Yang Kedua Puluh Enam*)

Masalah Yang Kesembilan: Satu persoalan penting yang menyingkap rahsia kewalian.

Pendokong kebenaran yang membawa kelangsungan akidah ini digelar sebagai "Ahlus Sunnah wal Jamaah". Mereka inilah yang membentuk majoriti besar Umat Islam di dunia Islam kini. Mereka telah mempertahankan hakikat al-Quran seperti hamparan putih yang suci. Ini adalah hasil kepatuhan mereka terhadap Sunnah tanpa syarat seperti apa yang disampaikan Nabi s.a.w. Jauh sekali memindanya dengan menambah atau mengurangkannya. Dari golongan inilah munculnya sebilangan besar para wali dan solihin. Namun dapat juga kita perhatikan munculnya para wali dari bukan golongan Ahlus Sunnah; mereka menyalahi prinsip umum Ahlus Sunnah dan sebahagian dari perlembagaan Ahlus Sunnah. Maka para pemerhati telah berpecah kepada dua kumpulan dalam memberikan pandangan terhadap kedudukan mereka.

Kumpulan Pertama: Mereka menolak kewalian dari golongan ini. Darjat soleh yang mereka miliki tidak boleh diterima, alasannya adalah kerana mereka bercanggah dengan asas pegangan Ahlus Sunnah. Bahkan ada yang pergi jauh lebih dari itu bilamana mereka mengkafirkan sebahagian golongan ini.

Kumpulan Kedua: Mereka menerima kewalian golongan ini, bahkan menjadi pengikut mereka dan berlapang dada dalam hal ini. Menurut mereka: kebenaran bukan terhad untuk Ahlus Sunnah sahaja. Dengan pendapat seumpama ini, mereka telah membentuk aliran bid'ah yang terus mengheret mereka ke alam kesesatan. Mereka terlupa bahawa orang yang memberi petunjuk kepada dirinya sendiri tidak semestinya mampu memberi petunjuk kepada orang lain. Meskipun tuan gurunya mungkin dimaafkan atas kesilapan yang dilakukan tanpa sedar, namun murid tidak akan dimaafkan jika mengikuti kesilapan gurunya itu dengan sengaja.

Kumpulan Ketiga: Mereka ini mengambil jalan tengah. Mereka tidak menolak berlakunya kewalian dari golongan ini dan tidak menolak sifat soleh mereka, tetapi mereka tidak bertolak ansur dengan kesesatan mazhab dan tarikat yang mereka turuti. Hujah mereka tentang kesesatan itu: "Apa yang disebut dengan mulut sedangkan ia bertentangan dengan syarak mungkin kerana tenggelam dalam *ahwal*, menjadikan mereka tersilap, atau mungkin juga kerana *syatahat*, umpama perkara mutasyabihat yang tidak difahami makna dan hakikatnya."

Kumpulan pertama tadi, terutama golongan ahlus zahir, menolak kewalian sebilangan besar dari mereka ini. Tujuannya adalah untuk memelihara akidah Ahlus Sunnah dari dicemari dengan syubhah. Bahkan mereka menghukumkan golongan itu sebagai

sesat. Hukum yang dikeluarkan ini lahir berdasarkan niat baik mereka untuk mempertahankan akidah Ahlus Sunnah.

Kumpulan yang mempertahankan golongan ini pula, dilihat telah meninggalkan jalan kebenaran dan berpaling dari aqidah Ahlus Sunnah. Perbuatan mereka ini didorong oleh ta'asub melampau kepada tuan-tuan guru mereka. Bahkan terdapat ramai dari kumpulan ini terjerumus ke lembah kesesatan yang jelas lagi nyata.

Berdasarkan kenyataan ini, ada satu keadaan yang benar-benar menjentik hati saya: Saya berdoa agar golongan yang sesat ini dimusnahkan oleh Allah s.w.t. Ia saya lakukan pada waktu tertentu yang doa dimakbulkan. Namun ada satu kekuatan yang menghalang doa saya itu ke atas mereka. Doa itu dikembalikan kepada saya dan menghalang saya berdoa seperti itu lagi. Saya masih melihat golongan sesat itu terus-terusan dalam kebatilannya dan hanyut dalam perbuatannya yang menyanggah kebenaran. Mereka mengheret orang lain ke arah kerosakan dengan sokongan kuasa ajaib dalam diri mereka. Mereka berjaya berbuat demikian bukan saja dengan paksaan bahkan kadang-kadang dengan kuasa seumpama kewalian; mereka mampu menarik minat orang mukmin untuk mengikuti jalan mereka. Orang-orang mukmin tadi boleh pula menerima kefasadan ini dengan hati terbuka dan tidak menganggap semua itu sebagai satu kerosakan besar terhadap aqidah.

Melihat peri peliknya hakikat ini, saya terus diselubungi tandatanya dan rasa cemas. Saya lalu bermunajat:

"Ya Allah! Ya Subhanallah! Apakah mungkin kewalian itu berlaku di jalan kesesatan? Apakah mungkin juga golongan kebenaran memberi sokongan kepada aliran sesat yang menakutkan ini?"

Lalu pada suatu hari Arafah yang penuh berkat, bilamana saya membaca 100 kali surah al-Ikhlâs, dan saya terus mengulangi bacaannya mengikut adat kebiasaan saya, lalu tiba-tiba ke dalam hati saya yang lemah ini dengan rahmat Allah s.w.t. dan keberkatan surah al-ikhlas, terpaparlah akan hakikat berikut: ia juga adalah jawapan terhadap persoalan penting ini.

Hakikat masalah ini adalah seperti berikut:

Sebahagian para wali meskipun kelihatan mereka itu seperti waras dan betul, dan meskipun mereka mempunyai kemampuan akal yang memahami logika, namun mereka juga mudah ditarik ke alam yang mereka tidak mampu mengawal diri (*majzubin*). Ia adalah seumpama kisah Jubala Baba⁴³ yang diriwayatkan kisahnya di

⁴³ Diceritakan bahawa seorang wali yang soleh bernama Jubala Baba tinggal di Constantinople (Istanbul sebelum dibuka). Penduduk Kristian amat menyayanginya; begitu juga beliau amat menyayangi mereka lebih-lebih lagi kepada kanak-kanak Kristian. Beliau amat prihatin kepada kanak-kanak di kampung tersebut dan sentiasa bermesra dengan mereka. Ketika Sultan Muhamamd al-Fatih mengepung bandar tersebut Jubala Baba telah berdoa kepada Allah s.w.t. agar serangan Sultan tidak mengenai sasaran lantaran itu kanak-kanak yang dikasihinya itu selamat dari kesan perang (kerana kasihnya kepada kanak-kanak di sana). Hasil doanya itu gerakan tentera Sultan Muhammad Al-Fatih agak tergendala, Sultan telah meminta nasihat dari Tuan Gurunya bernama

zaman Sultan Muhammad al-Fatih -- suatu kisah yang masyhur dan memberi seribu satu erti dan pengajaran.

Sebahagian wali pula meskipun mereka tidak mudah untuk ditarik ke alam sedemikian kerana sentiasa berwaspada dan peka, namun mereka juga kadang-kadang terkeluar pula dari fikiran logiknya. Di kalangan mereka ini ada yang mudah terkeliru. Mereka tidak dapat membezakan antara dua perkara yang serupa tetapi tidak sama. Apa yang dilihatnya ketika "mabuk makrifat" digunapakai ketika mereka dalam keadaan sedar. Ketika ini mereka tersilap namun mereka tidak tahu bahawa itu adalah satu kesilapan.

Golongan *majzubin*⁴⁴ tadi terpelihara di sisi Allah s.w.t. Mereka bukanlah dari golongan sesat bahkan mereka tidak boleh dikatakan sesat seperti sesatnya golongan lain. Golongan kedua itu tadi pula tidak terpelihara di sisi Allah s.w.t. Mereka boleh termasuk di kalangan orang yang sesat dan membawa pemikiran yang salah bahkan mungkin juga mereka boleh terjerumus ke lembah kekufuran.

Demikianlah, oleh kerana mereka itu adalah golongan *majzubin*, sama ada secara sementara atau berterusan maka mereka adalah sama seperti orang gila yang baik-baik bahkan diberkati. Hukum gila itu dikenakan kepada mereka maka bebaslah mereka melakukan apa yang dianggap sebagai di luar batas manusia yang waras. Mereka sebenarnya tidak lagi *mukallaf*.⁴⁵

Oleh kerana status *mukallaf* tiada lagi pada diri mereka, maka mereka tidak boleh dijadikan ukuran hukum atau dihukum. Oleh kerana kewalian mereka adalah kewalian yang tidak normal, maka mereka mungkin seperti menyokong golongan ahli bid'ah dan melakukan perbuatan bid'ah itu. Inilah yang menjadi sebab mengapa ramai pendokong kebenaran dan orang yang beriman terkeliru lantas terlibat dengan jalan yang salah ini.

Aq Syamsuddin. Beliau adalah seorang ulama dan wali Allah yang soleh. Aq Syamsuddin lantas berdoa kepada Allah agar diberikan kemenangan kepada tentera Islam. Jubala Baba pula terus menerus berdoa bagi pihak Kristian, sehinggalah Aq Syamsuddin berdoa kepada Allah s.w.t. agar Jubala Baba ini diwafatkan agar kemenangan dapat dicapai, maka doa itu diterima Allah dan Istanbul dapat dibuka.- Ihsan Qasim Salihi

⁴⁴ Para wali yang ditarik ke alam yang mereka tidak mampu mengawal diri.- Ibnor Azli Ibrahim

⁴⁵ Mukallaf bermaksud: Seorang yang Muslim, baligh dan sempurna akal. Kekurangan pada wali yang dibincangkan oleh An-Nursi di sini ialah: tidak sempurna akal.- Ibnor Azli Ibrahim

Realiti dan Khayalan

(*Al-Maktub Yang Kelapan Belas*)

Dengan Nama Allah s.w.t. yang Maha Suci

(وإن من شيء إلا يسبح بحمده)

Catatan ini mengandungi tiga persoalan penting:

Persoalan pertama: Sesungguhnya para wali terkemuka seperti Sheikh Muhyiddin Ibn Arabiy⁴⁶ penulis kitab '*Alfutuh al-Makkiyyah*' dan Sheikh Abdel Karim al-Jeiliy⁴⁷ penulis kitab '*al-Insan al-Kamil*' telah membahaskan persoalan tujuh petala bumi. Begitu juga mereka membahaskan tentang hamparan bumi berwarna putih di belakang Bukit Qaf dan persoalan yang pelik-pelik contohnya perihal '*al-Musyammasyiah*'. Mereka mendakwa bahawa mereka telah melihatnya.

Apakah yang mereka katakan itu benar? Kalau benar, kita tidak pula melihat perkara-perkara ini di bumi nyata kita. Secara saintifik perkara ini ditolak begitu juga di sudut geografinya. Jikalau apa yang mereka katakan itu dusta, bagaimana pula mereka ini boleh sampai ke tahap wali yang dikatakan soleh. Maksudnya di sini bagaimanakah seseorang yang memperkatakan hal-hal yang bercanggah dengan realiti dan bertentangan dengan apa yang boleh dicapai oleh pancaindera dikatakan *ahlul haq* (pembawa kebenaran)?

Jawapan: Sesungguhnya mereka adalah pembawa kebenaran dan ahli dalam hakikat ketuhanan. Mereka juga adalah pemilik kewalian dan *ahl al-syuhud* (penyaksian rohani). Apa yang mereka telah saksikan itu adalah sebenar kejadian, cuma ada di kalangan mereka yang tersalah anggap terhadap apa yang mereka telah lihat dan saksikan. Ini adalah kerana, apa yang mereka lihat ketika berada di alam *syuhud* adalah bersifat bebas, tanpa ikatan dan syarat. Di kalangan mereka juga ada yang terlepas tafsir terhadap pandangan rohani mereka yang seakan-akan mimpi dan sebenarnya mereka tidak patut menafsirkannya.

⁴⁶ Muhyiddin Ibn Arabiy 560-638H/1165-1240M. Nama penuh beliau ialah Muhammad bin Ali bin Muhammad Ibn Arabiy Abu bakr al-Hatimiy al-Ta'iy al-Andalusiyy. Diberi gelaran al-Sheikh al-Akbar. Beliau adalah seorang ahli falsafah, tokoh aliran al-Mutakallimin dalam berbagai bidang ilmu. Dilahirkan di Mersih Andalus dan berpindah ke Ishbailiyyah. Beliau telah melakukan pengembaraan ilmu sehingga ke Damsyik, Rom, Iraq dan Hijaz. Ulama Mesir menolak '*shatahat*' yang berlaku pada diri Ibn Arabiy dan ada pihak yang ingin membunuhnya. Beliau akhirnya dipenjarakan tetapi Ali bin Fath al-Baja'iy telah berusaha membebaskan beliau dan berjaya. Beliau kemudian menetap di Damsyik dan wafat di sana. Beliau meninggalkan lebih dari 400 karya antaranya *al-Futuh al-Makkiyyah* yang terkenal itu dalam bidang tasawuf dan kitab *Fusus al-Hikam* dalam ilmu psikologi. – Ihsan Qasim Salihi.

⁴⁷ Beliau ialah Abdel Kerim bin Ibrahim bin Abdel Kerim al-Jeiliy. Nasabnya bertemu dengan Sheikh Abdel Qader al-Jailaniy. Dilahirkan pada tahun 767H dan wafat pada tahun 832H. Beliau seorang ahli tasawuf yang faqih. Beliau meninggalkan beberapa karya antaranya *al-Insan al-Kamil fi ma'rifat al-Awakhir wa al-Awa'il*. – Ihsan Qasim Salihi.

Sama sahaja, orang yang bermimpi sepatutnya tidak menta'birkan mimpinya sendiri, begitu juga *ahl al-Syuhud* dan *ahl al-Kasyaf* tidak boleh menta'birkan apa yang mereka lihat dalam keadaan syuhud. Mereka yang layak untuk menta'birkannya ialah para Ulama' yang berupa pewaris Nabi s.a.w. (iaitu ulama *muhaqqiqin* yang diterima kebersihan akidah, akhlak dan peribadinya).

Golongan *ahl al-Syuhud* ini apabila sampai kepada tahap 'terpilih kerana kebersihan hati' maka mereka akan dapat mengenalpasti kesilapan mereka sendiri dengan dipandu oleh al-Quran dan Sunnah. Maka mereka boleh memperbetulkannya. Ini yang berlaku di kalangan mereka sebenarnya.

Ayuh! Hayati kisah ini untuk memperjelaskan hakikat apa yang berlaku: Dua orang penggembala yang soleh telah memerah susu. Mereka telah meletakkan susu itu di dalam bekas yang diperbuat daripada kayu. Di atas bekas kayu itu pula mereka letakkan sebatang buluh kecil. Salah seorang dari mereka berasa mengantuk lalu tertidur dengan nyenyaknya, manakala yang seorang lagi hanya memerhatikan sahaja sahabatnya yang sedang tidur. Tiba-tiba ia terlihat seakan-akan seekor lalat keluar dari hidung sahabatnya yang sedang tidur itu. Ia terbang dengan pantas ke tepi bekas kayu itu dan melihat ke arah susu di dalamnya, kemudian ia masuk ke lubang buluh itu dan keluar di bahagian hujungnya. Seterusnya lalat itu terbang masuk ke dalam liang kecil di bawah sepohon pokok kecil yang berduri berhampiran dengan tempat itu. Kemudian serangga yang berupa lalat itu kembali ke tempat asalnya (hidung sahabat yang sedang tidur itu) menyusuri jalan yang sama. Lalu sahabat itu terkejut dari tidur dan berkata kepada sahabatnya yang jaga:

Sahabat 1: Aku telah bermimpi akan suatu perkara yang pelik ...

Sahabat 2: Semoga Allah s.w.t. memperlihat dan memperdengarkan hal yang baik-baik untuk kita, ceritakanlah mimpimu itu ...

Sahabat 1: Aku telah melihat tasik susu yang terbentang di atasnya jambatan yang mempunyai atap. Atapnya pula bertingkap-tingkap. Aku menyusuri jambatan itu dan aku lihat di seberang sana hutan yang amat tebal. Dalam kebingungan aku terlihat gua di bawah pokok-pokok yang berpintal-pintal itu lalu aku masuk ke dalamnya...di dalamnya aku lihat harta yang begitu banyak berupa emas. Wahai sahabatku! Apa pendapat kamu mengenai mimpi aku ini. Bolehkah kamu menta'birkannya?"

Sahabat 2: Tasik yang kamu lihat dalam mimpi itu ialah susu ini; jambatan itu pula ialah buluh di atasnya; hutan itu pula ialah pokok-pokok kecil yang berduri di sebelah sana, manakala gua itu ialah lubang kecil yang ada di bawahnya. Wahai sahabatku, berikanlah aku cangkul untuk aku tunjukkan kepadamu di mana harta itu".

Maka mereka berdua pun mula menggali di bawah pokok berduri tersebut dan tidak lama kemudian mereka menemui khazanah emas yang cukup banyak.

Demikianlah, apa yang dilihat oleh orang yang tidur dalam mimpinya adalah benar belaka tetapi dia sedang tenggelam dalam tidurnya. Alam tidur adalah alam yang tiada ikatan dan syarat. Maka orang yang bermimpi tidak layak menta'bir mimpinya sendiri. Ini kerana, mereka tidak dapat membezakan alam nyata dan alam maknawi. Oleh yang demikian keterangannya boleh jadi tersalah. Meskipun sahabat yang bermimpi itu menyatakan "aku benar-benar melihat tasik susu", namun sahabatnya yang tidak tidur itu mampu membezakan dengan mudah alam gambaran dan alam hakiki yang dilihatnya itu.

Maka dia adalah amat layak untuk menta'birkan mimpi sahabatnya itu dengan berkata: Apa yang kamu lihat itu benar tetapi tasik susu itu bukanlah tasik sebenar. Jambatan itu juga bukan sebenar tetapi hanyalah sekerat buluh kecil ... dan begitulah seterusnya.

Berdasarkan kisah perumpamaan ini dapatlah kita faham bahawa alam nyata perlu diasingkan dari alam rohani yang berupa gambaran tanpa sempadan. Jika kita mencampur adukkan keduanya maka penjelasan kita akan menjadi silap dan tidak akan bertemu kebenaran.

Perumpamaan yang lain pula ialah: Katakanlah saudara ada sebuah bilik kecil yang saudara letakkan pada keempat-empat dinding di dalamnya cermin besar yang memenuhi keseluruhan dinding. Apabila saudara masuk ke bilik tersebut saudara akan mendapati bilik itu menjadi luas dan menjadi teramat lapang. Bila saudara mengatakan bilik saudara itu luas ... saudara betul daripada satu sudut, tetapi jika saudara menekankan bahawa bilik saudara itu memang sebenar-benarnya luas, di sini saudara tersilap kerana saudara sudah mula mencampurkan alam *mithal* iaitu alam cermin dengan alam nyata iaitu bilik kecil saudara.

Demikianlah, ia mulai jelas. Apa yang diungkapkan oleh golongan kasyaf atau apa yang mereka tulis dalam kitab mereka tentang tingkatan atau lapisan bumi yang tujuh melalui gambaran yang tidak didasarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Ia juga tidak dipadankan dengan kedudukan fizikal dan geografi bumi. Keterangan mereka ialah: Satu lapisan bumi ini dikhususkan untuk jin dan ifrit yang luasnya adalah sejauh ribuan tahun perjalanan, sedangkan sebenarnya bumi ini yang hanya boleh direntasi dalam beberapa tahun. Ia tidak pun mengandungi lapisan ajaib yang dimaksudkan itu, dengan keluasan yang sedemikian rupa.

Walaupun begitu, jika kita umpamakan bumi ini adalah seperti sebatang pokok rhu melalui alam maknawi, alam misal, alam barzakh atau alam arwah, maka kita akan dapati pohon maknawi dan mithalnya yang tumbuh dalam alam tersebut adalah seperti pohon rhu. Ia amat besar jika dibandingkan dengan sebiji buah rhu. Itulah sebabnya sebahagian ahli syuhud melihat hal ini dalam perjalanan rohani mereka, berbagai-bagai lapisan bumi dalam alam misal begitu luas, bahkan luas yang teramat

sangat. Mereka mendapati alam tersebut hanya boleh direntasi melalui perjalanan ribuan tahun.

Apa yang mereka saksikan itu adalah benar dan ia adalah satu hakikat! Tetapi perlu diingat bahawa kedudukan alam mithal adalah hampir dengan alam *maddi* lalu mereka melihat kedua-duanya serentak dalam keadaan kedua-dua alam itu bercampur ... lalu mereka mengisahkan pengalaman tersebut seperti mana yang mereka lihat. Oleh kerana pengkisahan mereka ini tidak ditimbang dengan neraca al-Quran dan as-Sunnah, bahkan setelah mereka sampai ke alam nyata, pengalaman itu telah dicatat seperti mana yang dilihat, maka orang ramai yang membacanya telah memahaminya secara bertentangan dengan alam nyata (*maddi*). Betullah, sebuah istana berserta tamannya boleh dimuatkan ke dalam sekeping cermin. Begitu jugalah alam mithal yang amat luas sejauh perjalanan ribuan tahun itu juga akan boleh dilalui dengan hanya beberapa tahun dalam alam *maddi*.

Khatimah

Dari perbahasan ini dapatlah kita faham bahawa martabat syuhud adalah lebih rendah dari martabat iman terhadap perkara ghaib. Maksudnya di sini, sesungguhnya perkara yang dilihat secara kasyaf tanpa garis panduan seperti yang dialami oleh sebahagian para wali yang hanya berpandukan 'syuhud' semata-mata tidak akan sampai ke maqam para *asfiya'* dan *muhaqqiqin* di kalangan pewaris nabi, kerana mereka ini sentiasa bersandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah, bukan kepada syuhud.

Lantaran itu mereka memberikan penjelasan tentang hakikat keimanan itu dengan tepat dan tidak terpesong. Walaupun ia adalah hakikat terhadap perkara *ghaybiyyah* akan tetapi ia bersih dari sebarang kekeliruan. Ia diberikan garis panduan, kaedah dan ditimbang dengan neraca akal yang tepat. Maka bolehlah disimpulkan di sini bahawa neraca terhadap segala hal ehwal kerohanian, perihal kasyaf, azwaq dan musyahadah ialah: Peraturan dari al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. yang mulia disertai pula oleh disiplin dan garis panduan yang diajarkan oleh golongan al-Asfiya' dan muhaqqiqin dalam hal ini.

Masalah Kedua yang amat penting: Hakikat Wahdatul Wujud

Kemusykilan: Ramai menganggap bahawa wahdatul wujud ialah martabat tertinggi. Namun, kami tidak pula melihat kesannya terhadap mereka yang diberikan oleh Allah s.w.t. '*wilayah kubra*' iaitulah para Sahabat Rasulullah r.a. yang mulia yang didahului oleh Khulafa al-Rashidin. Begitu juga di kalangan para imam *ahl al-bait* yang didahului oleh lima orang yang terutama digelar sebagai *ali al-aba'*, golongan *mujtahidin* yang didahului oleh imam mazhab yang empat dan golongan *tabi'in*. Persoalannya ialah: Adakah mereka yang datang selepas *salafus soleh* ini telah menemui satu jalan yang lebih baik, mulia dan suci lebih dari apa yang dilalui oleh *salafus soleh* tadi? Bolehkah mereka mendahului *salafus soleh* dalam soal kerohanian ini?

Jawapan: Tidak! Ia tidak akan berlaku sama sekali. Kerana tiada seorang pun yang mampu mencapai martabat golongan *al-asfiya'* tersebut. Mereka itu adalah bintang yang terdekat kepada mentari risalah dan mereka jugalah pewaris utama khazanah kenabian. Jadi bagaimana orang terkemudian boleh mendahului *salafus soleh*? Jalan yang paling lurus ialah jalan mereka, manhaj yang paling kukuh pula ialah manhaj yang mereka tempuh.

Menyentuh tentang wahdatul wujud pula, ia adalah satu pengalaman atau rasa atau keadaan yang berada di maqam yang tidak sempurna. Tetapi oleh sebab ia adalah maqam yang indah dan nikmat maka ramai yang telah memasukinya enggan keluar dari maqam tersebut lalu terus kekal di alam itu. Mereka menyangka itulah maqam tertinggi dan terakhir dalam perjalanan kerohanian yang tidak mungkin ada maqam lain yang boleh mengatasinya.

Oleh yang demikian, orang yang mengikuti jalan ini jika jiwanya benar-benar kosong dari hubungan kebendaan dan segala yang menyampaikan dirinya kepada kebendaan tadi, ia akan menghancurkan tirai asbab dan membebaskan diri dari ikatan asbab tadi, lalu dia mengalami maqam syuhud yang menenggelamkan keseluruhan akalnya. Salik seperti ini boleh sampai ke maqam wahdatul wujud yang bersifat pengalaman dan bukan yang berlandaskan ilmu. Ia terhasil dari *wahdatus syuhud* dan bukannya *wahdatul wujud*. Ketika ini pengalaman syuhud tersebut membawanya terbang ke arah kesempurnaan dan maqam khusus untuk salik itu tadi. Boleh jadi juga salik tersebut akan mencapai tahap mengingkari kewujudan alam semesta ini ketika seluruh pemerhatiannya tertumpu ke arah kewujudan zat Allah s.w.t.

Sebaliknya jika mereka yang menempuh jalan ini dalam keadaan tenggelam dalam pengaruh kebendaan dan segala wasilah yang menyampaikan dirinya kepada kebendaan itu maka pendirian wahdatul wujudnya akan boleh membawa kepada menafikan kewujudan Allah s.w.t. kerana perhatiannya tertumpu sepenuhnya kepada kewujudan alam semesta dan tidak keluar daripada batas kebendaan itu.

Sebenarnya, jalan lurus itu hanya jalan para Sahabat, Tabiin dan golongan Solihin yang bersih akidahnya yang sentiasa melihat bahawa 'hakikat segala sesuatu itu adalah tetap'. Itulah kaedah umum dalam perjalanan mereka. Mereka ini tahu bahawa adab yang tertinggi dalam perihal memahami zat Allah s.w.t. ialah "ليس كمثله شيء" yang bermaksud: Tiadalah satu pun yang seumpamanya - (al-Syura:11).

Maksudnya, zat Allah s.w.t. itu disucikan dari segala bentuk penyamaan, penyerupaan, berpihak dan berbahagi-bahagi. Meskipun hubungan Zat Agung itu dengan sekalian yang ada adalah hubungan pencipta dan makhluk ciptaanNya ... namun, sekalian yang ada ini bukanlah suatu khayalan seperti yang didakwa oleh fahaman Wahdatul Wujud. Bahkan apa yang ada di alam zahir ini adalah kesan kewujudan Allah s.w.t.

Oleh yang demikian, fahamlah kita bahawa ungkapan 'Tiada yang wujud selain Dia' adalah tidak tepat. Sebaliknya yang tepat ialah 'Tiada yang wujud melainkan dari-Nya' kerana kita telah yakin bahawa perkara yang berlaku kemudian itu tidaklah qadim sifatnya seperti qadimnya sifat Allah s.w.t. Ertinya ia bukan bersifat azali. Di sini dikemukakan dua contoh untuk lebih mudah difahami oleh minda kita:

Contoh Pertama:

Katakanlah di sana terdapat seorang raja. Raja ini mempunyai mahkamah dan badan keadilan yang menjadi wakil diri baginda dan kedudukannya sebagai raja. Di samping beliau seorang raja, beliau juga sebenarnya adalah khalifah. Beliau juga adalah pemimpin tertinggi dalam turus angkatan tentera. Dengan itu beliau pasti memiliki pentadbiran tentera yang menjaga kesesuaian gelaran tersebut iaitu sebagai 'pemimpin tertinggi tentera'. Maka seluruh soldadu adalah bayangan kepada peribadi dan nama baik raja tersebut. Sekarang, jika dikatakan raja tersebut adalah seorang raja yang 'adil' dan badan yang ada untuk menggambarkan keadilan ialah 'badan kehakiman', badan ini boleh menggambarkan nama baik kesultanannya. Dalam hal ini amat perlu warga kerja di badan tersebut mempunyai sifat yang menggambarkan kesultanan tersebut walaupun bukan secara hakiki. Mereka mestilah bersifat seperti para ulama yang bertugas di jabatan-jabatan yang berkaitan dengan agama. Ertinya di sini, mereka mesti menampilkan sifat menaungi dan patuh terhadap bahagian hal ehwal agama. Demikian halnya dalam pentadbiran ketenteraan, ia mestilah mempunyai gaya urus tadbir secara bayangan terhadap kesultanan itu tadi.

Jika demikian, dalam hal ini nama baik sultan yang sebenar dan sifat ketuanannya yang hakiki sebagai hakim yang maha adil terdapat dalam jabatan kehakimannya. Adapun sifat-sifat lain seperti khalifah dan ketua turus angkatan tentera dan lain-lain, kesemuanya itu dianggap bukan hakiki. Ia hanya sebagai menggambarkan sifat sebenar Sultan itu, manakala peribadi sultan dan hakikat kesultanannya memerlukan kesemua nama-nama tadi wujud dalam bentuk hakiki. Nama-nama itu memerlukan badan urus tadbir yang benar-benar wujud sesuai dengan keperluan nama itu.

Demikianlah kesultanan uluhiyah memerlukan wujudnya nama-nama yang elok (alhusna) yang banyak dan berbagai-bagai -- contohnya Al-Rahman, Al-Razzaq, Al-

Wahhab, Al-Khallaq, Al-Fa'al, Al-Karim, Al-Rahim. Kesemua nama-nama dan sifat ini memerlukan kewujudan cermin-cermin hakiki yang boleh menyerlahkan makna sebenar bagi nama-nama tadi.

Sekarang cuba kita perhatikan, bilamana penganut wahdatul wujud mengatakan: Tiada yang wujud melainkan dia (لا موجود إلا هو), mereka telah meletakkan sekalian yang wujud sebagai tiada dan hanya khayalan ... bahawasanya Allah s.w.t. yang bersifat dengan wajibul wujud, al-maujud, al-ahad dan al-wahid. Saudara akan mendapati jelmaan nama dan sifat ini secara hakiki berserta jentera urus tadbirnya yang hakiki. Walaupun lingkungan nama-nama dan cerminnya bukan hakiki ... ia sekadar khayalan bahkan sebenarnya ia tiada, namun perkara ini sekali-kali tidak akan menjejaskan nama-nama itu. Bahkan, boleh jadi wujudnya yang hakiki lebih mudah dilihat dan terserlah tanpa menzahirkan warna kewujudannya di dalam cermin itu. Tetapi dalam hal ini saudara tidak akan mendapati dalam Asma al-Husna yang lain seperti al-Rahman, al-Razzak, al-Qahhar, al-Jabbar dan al-Khallaq...akan jelmaannya yang hakiki. Ia hanyalah wujud secara *nisbi* dan *i'tibari* (gambaran), sedangkan nama-nama lain tadi adalah nama yang hakiki seperti 'al-Maujud'. Ia tidak mungkin sebagai satu bayangan, ia adalah nama asal yang tidak boleh menjadi pelengkap kepada yang lain (*Taabi'ah*). (Pendapat sebegini cuba membezakan antara Asma al-Husna).

Demikianlah para sahabat, para mujtahidin, golongan asfia' dan barisan ahlulbait, bilamana mereka mengisyaratkan kepada kaedah (hakikat satu benda adalah sabit), mereka memperakui bahawa asmaul husna mempunyai *tajalli* yang hakiki dan setiap benda adalah wujud secara '*ardhi* (mendatang) yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. melalui perbuatannya yang mencipta (*al-khalq*) dan mewujudkan sesuatu (*al-ijad*). Meskipun wujudnya makhluk dianggap sebagai wujud '*ardhi* yang dhaif dan merupakan bayangan yang tidak kekal jika dirujuk kepada sifat Allah s.w.t. wajibul wujud. Cumanya, ia bukanlah suatu sangkaan dan khayalan kerana Allah s.w.t. telah mengurniakan sifat wujud sebagai *tajalli* kepada namanya 'al-Khaliq' dan dialah yang meneruskan kewujudan itu.

Contoh kedua:

Katakanlah di sana terdapat sebuah bilik yang di dalamnya terpapar cermin besar di setiap empat bahagian dindingnya. Suasana bilik tersebut jelas dilihat dalam setiap cermin, tetapi setiap cermin akan membalikkan setiap benda yang ada mengikut sifat dan warnanya, maksudnya setiap cermin akan membalikkan paparan khusus dalam bilik tersebut. Jika dua orang masuk ke dalam bilik dan salah seorang dari mereka melihat ke arah cermin sudah pasti ia menyangka bahawa ia telah melihat semua benda wujud dalam cermin itu. Bilamana dia melihat cermin lain berserta gambar yang sama di dalamnya nescaya dia mendakwa gambaran tersebut adalah dari cerminnya. Selepas gambarnya menjadi kecil dua kali ganda dan hakikatnya mula bertukar maka dia berkata "sesungguhnya saya telah melihat gambaran sebegini" maka itulah yang hakiki.

Demikian jugalah, bagi setiap nama dalam Asma al-Husna memerlukan cermin khusus, contohnya 'al-Rahman, al-Razzaq'. Oleh kerana ia adalah nama hakiki dan asal maka ia memerlukan benda yang sesuai dengannya dan makhluk yang memerlukan kepada tuntutan namanya iaitu "rezeki dan rahmat". Demikian juga nama Allah al-Rahman memerlukan makhluk hidup yang sentiasa berhajat kepada rezeki di alam hakiki. Maka nama Allah al-Rahim akan mewujudkan pula syurga yang hakiki. Sebab itulah menganggap nama-nama tertentu dalam Asma al-Husna sebagai nama hakiki seperti al-maujud, al-wahid, al-ahad dan wajibul wujud, sedangkan nama-nama lain dalam Asma al-Husna dianggap pelengkap dan bayangan kepada nama hakiki tadi. Perbuatan ini adalah tidak adil kerana ia menghilangkan penghormatan terhadap Asma al-Husna seperti sewajarnya.

[illegible]

Masalah Ketiga: Hikmah Tindakan Ketuhanan Yang Mengelirukan

Ia merupakan permasalahan penting yang tidak mungkin dapat dirungkai dengan akal fikiran dan percaturan falsafah. Allah s.w.t. berfirman:

يَسْأَلُهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلَّ يَوْمٍ هُوَ فِي شَأْنٍ

Yang bermaksud:

Sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi sentiasa berhajat dan memohon kepadaNya. Tiap-tiap masa ia di dalam urusan (mencipta dan mentadbirkan makhluk-makhlukNya) (QS Ar-Rahman, 55: 29)

Allah s.w.t juga berfirman:

فَعَالٌ لِّمَا يُرِيدُ

Yang bermaksud:

Yang berkuasa melakukan segala yang dikehendakiNya (QS Al-Buruj, 85: 16)

Soalan: Apakah rahsia di sebalik tindak tanduk yang mengelirukan pemikiran kita ini yang ia sentiasa berlaku di sekeliling kita, dan apa pula hikmah di sebaliknya? Mengapakah sekalian makhluk tidak tetap dan kekal seperti adanya, sebaliknya sentiasa silih berganti, datang dan pergi.

Jawapan: Penjelasan terhadap hikmah perkara ini perlu kepada seribu lembaran kertas. Kita ketepikan dahulu penjelasan penuh terhadap persoalan ini, sebaliknya kita ringkaskan jawapannya kepada dua lembaran sahaja. Penjelasan ini: Jika seseorang melaksanakan satu tugas fitrahnya, atau kewajipan kemasyarakatannya lalu dia membereskannya dengan penuh ketekunan dan usaha, sudah pasti orang yang memerhatikan perilakunya itu merasakan bahawa insan tersebut mesti melaksanakan tugasannya kerana satu dari dua sebab, iaitu:

Pertama: Kerana dia ingin mendapat ganjaran yang berupa kepentingan, hasil dan faedah. Inilah yang dimaksudkan sebagai matlamat utama dalam sesuatu pekerjaan, tanpa melihat tugas tersebut disukai atau tidak. Yang penting hasilnya (الغاية الغائية).

Kedua: Kerana terdapat rasa cinta, rindu dan lazat dalam jiwanya ketika ia melaksanakan tugasnya itu. Itulah yang mendorong dia melakukan tugasnya dengan penuh kehangatan dan kerinduan. Inilah yang dinamakan dorongan dan kesan, kerana pelaksananya tidak mementingkan hasil dan keuntungan. Baginya melaksanakan tugas itu adalah suatu ni'mat (الداعي والمقتضي).

Contohnya ialah makan, ia merupakan tugas fitrah yang dilaksanakan oleh setiap insan dengan penuh keseronokan. Ia didorong oleh selera yang merindukan

kelazatan. Kesannya berlakulah tumbesaran tubuh dan kelangsungan hidup sebagai manusia kesan dari perbuatan makan itu tadi.

(ولله المثل الأعلى) Semua aktiviti kehidupan yang berlaku dalam alam semesta yang membingungkan fikiran dan menjadikan akal kita hanyut dalam seribu satu persoalan ini sebenarnya bersandar kepada dua bahagian Asma al-Husna. Ia berlaku akibat penzahiran dua hikmat besar dan luas yang tiada sempadannya.

Hikmah Pertama:

Asma al-Husna itu sendiri mempunyai *tajalli* yang luas tiada sempadan. Kepelbagaian makhluk adalah merujuk kepada kepelbagaian *tajalli* itu yang begitu luas. Asma al-Husna itu sendiri menuntut agar ia dapat dizahirkan atau ia meminta kesan nama tersebut mesti juga dapat dilihat. Ia begitu menekankan agar keindahan nama itu dapat dicerminkan ke alam realiti. Ini juga akan membawa maksud bahawa Asma al-Husna membawa makna bahawa kitab alam ini sentiasa baharu atau diperbaharui ... melalui perubahan alam dan isinya dari semasa ke semasa ... datang dan pergi. Ia berlaku tanpa henti.

Asma al-Husna menjadikan sekalian makhluk itu tidak kekal. Mereka berubah sebagai tanda baharunya mereka sebagai makhluk. Kesemuanya digambarkan oleh Asma al-Husna bagai terpahat dengan tulisan yang penuh hikmah, gaya bahasa yang amat dalam dan tersusun begitu teliti sehingga setiap makhluk itu dapat menzahirkan dirinya sebagai satu tulisan di hadapan Allah s.w.t. yang maha pencipta. Mereka yang mempunyai jiwa nurani akan dapat membaca paparan Asma al-Husna ini.

Hikmah Kedua:

Pergerakan hidup seluruh makhluk di alam raya ini berpunca dari kelazatan atau keinginan dan keterujaan, bahkan ia terdapat dalam setiap tingkah laku pergerakan mereka itu tadi. Bahkan perilaku dan aktiviti mereka itu sendirilah merupakan kelazatan yang sebenarnya.

(ولله المثل الأعلى). Di sana terdapat *syafaqah* yang kudus dan mutlak sifatnya, dan mahabbah yang juga kudus. Kedua-duanya berpadanan dengan sifat Allah s.w.t. dan sesuai dengan sifat 'maha kaya'Nya yang juga mutlak, dan ketinggian dan kekudusan zatNya. Ia juga adalah bertepatan dengan sifat kamalNya yang juga mutlak.

اللهم صل وسلم على كاشف طلسم كائناتك بعدد ذرات الموجودات ولى آله وصحب ما دام الأرض والسموات
الباقى هو الباقي

سعيد النورسي

Bahaya Wahdatul Wujud

(Dari Kilauan Kedua Puluh Lapan)

Saudaraku Yang Mulia...

Saudara meminta sedikit penjelasan tentang 'wahdatul wujud'. Dalam salah satu risalah 'lam'at' – al-Maktub Ke 31 -- terdapat jawapan lengkap, kukuh dan jelas sekali terhadap pandangan Muhyiddin Ibn Arabi bersangkutan masalah ini. Di sini diberikan semula penjelasan ringkas tentang hal ini. Ia seperti berikut:

Mengajak dan mengajar orang ramai tentang fahaman Wahdatul Wujud di waktu ini akan membawa kemudharatan yang amat besar kepada mereka, kerana perumpamaan dan gambaran yang dibincangkan dalam fahaman itu (contohnya perihal dua malaikat besar yang diberi nama Thur dan Haut), apabila kisah ini berpindah dari tangan golongan *khawas* kepada golongan awam, atau berpindah dari tangan ilmuan kepada tangan kejahilan, maka tersasarlah hakikatnya. Begitu juga dengan Wahdatul Wujud dan hakikat-hakikat tinggi seumpamanya. Bilamana perbincangan ini disertai orang awam yang lalai yang berpegang semata-mata kepada kesan '*asbab*' maka mereka akan menerima hal ini secara 'semulajadi'. Dengan itu tercetuslah tiga mudharat besar iaitu:

Kemudharatan Pertama:

Fahaman Wahdatul Wujud secara umumnya bermaksud pengingkaran tentang kewujudan alam dan makhluk lain di sisi kewujudan zat Allah s.w.t. yang maha suci. Namun apabila sampai ke tangan mereka yang lalai (*ahlul ghaflah*) khususnya mereka yang hanyut dalam fahaman kebendaan akan menjadikan mereka mengingkari ketuhanan seterusnya mengagungkan kebendaan tadi.

Kemudharatan Kedua:

Fahaman Wahdatul Wujud menolak dengan keras ketuhanan selain daripada Allah s.w.t. sehinggakan fahaman ini menolak kewujudan selain Allah s.w.t. dan menafikan hubungan makhluk dan penciptanya. Fahaman ini menolak kewujudan nafsu amarah dan apa saja selain itu. Tetapi, di zaman ini keadaan sudah jauh berbeza. Zaman ini fahaman kebendaan (*materialistik*) mencengkam dunia Islam dan nafsu amarah mula menggila khususnya bagi mereka yang sudah mula bersedia mengangkat nafsu amarahnya untuk menjadi tuhan selain Allah s.w.t. Jiwa-jiwa dipenuhi dengan ghurur dan keakuan. Lebih-lebih lagi mereka yang melupakan pencipta dan alam akhirat. Mengajak mereka kepada fahaman Wahdatul Wujud akan menjadikan nafsu mereka melampaui batas sehingga kosong dari segala perkara.

Kemudharatan Ketiga:

Fahaman Wahdatul Wujud akan melahirkan bibit-bibit pemikiran dan gambaran yang tidak layak bagi zat Allah s.w.t. yang maha agung dan suci. Zat ini terbersih dan terbebas, tertinggi dan terkudus dari perubahan, penggantian, pembahagian dan pemihakan. Kesemua ini tidak langsung sesuai dengan kesucian dan kekudusan Allah s.w.t. dalam apa keadaan sekali pun. Maka inilah yang menjadi sebab kepada kemunculan ajaran sesat.

Ya! Orang yang bercakap tentang Wahdatul Wujud mesti mengangkat fikirannya tinggi sehingga ke bintang Thurayya dan jauh dari bumi nyata dengan meninggalkan di belakangnya seluruh makhluk dan alam, dengan menumpukan pandangannya ke arasy yang maha tinggi. Ketika mereka berada dalam keadaan tenggelam dalam mengingati Allah s.w.t. (الإستغراق), mereka akan menganggap makhluk lain tidak wujud. Maka mereka akan boleh melihat melalui kekuatan iman bahawa setiap sesuatu itu datang dari Al-Wahid dan Al-Ahad secara langsung dan terus. Maka siapa yang sentiasa hidup bersama makhluk dan melihat asbab di hadapannya atau melihat dari alam nyata, boleh jadi orang ini akan hanyut di dalam kesan asbab lalu dia terjerumus kepada kepercayaan kebendaan dan kesan semulajadi (طبيعية).

Mereka yang fikirannya mengembara ke arasy seumpama Syeikh Jalaluddin Al-Rumi⁴⁸, beliau dengan yakin dan berani telah mengungkapkan perkara berikut:

“Bukalah pendengaranmu, maka kamu boleh mendengar dari siapa sahaja dan apa yang kamu dengar itu adalah terus dari Allah s.w.t. yang bersifat al-Haq”.

Bagi mereka yang fikirannya tidak mampu terbang ke martabat yang tinggi seperti yang dilakukan oleh al-Rumi dan tidak mampu melihat sekelian yang ada dari bumi ke langit dalam bentuk jelmaan Allah s.w.t., jika kamu katakan kepada mereka ungkapan berikut: “Dengarlah daripada siapa pun, nescaya kamu akan mendengar kalam Allah s.w.t.”, nescaya dia akan terganggu dengan gambaran yang batil dan bersalahan dengan hakikat, sama sahaja seperti orang yang turun dari arasy ke muka bumi. Firman Allah s.w.t. dalam Al-Quran:

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ إِذْ قَالُوا مَا أَنزَلَ اللَّهُ عَلَى بَشَرٍ مِّن شَيْءٍ قُلْ مَن أَنزَلَ الْكِتَابَ الَّذِي جَاءَ بِهِ مُوسَى نُورًا وَهُدًى لِّلنَّاسِ تَجْعَلُونَهُ قَرَاطِيسَ تُبْدُونَهَا وَتُخْفُونَ كَثِيرًا وَعُلِّمْتُم مَّا لَمْ تَعْلَمُوا أَنْتُمْ وَلَا آبَاؤُكُمْ قُلِ اللَّهُ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِي خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ

Yang bermaksud:

⁴⁸ Maulana Jalaluddin al-Rumi (604-672H-1207-1273M) adalah seorang ulama bermazhab Hanafi, mahir dalam bidang Fiqh dan berbagai Ilmu lain. Beliau juga adalah ahli tasawuf terkemuka dengan karya beliau ‘al-Mathnawi’ yang ditulis dalam bahasa Farsi dan terangkum dalam 26 ribu bait sya’ir. Beliau adalah pengasas Tariqat Malawiyyah, dilahirkan di Balakh di negara Farsi dan menetap di Quniyyah pada tahun 623H. Di sana beliau memberikan kuliah di empat pusat pengajian selepas kewafatan ayahnya pada tahun 628H. Antara karyanya ialah Diwan Kabir dan Maktubat. – Ihsan Qasim Salihi.

Dan tiadalah mereka (kaum Yahudi) menghormati Allah sesuai dengan penghormatan yang sebenarnya ketika mereka berkata: “Allah tidak menurunkan sesuatu pun kepada manusia”. Bertanyalah (kepada kaum Yahudi yang ingkar itu): “Siapakah yang menurunkan Kitab (Taurat) yang dibawa oleh nabi Musa sebagai cahaya dan petunjuk bagi manusia, yang kamu jadikan dia lembaran-lembaran kertas, sambil kamu perlihatkan (kepada orang ramai sebahagian kecil daripadanya) dan kamu sembunyikan kebanyakannya; sedang kamu pula diajarkan (dengan pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalamnya), yang tidak diketahui oleh kamu (sebelum itu) dan tidak juga oleh datuk nenek kamu?” Katakanlah (kepada mereka): “Allah jualah (yang menurunkannya)”, kemudian biarkanlah mereka leka bermain-main dalam kesesatannya (QS Al-An’am, 6: 91).

Mahasuci Allah s.w.t. yang suci dari segala bandingan dan umpama, tanda-tanda kebesaranNya dan ayat-ayatNya menjadi saksi atas rububiyyahNya. Maha suci dan agungnya Allah s.w.t., tiada tuhan melainkan Dia.

Said An-Nursi

Bukti Yang Meyakinkan (*al-Burhan al-Yaqini*).

Perkara yang dikhabarkan oleh wali-wali besar tanpa dalil tidak boleh dianggap sebagai perkara yang benar (يقيني) dan putus (قطعي) (inilah yang dibahaskan dalam ilmu mantik). Bahkan boleh jadi ia hanya satu perkara yang diterima orang ramai secara tanggapan umum (الظن الغالب). Adapun 'bukti hakiki' terhadap sesuatu perkara seperti dibahaskan dalam ilmu mantik adalah tidak boleh disandarkan kepada kedudukan orang yang mengungkapkannya, sebaliknya hendaklah dilihat kepada dalil yang tidak dapat ditolak.

Seluruh hujah yang dikemukakan dalam Rasael An-Nur adalah dari kategori ini iaitu *al-Burhan al-Yaqini* (bukti yang meyakinkan) kerana kepelbagaian hakikat yang telah dilihat oleh para wali adalah melalui amal ibadah, suluk dan *riadhah ruhiyyah*, ditambah juga melalui hakikat-hakikat keimanan yang mereka saksikan di sebalik hijab. Sesungguhnya Rasael an-Nur juga menyaksikan perkara yang serupa, tetapi:

ia telah membuka jalan ke arah hakikat pada kedudukan **ibadat** dan di bawah naungan **ilmu**...
Ia telah membuka jalan kepada **hakikat** segala hakikat di kedudukan aktiviti **suluk** dan **wirid** di bawah naungan **hujjah ilmiah** dan bukti yang **mantiqi** (logika)...
Ia membuka jalan terus ke arah **wilayah kubra** di kedudukan ilmu tasawuf dan tarikat di bawah naungan **ilmu kalam, ilmu aqidah dan usuluddin**... ⁴⁹

Dengannya Rasael an-Nur menang dalam pergelutannya dengan kesesatan falsafah yang telah mendepani aliran tarikat dan hakikat pada zaman ini, realiti adalah 'saksi hidup' terhadap perkara ini.

(al-Malahiq: Mulhaq Amir Dagh 276)

⁴⁹ Saya ingin menarik perhatian pembaca di sini bahawa Rasael an-Nur mendidik pembacanya untuk mencapai hakikat keimanan dan kewalian melalui suatu jalan yang tidak mengabaikan aspek-aspek berikut iaitu: **Ibadah, ilmu, suluk, wirid, hujjah ilmiah, mantiq, ilmu kalam, usuluddin dan akidah**. Bahkan Rasael an-Nur berada di kedudukan semua yang disebutkan tadi.

Jawapan Kepada Satu Persoalan

Saya tidak mempunyai cukup waktu untuk membuat penilaian antara pemikiran Mustafa Sobri dan Musa Bakov, tetapi memadailah saya katakan bahawa:

Salah seorang dari mereka melakukan *ifrat* (melampau) dan yang seorang lagi melakukan *tafrit* (cuai). Meskipun Mustaffa Sobri benar dalam percubaannya mempertahankan Ibn Arabi berbanding Musa Bakov namun dia tiada hak untuk memalsukan personaliti Ibn Arabi yang merupakan satu ketakjuban dalam disiplin keilmuan Islam.

Ya! Sememangnya Ibn Arabi mendapat petunjuk dan diterima ramai tetapi dia bukan seorang mursyid, pembimbing dan *qudwah* melalui semua penulisannya, kerana beliau selalu memperkatakan sesuatu perkara di luar pertimbangan neraca kebenaran. Maka beliau dianggap menyalahi dasar ahli sunnah yang telah disepakati. Maka dengan itu banyak kata-kata beliau secara zahirnya adalah sesat meskipun beliau sendiri bukanlah sesat, kerana suatu ungkapan boleh jadi pada zahirnya nampak kufur tetapi penuturnya tidak kafir.

Mustaffa Sobri dalam hal ini tidak menjaga aspek penting ini secara teliti, maka dia cuai terhadap beberapa perkara akibat ketaksubannya kepada kaedah Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Ada pun Musa Bakov dia tersasar banyak dalam pemikirannya yang seiring dengan tamadun dan terlalu menyokong pembaharuan, lalu ia meminda beberapa hakikat kelslaman menggunakan ta'wil yang salah dan berpegang kepada individu yang ditolak oleh ulama' Islam di peringkat tertinggi daripada kalangan muhaqqiqin seperti Abu al-Ala' Al Mi'riy. Musa Bakov dalam hal ini adalah melampau (*ghuluw*) kerana pemihakannya yang terlalu kuat kepada perkara-perkara yang diperselisihkan oleh Ibn Arabi dengan ahli sunnah yang dianggap selaras dengan pemikirannya.

Ibn Arabi pernah berkata: "Haram hukumnya membaca buku kami ini bagi mereka yang bukan dari golongan kami". Benar! Membaca buku Ibn Arabi terutama perbahasan tentang wahdatul wujud boleh membawa kemudaratannya di zaman ini.

Kecacatan Wahdatul Wujud Yang Begitu Tersembunyi (*khafiy*)

(*Kilauan kesembilan*)

Tidak semua orang mampu melihat kecacatan dan kekurangan Wahdatul Wujud yang begitu halus dan sememangnya mereka tidak perlu pun kepada perbahasan tentang hal ini. Oleh yang demikian tidak perlulah mereka membaca *lama'ah* ini.

Kesimpulan Persoalan Kamu Yang Kedua

Saudara ku yang mulia,

Ibn Arabi pernah berkata: “Sesungguhnya sifat ‘kemakhlukan’ roh itu adalah satu bentuk pendedahan tentang perihalnya”. Saudaraku, soalan saudara ini memaksa saya untuk membahaskan tentang hakikat yang luar biasa dan perihai ilmu asrar Ibn Arabi sedangkan saya begitu lemah dan tidak mampu berbuat demikian. Namun jika saya terjun dalam perbahasan ini dengan bersandar kepada nas al-Quran, nescaya saya akan kembali mampu untuk terbang tinggi melebihi helang meskipun saya hanya seekor lalat.

Saudara ku,

Ketahuiilah bahawa Ibn Arabi tidak memperdaya sesiapa sebaliknya dialah sebenarnya yang terperdaya. Beliau mendapat petunjuk tetapi tidak boleh memberi petunjuk kepada orang lain melalui penulisannya. Apa yang dilihatnya adalah benar dan betul tetapi ia bukan sebenarnya hakikat.

Kalimah yang ke 29 telah memperbahaskan persoalan tentang roh, suatu hakikat yang menjadi pokok persoalan saudara itu. Ya! Sememangnya roh di sudut hakikatnya adalah ‘kanun amri’, tetapi diberikan pakaian luar untuk menjelaskan wujudnya. Ia adalah rasa kejiwaan yang hidup, atau ‘kanun’ yang ada kewujudan luar.

Sheikh Muhyiddin Ibn Arabi melihat kepada roh dari sudut hakikatnya sahaja (tanpa pakaian luar yang menampakkan kewujudannya secara zahir), maka dia merasakan semua benda yang ada adalah khayalan berdasarkan fahaman wahdatul wujud. Bilamana beliau mengikut jalan yang tersendiri maka beliau adalah tokoh dalam satu fahaman yang penting, yang memiliki *kashfiyyat* dan *musyahadah* yang luar biasa. Di sini beliau terpaksa menggunakan ta’wil yang lemah, membebankan dan cacamarba dalam memastikan nas-nas al-Quran dapat diaplikasikan berdasarkan fahaman dan *masyhudat* yang dianutinya. Ini secara terang-terangan telah mencemarkan nas-nas al-Quran serta mencalarai maksud sebenarnya.

Kita telah menjelaskan dalam risalah yang lain tentang manhaj al-Quran dan manhaj ahlu sunnah yang begitu kukuh dalam soal ini. Sheikh Muhyiddin Ibn Arabi memiliki maqam khas untuk dirinya sendiri. Dia diterima dengan caranya yang demikian. Cuma beliau dan *kashfiyyat*nya yang tanpa kaedah dan landasan itu telah tersasar dari landasan manhaj al-Sunnah. Dengan itu beliau bercanggah dengan jumhur ulama' *muhaqqiqin* dalam banyak isu. Atas dasar inilah jalan khusus yang dilaluinya Cuma mampu bertahan dalam tempoh yang begitu pendek dan terhad kepada seorang sahaja di kalangan anak muridnya iaitu Sadruddin al-Qaunawi. Jarang sekali faedah yang diperolehi dari peninggalannya ini meskipun beliau adalah seorang ulama' besar, berkemampuan dan berkedudukan tinggi, luar biasa dan unggul di zamannya. Bahkan ramai pula ulama' *muhaqqiqin* dan para *asfia'* tidak menggalakkan masyarakat membaca peninggalannya yang bernilai ini. Ada juga ulama' yang menegah masyarakat membaca penulisannya secara total.

Untuk memperjelaskan perbezaan antara fahaman Sheikh Muhyiddin Ibn Arabi dan ulama' *Muhaqqiqin* dan sumber-sumber mereka dalam hal ini, kita perlu menjalankan satu penyelidikan dan penelitian yang begitu mendalam dan menyeluruh, halus dan berprofil tinggi.

Ya! Sememangnya perbezaan antara keduanya adalah begitu dalam dan halus sekali. Sumbernya pula begitu tinggi dan mulia sukar untuk digambarkan, sehinggakan Sheikh Muhyiddin Ibn Arabi tidak dipersalahkan terhadap kesilapannya itu. Bahkan beliau terus diterima dan diletakkan sebaris dengan ulama' yang lain, kerana jika perbezaan dan sumber antara beliau dan ahli sunnah jelas dan nyata di sudut ilmu, pemikiran dan kasyaf nescaya beliau akan jatuh tersungkur di hadapan ulama' *muhaqqiqin*.

Tetapi, bilamana perbezaan itu adalah terlalu halus dan amat mendalam untuk difahami maka kita cuba untuk menjelaskan kesilapan Sheikh Muhyiddin Ibn Arabi dalam masalah tersebut sahaja. Kita boleh menjelaskan perbezaan dan sumber beliau dalam contoh ini secara ringkas:

Matahari boleh dilihat di dalam cermin. Cermin itu tadi adalah pemapar kepada sifat-sifat matahari. Maksudnya, matahari ada di dalam cermin di satu sudut. Di sudut yang lain pula matahari menghiasi cermin dengan sifatnya yang bercahaya dan terang bersinar. Jika cermin itu adalah cermin kamera maka ia akan memindahkan gambar matahari ke atas kertas dalam bentuk fizikal. Dalam hal ini, matahari yang ada dalam cermin, yang boleh dicetak di atas kertas bahkan yang menghias cermin tadi sehingga nampak berkilau dan bercahaya bukanlah matahari sebenar. Ya! Dia bukan matahari sebaliknya hanyalah pantulan matahari dalam kewujudan lain.

Matahari di dalam cermin tadi walaupun bukan matahari sebenar tetapi mungkin ada yang menganggap ia ada sebahagian kewujudan asalnya yang di luar sana kerana persamaan yang mengikat keduanya. Berdasarkan contoh ini, jika kita katakan bahawa 'di dalam cermin itu ialah matahari sebenar', kenyataan ini boleh jadi benar

kerana cermin adalah tempat, dan maksud matahari di sini ialah matahari yang wujud di luar sana.

Tetapi, jika dikatakan bahawa gambar matahari dalam cermin dan gambar cermin yang telah dicetak di atas kertas, kedua-duanya adalah matahari maka kita salah. Maksudnya di sini ungkapan matahari berada di dalam cermin adalah salah kerana matahari juga ada di dalam cermin dan ada juga di atas kertas. Kedua-duanya mempunyai kewujudan tersendiri. Kedua-dua kewujudan ini terhasil dari balikan objek matahari tetapi kedua-duanya bukan matahari.

Demikianlah minda manusia dan khayalannya adalah hampir menyerupai contoh cermin yang diberikan tadi kerana maklumat yang ada dalam cermin pemikiran manusia juga ada dua bentuk: bentuk ilmu dan bentuk maklumat. Jika kita anggap otak kita adalah tempat maklumat maka yang ada ialah 'maklumat dalam pemikiran', dengan itu kewujudannya adalah perkara lain. Jika kita anggap pemikiran kita mengambil sifat daripada perkara yang masuk ke dalam otak maka dia menjadi sifat pemikiran. Ketika ini ia adalah ilmu yang juga mempunyai kewujudan luar. Seheinggakan jika sesuatu maklumat itu mempunyai kewujudan dan bentuk maka ia akan membentuk kewujudan luar yang mendatang (*wujud khariji 'ardhi*).

Berdasarkan dua contoh tadi, alam semesta adalah cermin. Setiap yang wujud juga adalah cermin. Cermin-cermin ini diwujudkan oleh Allah s.w.t. dengan qudratNya yang azali. Maka setiap yang wujud itu, di satu sudut adalah cermin kepada Asma al-Husna dengan memaparkan ukiran Asma al-Husna itu tadi pada diri mereka.

Mereka yang membawa fahaman Sheikh Muhyiddin Ibn Arabi telah melihat secara kasyaf akan alam ini seolah-olah dalam cerminan atau alam itu bertempat ... wujudnya pula adalah secara *mithali* (bukan sebenar). Mereka melihatnya 'secara nafi' (mengingkari kewujudan apa yang dilihat). Bagi mereka pembalik kepada objek yang dilihat dalam cermin itulah sebenarnya 'ain yang hakiki yang wujud, tanpa mereka melihat kepada tingkatan atau tahap-tahap kewujudan yang Allah s.w.t. ciptakan. Maka tersilaplah mereka, sehingga ke satu tahap, mereka mengingkari kaedah umum bahawa: Hakikat bagi setiap sesuatu itu thabit akan wujudnya (tetapi bukan seperti thabit wujudnya zat Allah s.w.t.).

Berlainan sekali dengan golongan muhaqqiqin, mereka ini menilai permasalahan ini berpandukan kenyataan al-Quran dan warisan Sunnah peninggalan Rasulullah s.a.w. Lantas mereka berpendirian bahawa: Apa saja yang terukir dan terpampang dalam cermin alam dengan qudrat dan iradat Allah s.w.t. adalah kesan zat Allah s.w.t. Setiap makhluk datang dari Allah s.w.t. Dialah yang mewujudkan setiap sesuatu tapi bukanlah setiap sesuatu yang wujud ini adalah Dia, sehingga mewajarkan ungkapan: "Tiada yang wujud selain Dia!" kerana setiap sesuatu itu ada wujudnya tersendiri. Ia adalah kewujudan yang thabit dalam tingkatan tertentu. Meskipun sifat wujud makhluk adalah lemah (ia seakan wujud secara andaian dan khayalan) berbanding sifat wujud Allah s.w.t., akan tetapi perlu diingat wujudnya makhluk adalah dengan dicipta dan diadakan oleh Allah s.w.t. yang maha Qadir melalui iradat dan qudratNya.

Matahari yang dapat dilihat dalam cermin itu mempunyai kewujudan *mithal* selain dari kewujudan sebenarnya di luar sana. Ia mempunyai kewujudan nyata yang bersifat '*aradhi*'. Ia telah menghiasi cermin tadi dengan sinaran dan kilauannya ketika objeknya terpapar dalam cermin tersebut.

Matahari tadi juga mempunyai kewujudan '*aradhi*' yang lain yang lebih tetap sifatnya iaitu gambar matahari yang tertera di atas kertas di belakang cermin tersebut.

Nah! Seperti mana matahari mempunyai kepelbagaian wujud di alam *mithal* maka begitu jugalah cermin alam ini dan cermin bagi tiap sesuatu yang wujud. Segala ukiran kehidupan yang zahir ini dengan jelmaan Asma al-Husna di atasnya adalah terhasil dari iradatNya, pilihanNya (*ikhtiar*) dan qudratNya. Ia mempunyai kewujudan "baharu" yang bukan kewujudan 'wajib al-wujud'. Segala sesuatu ini diberikan ketetapan untuk 'wujud' mereka melalui qudratNya. Namun jika terputus hubungan dengan pemberi wujud itu maka binasa dan fana' lah segala sesuatu dengan serta-merta. Untuk kekal, setiap sesuatu senantiasa bergantung kepada 'baqa' yang diberikan oleh penciptanya. Hakikat sekalian makhluk itu meskipun nampak wujud dan tetap, tetapi kewujudan dan tetapnya itu adalah hasil dari anugerah Allah s.w.t. yang mengurniakan kepadanya kewujudan dan ketetapan tersebut.

Demikianlah, ungkapan Ibn Arabiy: "Sesungguhnya roh bukan makhluk, sebaliknya ia adalah suatu hakikat yang hadir dari alam *al-Amr* dan sifat Iradah". Ia amatlah bertentangan dengan banyak nas syarak secara zahir. Ia juga boleh mengelirukan jika dilihat melalui penilaian seperti yang telah dibuat sebelum ini. Lalu dia tertipu kerana gagal memahami 'kewujudan' lain yang bersifat lemah.⁵⁰

Tidak mungkin paparan 'al-Khallaq dan al-Razzaq' dari Asma al-Husna itu adalah suatu andaian dan khayalan terhadap sesuatu yang tidak wujud. Selagi mana setiap nama dalam Asma al-Husna itu mempunyai hakikat maka paparannya pasti mempunyai hakikat kewujudan nyata yang tersendiri.

⁵⁰ Maksudnya di sini, kewujudan selain dari Zat Allah yang bersifat *wajibul wujud* adalah lemah sifatnya, kerana sifat wujudnya adalah pemberian dan anugerah dari *wajibul wujud*. – Ibnor Azli Ibrahim.

Tingkatan Tauhid Tertinggi

(Lanjutan Persoalan Mengenai Kenyataan Ibn Arabi)

Soalan: Ibn Arabiy menganggap wahdatul wujud setinggi-tinggi martabat keimanan, sehinggakan sebilangan para wali besar telah menuruti beliau dalam aliran fahaman kerohanian beliau ini. Cuma, Tuan menyatakan bahawa: “Jalan ini bukanlah martabat keimanan yang tertinggi, ia juga bukan aliran kejiwaan sebenar. Ia adalah perjalanan kerohanian golongan yang mabuk dan tenggelam (dalam ketauhidan) dan jalan golongan *ahl Ishq* (pencinta) dan *al-Shauq* (perindu) kepada penciptanya”.

Jika apa yang Tuan katakan ini adalah benar, sila jelaskan kepada kami, apakah maksud martabat keimanan dan tauhid yang tertinggi itu seperti yang telah dijelaskan oleh sunnah Rasulullah s.a.w. dan oleh keterangan al-Quran al-Karim?

Jawapan:

Orang miskin yang lemah seperti saya ini sebenarnya tiada apa-apa nilai dan kepentingan bagi sesiapa pun. Maka apakah mungkin saya mampu untuk menyelami tahap-tahap dalam martabat yang tinggi ini lantas memberi hukum dan pandangan pula dalam hal ini menggunakan akal saya yang terbatas? Perkara ini melampaui 100 kali batasan kemampuan saya. Meskipun begitu, di sini saya akan cuba menyentuh secara ringkas dua pemerhatian sahaja yang diambil dari limpahan al-Quran al-Karim ke hati ini. Mudah-mudahan kedua-duanya bakal memberi faedah dan manfaat.

Pemerhatian Pertama:

Di sana terdapat banyak sebab yang mendorong mereka ke arah fahaman wahdatul wujud. Saya sebutkan dua sebab sahaja di sini:

Sebab Pertama: Mereka tidak mampu meletakkan dalam kotak fikiran mereka sifat maha penciptanya Allah s.w.t. dengan seluruh tingkatannya sekali gus. Mereka juga tidak mampu memuatkan dalam hati mereka secara sepenuhnya bahawa Allah s.w.t. itu dengan sifatNya yang tunggal dalam segala penciptaanNya menguasai segala sesuatu dalam genggamannya melalui sifat rububiyahNya. Bahawasanya, segala sesuatu itu diciptakanNya dengan qudrat, iradat dan ikhtiarNya. Apabila mereka menguasai konsep ini dalam hati mereka maka mereka terpaksa meletakkan semua perkara ini setempat, lalu mereka mengatakan: “Semua yang wujud adalah ‘*ta’ala*’, dengan meminjam sifat ‘ketinggian’ Allah s.w.t.”. Ertinya di sini, tiada kewujudan untuk selain Allah s.w.t. atau semua kewujudan adalah khayalan belaka, atau sekadar gambaran dan bayangan.

Sebab Kedua: Sifat *al-Isyq* lumrahnya tidak mahukan sebarang perpisahan. Ia cuba melarikan diri dari perpisahan itu semahunya; hatinya gementar dengan perkataan

‘perpisahan’. Ia gerun akan ‘berjauhan’ dari kekasihnya seperti gerunnya dia kepada neraka jahannam. Dia bimbangkan lupusnya ikatan kasihnya itu dengan segala bentuk kebimbangan. Dia inginkan hubungan itu kekal dalam roh dan jiwanya. Ia mahukan kerinduannya biarlah tanpa bertepi terhadap *taqarrubnya* kepada Allah s.w.t. – seperti kerinduannya kepada syurga. Oleh yang demikian mereka *mentajallikan* setiap yang wujud sebagai Allah s.w.t. (تجلي الأقرية الإلهية). Dengan yang demikian ‘perpisahan’ dan ‘berjauhan’ akan hapus sepenuhnya. Maka dia meyakini pertemuan dan perhubungan itu kekal dengan ungkapan: Tiada yang wujud selain Dia!

Oleh kerana mereka menggambarkan semua ini tadi dalam keadaan mabuk rindu kepada penciptanya dan keinginan yang meluap-luap untuk kekal bersama, bertemu dan saling berhubungan maka mereka menjadikan *wahdatul wujud* sebagai satu jalan untuk membebaskan diri dari perpisahan yang amat mereka benci itu. Sesungguhnya dalam *wahdatul wujud* itu terdapat satu perjalanan rohani sebenar yang berlaku dan boleh dirasai pada kemuncak *zauq*.

Punca kepada sebab pertama:

Ia adalah berpunca dari akal yang tidak mampu sampai kepada sebahagian hakikat keimanan yang begitu luas dan tinggi. Akal itu tadi tidak berdaya menguasai hakikat ini di samping tidak dapat menerobos ke paparan hakikat menurut konsep iman yang sebenar.

Punca kepada sebab Kedua:

Ia berpunca dari kasyaf hati yang berlebihan dari biasa hasil dari kerinduan dan dedahan rohani yang luar biasa.

Adapun martabat tauhid agung yang disampaikan oleh al-Quran dan menjadi pegangan para aulia’ yang besar-besar dan para *asfia’* adalah tauhid yang tertinggi. Mereka inilah golongan yang menjadi pewaris nabi, mereka ini sentiasa ‘sedar’ dan bukan dalam keadaan ‘mabuk’. Kerana tauhid yang mereka bawa ini adalah tauhid pada martabat agung yang menggabungkan sifat *rububiyyah* dan *khallaqiyyah* untuk Allah s.w.t. Martabat tauhid ini menjelaskan bahawa semua Asma al-Husna adalah nama-nama hakiki, ia memelihara asas rububiyyah dari sebarang kecacatan. Oleh yang demikian golongan ahli tauhid ini mengatakan:

“Allah s.w.t. dengan sifat *ahadiyyah*Nya, yang tiada bertempat telah menguasai segala sesuatu tanpa perantara. Dialah yang memahami secara terperinci setiap sesuatu dengan ilmuNya, Dia menyisih dan memilih apa yang dia mahu dengan iradatNya, Dia mewujudkan dan mengekalkan sesuatu dengan qudratNya. Maka Allah s.w.t. itu mewujudkan dan menciptakan alam semesta ini dan mentadbirnya sama seperti Dia menciptakan sesuatu benda lalu mentadbirnya. Semudah mana Dia menciptakan sekuntum bunga begitu pulalah mudah bagiNya untuk menciptakan setaman bunga yang lain. Tiada suatu apa pun yang boleh menghalang jika Dia menghendaki, dan tiada kehendakNya yang boleh dibelah bahagi dan disangkal. ZatNya wujud dengan

segala *tasarruf*Nya, qudratNya, ilmuNya di semua tempat dan waktu. Tiada sebarang bentuk kucar kacir dalam urus tadbir Allah s.w.t.”

Perkara ini telah kita perjelas dan buktikan dalam Kalimah ke 16 dan di dalam Maqsad Ke dua, Mauqif Ke Dua dari Kalimah ke 32. Saya akan memberikan satu contoh untuk kita lebih memahami perbezaan antara dua pemahaman ini (jangan pula menjadikan contoh ini sebagai tajuk perbincangan kita). Andaikanlah di sana terdapat seekor burung merak indah dan besar yang luar biasa dan tiada tolok bandingannya. Ia mampu terbang dari barat ke timur dalam sekelip mata. Sayapnya pula menjangkau dari utara ke selatan dan ia boleh mencapai kedua-dua arah ini dalam satu masa. Pada dirinya terpapar lukisan dan warna indah sehinggakan di setiap bulunya terukir lukisan seni yang teramat mengagumkan.

Sekarang andaikan pula terdapat dua orang yang melihat burung merak yang menakjubkan ini dan kedua-duanya ingin untuk terbang menggunakan sayap akal dan hatinya ke aras tertinggi dalam melihat burung ini untuk menyaksikan keindahannya yang luarbiasa itu.

Orang yang pertama pun bersegera memerhati susuk dan kedudukan merak itu, diperhatikan setiap bulunya yang penuh dengan hiasan dan ukiran yang menakjubkan. Lalu dia terpesona dan asyik dengan merak itu dan lupa untuk berfikir tentang bagaimana keindahan itu wujud. Sebaliknya dia tenggelam dalam menikmati keindahan itu. Namun begitu, keindahan dan kecantikan yang menenggelamkan dia dalam kerinduan dan kecintaan itu mula berubah dan hilang hari demi hari.

Di tahap ini sepatutnya beliau berpendirian bahawa ukiran keindahan yang aku lihat ini adalah milik yang empunya sifat *khallaqiyyah kulliyyah* melalui sifat *ahadiyyat*Nya yang tersendiri. Dia memiliki sifat *rububiyyah* yang mutlak disertai sifat *wahdaniyyat* yang hakiki. Tetapi orang itu tidak mampu untuk menyesuaikan jiwanya dengan pandangan sedemikian atau pun dia tidak mampu meletakkan pendirian itu dalam hatinya pada satu-satu masa lalu dia menukarkannya kepada pendirian berikut: Roh burung merak ini adalah roh yang amat mulia dan tinggi kedudukannya, dengan keyakinan bahawa pencipta merak itu ada dalam diri merak itu sendiri. Atau dia menganggap pencipta merak itu adalah merak itu sendiri, iaitu setelah menganggap roh suci yang dimaksudkannya tadi telah bersatu dengan jasad merak itu. Oleh kerana jasadnya telah bercampur dengan gambaran zahirnya maka ketinggian jasad dan kesempurnaan roh itu tadi telah menzahirkan gambaran yang menakjubkan seperti yang dilihatnya. Dengan setiap detik keindahan demi keindahan terserlah, kecantikan terus bertambah, tetapi ini bukanlah pewujudan melalui pilihan yang hakiki akan tetapi ia hanyalah paparan zahir...”.

Orang kedua pula berpendirian seperti berikut: “Keindahan burung ini yang terukir dan tersusun dengan begitu sempurna dan dijalin pula dengan begitu teliti sudah pasti menunjukkan akan wujudnya satu iradah, ikhtiar, kehendak dan maksud...manakan mungkin ia hanya satu paparan sia-sia tanpa iradah, penzahiran tanpa ikhtiar”.

Benar! Rupa paras merak itu sememangnya cantik dan mengagumkan tetapi rupa parasnya itu bukan bersifat mencipta sebaliknya ia tercipta (sebagai kesan kecantikan lain). Tidak mungkin sama sekali ia boleh bersatu dengan penciptanya. Rohnya mulia dan tinggi kedudukannya tetapi tidak sama sekali boleh mewujudkan makhluk lain apatah lagi mentadbir kewujudan lain itu. Ia hanyalah paparan keindahan lain semata-mata. Buktinya, setiap ukiran pada bulunya disusun dan dijalin dengan penuh sempurna dan teratur. Ia dilakukan dengan penuh hikmah dan qudrat yang mutlak. Ia tidak mungkin sama sekali berlaku tanpa iradah dan ikhtiar.

Jelas di sini, penciptaan yang begitu indah dan menakjubkan ini cuba menjelaskan tentang kesempurnaan hikmah di dalam kesempurnaan qudrat, tentang kesempurnaan *rububiyyah* dan rahmat di dalam kesempurnaan ikhtiar. Mana mungkin semua kejadian makhluk adalah hanya paparan semata (tanpa tujuan).

Jika kita melihat satu lembaran bersadur emas, mana mungkin penulisnya berada di dalam tulisan atau di dalam lembaran itu, tidak mungkin juga dia bersatu dengan lembaran tersebut. Yang pasti, tulisan itu adalah hasil sentuhan qalam si penulis tersebut. Jika demikian, keindahan merak yang terdapat di dalam contoh tadi adalah perumpamaan bagi alam semesta yang mewakili seluruh ciptaan Allah s.w.t. Ia hanyalah risalah hasil daripada sentuhan qalam ilahi penciptanya.

Nah! Sekarang perhatikan merak itu dan bacalah risalahnya, katakan kepada penulisnya:

ما شاء الله...
تبارك الله...
سبحان الله...

Sesiapa yang merasakan risalah itu adalah penulisnya atau merasakan penulisnya wujud dalam risalah itu, atau dia kurang yakin apakah di hadapannya itu risalah atau penulis risalah ... maka tidak syak lagi bahawa akalnya telah tertutup oleh hijab mabuk cinta lalu dia buta dan tidak dapat melihat hakikat sebenar bagi sebuah hakikat.

Dalam kepelbagaian bentuk *al-Isyq*, bentuk yang paling cenderung menjerumuskan tuannya ke arah fahaman *wahdatul wujud* ialah *al-Isyq* (keasyikan) kepada dunia. Ia berlaku apabila cinta dunia yang merupakan cinta *majazi* (bukan sebenar) bertukar kepada cinta hakiki yang kemudiannya bertukar pula menjadi *wahdatul wujud*.

Apabila seseorang itu mencintai seorang yang lain secara *majazi* (bukan hakiki) kemudian melihat orang yang dicintainya itu mati, amat sukar baginya untuk menerima kehilangan itu dengan sepenuh hatinya. Ketika itu saudara akan melihat dia memberikan cinta hakiki (yang sebelumnya hanya *majazi*) kepada orang yang dicintainya tadi. Maka dia akan beria-ia menumpukan perhatian kepada cintanya itu sebagai ganti diri. Caranya ialah dengan meletakkan sifat kekal kepada orang yang dicintainya melalui cinta hakiki tadi. Ungkapan yang bakal dilafazkannya juga berbeza iaitu: "Dia adalah gambaran keindahan si cintaku, dia jugalah cinta hakikiku".

Demikian jugalah orang yang mencintai dunia yang luas ini, dan menjadikan alam semesta ini keseluruhannya sebagai kecintaannya. Cinta majazi akan bertukar menjadi cinta hakiki apabila dunia yang dicintai itu mula menghilang atau meninggalkan dirinya. Dia akan memilih jalan *wahdatul wujud* untuk menafikan pemergian dunia yang dicintainya dan menyelamatkan dunia ini dari pergi dan hilang. Jikalau dia seorang yang memiliki iman yang tinggi lagi kukuh ...sudah pasti fahaman ini ada nilai kerohanian yang boleh diterima seperti yang dilalui oleh Ibn Arabiy dan mereka yang seangkatan dengannya. Kalau tidak sudah pasti dia akan jatuh ke dalam alam kecelaruan, tenggelam dalam fahaman kebendaan dan bertuhankan asbab dan lojik. Berlainan halnya dengan *wahdatus syuhud*, ia bukan fahaman yang celaru, malah ia adalah kedudukan yang tinggi bagi mereka yang 'celik' dalam perjalanan rohaninya.

اللهم أرنا الحق حقاً وارزقنا اتباعه

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

GLOSARI

Ahlul Kasyaf : Golongan Soleh yang dibukakan oleh Allah s.w.t. akan alam ghaib.

Ahlus Sunnah Wal Jamaah: Golongan yang mengikut syariat Rasulullah s.a.w. dan Para Sahabat r.a. tanpa terkecuali seorang pun, didahului oleh Sahabat yang empat -- Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali *radhiallahu anhum ajmain*.

Al-Ajz: Lemah. Dalam konteks perbahasan risalah ini ia bermaksud seorang insan yang merasakan dirinya lemah di hadapan Allah s.w.t. dan sentiasa mengharapkan bantuanNya setiap ketika.

Al-Daur wa al-Tasalsul: Perkara yang tidak ada pangkal dan hujung, berputar ulang

Al-Faqr: Fakir dan tidak memiliki apa-apa; dalam konteks perbahasan risalah ini ia bermaksud seorang insan yang merasakan dirinya teramat perlu kepada kurniaan dari Allah s.w.t.; bahawa tanpa ihsan dari Allah s.w.t. dirinya tiada nilai lagi.

al-istighraq al-mutlaq: Tidak sedar secara menyeluruh dalam mengingat Allah s.w.t.

al-Mahabbah : Cinta (Allah s.w.t.)

Al-Risalah: Kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. dan segala apa yang disampaikan.

Al-Syafaqah: Simpati dan belas kasihan; dalam konteks perbahasan risalah ini ia bermaksud perasaan belas kasihan terhadap sekalian makhluk, dengan itu mendorong diri untuk berkhidmat dan berdakwah kepada semua orang supaya sama-sama beroleh rahmat dan keampunan Allah s.w.t.

Al-Syariah: Perundangan Islam merangkumi akidah, akhlak dan hukum hakam.

Al-Tafakkur: Berasal dari perkataan 'fikir'; yakni seseorang itu sentiasa berfikir tentang keagungan Allah s.w.t. dalam keadaan apa sahaja dan melalui pemerhatiannya terhadap ciptaan Allah s.w.t.

al-Wilayatul Kubra : Kewalian Agung

Ambiya' : Para nabi

Ammarah: Jenis nafsu yang sukakan kejahatan

'Ardhi: Perkara yang mendatang kemudian

Asfia': Maqam kerohanian orang soleh yang lebih tinggi dari wali biasa

Azwaq: Rasa khusyuk dan manis dalam ibadah dan zikir

Barzakh: Alam antara kematian hingga kebangkitan di akhirat

Bid'ah: Perkara yang diada-adakan dalam agama untuk tujuan sesat.

Fakhr: Sombong, angkuh dan bangga diri

Fana' : Suatu keadaan di mana salik terkeluar dari alam nyata atau tenggelam dalam mengingat Allah s.w.t. sehingga tidak sedarkan dunia luar.

Ghuluw: Melampau dalam sesuatu perkara tanpa hak.

Ghurur: Tertipu, penipuan jiwa

Halaqah: Lingkungan, halaqah zikir ialah majlis zikir

Harfiy : Tulen, tepat

Hasyiah: Penjelasan yang lebih terperinci yang diletakkan di sisi matan sesebuah kitab

Hijab : Tirai dan sekatan, halangan dalam hal kerohanian

Hudhur qalbi: Hati yang hadir dan jaga dan sentiasa mengadap dan bersama Allah s.w.t.

I'jaz: Melemahkan orang lain; dalam konteks risalah ini ia bermaksud sifat al-Quran yang bermukjizat sehingga tiada siapa yang mampu menandinginya

Ijmaliy: Secara umum dan tidak terperinci

Ikram: Penghormatan, anugerah, sumbangan ihsan

Ilhad : Fahaman yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan

ilham : Pedoman yang diberikan kepada orang soleh; ia lebih rendah dari wahyu.

Ilmu Kalam: Ilmu logika untuk mengenal Allah s.w.t.

Ilmu: Pengetahuan

Inayah: Pemeliharaan dan perhatian

Inkisyaf: Sama maksud dengan kasyaf iaitu bukaan kerohanian yang halus sifatnya

ismi: Secara zahir dan nama sahaja

Istidraj: Perkara pelik atau kelebihan yang berlaku bukan sebab ketaqwaan

Istifadhah: Perkara yang diketahui umum tanpa perlu pembuktian

Isyq: Rasa asyik dan cinta yang amat sangat

Juz'i: Bahagian kecil

Kalamullah: Kata-kata Allah s.w.t. yang berbentuk *khitaab* kepada para nabi dan rasul; ia dinamakan wahyu.

kalimah rabbaniyyah : Khabar ketuhanan

Karamah: Kelebihan di luar kebiasaan yang diberikan Allah s.w.t. kepada orang soleh

Kasyaf: Melihat sesuatu bukan dengan mata kasar tetapi mata hati (telus mata hati/melepasi hijab)

khawas: Orang yang telah tinggi maqam rohaninya, melepasi tahap awam

Khawasul khawas : Golongan yang lebih tinggi dari golongan khusus (dalam tasawuf)

Khawariq: Perkara yang berlaku di luar batasan akal

Khilafah: Empayar atau kerajaan Islam

Khitaab: Firman rabbani atau ungkapan Allah s.w.t. yang ditujukan kepada makhluknya

Khulwah: Menyendiri untuk beribadah kepada Allah s.w.t.

Kuras: Helaian kertas

Lama'ah: Kilauan

Latifah: Naluri, perasaan halus, kekuatan dalaman

Maadiyyah: Fahaman kebendaan/materialistik.

Maddi: Kebendaan

Mahabbah: Kasih sayang

Mahbub: Yang dikasihi

Mahmudah: Sifat-sifat hati yang terpuji

Majzubin: Orang yang diruntun ke arah alam kerohanian

Makrifah: Kenal, tahu

Makrifatullah: Mengenal Allah s.w.t.

Manhaj: Cara, metod, atau gaya pemikiran

Maqam: Kedudukan seseorang di sisi Allah s.w.t.

Maqsad: Maksud, tujuan dan rahsia hukum

Masyair: Perasaan

Masyhud: perkara yang dapat disaksikan dengan mata

Maujud: Ada

Mauqif: Pendirian

Mazmumah: sifat-sifat hati yang tercela

Mudaqqiq: Orang yang mendalami sesuatu ilmu secara terperinci

Muhaqqiqin : Yang menguasai sesuatu perkara dengan tepat dan menyeluruh.

Muhkam :Yang pasti dan muktamad, tidak anjal.

Mujmal: Ringkas

Mulla: Ahli agama (gelaran di beberapa negara seperti Farsi,Turki dan Pakistan)

Mumkinat: Suatu yang tidak mustahil ada atau berlaku

Muqarrabin: Orang yang hampir kepada Allah s.w.t.

Nis-yan: Lupa, melupakan sesuatu

Qadr: Ketentuan Allah s.w.t., gandingan kepada Qadha'

Qat'ie: Putus, ia bermaksud perkara yang tidak boleh diubah lagi

Qudsiyyah: Kekudusan

Rabbaniah: Ketuhanan

Rububiyyah: Ketuhanan Allah s.w.t. yang lebih khusus untuk orang-orang yang Beriman

Ruhiyy: Kerohanian.

Salib/Salibiyyah : Pakatan ketenteraan kristian di Eropah untuk memusnahkan Islam.

Salik: Orang yang bergerak di atas jalan tasawuf, tarikat dan kewalian

Sirr: Rasa dalaman, rahsia, naluri

Syatahat: Bercakap dengan sesuatu yang di luar sedar, tanpa sengaja atau di luar pencapaian akal

Syirik khafiy: Syirik yang tersembunyi, sukar dikesan kecuali dengan penuh teliti.

Syubhah: Perkara yang mengelirukan, benda yang tidak pasti benar atau salah, perkara yang menyebabkan keraguan

Syuhud: Pandangan yang telus

Tadharru': khusyuk, patuh tunduk

Tafsiliy: Terperinci

Tahqiqiy: Pasti

Tajalliy : Jelmaan

Takhrij: Istilah dalam ilmu hadis yang bermaksud carian terhadap hadis dari sumbernya yang sebenar dan mengenal pasti ketulenannya

Taklif: Bebanan Syarak yang berupa hukum hakam ke atas orang mukallaf.

Taqlidiy: Secara ikutan

Tasarruf: Gerak laku dan tindakan

Taufiq: Persetujuan Allah s.w.t. dan restuNya

Tauhid Amiy: Tauhid orang awam

Tauhid haqiqi : Tauhid yang dimiliki oleh orang yang hampir kepada Allah s.w.t.

Tawajjuh: Penumpuan hati

Tazallul: Merendah dan menghina diri di hadapan Allah s.w.t.

Tazkiyyah: Penyucian

Tobi'iyah: Kepercayaan kepada perkara semulajadi/*nature*.

Ubudiyyah: Kehambaan/pengabdian

Ujub: Kagum kepada diri sendiri

Uluhiyah: Ketuhanan Allah s.w.t. yang menyeluruh kepada semua makhluknya yang beriman dan tidak beriman

Urf: Adat kebiasaan yang tidak bertentangan dengan syarak

Waham: Kesilapan, tanggapan atau keyakinan yang salah

Wahdatul wujud: Menolak kewujudan selain daripada Allah s.w.t.

Wahdatus Syuhud : Mengembalikan kewujudan sesuatu itu kepada Allah s.w.t.

Wahyu: Perkara tertentu yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada Rasul dan Nabi

Wajib al-Wujud: Sesuatu yang mesti ada (Mesti ada, wajib ada)

Wal'iyazu billah: (Doa) minta dijauhi oleh Allah s.w.t. dari sesuatu perkara buruk

Wali Qutb: Wali yang lebih besar dari wali biasa

Wasilah: Wadah, penyampai

Zandaqah: Kufur

Zauq: Merasai rahsia hubungan makhluk dengan pencipta secara rohani setelah pembersihan jiwa; Nikmat ibadah dan keseronokan beramal; Rasa kemanisan ibadah dan taqarrub kepada Allah s.w.t.

Zahirah: Fenomena, suasana, keadaan

Zuhul: Kebingungan